


Warisan Budaya

Miring

dalam Masyarakat Iban di Sarawak

Noriah Tunjung
Bibi Motey Senang
Adilamuti Asri



Warisan Budaya

Niring

dalam Masyarakat Iban di Sarawak

Warisan Budaya

Nirring

dalam Masyarakat Iban di Sarawak

Noria Tugang
Bibiana Motey Senang
Adilawati Asri
Yow Chong Lee
Neilson Ilan Mersat
Anna Durin
Hashim Awang Ar

Universiti Malaysia Sarawak



© UNIMAS Publisher, 2022

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh

UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,

Dicetak di Malaysia oleh

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Isi Kandungan

Prakata		vii
Penhargaan		xvii
Pendahuluan		xix
Bab 1	Latar Belakang Masyarakat Iban Di Sarawak	1
Bab 2	Kepercayaan Warisan dalam Budaya Masyarakat Iban	7
Bab 3	Ritual <i>Miring</i> dalam Kepercayaan Warisan Masyarakat Iban	21
Bab 4	Menyingkap Keperluan Ritual <i>Miring</i> dalam Budaya Iban	63
Bab 5	Pelaksanaan Ritual <i>Miring</i> dalam Budaya Iban	97
Bab 6	Ritual <i>Miring</i> dalam <i>Gawai Kelinggang Nimang Pengaroh</i>	135
Bab 7	Budaya Material dan Spiritual dalam Ritual <i>Miring</i> Masyarakat Iban	173
Bab 8	Pakar Ritual dalam Budaya Ritual <i>Miring</i>	201
Bab 9	Mantera dalam Ritual <i>Miring</i>	209
Bab 10	Impak Perubahan Budaya Kini Terhadap Pelaksanaan Ritual <i>Miring</i>	215
Bab 11	Kesimpulan	243
Glosari		253
Rujukan		263

Prakata

Hasil daripada penulisan buku ini, mendapati ritual tradisional Iban semakin jauh terpinggir. Kesan daripada kemerosotan pelaksanaan ritual tradisional masyarakat Iban, aspek lain yang berkaitan dengan budaya turut terjejas. Aspek gaya, corak dan agama dan kepercayaan hidup masyarakat Iban kini yang amat jauh berubah, arus pemodenan dan komunikasi antara komuniti lain telah mengakibatkan kemerosotan dalam pelaksanaan ritual *miring*. Berdasarkan hasil penulisan buku ini juga, ritual *miring* merupakan satu ritual yang masih dilaksanakan oleh sesetengah golongan masyarakat Iban yang tradisional dan mahupun moden, walaupun mengalami sedikit sebanyak perubahan. Hal demikian kerana terdapat masyarakat Iban masih berpegang teguh kepada kepercayaan warisan dan mereka mahu mengekalkan budaya tradisi mereka agar tidak luput ditelan zaman. Ritual *miring* dianggap sebagai lambang identiti masyarakat Iban yang membezakan mereka dengan kaum etnik yang lain. Tradisi *miring* merupakan artifak budaya bagi masyarakat Iban kerana ia adalah tradisi warisan yang diamalkan sejak zaman dahulu lagi sehingga kini.

Keunikan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Iban ialah warisan turun temurun nenek moyang mereka. Budaya yang diamalkan oleh masyarakat Iban amat berkait rapat dengan amalan hidup awal masyarakat Iban. Sehubungan dengan itu juga, budaya masyarakat Iban juga sering dikaitkan dengan kepercayaan tradisional atau dikenali juga dengan kepercayaan warisan masyarakat Iban yang melibatkan unsur-unsur

ritual, alam nyata dan alam ghaib. Bagi masyarakat Iban, ritual *miring* yang merupakan persembahan makanan kepada Tuhan (*petara*), *antu*, dewa dewi, semangat baik dan semangat jahat serta roh nenek moyang. Ia juga menjadi ritual penting dalam ekspedisi *ngayau*, pembinaan rumah panjang baru, penanaman padi, perkahwinan, aktiviti *Bejalai* atau *Belelang* dan pembuatan *pua kumbu*. Setiap ritual yang melibatkan upacara *miring* memerlukan kategori *piring* yang berbeza mengikut darjat dan tahap keperluan ritual tersebut dan jumlah *petara* dan dewa dewi yang dipuja.

Masyarakat Iban juga percaya bahawa binatang yang tinggal di dalam hutan boleh memberi petanda kepada manusia. Namun demikian, petanda-petanda yang paling penting dalam kehidupan masyarakat Iban berkaitan kepercayaan warisan, iaitu petanda daripada tujuh jenis burung. Petanda daripada burung-burung hutan ini amat penting dalam aspek pertanian, peperangan, perkahwinan, pemburuan, mendapatkan kekayaan, keharmonian alam bumi, kesihatan, kesejahteraan hidup dan juga status sosial. Bunyi-bunyi dan pergerakan yang dihasilkan oleh burung-burung dan haiwan dipercayai dapat menunjukkan petanda atau amaran kepada mereka. Bunyi dan pergerakan yang sentiasa menjadi perhatian kaum Iban adalah bunyi daripada burung *Ketupong*, *Beragai*, *Bejampong*, *Pangkas*, *Embuas*, *Kelabu Papau* dan *Kunding*. Penyampaian petanda daripada kuasa-kuasa luar biasa kepada manusia dilakukan melalui fenomena alam semula jadi, seperti bunyi burung atau haiwan. Unsur-unsur alam semula jadi yang wujud di persekitaran mereka juga dipercayai mempunyai pengaruh tertentu terhadap kehidupan manusia masyarakat Iban.

Seseorang pakar ritual juga tidak hanya mengambil kira jenis haiwan atau bunyi burung. Sesetengah pakar ritual berpendapat bahawa '*burong manah*' atau '*burong jai*' adalah bergantung kepada individu dan keturunan keluarga yang melihat serta mendengar burung tersebut. '*Burong jai*' tidak semestinya memberi petanda buruk kepada individu atau keluarga yang mempunyai harta, pekerjaan dan berpendidikan. Manakala '*burong manah*' pula tidak semestinya memberi petanda baik kepada keluarga yang susah. Walau bagaimanapun petanda daripada

haiwan-haiwan tersebut perlu disambut dengan ritual *miring* walaupun ia menunjukkan petanda yang baik. Hal demikian kerana ia dipercayai boleh mendatangkan tuah yang berlipat ganda. Namun demikian, jika petanda yang ditunjukkan oleh haiwan tersebut adalah petanda yang tidak baik, ia tidak boleh dikatakan sebagai petanda yang kurang baik. Ia akan disebut sebaliknya dan wajib disambut dengan ritual *miring*. Masyarakat Iban percaya sesuatu petanda buruk bagaimana sekalipun, jika disambut dengan ritual *miring*, ia akan bertukar menjadi petanda yang baik. Pemujaan yang dilakukan oleh masyarakat Iban melibatkan suatu ritual dengan menggunakan peralatan istimewa, termasuk *kain pua*, yang berperanan sebagai simbol atau lambang bagi menandakan bahawa orang Iban telah melakukan persembahan atau pemujaan supaya kuasa luar biasa dapat menerima ritual *miring* dan *gawai* itu dengan memberi serta memakbulkan segala hajat dan kebaikan yang dipohon mereka.

Segala kepercayaan tentang ritual-ritual seperti *miring* dan *gawai* masih mendapat tempat di hati masyarakat Iban sehingga sekarang. Mengikut kepercayaan tradisi kaum Iban, ritual *miring* dilakukan bertujuan untuk menjauhkan diri daripada perkara yang tidak diingini dan menjaga hubungan mereka dengan dunia spiritual. Dalam kehidupan masyarakat Iban moden, ritual *miring* diadakan bertujuan untuk memohon taraf hidup yang lebih baik daripada yang sedia ada. Ritual *miring* sering dilakukan jika masyarakat Iban ingin memohon agar dimudahkan rezeki dan kejayaan dalam setiap perkara yang dilakukan.

Walaupun kebanyakan masyarakat Iban telah menganut agama Kristian, ritual *miring* tetap diadakan sekiranya mereka menerima arahan daripada *petara* melalui mimpi, *pengaroh* (azimat) serta penanda dan petanda. Setelah menerima arahan daripada *petara*, dewa dewi, *antu*, semangat baik dan semangat jahat serta roh nenek moyang, mereka perlu mengadakan ritual *miring*. Ritual *miring* yang perlu diadakan terdiri daripada dua iaitu *miring* biasa dan *miring* dalam ritual *gawai*. Jika manusia ingkar dan tidak mengadakan ritual *miring*, pada lazimnya kuasa luar biasa akan memberi sumpahan. Sumpahan dari kuasa-kuasa ghaib tersebut akan menyebabkan malapetaka, manusia jatuh sakit, gila atau mati. Hasil penyelidikan turut mendapati bahawa ritual *miring* yang

dilaksanakan dalam pelbagai jenis ritual memerlukan pengurusan yang rapi. Dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, ia perlu diurus oleh golongan pakar ritual seperti *lemambang dan manang*. Hal ini kerana golongan pakar ritual seperti *lemambang* berperanan untuk menguruskan segala persiapan awal ritual *miring* sehingga berakhirnya ritual tersebut. Dalam menguruskan ritual *miring*, golongan pakar ritual memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran sesebuah ritual yang dilakukan. Tatacara dalam pelaksanaan ritual *miring* juga diuruskan oleh pakar ritual termasuk aspek penyediaan bahan-bahan dan peralatan ritual. Berdasarkan pemerhatian penulis, golongan yang tidak arif mengenai adat masyarakat Iban sentiasa memerlukan khidmat *lemambang, manang, penenunan pua kumbu* dan *Tuai Burong* untuk menguruskan dan melaksanakan sesuatu ritual seperti *miring* agar mencapai kepada sesuatu keperluan di dalam kehidupan masyarakat Iban.

Adat *beburong* yang diamalkan oleh masyarakat Iban juga dianggap sebagai ramalan masyarakat Iban tentang sesuatu yang bakal berlaku dalam kehidupan mereka. *Burong* yang merupakan petanda daripada *Petara*, dewa dewi, semangat alam dan roh nenek moyang sangat mempengaruhi kehidupan harian masyarakat Iban. Manusia dapat meramal sesuatu yang bakal berlaku pada masa hadapan kesan daripada tindakan mereka dalam melakukan sesuatu perkara. Dengan wujudnya tradisi kepercayaan terhadap petanda sedemikian, masyarakat Iban dapat mengelakkan malapetaka perkara buruk menimpa mereka. Dalam konteks ini, masyarakat Iban memilih untuk melakukan penyembahan dan pemujaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa agar petanda tersebut tidak mendatangkan perkara buruk.

Pada abad ini pelaksanaan ritual *miring* mengalami sedikit perubahan berbanding dengan zaman dahulu. Perubahan tersebut terdiri daripada perubahan budaya iaitu agama, sosial, ekonomi, pendidikan dan teknologi. Perubahan budaya juga secara tidak langsung telah menghakis amalan budaya tradisi kaum Iban yang telah diamalkan sejak kewujudan bangsa tersebut. Hal ini berlaku kerana masyarakatnya perlu fleksibel dengan perubahan yang berlaku untuk meneruskan kelangsungan hidup. Pelaksanaan ritual *miring* mengalami perubahan kerana faktor

terhakisnya kepercayaan animisme yang berkait dengan adat tradisi dengan adanya kemajuan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi. Walau bagaimanapun ritual *miring* tidak pupus malah budaya ini masih diteruskan walaupun ia tidak setulen ritual *miring* pada zaman dahulu. Semestinya ritual *miring* adalah adat yang sangat unik dan menjadi lambang serta identiti masyarakat Iban. Ia juga merupakan warisan asal usul kewujudan kaum Iban.

Berdasarkan dapatan penulisan yang telah diperolehi, ritual *miring* masih diamalkan semasa upacara *Gawai Dayak*, *Belian*, *Mudas*, *Gawai Burong* dan *Gawai Mangkung Tiang*. Terdapat beberapa perubahan budaya yang memberi impak terhadap pelaksanaan ritual *miring* dalam kalangan masyarakat Iban seperti perubahan agama, sosial, ekonomi, pendidikan dan perubahan teknologi. Perubahan agama telah menyebabkan majoriti masyarakat Iban meminggirkan adat *miring*. Walaupun berlaku beberapa perubahan dalam ritual *miring*, akan tetapi masyarakat Iban masih menganggap ritual tersebut mempunyai tujuan yang sama. Ritual *miring* dipercayai sebagai salah satu cara untuk manusia berhubung dengan Tuhan mereka. Walau bagaimanapun ritual *miring* masih dianggap penting oleh masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan lama masyarakat Iban.

Penulis juga telah berjaya merungkai mengenai persepsi masyarakat Iban terutamanya golongan pakar ritual mengenai perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan ritual *miring*. Ritual *miring* semakin dipinggirkan oleh masyarakat Iban kesan daripada kemerosotan golongan pakar ritual. Pakar ritual kebanyakannya telah meninggal dunia dan artifak budaya tersebut sukar untuk diteruskan oleh generasi muda. Kemerosotan golongan pakar ritual didapati telah mempengaruhi aspek pengurusan dan pelaksanaan ritual *miring*. Ritual *miring* yang melibatkan banyak pantang larang dan keperluan agak sukar untuk dilaksanakan tanpa dikepalai oleh pakar ritual seperti *lemambang* dan *manang*. Doa (*sampi*) yang dilafazkan dalam upacara *miring* tidak boleh sebarang begitu juga dengan bahan-bahan dan peralatan *piring*. Oleh kerana golongan pakar ritual semakin merosot, ilmu berkenaan dengan adat dan budaya masyarakat Iban terutamanya ritual *miring* agak sukar untuk diwarisi oleh generasi muda.

Sesungguhnya masyarakat Iban sekarang bukan sahaja kurang mengetahui prosedur pelaksanaan ritual *miring*, tetapi juga kurang arif tentang perkaitan atau hubungan antara ritual ini dengan auguri (*adat beburong*). Kesan arus modenisasi telah mengubah sedikit sebanyak persepsi suku kaum Iban terhadap ritual *miring*. Jumlah masyarakat Iban yang masih mengadakan upacara tradisional semakin merosot (Robert, 2014). Upacara-upacara penting seperti *Gawai Batu*, *Gawai Mangkung Tiang*, *Gawai Antu*, *Gawai Burong*, *Gawai Umai* dan sebagainya yang memerlukan pelaksanaan ritual *miring* kian dipinggirkan oleh masyarakat Iban. Generasi muda masa kini tidak berkesempatan untuk menyertai, menyaksikan dan mempelajari prosedur pelaksanaan ritual *miring* dengan lebih teliti. Situasi ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan puluhan tahun yang lalu. Jika dahulu kaum Iban sentiasa mengadakan pelbagai jenis *gawai* sepanjang tahun yang diadakan mengikut musim dan keperluan. Ia diadakan mengikut musim seperti musim menanam, menuai padi, menyimpan padi, mendirikan rumah panjang baru dan sebagainya. Tambahan pula, bilangan pakar ritual seperti *Tuai Adat* dan *Lemambang* semakin berkurangan.

Pada masa yang sama, kebanyakan masyarakat Iban kurang mengetahui perkaitan ritual *miring* dan *adat beburong* dalam kehidupan masyarakat Iban pada zaman dahulu dan kini. Masyarakat Iban kini semakin jauh daripada amalan adat dan budaya asal mereka. Ritual *miring* yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban kini mengalami perubahan berikutan daripada arus pemodenan dan pertembungan budaya yang berlaku dalam kalangan masyarakat Iban.

Permodenan telah mengakibatkan beberapa '*adat*' seperti '*adat beburong*' kini kian pudar kerana kebanyakan masyarakat Iban tidak menjalankan aktiviti penanaman padi dan berpindah ke kawasan bandar (Robert, 2009). Oleh hal demikian, penyelidik ingin mengkaji mengenai hubung kait adat *miring* dan adat *beburong* dalam masyarakat Iban.

Selain itu, kesan daripada arus modenisasi, ritual *miring* yang dilaksanakan pada masa kini dalam kalangan masyarakat Iban juga sedikit sebanyak telah berubah dan agak berbeza jika dibandingkan

dengan suatu ketika dahulu (Robert, 2014). Perubahan yang berlaku dapat dilihat dari segi penyediaan bahan, masa, lokasi dan keperluan. Manakala permasalahan lain ialah berkaitan dengan persepsi golongan tokoh masyarakat dan pakar ritual mengenai perubahan yang berlaku dalam ritual *miring* yang dilaksanakan oleh kaum Iban di Daerah Saratok, Betong, Sarawak. Mereka mempunyai persepsi tertentu berkenaan dengan perubahan yang berlaku terhadap ritual *miring* tersebut. Secara keseluruhannya, isu-isu penyelidikan ini ialah tentang prosedur pengurusan ritual *miring*, perkaitan adat *beburong* dan ritual *miring* dalam kehidupan kaum Iban, perubahan budaya yang memberi impak kepada pelaksanaan ritual *miring* dan persepsi masyarakat terhadap perubahan ritual *miring*.

Walaupun banyak sarjana telah menulis tentang budaya Iban, tetapi penulisan mereka lebih memberi tumpuan kepada aktiviti yang didominasi oleh kaum lelaki. Akibatnya, amat sedikit kajian tentang sumbangan dan kepakaran wanita Iban, termasuk berkenaan aktiviti menenun *kain pua*.

Lantaran itu, pengkaji dapati amat sedikit kajian dan tulisan tentang *kain pua* dalam konteks sosial dan budaya Iban. Tulisan yang ada pun merupakan perbincangan penulis-penulis lepas tentang kaedah dan proses ritual *miring* serta tafsiran tentang makna tafsiran individu sahaja dan kurang membincangkan makna ritual *miring* itu secara keseluruhannya.

Daripada kajian kepustakaan, penulis mendapati belum ada penulisan secara khusus berkaitan dengan ritual *miring* dalam masyarakat Iban. Oleh hal yang demikian, diharapkan dengan terhasilnya penulisan ini, penulis dapat menyumbangkan sesuatu yang amat bernilai istimewa serta bermakna kepada generasi yang akan datang. Melalui penulisan ini juga, dapat diketengahkan ritual *miring* masyarakat Iban kepada pengetahuan semua warga Malaysia khususnya, dan warga asing amnya, dan diharapkan unsur budaya masyarakat Iban itu akan sentiasa hidup dan terpelihara.

Selain dapat mengetengahkan satu bentuk warisan budaya yang memainkan peranan penting dalam masyarakat Iban, penulisan ini juga dapat merakamkan ritual-ritual berkenaan ritual *miring* orang

Iban, kepakaran wanita Iban dalam aspek tenunan, terutamanya dalam penciptaan motif-motif serta penghasilan pewarna asli, yang menjadi kebanggaan orang Iban untuk terus dihayati oleh generasi yang akan datang. Memandangkan masyarakat Iban dikenali di seluruh dunia melalui produk kraf mereka, terutamanya *pua kumbu*, maka ritual *miring* yang dilakukan berkaitan dengan perkara tersebut menjadi satu bahan sejarah dan lambang identiti warisan budaya yang perlu dikekalkan untuk dikongsi bersama.

Penulisan ini juga penting dari segi pendokumentasian dan pendokumentarian tradisi ritual *miring*, bukan sahaja sebagai khazanah budaya natif, tetapi juga sebagai produk warisan budaya tidak ketara yang berguna untuk menarik pelancong. Tambahan pula, warisan ritual *miring* yang bernilai istimewa merupakan satu bukti tamadun dan ia mencerminkan keunggulan budaya masyarakat Iban dari dahulu hingga sekarang. Justeru itu, ritual *miring* tetap diabadikan sebagai lambang identiti utama dan *icons* masyarakat dan budaya Iban di negeri Sarawak sehingga kini.

Berdasarkan kepada penulisan yang sedang dilaksanakan ini, penulis berharap dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan yang berkait rapat dengan budaya masyarakat Iban. Ini kerana ia amat penting untuk generasi muda mereka, masyarakat luar serta golongan penulis budaya lain bagi mengenali dan mempelajari budaya masyarakat Iban.

Masyarakat Iban mempunyai keindahan seni budaya yang mencerminkan misi dan visi mereka terhadap pengekalan nilai-nilai budaya itu. Masyarakat luar akan mengenali sesuatu masyarakat lain melalui kewujudan sesuatu budaya dan ia dapat disesuaikan dengan istilah ungkapan “tak kenal, maka tak cinta”. Ini kerana budaya yang dilakukan akan menggambarkan kepada masyarakat yang mengamalkannya. Misalnya, pelaksanaan ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban menggambarkan budaya tradisi nenek moyang mereka.

Selain itu, masyarakat lain di negara Malaysia akan dapat mengenali dan mempelajari nilai tradisi budaya dalam sesebuah masyarakat itu. Ini kerana dengan mengenali budaya dalam sesebuah masyarakat lain seperti Iban, maka ia dapat mewujudkan semangat kekitaan dan nasionalisme yang kuat. Tambahan pula, budaya merupakan penyumbang utama terhadap perpaduan dan tahap ketamadunan sesuatu masyarakat tersebut.

Berdasarkan kepada penulisan yang telah dijalankan ini, ia akan menjadi panduan dan rujukan ilmu kepada penyelidik budaya, masyarakat Iban dan masyarakat lain yang ingin mengenali dan mempelajari tentang pelaksanaan ritual *miring*. Justeru itu, penulisan ini amat penting untuk meluaskan ilmu mengenai budaya dalam masyarakat Iban.

Penulis telah menerokai budaya tradisi dalam masyarakat Iban dengan amat teliti dan mendalam. Ia bertujuan agar membantu generasi muda mereka mahupun masyarakat luar untuk mengenali dan memahami budaya tradisi dalam kehidupan masyarakat Iban. Ini kerana sekiranya generasi muda tidak mengenali budaya tradisi mereka, maka ia akan menghakis identiti sesebuah masyarakat tersebut. Bak kata pepatah “hilang budaya, hilanglah bangsa”.

Penghargaan

Puji Tuhan kerana atas pertolonganNya, akhirnya buku ini dapat disiapkan dengan sempurna. Dalam menyempurnakan buku ini, kami banyak terhutang budi kepada pelbagai pihak yang membantu kami dengan menyumbangkan idea-idea bernas terhadap penulisan ini. Dengan kesempatan yang ada ini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga, kepada individu-individu tertentu atas sumbangan mereka yang tidak ternilai.

Ucapan penghargaan ini khasnya saya tujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, kerana telah membantu memberi geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Centre of Research, Innovation and Enterprise (RIEC) UNIMAS, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS kerana telah banyak memberi sokongan moral bagi menyempurnaan buku ini. Sesungguhnya, segala sumbangan, pertolongan, pengorbanan, budi dan jasa kalian tidak akan kami lupakan.

Ucapan terima kasih juga kepada semua ahli penulis di dalam buku ini, iaitu yang dikepalai Prof. Madya Dr Noria Tugang, Mr. Yow Chong Lee, Bibiana Motey Senang, Adilawati Binti Asri, Dr Anna Durin, Prof. Hashim Awang AR, Prof. Dr Neilson Ilan Mersat, serta seluruh ahli keluarga kami atas sumbangan moral mereka bagi menyempurnakan buku ini yang telah memberikan data primer yang tidak ternilai darjatnya. Jutaan terima kasih

ini khas kami tujukan kepada semua informan yang memberi data primer, *lemambang* Unsa Anak Meringai, pemberi data primer yang tidak ternilai harganya dan seorang insan yang amat istimewa, iaitu, bapa saya Tugang Anak Rima, sepupu saya Chee Miew Im (Onga), Ngan Anak Rima, Long Anak Mang, yak Bajut, yak Uma, ini Tani Anak Adar, ini Ipun, ini Embor, yak Jagum, dan seluruh saudara-mara saya/kami di Kampung Ibol, Undop, Sri Aman, Sarawak. Semoga kalian sihat sejahtera, dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada seluruh ahli keluarga saya/kami di Entawa Wong Padong Undop, Saratok dan Sri Aman, Sarawak, khasnya kakak dan adik-adik saya, Sia Tugang, Rosita Tugang, Neknika Tugang, dan abang ipar dan adik ipar saya, *Tuai* Rumah Bala Anak Buntut, Bungai Andar, Desmond Bishop serta anak buah saya, Leo Bala, Forman Bala, Alo Bala, Shirley Bala, Jacqueline, Benedictine, Claudya Melissa, Augustine, dan khas buat anak tunggal perempuan saya, Corrinne dan cucu saya Axel Christian. Semoga kalian sentiasa sihat sejahtera, dikurniakan dengan segala kesempurnaan hidup, dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki.

Penghargaan khas ini juga saya/kami rakamkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan buku ini baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Jutaan terima kasih atas sumbangan buah fikiran dan material terhadap penulisan buku saya ini. Sesungguhnya, impian kalian untuk melihat buku ini berjaya dihasilkan akhirnya menjadi kenyataan, dan kejayaan ini adalah kejayaan yang kita kongsi bersama!

Noria Tugang
Bibiana Motey Senang
Adilawati Asri
Yow Chong Lee
Neilson Ilan Mersat
Anna Durin
Hashim Awang AR

Pendahuluan

Pada zaman dahulu, dalam budaya dan masyarakat Iban, orang Iban berpegang teguh dan percaya kepada kuasa-kuasa luar biasa seperti kuasa *Petara* (tuhan), dewa-dewi, *antu*, semangat baik dan roh nenek mereka yang telah meninggal dunia. Mereka memuja kuasa-kuasa luar biasa tersebut dengan cara mengadakan ritual *miring* dan *gawai* dengan penggunaan *kain pua* sebagai alat sakral untuk berkomunikasi dengan *petara-petara* atau kuasa-kuasa luar biasa lain dengan tujuan memohon keberkatan daripada tuhan-tuhan tersebut. Ritual *gawai* boleh diertikan sebagai suatu kaedah ritual sembahyang tradisional orang Iban untuk menyembah *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa lain yang dilaksanakan secara sistematik, dengan penuh adat-istiadat, dan penuh ritual serta dihadiri ramai orang. Dalam buku ini, akan diterangkan beberapa kategori ritual *miring* dan ritual *gawai* tersebut yang wujud dalam masyarakat Iban yang memerlukan penggunaan *kain pua*, antaranya ritual *gawai* pertanian, *Gawai Kenyalang* dan *gawai* pengobatan.

Dengan peredaran masa dan bertambah kompleksnya kehidupan masyarakat Iban, ritual *miring* telah diperluaskan fungsi dan maknanya, iaitu daripada ritual *miring* pertanian sehingga ke ritual *miring* dalam bidang politik yang dianggap memiliki semangat dan kuasa mistik serta digunakan untuk pelbagai tujuan lain, termasuk ritual-ritual pemujaan *pengaroh*. Tanggapan baru sifat kudus *kain pua* sebagai satu anugerah *petara* menyebabkan kain itu beroleh satu fungsi dan makna baru, iaitu

sebagai penanda identiti atau pengenalan diri mereka kepada *petara* dan kuasa luar biasa lain. Dalam konteks ini, *kain pua* Iban berperanan amat penting sebagai perantara komunikasi antara manusia dengan *petara-petara* atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain. Maksudnya, apabila orang Iban hendak memohon sesuatu keberkatan daripada *petara*, maka mereka perlu melakukan ritual *miring* sebagai tanda *petara* mereka memberkati supaya mereka dapat dikenali oleh *petara* atau kuasa luar biasa lain dan segala hajat atau segala keinginan yang dipohon akan dapat tercapai.

Dalam budaya masyarakat Iban, melakukan ritual *miring* dipercayai satu bentuk komunikasi istimewa antara manusia dengan kuasa *supernatural*. Bagi orang Iban, segala peralatan *piring* ialah peralatan sakral dan suatu simbol ritual yang paling penting, dan wajib digunakan dalam pelbagai ritual, seperti ritual *miring* dan ritual *gawai* dalam masyarakat Iban. Menurut tradisi lisan masyarakat Iban, ritual *miring* amat berkait-rapat dengan kosmologi mereka sebagai satu bentuk anugerah *petara* dan kuasa luar biasa lain. Menerusi ritual *miring* yang dijalankan itu dipercayai mempunyai unsur-unsur kuasa luar biasa yang dipercayai dapat menolong kehidupan orang Iban menjadi lebih baik dan sempurna.

Dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih belum menganut agama-agama besar, seperti agama Kristian dan agama Islam, maka mereka mengamalkan tradisi kepercayaan warisan yang diwarisi sejak turun-temurun. Dalam kepercayaan warisan tersebut, ia melibatkan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang merangkumi *petara-petara*, dewa-dewi, *antu*, semangat baik dan semangat jahat, serta roh nenek moyang masyarakat Iban yang sudah meninggal dunia. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di dalam kehidupan mereka perlu dihormati, disembah dan disanjung dengan bentuk-bentuk perlakuan ritual. Tambahan pula, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa juga boleh mempengaruhi sesetengah aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Ini kerana sesetengah aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu memerlukan kepada keizinan dan kerestuan daripada kuasa-kuasa luar biasa melalui bentuk-bentuk perlakuan ritual, seperti ritual

miring. Ia bertujuan untuk memperoleh sesuatu kebaikan dan mengelak daripada kejadian yang tidak diingini berlaku. Justeru itu, pada masa ini, pelaksanaan ritual *miring* jarang-jarang dilakukan, kecuali ada keperluan-keperluan yang tertentu.

Kegiatan pemujaan atau penyembahan terhadap kuasa-kuasa luar biasa yang dilakukan oleh masyarakat Iban dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* memerlukan kepada peranan golongan pakar ritual. Ini kerana sesebuah pelaksanaan ritual *miring* tidak akan mencapai matlamat penting atau keperluan tertentu sekiranya ia diurus dan dilaksanakan oleh seseorang individu yang kurang berkelayakan dalam melakukan ritual. Tambahan pula, golongan pakar ritual, seperti *lemambang* yang kini semakin berkurangan dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring*. Justeru itu, pelaksanaan ritual *miring* agak sukar dilakukan sekiranya kekurangan golongan pakar ritual, seperti *lemambang*.

Masyarakat Iban yang masih berpegang kuat terhadap kepercayaan warisan, maka mereka mengadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa melalui pelaksanaan ritual *miring*. Pada zaman sekarang, kedatangan agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam dalam kehidupan masyarakat Iban telah menyebabkan kepercayaan warisan yang diamalkan sejak turun-temurun mula dipinggirkan. Ini kerana masyarakat Iban menganggap bahawa kedatangan agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam lebih berkuasa daripada kepercayaan warisan yang sekian lama diamalkan. Justeru itu, ia telah menyebabkan masyarakat Iban khususnya generasi muda zaman sekarang kurang mengenali tentang sesuatu pelaksanaan ritual *miring*.

Pada zaman sekarang, ritual *miring* yang dilakukan dalam masyarakat Iban kini telah mengalami perubahan budaya berikutan proses globalisasi dan berlakunya pertembungan budaya besar dengan budaya kecil yang melanda kehidupan dalam budaya dan masyarakat Iban kini. Justeru itu, ia telah memberi impak amat besar dan telah mempengaruhi konteks pelaksanaan ritual *miring* dalam pelbagai sudut.

Bab 1

Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak

Menurut catatan sejarah, masyarakat Iban berasal dari Kapuas, Indonesia dan kemudiannya berpindah dan memilih Kumpang sebagai tempat tinggal mereka yang pertama di Sarawak (Richards, 1949:161-162). Cara hidup secara berumah panjang dalam kalangan masyarakat Iban merupakan ciri-ciri yang sangat berkaitan dengan organisasi sosial masyarakat ini (Freeman, 1955:12). Batang Ai Kapuas dipilih sebagai laluan utama mereka kerana merupakan jalan yang paling mudah untuk melintasi sempadan antara Sarawak dengan Kalimantan (Jensen, 1966:2). Etnik Dayak Iban meliputi Iban Skrang, Iban Miri-Bintulu-Limbang, Iban Saribas, Iban Batang Rajang, Iban Undop, Iban Lemanak dan Iban Malikin.

Mengikut sejarah, kaum Iban asal adalah berasal dari wilayah Kalimantan, Indonesia. Antara lagenda dan sejarah yang terkenal mengenai kemasukan etnik ini adalah pada mulanya mereka masuk melalui kawasan Batang Ai, Kapuas, iaitu sempadan Sarawak-Kalimantan (Jensen, 1966:2-5). *Sengalang Burong* yang merupakan nenek moyang kepada kaum Iban bersama pengikutnya pada masa dahulu telah menduduki tebingan Sungai Kapuas. Kemudiannya *Sera Gunting* iaitu cucu kepada *Sengalang Burong* lebih gemar tinggal di banjaran Tiang Laju iaitu bahagian barat Pulau Borneo. Sri Aman

merupakan penempatan kaum Iban yang paling banyak diikuti oleh Kapit, Kalaka (Saratok), Mukah, Kuching, Saribas (Betong), Baram, Song dan Sarikei.

Kaum Iban atau turut dikenali sebagai *Sea Dayak* merupakan kaum yang terbesar di Sarawak. Menurut Sandin (1967:2-3), kaum Iban sememangnya berasal dari Lembah Sungai Kapuas yang kini dikenali sebagai Kalimantan yang berhampiran dengan negeri Sarawak. Namun demikian, disebabkan oleh kedudukan geografi yang berdekatan dengan negeri Sarawak, maka kaum ini melakukan migrasi ke Sarawak kira-kira pada pertengahan abad ke-16. Masyarakat boleh diertikan sebagai sekumpulan orang yang hidup bersama di suatu tempat dengan cara dan peraturan yang tertentu. Masyarakat Iban pula merupakan suku kaum peribumi yang terbesar di Sarawak yang tinggal di merata bahagian terutamanya Kuching, Sri Aman, Betong, Sibul, Bintulu, Miri, Kapit dan Limbang. Kaum Iban lebih dikenali sebagai Dayak Laut. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kaum Iban pada zaman dahulu sering berlayar di laut (Roth, 1968:143).

Masyarakat Iban digelar sebagai Dayak Laut kerana menjadikan sungai atau laut sebagai medium utama dari segi pengangkutan. Justeru itu, mereka berasa bangga kerana menjadi seorang pengembara sehingga sentiasa dijumpai di setiap jalan air. Pada suatu ketika dahulu, masyarakat Iban dikenali sebagai Bugau sebelum mereka berhijrah dari Kalimantan Barat ke Sarawak (Kedit, 1973:313). Masyarakat Iban juga sering berpindah randah untuk mencari kawasan yang subur dan berdekatan dengan sungai.

Kedudukan tempat tinggal yang berdekatan dengan sungai akan memudahkan mereka untuk mendapatkan bekalan makanan. Perpindahan masyarakat Iban yang agak kerap adalah didorong oleh faktor-faktor tertentu terutamanya penerokaan tanah baru bagi tujuan kelangsungan hidup, ekologi dan budaya mereka. Setiap kejayaan yang berterusan dalam bidang pertanian dianggap boleh menaikkan imej sesebuah keluarga atau keturunan. Mereka sentiasa berusaha keras untuk meningkatkan hasil tanaman seperti padi, ubi, jagung dan sebagainya. Golongan yang sentiasa memperolehi hasil tanaman yang banyak akan dijemput untuk menghadiri *Gawai Padi* yang diadakan di rumah panjang lain “*at which they produced*

blissing on the sponsors and other guests so that the latter might share good fortune” (Vinson, 1978:26). Vinson juga berpendapat bahawa masyarakat Iban sering berpindah atas keperluan untuk penyesuaian dan adaptasi dengan habitat atau kehidupan di persekitaran yang berbeza. (*adapted to a habitat with distinct zones*).

Persekitaran dianggap mempengaruhi tindakan mereka untuk mengadaptasikan diri dengan habitat semula jadi. Mereka sentiasa berusaha untuk mendapatkan sumber makanan serta keperluan untuk meneruskan hidup. Faktor ekologi menyebabkan perpindahan kaum Iban kerana terdapat banyak tumbuhan, ikan dan binatang buruan di dalam hutan tebal yang masih belum diterokai dahulu. Aktiviti bukan hortikultur ini telah mengakibatkan perpindahan mereka ke lembah-lembah yang kaya dengan bahan makanan tersebut. Maka perpindahan yang sentiasa berlaku boleh dianggap sebagai satu desakan untuk tujuan kelangsungan hidup bagi kaum Iban (Vinson, 1978:26).

Perkataan ‘Iban’ dikatakan berasal daripada perkataan suku kaum Kayan yang bermaksud orang asing (Richard, 1981:111). Manakala dalam bahasa Iban sendiri, ‘Iban’ boleh digunakan untuk merujuk kepada mana-mana orang atau manusia (Ngadi, 2001:2). Kajian yang dilakukan oleh Chang (2004:77-78) pula mendapati bahawa perkataan ‘Iban’ ialah berasal daripada dialek Kayan iaitu ‘*Ivan*’. Perkataan tersebut bermaksud pengembara yang dipercayai berasal dari Kalimantan Barat, Indonesia.

Masyarakat Iban tradisional juga lebih dikenali sebagai Dayak Laut yang berasal dari Kalimantan, Indonesia. Namun demikian, mereka bermigrasi ke Sarawak iaitu hampir sama dengan kedatangan bangsa Eropah ke Asia Tenggara (Kedit, 1984). Perpindahan mereka telah berlaku sejak abad ke-19 dari Hulu Batang Lupar melalui sempadan Kalimantan menuju ke kawasan Rejang (King, 1985:35). Kajian yang dilakukan oleh Melling (1988:38-40) pula mendapati sebahagian besar daripada orang Iban tinggal di rumah panjang. Sesebuah rumah panjang diketuai oleh seorang ketua yang dikenali sebagai *Tuai* Rumah iaitu Ketua Kampung. Sama seperti sarjana yang lain, Melling menyatakan bahawa kaum Iban mendiami tebingan Sungai Saribas, Sungai Krian, Sungai Skrang, Sungai Batang Lupar dan Sungai Rajang. Cara

hidup yang diamalkan adalah berlandaskan hukum *adat*, pantang larang, tolak ansur dan hubungan persaudaraan yang erat sesama mereka.

Perpindahan awal Dayak Iban adalah berselerak di kawasan Hulu Sungai Batang Lupar dan Batang Saribas di bahagian Sri Aman dahulunya dikenali sebagai Simanggang, Sutlive (1989:49-55). Osman (1989:48) mendapati budaya *bumai* dalam kalangan masyarakat Iban bukan hanya bertujuan untuk mendapatkan beras malah sebagai ukuran kejayaan seseorang individu. Kejayaan dalam penanaman padi dianggap boleh menaikkan status, imej serta martabat mereka pada mata masyarakat. Masyarakat Iban mempunyai satu tradisi yang dikenali sebagai *bejalai*. Adat ini menggalakkan pengikutnya meninggalkan kampung mereka untuk mencari rezeki yang diperlukan untuk menaik taraf sosial mereka dengan kejayaan yang mereka lakukan apabila tiba di tempat asal mereka. *Bejalai* didefinisikan sebagai *belelang*, *bekuli kerja*, *pegi*, *kampar*, *ngayau* dan *pindah*. Ekspedisi *bejalai* dengan budaya masyarakat Iban turut merangkumi dunia hantu, roh dan mimpi (Kedit, 1993:11-14).

Di kebanyakan bahagian di Sarawak, corak penempatan adalah berdasarkan atau mengikut sistem sungai. Selama 150 tahun yang lalu merupakan tempoh perubahan sosio-ekonomi yang pesat bagi kaum Iban. Ekspedisi *bejalai* merupakan salah satu daripada strategi dimana mereka mengambil kesempatan untuk mencuba peluang- peluang baru (Kedit, 1993:11-15). Walau bagaimanapun, pada masa kini ada juga sesetengah masyarakat Iban mengusahakan tanaman kontan seperti lada, getah dan koko. Kumpulan terawal yang datang ke Sarawak berpusat di Lubok Antu, Sri Aman atau lebih dikenali sebagai 'Simanggang' suatu ketika dahulu (Linggi, 1999:5). Mereka seterusnya bermigrasi ke tebingan sungai seperti Sungai Batang Lupar dan seterusnya berkembang ke Sungai Sadong, Sungai Rajang dan banyak lagi.

Ngadi (2001:6) menyatakan dari segi ekonomi, masyarakat Iban mengamalkan aktiviti pertanian sara diri. Kegiatan ekonomi utama yang menjadi lambang identiti masyarakat Iban ialah penanaman padi bukit. Walau bagaimanapun terdapat juga masyarakat Iban yang mengamalkan kehidupan di kota dan melibatkan diri dalam ekonomi kewangan (Kedit, 1980:84-86).

Chemaline (2006:3) menyatakan bahawa secara umumnya negeri Sarawak merupakan sebuah negeri di bahagian barat Malaysia. Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia serta terletak di kepulauan Borneo dan merupakan benua ketiga terbesar di dunia. Suku kaum Iban merupakan penduduk peribumi yang paling dominan dan terbanyak sekali di Sarawak. Terdapat lebih daripada 20 etnik yang utama di Sarawak iaitu Dayak Iban, Melanau, Bidayuh, Kenyah, Melayu, Kedayan, Belait, Kayan, Punan, Penan, Tebun, Bukit/Ukit, Bisaya, Baketan, La'en, Tagal, Lelak, Sian/Sa'an, Lugat, Lisun, Kelabit dan Lun Bawang/Lun Dayeh.

Di Sarawak, masyarakat Iban merupakan suku kaum yang terbesar. Taburan penduduk masyarakat Iban adalah didapati hampir di seluruh bahagian di negeri Sarawak. Antaranya adalah dari daerah Lundu sehinggalah ke Limbang, Noor (2006:3). Namun demikian kepadatan penduduk masyarakat Iban adalah di Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Kapit, Bintulu dan Miri.

Perkataan 'Iban' dalam Kamus Dewan (Kamus Dewan, 2010:556) bermaksud suku kaum peribumi yang tersebar di Sarawak dan tinggal di merata daerah terutamanya di Miri, Bintulu, Sibul, Kapit dan Kuching. Masyarakat Iban yang dikenali sebagai Dayak Laut dianggarkan berjumlah sebanyak 876 000 iaitu 40% daripada jumlah penduduk Sarawak yang menjadi kumpulan etnik terbesar di Sarawak. Mereka mendiami bahagian Lundu di barat dan Limbang di timur laut, tetapi kepadatan penduduk Iban adalah di bahagian Kota Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Sibul, Kapit, Bintulu dan Miri.

Kebanyakan masyarakat Iban pada hari ini memeluk agama Kristian sebagai pegangan, tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan nilai adat resam dan ciri-ciri kebudayaan yang dianggap sebagai lambang tradisi meskipun terdapat sebilangan kecil masyarakat bumiputera Iban masih mengamalkan kepercayaan nenek moyang (Harun & Katutu, 2013:1). Dari segi amalan hidup pula, masyarakat Iban masih berlandaskan hukum adat, pantang larang, tolak ansur (toleransi) dan mementingkan perhubungan erat antara satu sama lain.

Bab 2

Kepercayaan Warisan dalam Budaya Masyarakat Iban

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, kiraan tujuh membawa maksud kepada terdapatnya tujuh *petara* utama yang dipercayai dapat membantu mereka. Robert dan Janang (2001) yang menyatakan bahawa *bunsu antu dikarapka bansa Iban bisi tujuh iko diri menyadi*. Hal ini terjadi kerana *petara* atau tuhan yang dipercayai oleh masyarakat Iban adalah bersaudara, namun mereka tinggal berasingan antara satu sama lain dan masing-masing mempunyai peranan kuasa masing-masing dalam membantu manusia di muka bumi ini. *Petara* ini akan diterangkan mengikut umur mereka yang paling tua dalam hieraki mereka dalam keluarga seperti berikut;

Masyarakat Iban yang melakukan *gawai* yang dinamakan *Gawai Kenyalang* adalah bertujuan untuk memohon bantuan atau pertolongan dari *petara Lang Sengalang Burung* untuk mendapat habuan kepala musuh yang banyak dan memohon agar tidak terkena sumpahan oleh keluarga musuh yang telah terkorban itu. Selain itu, *Gawai Kenyalang* juga dilakukan untuk menjaga keselamatan masyarakat Iban, mengekalkan kesuburan tanah pertanian, menjaga kesejahteraan, keharmonian dan kesihatan pahlawan Iban supaya mereka dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki.

Selain itu, masyarakat Iban percaya bahawa pada zaman dahulu keluarga *Sengalang Burung* serta keluarga daripada *Orang Panggau Libau* dan *Gelong* tinggal di sebuah kampung yang bernama Kampung *Nanga Nuyan*. Setiap keluarga mereka tinggal di bahagian- bahagian kampung yang berasingan antara satu sama lain. Apabila kampung mereka berpecah, *Sengalang Burung* membawa keluarganya tinggal di tempat baru di langit, iaitu di *Tansang Kenyalang*. Keluarga *Keling* dan keluarga *Tutong* pula tinggal di bumi di kawasan Ketungau Kalimantan Barat, Indonesia. *Keling* menjadi ketua di rumah panjangnya di *Panggau Libau*, sementara *Tutong*, sepupu *Keling*, menjadi ketua di *Gelong*.

Lang Sengalang Burung

Lang Sengalang Burung ialah tuhan penghuni langit yang membantu manusia agar menjadi berani, sihat, kaya raya mendapat banyak harta, dan memperoleh hasil tuaian padi yang lumayan di sepanjang hayat dan kehidupan seseorang manusia itu. Selain itu, *Lang Sengalang Burung* juga dikenali sebagai *Lang Perintik Baruh Rekong Lang Sengalang Burung* yang bermaksud *Lang Sengalang Burung* yang bulu badannya berbintik-bintik dan berwarna-warni. Nama lain untuk *Sengalang Burung* ialah *Biduk Linggar Nachar Di Senggal Gelumbang Besabung* dan *Jugu Menaul Tuntung*. Dalam ekspedisi perang, pahlawan Iban akan dilindungi oleh tuhan ini dan *munsuh menua ia di tuchong sandong besinggang di tatai redai isang* yang bermaksud pahlawan Iban tidak akan mati di medan perang. Hal ini dikatakan sedemikian kerana dengan bantuan *Lang Sengalang Burung*, semua musuh mereka sama ada berada di hujung parang *ilang* atau berjaya dipenggal kepala mereka.

Lang Sengalang Burung adalah merupakan cucu kepada *Raja Durong* dan anak kepada *Raja Jembu*. *Lang Sengalang Burung* mempunyai enam orang adik-beradik, iaitu *Raja Menjaya*, *Raja Simpulang Gana*, *Biku Bunsu Petara*, *Raja Selampandai*, *Anda Mara* atau *Ganggang Gunggong* dan *Ini Inda* atau *Ini Inee*. *Lang Sengalang Burung* mempunyai seorang isteri iaitu, *Burung Dara Sentaba Balun Kupak Sendai Lawai Pantak Jirak*, tujuh orang anak perempuan, seorang anak lelaki serta lapan orang menantu.

Anak-anak kepada *Sengalang Burung* terdiri daripada *Endu Dara Tichin Temaga*, *Endu Langgu Ketunsong Ngembai*, *Endu Kechapah Dulang Midong*, *Endu Bentok Tinchin Pengabas*, *Endu Kechapang Dulang Mas*, *Endu Moa Puchong Pengabas*, *Endu Dara Chempaka Tempurong Alang* dan *Ajee*. Manakala, menantu kepada *Sengalang Burung* terdiri daripada burung *Ketupong*, *Beragai*, *Embuas*, *Pangkas*, *Kikih*, *Papau*, *Nendak* dan *Endu Lileh Sintong Benih*, iaitu anak kepada *Simpulang Gana*. Semua burung tersebut mempunyai peranan tertentu.

Dalam kehidupan masyarakat Iban, terdapat beberapa jenis burung yang dipercayai boleh memberikan petanda-petanda yang tertentu dan dianggap sangat penting. Justeru itu, Unsa Anak Meringai yang juga merupakan *lemambang* dan pakar terhadap alamat *beburung* telah menjelaskan tentang jenis-jenis burung tersebut. Bagi burung *Ketupong*, burung tersebut dikatakan boleh membantu manusia dalam pelbagai perkara dan boleh juga membunuh manusia jika mereka tersilap langkah. Manakala, burung *Beragai* pula membawa petanda kegembiraan dan tuah supaya manusia mendapat banyak harta benda. *Embuas* memberi kesuburan tanah pertanian dan hasil padi yang baik kepada masyarakat Iban. *Pangkas* pula membantu dalam memberikan kekayaan harta benda kepada manusia. Namun begitu, *Pangkas* juga boleh membawa petanda malang. *Jaloh* atau *Kikih* ialah burung yang membantu manusia yang sedang kebuluran agar memperoleh banyak hasil padi. Oleh itu, nasib malang manusia boleh dibuang oleh *Kikih* serta dihapuskan sepenuhnya. *Burung Papau* dan *Nendak* pula menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat Iban supaya mereka dikurniakan kesihatan yang baik sepanjang masa.

Simpulang Gana* atau *Pulang Gana

Pulang Gana atau *Simpulang Gana* ialah tuhan bumi atau lebih dikenali sebagai tuhan yang menganugerahkan kesuburan bumi kepada segala tanaman manusia Iban. *Petara* ini mempunyai seorang isteri, iaitu, *Endu Serentum Tanah Tumbuh Dayang Kemelang Tanggi Buluh*. Tuhan ini menjaga kesuburan tanah pertanian untuk tujuan kegiatan penanaman padi dan dikatakan telah mengurniakan tanah bertuah kepada masyarakat Iban.

Ia bertujuan supaya mereka memperoleh hasil tanaman yang lumayan, misalnya, hasil padi bukit ataupun padi paya, getah, lada, kelapa sawit dan koko. Bagi masyarakat Iban, yang paling penting adalah *Pulang Gana* kerana telah mengurniakan tanah bertuah sebagai tapak untuk membina rumah panjang dan agar mereka dimurahkan rezeki, kaya-raya, panjang umur, hidup harmoni dan beroleh kesejahteraan selamanya. Masyarakat Iban berusaha menjaga perhubungan baik antara mereka dengan *petara Simpulang Gana* supaya mereka diberkati, dijagakan kesihatan, serta dikurniakan hasil tuaian padi yang lumayan.

Selain itu, *Simpulang Gana* dikatakan membantu masyarakat Iban dalam kegiatan penanaman padi dengan menjaga keseimbangan dan keselamatan bumi serta mengurniakan kesuburan tanah pertanian kepada masyarakat Iban agar dikurniakan tuaian padi yang lumayan setiap tahun. Oleh sebab itu, sekiranya masyarakat Iban memerlukan kesuburan padi semasa berhuma, maka mereka mengadakan *ritual miring* untuk memohon kepada *Simpulang Gana* dalam ritual *miring* agar datang membawa *Sengkenyang* iaitu sejenis tumbuhan sakral yang digunakan oleh masyarakat Iban semasa menanam padi bukit agar hasil padi mereka lumayan.

Simpulang Gana juga disebut sebagai *Tuai pengintu umai* dan *pengibun taun*. Hal ini dikatakan demikian kerana *Pulang Gana* dianggap *biak pematak maia nurun* yang bermaksud *Simpulang Gana* ialah raja yang menjaga kesuburan tanah untuk pertanian, menjaga tanaman padi sepanjang tahun, dan menjadi pendorong utama kepada manusia untuk mengerjakan sawah mereka dengan lebih gigih. Tempat tinggal *Simpulang Gana* ialah di *Munggu Gulu Sekenyang Urat Tatai Redai Isang*, iaitu, sejenis tumbuhan sakral khas yang digunakan semasa menanam padi bukit dan di *pandong* (tempat pemujaan utama yang dibalut dengan lima hingga enam helai *pua kumbu*) yang juga sakral serta dipuja semasa *Gawai Batu* atau *Gawai Pertanian*. Semasa ritual *Gawai Batu* atau *Gawai Umai* dan ritual *miring*, masyarakat Iban akan menyeru *Simpulang Gana* untuk turut serta membantu dalam memberi segala kesempurnaan dan memakbulkan segala hajat yang dipohon oleh mereka.

Orang Panggau Libau

Orang Panggau Libau ialah *petara* yang memiliki kuasa sakti yang amat luar biasa. *Petara* ini dikatakan memiliki cincin *pengajih* (*petara ti tau ajih*), iaitu cincin tembaga sakti yang boleh memenuhi segala bentuk keperluan hidup masyarakat Iban. Sekiranya berlaku musim kebuluran dalam masyarakat Iban dan mereka telah ditakdirkan berjumpa dengan *Orang Panggau Libau* dalam mimpi, maka dipercayai akan memperoleh banyak sumber padi dan beras.

Gelong Batu Benang ialah sebuah jajahan *Orang Panggau Libau*. *Panggau Libau* memiliki gelaran iaitu *Orang Panggau Libau lendat bebiau takang isang melawa lama bunyi ka berimba bong nebang* yang membawa maksud *Orang Panggau Libau* ialah tempat yang dihuni oleh semua *petara* yang maha berkuasa dan maha indah. *Petara-petara* dalam kalangan *Orang Panggau Libau* dikatakan tinggal di dunia kayangan di sepanjang tujuh teluk, tujuh sungai, tujuh gunung dan tujuh laut.

Orang Panggau Libau ialah *petara* yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Justeru itu, mereka terdiri daripada *Keling Manok Biring Sempidan Arang, Jawai Ensengai Dayang Kumang, Lemok Lulong Bintang, Endu Dara Kelinah atau Indai Abang, Laja Lau Moa Penyampu Leka Balang Berang, Simpurai Muntigrai Lancham Disimbang (Bungai Nuing), Pungga Digelar Bujang Puntang Medang, Renggan Melaban Mipau Uimbang, Sanggol Labong, Duat Igat Surong Empat, Ngelai Pau Tuai Orang Meligai Pungga Pungkang, Tutong Ulop Demong, Laing, Indai Keling, Bujang Tuai, dan Kumpang Pali Teras Penguji*.

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban dikatakan boleh berjumpa dengan *Orang Panggau Libau*, khasnya semasa ritual *gawai* (*beambi ngabang*). Hal ini dikatakan demikian kerana mereka boleh wujud dalam alam nyata seperti manusia biasa. Tetapi, akibat beberapa faktor yang tertentu, maka masyarakat Iban tidak dapat berjumpa lagi dengan mereka sehingga ke hari ini. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *Orang Panggau Libau* menduduki tingkat keghaiban yang tinggi dalam hierarki keghaiban alam ghaib. Selain itu, *Orang Panggau Libau* bukan sahaja

tergolong dalam pahlawan-pahlawan yang agung, malah mempunyai kuasa sakti yang amat luar biasa yang tidak boleh ditandingi manusia biasa di muka bumi ini. Bagi masyarakat Iban hanya boleh berhubung dengan kuasa-kuasa luar biasa seperti *Orang Panggau Libau* melalui ritual besar-besaran yang amat lengkap, seperti ritual *miring* dalam *gawai*, ataupun melalui arahan *Orang Panggau Libau* yang diperturunkan melalui mimpi manusia.

Orang Panggau Libau dikatakan *petara* yang amat baik dan ingin membantu manusia dalam banyak perkara. Masyarakat Iban percaya bahawa apabila mereka bertemu dengan *Orang Panggau Libau* dalam mimpi, maka mereka akan beroleh kesenangan, kesejahteraan, kekebalan, dan kekayaan sepanjang hayat atau sepanjang keturunan mereka di muka bumi ini. *Orang Panggau Libau* ialah *petara* dari dunia kayangan yang tidak boleh mati. Walaupun *Orang Panggau Libau* mempunyai kuasa tahap kekebalan yang amat luar biasa, namun *petara* tersebut juga boleh berada dalam keadaan bahaya jika terkena tikaman *sumbok bemban batu*, iaitu sejenis tumbuhan *bemban* untuk membuat anyaman tikar.

Raja Selempeta Nempa Mulai, *Raja Selempetuh Ngambuh Kitai*, dan *Raja Selempeta* ialah cucu kepada *Raja Jembu*. *Raja Selempeta* ialah salah seorang adik kepada *Sengalang Burung*. *Selempeta* berkuasa dalam kelahiran dan kematian manusia di dunia ini. *Selempeta* membuat manusia daripada tanah liat dan membentuk mereka menjadi manusia. Semasa seseorang ibu itu mengandung, *Selampandai* akan memberi isyarat sama ada anak yang akan dilahirkan nanti seorang lelaki atau perempuan. Menurut Beji Anak Laga, sekiranya *Selampandai* itu berbunyi dari dapur ke ruai ataupun beranda, itu menandakan anak yang akan dilahirkan ialah lelaki. Manakala, jika *Selampandai* berbunyi dari ruai ke bilik, maka anak yang akan lahir nanti ialah perempuan.

Matai Tuai Raja Menjaya

Matai Tuai Raja Menjaya, Manang Langgung Ngembuan Puchung Penyangga Nyawa ialah adik yang kedua kepada *Sengalang Burung*. Pada asalnya ialah seorang lelaki namun selepas menjadi *manang*, maka telah bertukar jantina kepada wanita melalui kuasa-kuasa luar biasa yang terdapat pada mereka yang dikenali sebagai *petara*. *Manang bali* ialah gelaran *manang* yang bertukar menjadi wanita atau perempuan semasa mereka berubat dan kekal selamanya. *Matai* mula menjadi *manang* dan mengubati isteri kepada *Sengalang Burung*, iaitu *Sendai Lawai bepantak Jirak, Dara Sentaba Balun Kupak* yang telah sakit sejak sekian lama dan sukar diubati. Dengan izin abangnya, maka *Matai* pun mengubati kakak iparnya dengan pelian yang dipanggil *beterayu*.

Beterayu ialah ritual *pelian* untuk menukar nama seseorang, iaitu dari nama lama kepada nama baharu agar dapat membantu menyembuhkan daripada segala penyakit yang dihidapinya. Selepas ritual *pelian* itu dilakukan, maka nama isteri *Sengalang Burung* ditukarkan kepada *Endun Sudan Berinjan Bunkung, Endu Diu Tiung Menyelung*. *Matai* juga dipanggil dan dijemput dalam ritual-ritual *gawai*, seperti *Gawai Sakit* untuk mengubati orang sakit dan ingin sembuh. *Matai* juga membantu menjadi *iyang* kepada para *manang* yang handal dalam mengubati penyakit. Semasa ritual *Gawai Sakit*, *Raja Menjaya* akan diseru dan dipuja oleh *lemambang* melalui ritual *timbang* atau *pengap* sama seperti *Gawai Kelingkang*. *Gawai Sakit* juga mempunyai *pandong* seperti *Gawai Kelingkang* dan *Gawai Umai*. *Matai* juga mempunyai satu azimat yang paling mujarab dalam mengubati penyakit dan mampu menghidupkan orang yang telah hampir mati. Azimat ini dikenali dengan nama *lupung enteli leman, puchung penyangga nyawa mali rampung*.

Raja Biku Bunsu Petara, Pantan Inan Raja Jegia

Pantan Inan Raja Jegia merupakan adik ketiga daripada tujuh orang adik-beradik *Sengalang Burung*. Beliau ialah ketua segala *petara* yang memberikan keselesaan kepada manusia. Semasa ritual *Nimang pantar*, *lemambang* akan

membacakan mantera yang suci untuk menyeru agar *biku bunsu petara* memberikan *pantar* untuk para *petara* duduk ritual *gawai*. *Pantar* yang diberikan oleh *petara iku unsu* bukan sembarangan tetapi *pantar* bertatah bangkang dan emas yang dipercayai akan menyebabkan orang melakukan ritual *gawai* itu kaya raya dan murah rezeki. Tempat kediaman *iku unsu petara* adalah di *Sungai Rangki nyabung ili tansang kenyalang, sungai kusai rawai nyambung ke tatai sikup bengkang*.

Anda Mara Ngibun Baku Ubat Pengeraja, Segangga Gunggung Penyadung Antu Tuah, Segangga Ganggai Penatai Utai Mudah.

Anda Mara juga merupakan adik *Sengalang Burung* yang kelima yang berkuasa dalam memberikan kekayaan kepada manusia. Tugasnya hampir sama dengan tuhan kekayaan masyarakat Cina yang berkuasa menentukan rezeki seseorang manusia di dunia. Menurut Kendawang Anak Ambit, semasa *Gawai Tuah* ataupun dalam bahasa Iban Undop dipanggil *nampun*, *Anda Mara* akan dipanggil untuk *ngabang* dalam ritual *gawai* tersebut. *Pengap* ataupun mantera suci akan dideklamasikan oleh orang yang mahir, iaitu para *lemambang* selama dua hari dua malam. *Anda Mara* yang dipanggil atau diseru melalui mantera ini akan memberikan manusia *ubat kaya raja, jempulai ubat pengembai* yang akan menyebabkan mereka menjadi orang yang kaya.

Ini Andan Pala Buban Bunga Jirak, Kulit Rapit Tubuh Biak Baka Indu Dara Serebak Diguang Bujang

Ini Andan merupakan adik bongsu yang kedua bongsu kepada *Sengalang Burung*. Beliau menguasai elemen cuaca untuk dunia ini. Beliau menguasai elemen cuaca seperti ribut, hujan, panas dan kemarau untuk muka bumi ini. Selain itu, beliau juga menjadi tempat untuk masyarakat Iban memohon cuaca yang baik untuk kegiatan pertanian pada masa dahulu. Menurut Kendawang Anak Ambit, sekiranya musim kemarau berpanjangan dan hujan yang tidak turun serta tanaman yang diusahakan hampir musnah, maka masyarakat Iban melaksanakan ritual *miring* yang dikenali sebagai

bepinta hari atau minta hari. Dalam ritual *miring* ini, *piring tiga kali tujuh* akan digunakan dan dilakukan di *tanju* menggunakan dua buah *tajau rusa*. Mereka akan memohon kepada *Ini Andan* agar menurunkan hujan kepada mereka dan permintaan mereka termakbul.

Bagi masyarakat Iban, pelaksanaan ritual *miring* amat penting kerana dipercayai boleh membawa kepada kedamaian di antara hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan kuasa-kuasa luar biasa. Dalam persembahan ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban, mereka boleh memohon sesuatu hajat atau keinginan di dalam ritual tersebut. Hal ini demikian kerana ritual yang dilakukan adalah bertujuan untuk mengelakkan malapetaka dan mengekalkan kesejahteraan hidup. Selain itu, pelaksanaan ritual *miring* juga adalah sebagai sebuah kuasa penyejukan terhadap segala masalah atau musibah yang melanda kehidupan masyarakat Iban. Justeru itu, pelaksanaan ritual sangat penting sebagai sebuah kuasa yang mendamaikan atau menyatukan semula kehidupan mereka yang telah berpecah-belah.

Lemambang Unsa Meringai, menjelaskan bahawa sesetengah ritual *miring* pada lazimnya dilaksanakan pada waktu pagi, iaitu semasa mengurus dan melaksanakan *adat beburong*. Dalam menguruskan hal *beburong*, ia tidak perlu memilih bulan yang sesuai kerana *adat beburong* jatuh di luar jangkauan kehidupan seseorang manusia. Akan tetapi, ritual tersebut tidak boleh dilambatkan kerana sudah ada ikatan antara manusia dengan burung atau sesuatu petanda tersebut. Sebagai contoh, sekiranya ada burung *Nendak* yang bertelur di pondok kecil seseorang di sawah padi, maka perkara tersebut perlu diuruskan dengan *piring*. Jika perjanjian itu adalah tiga hari, maka cukup tiga hari, ritual *miring* harus dilakukan kerana burung tersebut menunggu. Apabila seseorang sampai di pondok kecil tersebut, burung tersebut berada disitu, tetapi tidak kelihatan. Selepas itu, sarang burung tersebut akan dibawa balik kerana dipercayai sarang tersebut adalah salah satu *pengaroh* yang sangat kuat dan membawa kesuburan kepada hasil tanaman. Benda ini wujud kerana pernah terjadi kepada *lemambang Unsa Meringai* sendiri tetapi telah hilang disebabkan hangus terbakar. Jika ritual *miring* untuk burung boleh dilakukan pada bila-bila masa, berbeza pula dengan ritual *miring* untuk diri sendiri. Ritual *miring* untuk diri sendiri perlulah dilakukan semasa bulan baik agar segala benda yang kita lakukan pun akan lancar.

Selain itu, sekiranya masyarakat Iban melakukan ritual *miring* pada bulan yang kurang baik, dipercayai rezeki pun akan susah untuk masuk dan menjadikan ritual tersebut hanyalah sia-sia sahaja. Niat seseorang itu melakukan ritual *miring* adalah untuk menyelamatkan diri sendiri dan mendapatkan lebih banyak rezeki daripada yang sebelumnya dengan memohon hajat kepada kuasa-kuasa luar biasa. Orang yang mempunyai ilmu dalam menguruskan burung ini tidak akan bercakap atau bertanya sembarangan tentang burung kerana khuatir akan terjadinya perkara yang tidak diingini. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Iban percaya bahawa seburuk-buruk jenis burung itu, pasti akan mendatangkan benda-benda yang baik sekiranya mengatakan sesuatu hal yang baik dan pandai menguruskannya.

Terdapat juga unsur-unsur sumpahan dalam kehidupan masyarakat Iban. Unsa menyatakan bahawa sumpahan orang yang sudah mati lebih 'berbisa' daripada sumpahan orang yang masih hidup kerana ia dianggap mereka sudah menjadi roh. Sumpahan yang dimaksudkan disini adalah lebih kepada sumpahan yang baik. Sebagai contoh, roh nenek moyang yang menjelma dalam mimpi dan 'menyumpah' seseorang yang dikehendaknya untuk mendapat rezeki yang banyak, maka sumpahan itu sangat 'berbisa' dan menandakan sesuatu yang baik. Roh tersebut bukan sahaja menjelma dalam mimpi, tetapi juga akan datang dalam pelbagai jelmaan seperti ular. Oleh itu, akan ada yang memberikannya *ai (air)tuak*, rokok, dan *piring*.

Selain itu, ia sama juga dengan keadaan orang yang sedang nazak. Ini kerana sekiranya kuasa-kuasa luar biasa menyumpah seseorang untuk kebaikan, maka seseorang itu akan dapat walau apa-apa jua keadaannya. Misalnya, orang yang sakit akan sembuh, orang miskin menjadi kaya dan semua ini bergantung kepada kehendak kuasa-kuasa luar biasa tersebut terhadap seseorang itu. Jika kuasa-kuasa luar biasa 'menyumpah' sesuatu yang buruk, maka perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Sekiranya terdapat orang tua dalam kalangan keluarga itu sedang nazak, maka sebaik-baiknya perlu berkelakuan baik agar orang yang nazak itu tidak terlanjur mengatakan perkara-perkara yang buruk.

Bintang Banyak/Bintang Tujuh

Dalam masyarakat Iban, bintang-bintang dikenali sebagai *Bintang Tiga*, *Bintang Timor*, *Bintang Buyu* dan *Bintang Banyak*. *Bintang Banyak* juga dikenali sebagai *Bintang Tujuh* dan kelihatan pada awal pagi, iaitu sebelum matahari terbit. *Bintang Banyak* terdiri daripada tujuh adik-beradik yang memiliki kuasa luar biasa dan amat penting kepada masyarakat Iban, terutamanya ketika musim penanaman padi. Sebelum memulakan penanaman padi, orang Iban terlebih dahulu perlu merujuk kepada kedudukan *Bintang Banyak* di langit. Ini dilakukan untuk mengetahui sama ada masa itu masa yang baik atau sebaliknya untuk memulakan kerja-kerja pertanian. Hal ini demikian kerana masyarakat Iban masih bergantung kepada kedudukan dan keadaan bulan dan bintang yang tertentu di langit untuk menentukan masa yang paling sesuai untuk memulakan kerja-kerja menanam padi bukit dan padi sawah. Ini dilakukan bagi memastikan mereka akan mendapat hasil tuaian padi yang baik sepanjang tahun.

Apabila *Bintang Banyak/Tujuh* kelihatan pada garis menegak di tengah langit, ini menandakan ketibaan `Bulan Lima` atau bulan Mei. Pada ketika ini, masyarakat Iban akan memulakan *manggol* atau memulakan kerja-kerja menebas huma padi bukit, kerana pada ketika ini, kedudukan *Bintang Tujuh* dianggap memberi tuah. Lazimnya, *Bintang Tujuh* akan muncul semula pada bulan Jun atau Julai setiap tahun. Ketika bulan purnama pada bulan Julai, *Bintang Tujuh* berada di tengah-tengah ruang legar dunia langit, iaitu tanpa bergerak selama satu minggu sahaja. Padi yang ditanam pada ketika ini dipercayai akan menjadi subur, berbuah lebat dan penuh berisi. Kemudian, setelah berada selama satu minggu di tempat tersebut, *Bintang Tujuh* akan bergerak ke kaki langit, dan seterusnya orang Iban akan memberi tumpuan kepada kemunculan *Bintang Tiga* untuk mengetahui masa yang sesuai untuk menugal padi.

Bongsu Langit

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, semua anak bongsu kepada *petara* atau kuasa luar biasa tertentu ialah dewadewi, iaitu *petara* yang dipuja dan disembah masyarakat Iban. Perkara ini sering disebut-sebut oleh pakar ritual ketika menjampi dan menyeru nama bongsu-bongsu tertentu dalam ritual *miring* dan *gawai*. Antara bongsu dewadewi yang penting bagi orang Iban ialah *Bongsu Bintang Tujuh*, *Bongsu Bintang*, *Bongsu Bulan*, *Bongsu Matahari*, *Bongsu Air*, *Bongsu Ikan*, *Bongsu Ribut*, *Bongsu Buaya* dan *Bongsu Langit*. *Bongsu Langit*, *Bongsu Bintang*, *Bongsu Bulan* dan *Bongsu Matahari* menolong manusia dan dimanfaatkan oleh orang Iban dalam ritual pembuatan kain *pua* dan penanaman padi, baik padi bukit mahupun padi paya. Langit ialah bahagian ruang alam semesta yang paling atas atau dikenali sebagai dunia *petara*. *Bongsu Langit* ialah *petara* penghuni langit.

Menurut informan Miya Dabong (95 tahun), *Bongsu Langit* ialah *petara* yang menganugerahkan masyarakat Iban dengan kemahiran dan kepakaran luar biasa menenun *kain pua* dan juga untuk memperoleh hasil tuaian padi yang lumayan dan memberi segala kesempurnaan kepada kehidupan masyarakat Iban. Pada lazimnya, masyarakat Iban memanggil *Bongsu Langit* apabila mereka memulakan kerja-kerja *mungga* atau *ngirit* untuk menenun *kain pua* supaya *Bongsu Langit* memberkati mereka dengan penuh kesejahteraan dan kesempurnaan. Kerja-kerja *mungga* atau *ngirit* itu sentiasa dipermudahkan atas pertolongan *Bongsu Langit*. Begitu juga apabila penenun *pua* hendak memulakan kerja-kerja pembuatan motif-motif *kain pua*. Masyarakat Iban juga akan memanggil dan menyeru *Bongsu Langit* turun ke bumi menerusi ritual *miring* untuk memperturunkan *pengaruh* dan kuasa luar biasanya untuk membantu penenun menenun *kain pua* mereka. Penenun percaya atas pertolongan *Bongsu Langit*, motif-motif yang ditenun itu akan menjadi lebih sempurna. Masyarakat Iban yang paling bertuah pernah berjumpa dengan *Bongsu Langit* hanya di dalam mimpi sahaja dan fenomena itu sudah memadai kerana *Bongsu Langit* menyumpah (menganugerah segala kesempurnaan hidup) kepada orang itu.

Bongsu Bintang Tujuh

Bongsu Bintang Tujuh ialah anak kepada petara *Bintang Tujuh*. *Bintang Tujuh* mempunyai tujuh orang anak dan *Bongsu Bintang Tujuh* adalah merupakan anak bongsu *Bintang Tujuh*. Menurut informan Miya Dabong (95 tahun), *Bongsu Bintang Tujuh* dipercayai mendiami lapisan langit yang ketujuh, iaitu lapisan langit yang dihuni oleh *petara-petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang lain. *Bongsu Bintang Tujuh* memiliki paras rupa wajah yang amat cantik. Kecantikan ini diketahui kerana terdapat orang Iban yang pernah berjumpa dengan *Bongsu Bintang Tujuh* di dalam mimpi.

Bongsu Bintang Tujuh ialah dewa *petara* yang dipuja-puja masyarakat Iban khususnya berkaitan dengan ritual pembuatan kain *pua*. Dalam ritual pembuatan *kain pua*, semua wanita Iban akan memanggil dan menyeru *Bongsu Bintang Tujuh* menerusi ritual *miring* bagi memohon *Bongsu Bintang Tujuh* untuk menghulurkan segala pertolongan tentang kemahiran dan kepakaran berkaitan dengan penenunan kain *pua*. Dalam konteks ini, masyarakat Iban sentiasa memohon menerusi ritual *miring* agar *Bongsu Bintang Tujuh* mengurniakan mimpi dan *pengaruh* kepada masyarakat Iban bagi membolehkan mereka mahir dan pakar dalam ritual *mungga* atau *ngirit* dan menenun kain *pua*. Oleh sebab itu, sebelum wanita-wanita Iban memulakan ritual *mungga* atau *ngirit* dan pembuatan motif-motif kain *pua*, terlebih dahulu mereka mengadakan ritual *miring* untuk memohon segala keberkatan, doa dan restu daripada *Bongsu Bintang Tujuh* supaya penenun-penenun *pua* dikurniakan dengan ilham mimpi dan *pengaruh* bagi membolehkan mereka menghasilkan kain *pua* yang berkualiti tinggi dan unik.

Menurut informan, Miya Dabong (95 tahun), wanita Iban tidak memiliki *pandai ati aja* (bukan memiliki kepandaian setakat dalam hati saja), malah mereka mendapat kemahiran dan kepakaran menenun *kain pua* dengan pertolongan daripada *Bongsu Bintang Tujuh*, iaitu hasil kurniaan mimpi dan *pengaruh* kepada masyarakat Iban. Malah, *Bongsu Bintang Tujuh* memberi segala pertolongan dan bantuan dalam bentuk lain, iaitu membantu masyarakat Iban dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan

kegiatan penanaman padi supaya mendapat hasil tuaian padi yang lumayan dan peningkatan status sosial dalam masyarakat serta untuk mendapatkan kesihatan yang baik sepanjang hayat.

Bab 3

Ritual Miring dalam Kepercayaan Warisan Masyarakat Iban

Dalam budaya dan masyarakat Iban, kepercayaan warisan yang diamalkan oleh sesetengah kalangan mereka adalah merangkumi kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, seperti *petara-petara*, dewa-dewi, *antu*, semangat baik dan jahat, dan roh nenek moyang masyarakat Iban yang telah lama meninggal dunia. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka mereka percaya bahawa *petara* merupakan pencipta alam nyata, alam ghaib dan semua penghuni alam nyata. Selain itu, masyarakat Iban percaya bahawa setiap objek yang dicipta oleh kuasa-kuasa luar biasa untuk alam nyata ini mempunyai kuasa dan semangat yang tertentu sama ada yang baik atau jahat. Justeru itu, masyarakat Iban perlu melakukan aktiviti berbentuk ritual pemujaan bagi menjaga dan menghormati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya masyarakat Iban tidak menjaga dan menghormati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut, maka dipercayai malapetaka akan menimpa kehidupan mereka. Bagi masyarakat Iban, ritual *miring* diperlukan bagi tujuan memohon kebaikan, pengampunan, kebenaran, keberkatan, perlindungan dan kedamaian dalam kehidupan mereka.

Masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, percaya kepada kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di alam nyata dan alam ghaib. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka percaya bahawa kuasa-kuasa luar biasa merupakan pencipta alam nyata, alam ghaib serta segala penghuni alam yang merangkumi elemen benda hidup dan benda bukan hidup. Selain itu, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa juga boleh mengundang kepada sesuatu malapetaka sekiranya sesebuah masyarakat itu tidak melakukan ritual pemujaan. Justeru itu, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara* perlu dijaga, dihormati, dipuja dan 'diberi makan'. Pada zaman dahulu, iaitu sebelum kedatangan agama-agama besar seperti agama Kristian dan Islam, masyarakat Iban mengamalkan *pengarap lama* atau kepercayaan animisme. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan tersebut perlu melakukan pemujaan dan penyembahan kepada kuasa-kuasa luar biasa. Justeru itu, masyarakat Iban tersebut akan mengadap kuasa-kuasa luar biasa tersebut melalui persembahan ritual *miring*.

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, ritual *miring* terhasil daripada kepercayaan warisan yang diamalkan oleh nenek moyang masyarakat Iban sejak turun-temurun. Kepercayaan warisan yang diamalkan oleh masyarakat Iban telah membentuk kepada perbuatan ritual, iaitu *miring* yang dilakukan bagi memenuhi keperluan kehidupan mereka. Justeru itu, ritual *miring* ini dilakukan bertujuan untuk memohon keberkatan, perlindungan, pengampunan, kebahagiaan, hajat, kedamaian dan keharmonian dalam kehidupan masyarakat Iban. Kaum Iban meramal nasib baik atau buruk melalui bunyi- bunyi burung seperti *Ketupong*, *Embuas*, *Beragai*, *Bejampong*, *Kelabu Papau*, *Pangkas* dan *Nendak*. Kepercayaan ini disebut sebagai *adat beburong*. Bunyi-bunyi atau pergerakan burung petanda tersebut dapat memberi petanda sebelum mereka memulakan kegiatan bercucuk tanam, memburu, menangkap ikan dan juga aktiviti harian yang lain. Petanda burung-burung tersebut juga dapat menentukan kesejahteraan serta keselamatan penduduk di sesebuah rumah panjang. Tuhan menyampaikan sesuatu mesej kepada manusia melalui bunyi dan pergerakan yang dihasilkan oleh binatang buas, burung-burung petanda dan kejadian aneh. Manakala dari segi agama dan kepercayaan pula, masyarakat Iban percaya terhadap roh-

roh manusia yang sudah meninggal dunia, alam semula jadi dan juga alam kuasa-kuasa ghaib (*super-nature*). Sesetengah fenomena alam yang berlaku sering dikaitkan dengan *burong* iaitu petanda dan mesej yang disampaikan oleh tuhan melalui kejadian-kejadian aneh. Bukan itu sahaja, malah kaum Iban sering berhubung dengan tuhan dan roh-roh nenek moyang mereka melalui mimpi. Mimpi pula dianggap sebagai sebuah wahyu daripada tuhan atau dewa mereka.

Dalam budaya masyarakat Iban, tradisi *adat beburong* sering dikaitkan dengan dewa yang mengungkapkan keinginan mereka atau mengeluarkan amaran kepada manusia melalui pergerakan dan bunyi daripada burung-burung petanda. Istilah *burong* yang bermakna burung sering dikaitkan dengan bunyi burung dan juga kejadian alam yang berlaku di sekeliling manusia. Terdapat tujuh ekor burung petanda yang bertindak sebagai penyampai mesej untuk dewa dan dewi kaum Iban. *Adat beburong* paling penting dalam sistem ramalan yang diamalkan oleh masyarakat Iban, termasuk juga tafsiran mimpi dan hepatoskopi. Hepatoskopi dapat dikaitkan dengan ritual memerhatikan hati khinzir (*meda ati babi tauka* disebut atau *babi, liver*) yang dilakukan untuk menilik nasib dan hasil daripada pelaksanaan sesebuah *gawai* atau ritual *mudas*.


Adat beburong diajar oleh *Aki Lang Sengalang Burong* kepada cucunya yang bernama *Sera Gunting*. *Sengalang Burong* dipercayai menjadi ketua rumah panjang di langit. Dia tinggal bersama isterinya, enam anak perempuan, menantu dan pengikut lain. Adat tersebut kemudiannya diteruskan oleh masyarakat Iban dengan mempelajari jenis burung petanda seperti *Ketupong*, *Bejampong*, *Embuas*, *Pangkas*, *Beragai*, *Kelabu Papau*, *Burong Malam* dan *Nendak*. Arah pergerakan, bunyi, masa dan tempat burung itu ditemui akan menentukan sama ada petanda itu ialah petanda baik ataupun sebaliknya.

Selain burung-burung petanda tersebut, kaum Iban juga percaya bahawa petanda '*burong*' (*omen*) terdiri daripada binatang seperti kijang, pelanduk, rusa, biawak dan tenggiling. Binatang juga dipercayai boleh memberi petanda baik dan tidak baik kepada manusia. Semangat antu dipercayai akan menjelma sebagai binatang dan seterusnya menampakkan diri di hadapan manusia sebagai petanda atau amaran. Manakala reptilia seperti

ular pula biasanya terdiri daripada ular *tedung*, *kendawang*, *belalang*, *sawa* dan lain-lain. Informan *Lemambang* Abang Entarey menjelaskan jika reptilia seperti ular dijumpai di bawah sesuatu objek, ia menunjukkan petanda yang tidak baik dikenali sebagai *burong jai*. *Burong jai* perlu disambut dengan ritual *miring* dan *mudas* untuk meneutralkan bahaya (*bisa*) *burong* tersebut. Namun apabila seseorang individu menjumpai kulit ular di dalam rumah beliau, ia dianggap sebagai *pengaroh* (azimat) yang dianugerahkan oleh tuhan.

Masyarakat Iban juga menganggap kejadian ribut petir, kematian, bangkai binatang, punggu (dahan pokok yang jatuh), dan tanah tumbuh sebagai *burong* dalam kehidupan mereka. Misalnya jika seseorang individu ingin memulakan perjalanan ke sesebuah destinasi dan mendengar dahan pokok jatuh atau *punggu* dalam bahasa Iban, beliau harus membatalkan perjalanan tersebut. Jika tidak berbuat demikian, beliau mungkin akan ditimpa kemalangan jika tidak mempedulikan petanda tersebut. Berbeza pula dengan kejadian tanah tumbuh kerana akan dianggap sebagai petanda baik kerana dipercayai rezeki dan sebuah kejayaan akan dicapai oleh individu yang mengalami *burong* tersebut. Pakar ritual seperti *Tuai burong* dan *lemambang* merupakan individu yang berperanan untuk mentafsir sesuatu petanda melalui kejadian aneh yang berlaku pada masyarakat Iban. Pakar ritual mentafsir petanda *burong* dengan berpandukan ajaran nenek moyang dan pengalaman yang dilalui sepanjang menjalankan peranan sebagai pakar *burong*.

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, kedudukan *bilek burong Ketupong* adalah terletak di sebelah kanan *bilek Sengalang Burong* dan diikuti oleh *bilek burong Beragai* dan *Pangkas*. Manakala kedudukan *bilek* burung *Bejampong* pula terletak di sebelah kiri *bilek Sengalang Burong*. Seterusnya, diikuti oleh *bilek* kepada *Embuas* dan *Kelabu Papau*. Kediaman burung *Nendak* pula bersambung dengan kediaman *Kelabu Papau*. Kedudukan kediaman burung-burung tersebut dapat dijadikan panduan untuk mentafsir sama ada burung tersebut tergolong dalam *burong manah* dan *burong pepadu bisa* atau sebaliknya.



Gambar 3.1 Susunan *bilek* burung-burung petanda dalam *Adat Beburong* masyarakat Iban (Sumber: Sarawak Museum Journal, 1994)

Ketujuh-tujuh menantu *Sengalang Burong* tidak boleh menjejakkan kaki di atas *ruai Sengalang Burong*. Jika menjejakkan kaki di *ruai Sengalang Burong*, mereka akan dianggap tidak menghormati *Sengalang Burong* dan akan digelar sebagai '*burong busung*'. *Sengalang Burong* kemudiannya menerangkan mengenai petanda-petanda daripada burung-burung tersebut kepada *Sera Gunting*.

Kesemua petanda burung tersebut perlu diperhatikan sebelum dan semasa ingin melakukan sesuatu perkara. *Sengalang Burong* menerangkan bahawa petanda burung-burung tidak perlu dihiraukan ketika manusia mengangkut air (*nyauk*) dari sungai kerana menurut *Sengalang Burong* air sungai tidak akan kering dan tidak memberi kesan kepada manusia. Maksudnya, petanda daripada burung-burung tidak akan memberikan sebarang kesan kepada manusia.

Adat beburong adalah tentang meramalkan perkara yang akan berlaku pada masa yang akan datang. *Burong* boleh menunjukkan petanda baik atau petanda yang buruk. Kepercayaan kaum Iban terhadap petanda daripada burung dan binatang tertentu amat penting khususnya semasa membuka kawasan bercucuk tanam yang baru seperti penanaman padi huma. Petanda daripada burung-burung petanda akan mempengaruhi setiap tindakan dan keputusan seseorang individu yang ingin bercucuk tanam, mendirikan rumah panjang, mengembara, berperang dan juga menenun *pua kumbu*. Hal ini berlaku disebabkan oleh kehidupan masyarakat Iban yang dikelilingi oleh binatang buas dan hutan belantara yang dipercayai mempunyai semangat. Oleh hal demikian, mereka perlu patuh kepada tafsiran yang dilakukan oleh *Tuai Burong* bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Semangat alam akan marah kepada manusia jika mereka ingkar dan tidak mempedulikan amaran yang ditunjukkan oleh *burong*.

Sekiranya manusia melakukan perkara yang boleh merosakkan alam, semangat alam dikatakan akan menjadi marah dan mewujudkan malapetaka sebagai balasan kepada sikap manusia. Hal ini membuktikan persekitaran masyarakat Iban sangat mempengaruhi kepercayaan mereka terhadap pemujaan roh, semangat alam dan juga dewa-dewi. Sebagai contoh, mereka perlu melakukan pemujaan terhadap dewa pertanian iaitu *Sempulang Gana* sebelum menggunakan tanah untuk tujuan pertanian. Jika tidak, masyarakat Iban akan berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan hasil-hasil pertanian dan akhirnya mengakibatkan berlakunya kebuluran. Justeru itu, *Gawai Umai* (ritual pemujaan penanaman padi) akan dilaksanakan untuk memuja dewa *Sempulang Gana* bagi menjaga kepentingan masyarakat Iban untuk meneruskan Kelangsungan hidup mereka.

Tafsiran terhadap *burong* juga sangat penting dalam bidang politik kaum Iban. Segelintir daripada ahli politik yang masih mengamalkan kepercayaan lama sangat mementingkan petanda *burong* terutamanya sepanjang musim berkempen, semasa hari pencalonan nama calon dan musim pilihanraya berlangsung. Pada masa tersebut, pergerakan haiwan yang dilihat oleh seseorang ahli politik sepanjang perjalanan mereka menuju ke sesebuah destinasi sebenarnya menyampaikan mesej tertentu kepada beliau. Jika *burong* yang dilihat menunjukkan petanda kurang baik, ahli politik tersebut perlu mengadakan ritual *miring* untuk memujuk *petara*, dewa-dewi dan roh nenek moyang mereka agar membantu beliau untuk memenangi pilihanraya tersebut.

***Adat Beburong* dalam Masyarakat Iban**

Kaum Iban dikategorikan sebagai satu rumpun Dayak yang terdapat di Sarawak, Kalimantan Barat, Brunei dan Sabah. Pembentukan dan perkembangan budaya sosial masyarakat Iban berlaku di sebuah tempat yang dikenali sebagai Tampun Juah, di Kalimantan, Indonesia, sebelum ia berpecah kepada beberapa subsuku yang ada sehingga kini. Dalam *leka*

main lemambang, tempat perpisahan *petara* (tuhan) dengan masyarakat Iban dikenali sebagai '*Sungai Sakang Sukung Tembawai Buruk Lampung*'. Pelbagai jenis peralatan yang digunakan oleh masyarakat Iban pada masa dahulu ditemui di lokasi berhampiran seperti pendayung perahu, senduk dan *beliung*. Kesemua peralatan ini tidak boleh dikeluarkan sebarang tanpa ritual *gawai* dan upacara *miring*. Roh nenek moyang dan dewa-dewi dipercayai akan marah jika peralatan tersebut sentiasa didedahkan kepada orang luar tanpa kebenaran. Maka penduduk kampung yang menyimpan peralatan tersebut perlu meminta kebenaran daripada dewadewi Iban dengan mengadakan ritual *gawai*.

Pengarap lama atau kepercayaan warisan ialah kepercayaan yang diamalkan oleh kaum Iban sejak dari dahulu lagi iaitu yang dikenali sebagai kepercayaan animisme. Kepercayaan *pengarap lama* dikatakan diajar oleh *Raja Durong* (Sandin, 1964). *Pengarap lama* berkait rapat dengan kepercayaan kepada tuhan yang dikenali sebagai *petara* dan juga kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan objek tidak bernyawa.

Hampir keseluruhan masyarakat Iban mengamalkan kepercayaan warisan tersebut sehingga kewujudan ajaran agama Kristian. Walaupun hampir keseluruhan masyarakat Iban kini memeluk agama Kristian, namun pada masa yang sama mereka masih mengekalkan nilai adat resam serta ciri-ciri kebudayaan yang menjadi lambang tradisi masyarakat Iban. Mereka mempunyai kepercayaan terhadap petanda daripada burung-burung dan juga beberapa jenis binatang yang dipercayai menjadi penyampai mesej kepada manusia. *Adat beburong* atau auguri diamalkan oleh masyarakat Iban untuk meramal perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dan melaksanakan ritual penyembahan bagi mengelakkan mereka daripada ditimpa perkara yang tidak diingini. Masyarakat Iban juga akan menilik nasib mereka melalui hati khinzir (hati babi). Manakala penggunaan azimat atau *pengaroh* dalam bahasa Iban sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat Iban sejak dahulu sehingga sekarang.

Adat *beburong* tersebut memerlukan kaum Iban mengadakan upacara-upacara ritual dan keagamaan yang berkaitan dengannya. Asal-usul

pengarap lama dipercayai diturunkan oleh *Raja Durong* yang merangkumi kepercayaan terhadap kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan juga objek tidak bernyawa. Raja segala burung omen ialah *Lang Sengalang Burong* dan burung yang paling digeruni oleh masyarakat Iban ialah *Ketupong* (*Rufous Piculet*).

Burung-Burung Petanda dalam Masyarakat Iban

Binatang yang tinggal di dalam hutan dipercayai boleh memberi petanda kepada manusia. Walau bagaimanapun, petanda-petanda yang paling penting dan selalu diberi perhatian oleh masyarakat Iban ialah petanda daripada tujuh jenis burung. Burung tersebut terdiri daripada burung *Ketupong*, *Bejampong*, *Embuas*, *Pangkas*, *Beragai*, *Kelabu Papau*, *Burong Malam* dan *Nendak*. Semua burung-burung petanda ini merupakan menantu kepada *Sengalang Burong*.



Gambar 3.1 *Pangkas* (Maroon Woodpecker) *Blythipicus rubiginosus* oleh Sandin, 1994
Sumber: (*Encyclopaedia of Iban Studies*, 2001).

Jadual 3.1 Perkahwinan anak Lang *Sengalang Burong* (Sumber: Penulis, 2020)

Nama Burung	Berkahwin	Nama Anak <i>Sengalang Burong</i>
<i>Ketupong</i>	<i>X</i>	<i>Endu Dara Tinchin Temaga</i>
<i>Beragai</i>	<i>X</i>	<i>Endu Langgu Ketunsung Ngembai</i>
<i>Bejampong</i>	<i>X</i>	<i>Endu Kachapah Dulang Midung</i>
<i>Pangkas</i>	<i>X</i>	<i>Endu Bentuk Tinchin Pengabas</i>
<i>Embuas</i>	<i>X</i>	<i>Endu Kechapang Dulang Mas</i>
<i>Kelabu Papau</i>	<i>X</i>	<i>Endu Muda Puchung Pengabas</i>
<i>Kunding</i>	<i>X</i>	<i>Endu Dara Chemapak Tempurung Alang</i>

Masyarakat Iban sangat percaya kepada petanda yang disampaikan oleh burung- burung petanda. Petanda tersebut dapat menentukan nasib seseorang yang mendengar dan melihat petanda *burong* tersebut. *Petara* menggunakan burung petanda sebagai perantaraan dengan manusia. Selain *Lang Sengalang Burong*, terdapat tujuh ekor lagi burung petanda yang dipercayai sangat bermakna dalam kehidupan manusia. Burung-burung petanda yang dimaksudkan terdiri daripada *Ketupong*, *Beragai*, *Bejampong*, *Pangkas*, *Embuas*, *Papau* dan *Nendak*.

Menurut lagenda, burung petanda tersebut dianggap sebagai *burong* mali yang bermaksud amaran dan petanda yang dikeluarkan oleh burung ini sangat berguna dalam kehidupan manusia. Mereka merupakan menantu kepada *Lang Sengalang Burong* atau digelar *Aki Lang Menaul Jugu Tuntung*. *Aki Lang Menaul Jugu Tuntung* ialah mertua kepada ketujuh-tujuh ekor burung petanda. *Lang Sengalang* merupakan anak kepada Raja Jembubersama isterinya yang bernama *Endu Endat Baku Kansat*. Hal ini bermakna *Sengalang Burong* ialah cucu kepada *Raja Durong* dan isterinya *Endu Cherembang Cheremin Bintang, Tukah Lawang Pinggai Bekaki*.

Lemambang Abang Entarey menyatakan, *burung Ketupong* atau nama saintifiknya *Rufous Piculet* ialah ketua kepada segala burung petanda bagi kaum Iban. Masyarakat Iban menganggap burung *Ketupong* sebagai burung

petanda yang paling berkuasa. Petanda atau amaran yang dihasilkan oleh burung ini perlu dipatuhi. *Ketupong* sebenarnya merupakan sejenis burung belatuk yang sangat garang (*mangah*). *Burung Ketupong* dipercayai boleh membantu manusia dalam pelbagai perkara dan juga boleh membahayakan manusia. Dalam *Timang* (syair dan mantera) kaum Iban, *burung Ketupong* digelar oleh para *lemambang* sebagai *Enting Naing Besumbing Tulang, Raja Taka Nempurung Balang, diau di Tapang Undang nyempayan bungkung, Rajang Nunggi nunggang baka tumbang gempung jejabang. Ketupong* berkahwin dengan anak *Lang Sengalang Burong* yang bernama *Dara Tinchin Temaga*. Mereka mempunyai seorang anak lelaki yang bernama *Gom*. *Gom* pula berkahwin dengan *Serani Bunsu Tedung* yang berasal dari *Panggau Libau*.

Manakala *Beragai* atau nama saintifiknya *Scarlet-Rumped Trogon* mempunyai nama kedua iaitu *Beragai Sematai Menang Burung*. Burung *Beragai* tinggal di rumah panjang *Lang Sengalang Burong* dan bersebelahan dengan *bilek Ketupong*. *Beragai* ialah anak kepada *Bujang Sebabang Bunga Rangkai*. Dalam sistem burung petanda kaum Iban, jika manusia mendengar bunyi *Beragai* terlebih dahulu sebelum bunyi *Ketupong*, ini menunjukkan petanda baik iaitu manusia akan memperolehi banyak padi. Namun jika manusia mendengar bunyi *Beragai* sebelum bunyi *Bejampong*, ini bermakna individu yang mendengar bunyi tersebut bakal menghadapi perkara buruk. Namun demikian, masyarakat Iban juga percaya bahawa burung *Beragai* akan membawa petanda yang menggembirakan dan tuah kepada manusia agar mendapat harta benda dan kaya raya.

Seterusnya ialah burung *Bejampong* (*Crested Jay*) iaitu anak kepada *Bujang Kengkang Kerama* yang berkahwin dengan *Endu Kechapah Dulang Dayang Kumang Bunga Kenunsung*. Mengikut kepercayaan masyarakat Iban, burung *Bejampong* mempunyai pendengaran yang sangat jelas. *Lemambang* memberi nama *Bejampong* sebagai *Bujang Kumang Menua Aji, Sengkajang Rejar Batang Munyi, Bujang Berumpang Rarung, Puchuk Ke Tugang Nunggang Tansang, Anak Munsang Ngemata Menua*. *Pangkas* atau *Maroon Woodpecker* ialah sejenis burung *Belatuk* yang dikenali sebagai *kutuk*. *Pangkas* ialah anak kepada *Bujang Lachau Kuring* yang berkahwin dengan *Endu Punggang Leletan Pulas, Endu Bentuk Tinchin Pengabas, Endu Leletan Bujang Emas*.

Pangkas juga antara burung petanda yang boleh memberi kekayaan kepada manusia biasa. Pada masa yang sama amaran daripada burung *Pangkas* juga boleh mendatangkan petanda malang dan tidak baik kepada manusia.

Seterusnya ialah *Embuas* (*Banded Kingfisher*) merupakan anak kepada *Raja Taka*. *Embuas* dianggap sebagai burung pelik kerana bunyi yang dihasilkan sangat indah untuk didengari. Disebabkan perkara tersebut, burung tersebut dikategorikan sebagai burung kasih atau burung sedih (*burong sinu*). Dalam kepercayaan masyarakat Iban, burung ini dianggap sebagai '*burong sinu*' yang bermaksud burung berkabung. Kebiasaannya akan berlaku kematian jika manusia mendengar bunyi daripada burung ini. Walau bagaimanapun, tidak kesemua bunyi dan pergerakan burung ini menunjukkan petanda buruk. Manakala dalam bidang pertanian pula, burung *Embuas* mempunyai kuasa untuk menyuburkan tanah untuk menanam padi dan seterusnya manusia akan mendapat hasil padi yang banyak.



Gambar 3.2 Papau (*Diards Trogon*) *Harpactes diardi* oleh Sandin, 1994 Sumber: (*Encyclopaedia of Iban Studies*, 2001).

Papau (*Diard's Trogon*) pula ialah anak kepada *Lalak Pala* yang tinggal di rumah panjang *Lang Sengalang Burong*. *Papau* juga sering dikenali sebagai *Senabong*. Bunyi burung *Papau* seperti menyebut 'pau pau pau' sering didengari di kawasan hutan yang tidak berpenghuni. Namun bunyi burung tersebut kadangkala seperti menjerit gembira. Oleh itu, *Papau* juga dianggap sebagai *burong panjong* (burung menjerit) atau *Kelabu Papau Nyenabung*. Jika *Papau* menghasilkan bunyi tersebut, masyarakat Iban akan menganggap ia sebagai *burong* darah. Hal ini bermakna kematian akan berlaku dalam kalangan penduduk rumah panjang dan saudara mara. Walau bagaimanapun, petanda dari *Papau* juga menunjukkan petanda yang baik kerana *Petara* akan melindungi manusia dari perkara yang tidak diingini seperti serangan musuh.

Masyarakat Iban juga mendapati jika mendengar bunyi burung *Papau* ketika dalam perjalanan balik dari huma atau kebun, Hal ini menunjukkan petanda yang baik dan bermaksud individu yang mendengar bunyi burung tersebut akan dilindungi dan mendapat pertolongan daripada *petara* walaupun menghadapi kesukaran. Mengikut penceritaan orang tua masyarakat Iban, burung ini dapat membutakan mata musuh yang datang menyerang ketika berada dalam perjalanan balik. Hal ini bermakna burung *Papau* berperanan untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat Iban. Burung *Nendak* (*White-Rumped Shama*) tinggal bersama ibunya di sebuah pondok kecil berhampiran dengan kediaman burung petanda yang lain dan tidak mempunyai isteri. Semasa musim menanam padi (*bumai*), masyarakat Iban sentiasa mengharapkan agar mendengar bunyi burung *Nendak*. Bunyi yang dihasilkan oleh burung *Nendak* dipercayai dapat membawa kesejahteraan kepada manusia. Ia dikenali sebagai *burung chelap* kerana akan mewujudkan suasana yang selesa dan sejahtera. Burung *Nendak* sering disebut dalam doa (*sampi*) masyarakat Iban untuk memohon kehidupan yang sejahtera.

Pentafsiran Adat Burong Melalui Kejadian Alam Semesta

Kejadian alam yang dikenali sebagai *kudi* dalam masyarakat Iban menggambarkan keadaan guruh, hujan lebat, kilat dan angin kencang yang

melanda sesebuah tempat. *Kudi* sering dikaitkan dengan perbuatan manusia yang menyebabkan tuhan marah dan seterusnya mencipta dan menurunkan musibah, bencana dan malapetaka. Kesan daripada malapetaka tersebut, manusia akan mengalami kerugian yang teruk kerana tanaman padi mereka rosak. Di samping itu, mereka juga mengalami kebuluran kerana sumber makanan terjejas akibat daripada kejadian *kudi* tersebut.

Kudi yang melanda dunia dianggap sebagai *burong jai* kerana akan mendatangkan pelbagai keburukan kepada manusia. Dalam kejadian *kudi*, masyarakat Iban percaya manusia boleh bertukar menjadi batu akibat sumpahan *antu*. Justeru, ritual *miring* akan diadakan untuk memohon maaf daripada tuhan dan semangat alam agar menghentikan malapetaka tersebut. Perbuatan manusia yang dianggap boleh menimbulkan kemarahan *petara* akan dihentikan dan tidak akan diulangi pada masa akan datang.

Burong Manah, Burong jai, Burong Bisa dan Burong Mimpi

Masyarakat Iban sentiasa mengharapkan *burong manah* kerana dipercayai mendatangkan perkara baik kepada masyarakat Iban. *Burong manah* sering dikaitkan dengan nasib manusia yang akan menjadi lebih baik pada masa akan datang. Dalam kepercayaan tradisi kaum Iban, individu yang mendengar dan melihat petanda baik akan dianugerahkan kekayaan, keberanian, kepandaian, kesejahteraan dan juga rezeki yang luas. Setiap kejadian yang dianggap sebagai *burong manah* harus disambut dengan ritual *miring* sebagai tanda penghargaan kepada *petara* kerana akan mendatangkan sesuatu yang jauh lebih baik jika manusia menunjukkan penghargaan terhadap pertolongan daripada *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang lain.

Selain bunyi burung-burung petanda, binatang berbisa juga boleh menjadi penunjuk sesuatu yang baik dan buruk kepada manusia. Misalnya ular berbisa yang ditemui di bawah sesuatu objek dianggap petanda buruk bagi sesetengah individu yang boleh meramal buruk dan baik sesuatu *burong*. Begitu juga dengan individu yang mendengar bunyi daripada burung-burung petanda masyarakat Iban. Burung-burung yang terdiri daripada pelbagai jenis dan bunyi itu mempunyai perbezaan dalam menyampaikan petanda

kepada manusia. *Burong jai* dipercayai boleh mengakibatkan kematian, kemalangan, persengketaan dan kegagalan dalam melakukan sesuatu perkara. Individu akan ditimpa nasib yang kurang baik apabila mendengar dan melihat *burong jai*. Justeru itu, ritual *miring* akan diadakan untuk meminta pertolongan daripada *petara* agar menjauhkan mereka daripada perkara yang buruk. Kaum Iban juga akan memohon maaf daripada *petara*, nenek moyang dan *antu* apabila mereka memperoleh *burong jai*. *Burong jai* perlu diselesaikan secepat mungkin untuk meneutralkan keadaan agar perkara yang tidak diinginkan dapat dielakkan.

Manakala *burong bisa* pula merujuk kepada kategori petanda yang berbahaya kepada manusia. Sekiranya seseorang individu menghadapi *burong bisa*, beliau perlu berjumpa dengan pakar ritual untuk mentafsir maksud mesej yang disampaikan oleh petanda tersebut. Seterusnya, individu yang mengalami *burong bisa* perlu meminta pakar ritual tersebut untuk memakan *burong* atau mimpi (*makai burong tauka mimpi*) yang bertujuan untuk meneutralkan keadaan. Pakar ritual yang layak untuk 'memakan' *burong* atau mimpi ialah individu yang telah disumpah oleh *antu*. Ritual *makai burong* atau mimpi akan dilakukan oleh pakar ritual dengan meminum air yang mengandungi kuku dan rambut keluarga yang mendapat *burong* atau mimpi. Ritual ini dilakukan bagi mengelakkan ahli keluarga daripada ditimpa perkara buruk pada masa terdekat dan yang akan datang. Air yang digunakan dalam ritual ini ialah air rendaman beberapa biji batu yang dianugerahkan oleh *antu*. Air rendaman batu tersebut akan diberikan kepada individu yang mengalami *burong bisa* tersebut.

Setibanya di rumah, air tersebut akan direnjis di dalam rumah selama tiga hari berturut-turut. Air tersebut dikenali sebagai *ai penabar mimpi*. '*Ai penabar mimpi*' digunakan untuk meneutralkan dan mengurangkan bahaya '*bisa*' sesebuah mimpi dan *burong* yang dialami oleh manusia. Masyarakat Iban mempunyai cara tersendiri untuk meramal nasib dan sesuatu yang akan berlaku sama ada baik atau tidak baik. Pakar ritual dapat meramal sesuatu yang akan berlaku pada masa akan datang melalui mimpi baik atau buruk. Mimpi dijadikan sebagai sumber petanda kepada manusia mengenai sesuatu yang akan berlaku pada masa akan datang. Sesuatu mimpi akan diterjemahkan oleh pakar ritual yang terdiri daripada *manang* atau

lemambang. Menurut informan *Lemambang* Abang Entarey, jika seseorang mengalami mimpi baik (*mimpi manah*) maka sesuatu yang baik akan berlaku pada masa akan datang. Sebaliknya, jika individu tersebut mengalami mimpi buruk, masyarakat Iban akan menjangka bahawa perkara yang buruk akan menimpa individu tersebut. Justeru, individu tersebut akan merenjis *ai penabar mimpi* pada badannya bertujuan untuk membuang nasib buruk yang bakal menimpa individu tersebut. *Ai penabar mimpi* berupa air yang telah dijampi oleh pakar ritual untuk meneutralkan mimpi yang dianggap berbahaya (*mimpi bisa*).

Lemambang Abang Entarey menjelaskan, mimpi dianggap sangat penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Ramai yang mendapat *pengaroh* (azimat) dan arahan- arahan antu menerusi mimpi. Arahan tersebut merupakan amaran, pesanan dan ajaran daripada *petara*, dewadewi, *antu*, semangat dan juga roh nenek moyang yang berkaitan dengan kehidupan dan masa depan manusia. Bagi individu yang tidak pernah mendapat mimpi sedemikian, mereka dianggap sebagai *nadai utai ulih*. Hal ini bermakna individu tersebut tidak akan mendapat apa-apa seumur hidup beliau. Mimpi dijadikan sebagai panduan oleh kaum Iban untuk mencapai hidup yang sempurna dan diberkati. Individu yang sering mengalami *mimpi manah* biasanya mempunyai kehidupan yang sempurna daripada orang lain. Individu tersebut biasanya memiliki harta yang banyak dan sentiasa mengecapi kejayaan dalam kehidupan.

Manusia biasanya mengalami mimpi yang berunsur indah, takut, malu dan seram. Namun demikian, mimpi dianggap sangat penting dalam kepercayaan masyarakat Iban kerana mengandungi makna tertentu kepada individu yang mengalami mimpi tersebut. Terdapat individu yang mendapat *pengaroh* (azimat) melalui mimpi akan menyebabkan mereka menjadi lebih pandai, kebal, berani, kaya-raya dan memiliki kepakaran dalam sesuatu bidang. Mimpi-mimpi yang dialami oleh manusia juga dianggap sebagai *burong* yang boleh memberikan petanda yang amat berguna dalam kehidupan seharian masyarakat Iban. Individu yang mengalami *mimpi rawan* (gayat) bermaksud beliau bakal mempunyai masa depan yang cerah. Misalnya, individu yang mengalami mimpi menaiki tempat yang tinggi bakal mencapai sesuatu kejayaan suatu hari kelak.

Perkaitan Ritual *Miring* dan *Adat Beburong* dalam Masyarakat Iban

Masyarakat Iban mempunyai sistem kepercayaan tradisi iaitu kepercayaan animisme dan juga politeisme iaitu kepercayaan terhadap dewa dan dewi. Dewa dan dewi dipercayai mempunyai kuasa luar biasa dan berkedudukan lebih tinggi daripada manusia biasa. Dewa dan dewi kaum Iban digambarkan mempunyai tubuh badan sama seperti manusia. Namun mereka boleh bertukar menjadi binatang atau tumbuhan mengikut kehendak mereka kerana mempunyai kuasa yang dikenali sebagai *tau ajih*. Masyarakat Iban juga mempunyai peraturan hidup yang dikenali sebagai adat yang perlu dipatuhi agar mereka hidup lebih teratur, beradap dan juga mengelakkan daripada berlakunya malapetaka. Adat yang dimaksudkan berkaitan dengan adat kelahiran, perkahwinan, kematian dan pertanian.

Dalam bidang pertanian misalnya, masyarakat Iban perlu melihat dan mendengar bunyi dan pergerakan daripada beberapa jenis burung. Bunyi yang dihasilkan oleh burung-burung petanda tersebut akan menentukan baik atau buruk sesuatu kegiatan yang dilakukan oleh manusia. Jika bunyi burung tersebut tidak dipedulikan, maka boleh menyebabkan berlakunya kematian atau perkara yang tidak diingini. Penyakit, kematian, kejadian aneh yang berlaku dalam kehidupan manusia berkait rapat dengan pelanggaran adat atau pantang larang (*penti pemali*) yang ditetapkan oleh *petara* masyarakat Iban.

Masyarakat Iban juga percaya bahawa dunia ini bukan hanya didiami oleh manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan sahaja. Malah mereka percaya bahawa manusia turut berkongsi alam dengan *semangat (spirit)*. Kewujudan *semangat* (semangat) juga sering ditakuti oleh manusia terutamanya *antu* (hantu), *antu gerasi* (hantu gergasi) dan *antu menua* (hantu gunung). *Bunsu jelu* (semangat haiwan) dan *antu utai tumbuh* (semangat tumbuhan) juga merupakan antara semangat yang wujud dalam alam manusia. Kesemua semangat tersebut boleh menolong manusia dan mendatangkan malapetaka. Manusia mengalami mimpi buruk atau baik serta mendengar bunyi burung petanda, mereka harus mengadakan ritual *miring* atau *mudas*. Kebiasaannya upacara *ngintu burong*, *mudas* atau *belian* akan diadakan untuk menghindarkan petanda buruk yang dipercayai

boleh menyebabkan malapetaka. Malapetaka yang dimaksudkan adalah terdiri daripada kematian, tanah runtuh, wabak penyakit, ribut petir, kemusnahan tanaman padi, kebakaran dan binatang berbisa.

Upacara *ngintu burong*, *mudas* atau *belian* memerlukan pelaksanaan ritual *miring*. Setiap upacara penting dalam kehidupan masyarakat Iban memerlukan persembahan jamuan khas untuk *petara*, *antu*, roh nenek moyang dan juga kuasa-kuasa ghaib yang lain. Dalam konteks ini, upacara *miring* diadakan untuk memohon maaf daripada *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang lain. Malapetaka yang dihadapi oleh kaum Iban akan berlaku jika *petara*, *antu*, roh nenek moyang, semangat alam dan juga *Orang Panggau Libau* tidak berpuas hati dengan perbuatan manusia. *Petara*, *antu* dan segala dewa dewi akan menganggap manusia tidak menghormati dan menghargai mereka. Sewaktu mengadakan upacara tersebut, babi akan disembelih untuk mendapatkan hati. Seterusnya pakar ritual akan menilik nasib melalui hati babi tersebut. Upacara ini dikenali sebagai *nilik atau babi*. Sekiranya hati babi tersebut menunjukkan sesuatu yang buruk bakal berlaku, pakar ritual akan mencadangkan agar *gawai* diadakan sekali lagi bertujuan untuk menyembah *petara* dan dewa-dewi yang diharapkan dapat membantu manusia menggunakan kuasa sakti yang ada pada mereka.

Perkaitan *Adat Beburong* dan Pelaksanaan Ritual *Miring* dalam Upacara Mendirikan Rumah Panjang (*Ngentak Rumah Panjai*)

Kehidupan masyarakat Iban pada zaman dahulu yang sering berpindah-randah sering dikaitkan dengan kepercayaan terhadap petanda *burong*. Semua pergerakan burung seperti bunyi dan juga pergerakan lain dianggap membawa mesej kepada manusia. Petanda tersebut perlu diperhatikan dan ditafsir mengikut kepakaran seseorang *Tuai Burong*. Petanda tersebut memberi kesan kepada penduduk yang menghuni rumah panjang tersebut. Sekiranya legaran burung tersebut menunjukkan penduduk rumah panjang perlu berpindah, maka mereka perlu berpindah. Konsep *pindah* yang diamalkan oleh kaum Iban sentiasa berkait rapat dengan kejadian legaran burung di kawasan rumah panjang. Jika mereka tidak

berbuat demikian, berkemungkinan besar akan berlakunya kematian dan malapetaka dalam kalangan penduduk rumah panjang.

Oleh itu, bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku, kaum Iban yang ingin mencari tapak untuk membina rumah panjang baharu perlu mengambil kira petanda daripada burung-burung petanda masyarakat Iban. Setelah menemui tapak pembinaan rumah panjang yang baharu, masyarakat Iban akan mengadakan upacara ngentak rumah panjang iaitu sebagai tanda bermulanya proses pembinaan rumah panjang baharu. Penduduk rumah panjang perlu mentafsir petanda *burong* ketika upacara mendirikan rumah panjang baharu diadakan. *Tuai Burong* akan mengetuai penduduk ke tapak rumah panjang yang dipilih (*taba*) sebelum upacara ngentak dimulakan.

Manakala *piring* akan diletakkan pada bahagian yang telah dipilih iaitu bahagian tengah-tengah kawasan tiang asas. Selepas itu, lebih kurang seramai lima orang lelaki serta lima orang wanita bersama-sama melakukan perkara yang dikenali sebagai upacara *ngerembang* dengan menggunakan kayu petanda *Nendak* yang dipegang secara mendatar dengan bergerak ke atas dan ke bawah kawasan tapak. Perlakuan tersebut bertujuan untuk membuang atau membersihkan kawasan tersebut daripada semangat jahat agar tidak mengganggu kehidupan penghuni rumah panjang suatu hari nanti. Selepas upacara tersebut dilakukan, kawasan yang bakal didirikan rumah panjang akan dibersihkan. Perkara penting yang dilakukan selepas itu adalah mendirikan tiang asas atau tiang sokongan pertama yang dikenali sebagai tiang atap rumah baharu tersebut. Dalam upacara ini, *Tuai Burong* sekali lagi akan mendapatkan petanda burung *Nendak*.

Tuai Burong kemudiannya mengeluarkan beberapa azimat (*pengaroh*) yang dimilikinya, iaitu '*penchelap rumah*' yang diyakini dapat memastikan rumah panjang kekal dalam keadaan 'sejuk' secara ritualnya iaitu iklim dan persekitaran yang sederhana serta menggalakkan. Azimat-azimat tersebut akan dimasukkan ke dalam sebuah lubang yang telah digali terlebih dahulu. Seterusnya *piring* pula dibuang ke dalam lubang tersebut bersama-sama dengan sebiji batu sungai. Batu sungai tersebut berperanan

sebagai 'penyejuk' kepada rumah baharu tersebut termasuklah darah ayam jantan yang telah disembelih sebagai korban serta air basuhan azimat yang dimiliki oleh *Tuai Burong*.

Seterusnya ialah bacaan *sampi* akan dilafazkan dan tiang yang telah dikat dengan *piring* akan ditarik dengan tali dan didirikan pada posisi yang telah ditetapkan. Tiang yang pertama biasanya tiang *bilek* yang dimiliki oleh *Tuai Burong* dan beliau akan dianggap sebagai pun rumah yang bermaksud pengasas kepada rumah panjang tersebut. Upacara yang sama akan dilakukan pada tiang-tiang *bilek* yang seterusnya milik saudara mara yang lain. Segala kerja berat seperti mendirikan tiang-tiang yang seterusnya akan dilakukan bersama-sama oleh semua golongan dalam sesebuah komuniti tersebut. Walau bagaimanapun, setelah semua tiang asal rumah siap, setiap keluarga bagi setiap *bilek* akan beroperasi sebagai satu unit yang bebas untuk membina *bilek* masing-masing. Namun sepanjang proses pembinaan tersebut, banyak lagi *ritual prohibitions* (*penti pemali*) yang bermaksud pantang larang yang akan diperhatikan dan dipantau oleh *Tuai Burong* supaya tidak dilanggar oleh penduduk rumah panjang yang lain kerana dikhuatiri akan menimbulkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Perkaitan *Burong* dan Ritual *Miring* dalam Adat Perkahwinan

Perkahwinan adalah sesuatu yang wajib dalam sesebuah kehidupan manusia tidak kira umur, bangsa dan agama. Masyarakat Iban juga mempunyai adat perkahwinan yang unik dan berbeza dengan kaum-kaum yang lain. Sebelum melangsungkan majlis perkahwinan, bakal pengantin akan melalui pelbagai peringkat adat *Melah Pinang* iaitu *Nanya bini*, *Ngambi Indu* dan *Nyundang Pinang*. Adat *Melah Pinang* juga sangat berkait rapat dengan adat *beburong*. Hal ini kerana nasib dan masa depan pengantin akan terjejas jika petanda *burong* diabaikan. Seorang pakar ritual Iban, iaitu *Lemambang Blingkuk Dana* menjelaskan, petanda *burong* bukan sahaja digunakan semasa pembinaan rumah panjang baharu dan penanaman padi, tetapi turut berperanan penting dalam adat perkahwinan masyarakat Iban.

***Nanya Bini* (Merisik Bakal Calon Isteri)**

Nanya Bini ialah adat merisik gadis untuk dijadikan isteri. Sebelum pergi merisik, ibu bapa kepada lelaki yang ingin berkahwin akan mengadakan perjumpaan dengan saudara mara terdekat untuk membincangkan mengenai perkara tersebut. Ibu bapa perempuan yang ingin dilamar akan dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara tersebut agar mereka berada di rumah pada hari yang ditetapkan. Setelah rombongan pihak lelaki sampai di rumah panjang pihak perempuan, bapa perempuan akan bertanya tujuan mereka datang. Setelah ibu bapa kepada gadis tersebut bersetuju, mereka akan meminta beberapa orang masuk ke dalam *bilek* untuk mendapatkan persetujuannya. Setelah si gadis menerima lamaran tersebut, ibu bapa mereka akan membincangkan mengenai *adat nguai*.

Adat nguai yang dimaksudkan adalah sama ada gadis akan tinggal bersama keluarga suami ataupun sebaliknya. Selepas memutuskan sama ada gadis atau suami yang *nguai*, ibu bapa pihak lelaki akan menyerahkan sebarang cincin, lampit atau barangan berharga yang lain sebagai tanda lamaran tersebut. Sepanjang tempoh menunggu hari perkahwinan tersebut, gadis yang bakal berkahwin itu tidak boleh didatangi oleh lelaki lain (*ngayap*). Tarikh perkahwinan (*melah pinang*) akan ditetapkan oleh kedua-dua belah pihak. Biasanya majlis perkahwinan akan diadakan selepas tempoh dua hingga tiga minggu daripada hari merisik.

Ngambi Indu

Dalam upacara perkahwinan, masyarakat Iban sangat mementingkan *adat beburong* terutamanya semasa upacara *Ngambi Indu*. Upacara ini penting bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku kepada pengantin ataupun tetamu yang hadir pada majlis tersebut. Semasa upacara *Ngambi Indu*, pihak pengantin lelaki akan pergi ke rumah panjang pengantin perempuan. Rombongan pengantin lelaki biasanya terdiri daripada penghuni rumah panjang serta saudara mara. Bapa kepada pengantin lelaki berperanan sebagai *Tuai Kayau* untuk mengetuai rombongan pengantin lelaki tersebut. Perkataan *Tuai Kayau* digunakan dalam adat perkahwinan

masyarakat Iban kerana dianggap sebagai ekspedisi peperangan. *Tuai Kayau* akan mengetuai rombongan tersebut dengan membawa bendera dan mengikat pedang di pinggangnya sebagai simbolik. Beberapa orang pemuda yang membawa *bebendai* dan tawak akan berjalan di belakang *Tuai Kayau* dan diikuti oleh orang ramai. Jika berasa letih, pemukul gong dan *ketawak* akan meminta orang lain untuk menggantikan mereka.

Bunyi paluan gong dan *tawak* bukan hanya bertujuan untuk memeriahkan suasana, namun turut berkaitan dengan adat *beburong* masyarakat Iban. Mengikut ajaran nenek moyang kaum Iban, bunyi gendang tersebut dapat mengelakkan sesiapa sahaja dalam rombongan tersebut mendengar petanda daripada burung petanda masyarakat Iban. Mereka percaya bahawa hantu dan semangat jahat yang berada di dalam hutan berdekatan akan lari jika mendengar bunyi paluan gong tersebut. Jika perjalanan menuju ke rumah panjang pengantin perempuan memakan masa yang agak lama, *Tuai Kayau* akan membawa rombongan yang diketuai olehnya untuk berehat dan makan. Biasanya kawasan yang berdekatan dengan sungai dipilih untuk menjadi lokasi perhentian bagi memudahkan mereka mencuci tangan atau membersihkan diri sebelum meneruskan perjalanan. Namun jika perjalanan tersebut tidak mengambil tempoh masa yang lama, *Tuai Kayau* tidak perlu mengajak peserta rombongan untuk berhenti.

Setibanya rombongan tersebut di lokasi berdekatan dengan rumah panjang pengantin perempuan, mereka akan berhenti untuk berehat dan mandi. Biasanya sungai (*pendai*) yang berdekatan dengan rumah panjang yang dituju akan dipilih sebagai tempat untuk berhenti. Selepas membersihkan diri, peserta rombongan mengenakan pakaian yang cantik. Beberapa orang gadis akan mengenakan pakaian tradisional (*Ngepan Iban*) untuk menyerikan lagi majlis tersebut. Kaum lelaki pula mengenakan baju *burong* dan memakai topi yang dihias dengan bulu Burung *Ruai* (*lanjang*). Semua yang menyertai rombongan tersebut mengenakan pakaian yang cantik dan elok. Rombongan pengantin lelaki akan berada di situ sehingga pihak pengantin perempuan berarak ke *pendai* untuk menyambut kedatangan mereka. Penduduk rumah panjang menyambut kedatangan pihak pengantin lelaki dengan membawa seekor ayam, *piring*, bendera (*tambai*) dan tikar menuju ke *pendai* rumah panjang. Penduduk rumah

panjang berarak keluar dari rumah panjang dengan diiringi bunyi paluan gong untuk menyambut ketibaan para tetamu.

Ibu pengantin perempuan akan bertanggungjawab untuk membawa *tabak* yang berisi bahan-bahan *piring*. Manakala bapa pengantin perempuan pula diamanahkan untuk membawa ayam yang digunakan untuk upacara *bebiau*. Bahan-bahan *piring* terdiri daripada nasi pulut putih, nasi pulut hitam, nasi putih, rokok apung, *penganan iri*, tembakau, telur rebus, sirih dan pinang, garam, minyak masak, *sagun*, dan *Letup* (bertih padi), suratkhbar yang disapu minyak masak, air tuak dan daun ruku apung.

Tuai Piring bertanggungjawab untuk mengetuai ritual *miring* bagi menyambut kedatangan rombongan pengantin lelaki. Tikar *bemban* akan dihamparkan di atas tanah untuk dijadikan alas duduk bagi *Tuai Piring*, *lemambang* dan juga beberapa orang wakil daripada pihak pengantin lelaki. Dalam ritual *miring* tersebut, *Tuai Piring* akan meminta wakil pihak pengantin lelaki untuk memaklumkan kepada mereka sekiranya ada di antara peserta rombongan melihat dan mendengar petanda yang tidak baik sebelum dan semasa dalam perjalanan menuju ke rumah pengantin perempuan. *Tawak* dan *bebendai* akan dipalu sepanjang sesi mengalu-alukan tetamu berlangsung. Muzik gendang yang dipalu bertujuan untuk mengelakkan tetamu dan penduduk rumah panjang daripada mendengar bunyi *burong bisa* iaitu petanda burung yang sangat berbahaya. Sekiranya terdapat individu yang mendengar bunyi *burong bisa* tersebut, maka menandakan sesuatu yang tidak baik akan berlaku pada majlis tersebut. Oleh hal yang demikian, sebelum pihak pengantin lelaki masuk ke dalam rumah panjang, wakil daripada pihak pengantin perempuan akan bertanyakan mengenai *burong* kepada mereka terlebih dahulu.

Wakil daripada pihak pengantin perempuan akan bertanyakan sama ada mereka ada mendengar atau melihat *burong* (petanda) ataupun terdapat ahli keluarga tetamu yang meninggal dunia. Petanda yang dimaksudkan adalah bunyi daripada burung- burung petanda, kematian, dahan pokok jatuh (*punggu*), bunyi binatang dan juga mimpi buruk. Ia bertujuan untuk mengelakkan *burong jai* (*bad omen*) dan segala perkara yang tidak baik dibawa masuk ke dalam rumah panjang. Jika tidak berbuat demikian, *burong*

jai dan petanda tidak baik tersebut boleh menimbulkan perkara yang tidak diingini. Hal demikian kerana jika mereka ada melihat dan mendengar *burong jai*, ini bermakna antu memberi amaran kepada manusia.

Jika ada tetamu yang mempunyai *burong jai*, terutamanya mereka yang telah kematian ahli keluarga, penduduk rumah panjang akan menggunakan *penabar burong* untuk meneutralkan sesuatu keadaan. Tindakan tersebut penting agar tiada perkara buruk yang berlaku semasa majlis perkahwinan berlangsung. Wakil daripada pihak pengantin perempuan juga akan memberi *adat basa* yang terdiri daripada mata wang dan juga sebiji pinggan lama sebagai *penimbun ai mata* serta besi yang dijadikan ‘*kering semengat*’. Adat ini digunakan sekiranya ada saudara mara tetamu yang telah meninggal dunia beberapa minggu atau hari sebelum majlis perkahwinan tersebut berlangsung.

Setelah selesai nanyaka *burong*, tetamu (*pengabang*) akan masuk ke dalam rumah panjang dengan diiringi sekumpulan gadis yang mengenakan pakaian tradisional iaitu ngepan Iban. Wakil daripada pihak pengantin perempuan akan mengetuai perarakan masuk ke dalam rumah panjang dengan diikuti oleh *Tuai Kayau*, tetamu lelaki dan seterusnya tetamu perempuan. Tetamu akan diminta untuk membasuh kaki terlebih dahulu di *pala tangga* (pintu masuk utama) sebelum masuk ke dalam rumah panjang. Air basuhan tersebut diletakkan di dalam dulang kayu yang dibuat seperti perahu kecil. Tetamu akan diiringi berjalan di sepanjang *ruai* rumah panjang tersebut. Para tetamu diberikan *Ai Tuak* (air Tuak) sebagai tanda menyambut kedatangan mereka. Setelah sampai di *bilek* yang terakhir di rumah panjang, tetamu akan berjalan sehingga mereka sampai di *ruai* pengantin perempuan. Tetamu akan diminta untuk duduk dan dihidangkan dengan minuman serta makanan. Adat menyambut kedatangan tetamu ini dikenali sebagai *niki ke pengabang*.

Kuta

Kuta ialah satu halangan yang dibuat di bahagian ‘*tempuan*’ rumah panjang semasa berlakunya ritual *gawai* ataupun perkahwinan tradisional kaum Iban.

Seutas tali akan diikat di *tiang tempuan* dan dinding *tempuan*. Kemudian *pua kumbu* direntangkan pada tali tersebut. *Kuta* dibuat semasa upacara menyambut kedatangan tetamu (*niki ke temuai*) masuk ke dalam rumah panjang. Setibanya di hadapan *Kuta* tersebut, pihak penganjur *gawai* akan meminta sejumlah wang daripada wakil pihak tetamu. Jumlah wang tersebut disebut menggunakan istilah Bahasa Iban iaitu *Sigi Rusa* (RM10.00), *Sigi Alas* (RM4.00), *Sigi Panding* (RM2.00) dan *Sigi Jabir* (RM1.00). Jumlah wang yang diberikan adalah mengikut kemampuan masing-masing. Ritual *miring* tidak perlu dilaksanakan semasa penganjur *gawai* membuat *Kuta* menggunakan *pua kumbu*.

Adat bekuta telah lama wujud sejak zaman nenek moyang masyarakat Iban iaitu ketika masyarakat Iban masih mengamalkan ekspedisi *ngayau*, kota (*Kuta*) didirikan di sekeliling kawasan mereka untuk mempertahankan diri daripada musuh. Satu ritual *miring* akan diadakan sebelum *Kuta* didirikan dengan tujuan supaya kota tersebut teguh dan tidak mudah dirobuhkan oleh musuh. Namun kini, adat *bekuta* masih diteruskan tetapi mempunyai konsep yang berbeza terutamanya dalam adat perkahwinan tradisional masyarakat Iban iaitu *Ngambi Indu*.

Dalam adat *Ngambi Indu*, pihak pengantin lelaki akan datang ke rumah panjang pengantin perempuan. Seekor babi disembelih sebagai korban (*babi panjap*) semasa upacara menyambut kedatangan tetamu. Setiap tetamu (*temuai*) perlu memijak darah babi tersebut sebelum berarak masuk ke dalam rumah panjang pengantin perempuan bertujuan untuk “membuang” segala semangat jahat, dan melawan kuasa *pengaroh* (azimat) serta *burong jaie* (petanda buruk); awakka *utai jaie enda nganu* yang mungkin dibawa atau dimiliki oleh tetamu. Seterusnya, sebelum rombongan pengantin lelaki menjejakan kaki di *ruai* pengantin perempuan, mereka wajib melepasi *Kuta* terlebih dahulu. Perbuatan tersebut dianggap sama seperti ekspedisi *ngayau* apabila pihak musuh berjaya menangkap pihak lawan. Manakala dalam adat *ngambi Indu* pula, pihak lelaki dianggap berjaya mendapatkan pengantin perempuan yang akan dibawa balik ke rumah panjang mereka.



Gambar 3.3 *Pua kumbu* digantung di bahagian *tempuan* dan berfungsi sebagai *Kuta* untuk menyambut kedatangan tetamu. (Sumber: Kajian Lapangan Penyelidik, 2016)

Bebiau

Apabila selesai jamuan makan malam, pengantin perempuan dan beberapa orang lagi akan mengenakan pakaian tradisional iaitu *ngapan* Iban. Pada masa yang sama, pengantin lelaki juga menghias diri mereka dengan mengenakan *ngapan* lelaki Iban. Setelah pasangan pengantin mengenakan *ngapan*, mereka akan dipanggil untuk keluar dari *bilek*. Pasangan pengantin akan diminta untuk duduk di atas gong yang dibalut menggunakan *pua kumbu*. Acara tersebut diteruskan dengan bacaan *biau* daripada pakar ritual iaitu *Tukang Biau*. *Tukang Biau* biasanya dipilih dalam kalangan *lemambang*. *Tukang Biau* yang berdiri di belakang pengantin akan melafazkan *biau* sambil memegang seekor ayam. Upacara tersebut disaksikan oleh tetamu serta penghuni rumah panjang itu sendiri.

Setelah upacara *bebiau* selesai, ayam yang digunakan untuk miao pengantin akan disembelih. Darah ayam yang telah disembelih dianggap sebagai korban (*genselan*) pasangan pengantin tersebut. Mengikut adat perkahwinan tradisional kaum Iban, pengantin perempuan akan berada di

dalam bilik selepas upacara *bebiau*. Manakala pengantin lelaki pula akan berada di *ruai* bersama-sama dengan orang ramai. Pada malam tersebut, pengantin lelaki tidak dibenarkan untuk tidur bersama isterinya.

Nyundang Pinang

Selepas tempoh empat hari tiga malam tinggal di rumah suaminya, mereka akan menziarahi keluarga pengantin perempuan. Adat ini dikenali sebagai *nyundang pinang*. Mereka akan ditemani oleh dua orang lelaki atau lebih yang akan menolong membawa pakaian dan makanan. Walaupun tempoh untuk *nyundang pinang* hanya akan dilakukan tiga malam selepas hari perkahwinan, adat ini boleh ditanggguhkan jika suami isteri mengalami mimpi buruk ataupun petanda tidak baik seperti berlakunya kematian. Mengikut kepercayaan masyarakat Iban, berita kematian tersebut merupakan petanda buruk bagi orang yang baru berkahwin. Walau bagaimanapun mereka boleh memilih untuk berpisah (*belega*) buat sementara waktu untuk mengelakkan perkara buruk berlaku dalam alam perkahwinan mereka.

Seterusnya jika mereka mengalami mimpi buruk (mimpi jai) dan *burong jai*, mereka boleh meminta *burong* tersebut dimakan oleh individu yang mahir dalam mentafsir maksud *burong asuh empai urang ke sigi tau makai burong* untuk bertujuan untuk meneutralkan bahaya petanda *burong* yang dialami oleh pasangan yang baru berkahwin. Maksud 'meneutralkan' dalam konteks ini adalah melenyapkan pengaruh sesuatu atau akibat yang boleh membahayakan seseorang. Di samping itu, petanda buruk dan mimpi buruk tersebut juga boleh diramal melalui pembacaan hati babi. *Lemambang* Abang Entarey menyatakan, pada zaman dahulu, dalam budaya masyarakat Iban, jika hati babi menunjukkan sesuatu yang buruk, ini bermakna pasangan tersebut tidak boleh berkahwin dan mesti bercerai. Walaupun sedemikian, masyarakat Iban biasanya akan meminta pakar ritual lain untuk melakukan sesuatu ritual bagi meneutralkan *burong* tersebut sehingga bahaya *burong* tersebut menjadi *tabar* (neutral). Jika pasangan yang baru berkahwin tidak mendapat sebarang petanda dan mimpi buruk, mereka boleh meneruskan perjalanan ke rumah panjang pihak perempuan.

Sepanjang perjalanan tersebut, mereka akan mendengar dan memerhatikan jika terdapat pergerakan burung- burung petanda atau kejadian aneh. Semasa tiba di rumah pihak perempuan, mereka akan masuk sama seperti tetamu biasa. Setelah menukar pakaian, mereka akan duduk dan dikerumuni oleh penduduk rumah panjang. Kaum wanita akan duduk berkumpul di bahagian bilik manakala kaum lelaki pula di *ruai*. Makanan yang dibawa oleh pasangan suami isteri tersebut akan dihidangkan kepada semua orang yang berada di situ.

Semua pakaian (*gari*) yang dimiliki oleh si suami akan dikeluarkan dan seterusnya disidai di *ruai* supaya dapat dilihat oleh orang ramai. Dengan itu, semua penduduk rumah panjang dapat melihat betapa elok dan banyak pakaian yang dibawa oleh lelaki tersebut. Walaupun pakaian yang dibawa oleh si suami agak banyak, namun beliau mesti meminjam pakaian daripada orang lain kerana ini merupakan adat yang perlu dipatuhi. Pakaian si suami akan dibiarkan tersidai di *ruai* selama tiga hari tiga malam. Pada zaman dahulu, sepanjang tempoh tersebut, si suami sepatutnya tidur di bahagian *ruai*. Namun jika beliau bijak, sepanjang tempoh bermalam di rumah panjang isterinya, beliau tidak perlu tidur lebih awal daripada orang lain. Hal demikian kerana ketika semua penghuni rumah panjang tidur lena dibuai mimpi, berkemungkinan beliau boleh mendengar bunyi rusa, kijang, pelanduk, dahan pokok jatuh (*punggu labuh*) ataupun petanda lain. Jika hanya beliau yang berpeluang untuk mendengar petanda-petanda tersebut, ini bermakna mereka bakal menjadi kaya raya, panjang umur dan berani (*burong ngasuh raja ngasuh panjai tauka berani*). Tetapi jika petanda tersebut dapat didengar oleh orang lain, maka bermakna *burong* tersebut tidak baik. Pasangan suami isteri tersebut perlu meminta pakar *burong* untuk 'memakan' *burong* tersebut ataupun mereka berpisah buat sementara waktu.

Pasangan suami isteri tersebut akan memulakan perjalanan balik ke rumah si suami. Dua orang lelaki yang bertugas untuk menghantar pasangan suami isteri tersebut hanya tidur di rumah pihak perempuan selama satu malam. Sama seperti perjalanan sebelumnya, pasangan tersebut akan cuba mendengar dan memerhatikan sebarang bunyi burung atau petanda lain yang dianggap sebagai *burong manah* untuk mereka. Jika mereka mendengar atau melihat petanda burung yang tidak baik, mereka perlu bertemu

dengan pakar *burong*. Pakar *burong* akan ‘memakan’ *burong* tersebut agar pasangan tersebut tidak akan mengalami perkara buruk. Setelah pasangan tersebut tiba di rumah panjang suaminya, maka ini menandakan tempoh *adat nyundang pinang* telah berakhir. Hal ini bermaksud mereka tidak terikat dengan sebarang pantang larang jika ingin menziarahi (*nemuai*) ahli keluarga suami atau isteri. Selepas itu, pasangan tersebut akan dibenarkan untuk menziarahi keluarga masing-masing mengikut kehendak dan kemampuan mereka. Tujuan *adat nyundang pinang* diamalkan adalah bagi mengurangkan kesedihan ahli keluarga yang ditinggalkan oleh pasangan pengantin tersebut.

Perkaitan *Burong* Dan Ritual *Miring* Dalam Tradisi *Ngayau*

Kepala musuh yang dipenggal menjadi kebanggaan setiap lelaki Iban suatu ketika dahulu kerana mereka dianggap berani dan gagah sekiranya berjaya membawa balik kepala musuh. *Headhunting* atau *ngayau* dilakukan dengan memenggal kepala pihak musuh oleh pihak lawan. Terdapat dua jenis kayau iaitu *Kayau Besai* dan juga *Kayau Anak*. Ekspedisi *ngayau* (berperang) bukan sekadar membunuh dan memenggal kepala musuh. Kadangkala ekspedisi *ngayau* dilakukan bertujuan untuk merampas harta benda yang dimiliki oleh musuh dan seterusnya akan menjadi harta si *pengayau*.

Gelaran dan pangkat yang dianugerahkan bukan hanya diberikan kepada individu yang berjaya memenggal kepala musuh, tetapi sesiapa sahaja yang berjaya membawa pulang *tajau* (tembikar). Manakala lelaki yang tidak berjaya memenggal kepala musuh atau mendapat *tajau* tetapi berjaya menangkap seorang musuh, mereka dikategorikan sebagai *Bujang Berani* (lelaki yang berani). Musuh yang ditangkap dan dibawa balik biasanya akan dijadikan sebagai hamba, anak atau saudara angkat.

Raja Berani, Urang Tau Kayau Bujang Berani, Tali Ijok Tali Pendok, Bisi Jangkang Bisi Bedilang

Gelaran untuk lelaki Iban yang mengikuti dan memberi sumbangan dalam ekspedisi *ngayau* terdiri daripada beberapa kategori. Dato Edmund Langgu Saga, menjelaskan kategori yang pertama ialah individu yang dikenali sebagai *Raja Berani*. *Raja Berani* merupakan seseorang yang telah memenggal kepala musuh yang banyak serta memiliki banyak harta. Manakala kategori kedua ialah *Bujang Berani*. *Bujang Berani* ialah gelaran khas untuk individu yang berjaya memenggal kepala musuh sahaja namun tidak mempunyai banyak harta dan padi. Bagi individu yang mempunyai perahu perang tetapi tidak memperolehi kepala musuh akan diberi gelaran '*Tali Ijok Tali Pendok*'. Sesiapa sahaja yang menaiki perahu beliau ketika berperang dan berjaya memenggal banyak kepala musuh akan memberi satu atau dua *antu pala* kepada pemilik perahu perang.

Namun bagi individu yang tidak berjaya memenggal kepala musuh tetapi membina *bedilang* di rumah panjang akan diberikan gelaran '*Bisi Jangkang Bisi Bedilang*'. *Bedilang* ialah tempat khas yang digunakan untuk menyalai *antu pala*. Individu ini akan dihadiahkan beberapa *antu pala* sebagai tanda penghargaan kerana meminjamkan *bedilang* kepada orang lain untuk menyalai *antu pala*. *Urang Tau Kayau* pula ialah gelaran untuk individu yang menjadi ketua dalam peperangan. Beliau berperanan sebagai ketua semasa ekspedisi *ngayau* dilakukan. *Kayau* terdiri daripada dua kategori iaitu *kayau besai* dan *kayau anak*. *Kayau besai* adalah merupakan serangan terhadap pihak musuh secara beramai-ramai yang melibatkan hampir 600 sehingga 800 orang lelaki. *Pengayau* menggunakan perahu yang panjang untuk turun berperang dan menjadikan sungai sebagai laluan utama perahu-perahu perang pada zaman dahulu. Ekspedisi *ngayau* yang melibatkan kaum Iban biasanya dilakukan di dalam atau di luar negeri. *Kayau* nombangka menua bermaksud serangan terhadap musuh yang berada di luar negeri Sarawak secara besar-besaran. Misalnya pada zaman dahulu, kaum Iban akan melakukan serangan terhadap musuh di Ulu Kapuas, Pulau Riau, Tawau dan Banjar Masin. *Kayau menua diri* pula hanya melibatkan serangan terhadap musuh yang berada di dalam negeri atau lokasi yang berdekatan iaitu kawasan Batang Ai dan Batang

Rajang. Lebih daripada 40 buah perahu perang akan digunakan dalam ekspedisi *ngayau* ini.

Kayau anak pula bermaksud serangan hendap terhadap musuh yang hanya melibatkan kurang daripada 40 orang. Tengkorak musuh akan dibawa balik ke rumah panjang untuk disalai. Setibanya di rumah panjang, kaum wanita akan menyambut *antu pala* dengan menggunakan *pua kumbu* atau *Pua Belantan*. Informan Nicholas Bryan menjelaskan bahawa *Pua Belantan* ialah sejenis *kain pua* tenunan tradisional kaum Iban. Kaum wanita akan berjalan di sepanjang rumah panjang tersebut sambil membawa *antu pala*. Upacara ini dikenali sebagai *Naku antu pala*. Informan turut menjelaskan bahawa kepala-kepala yang dipenggal akan dibersihkan dahulu oleh kaum lelaki di lokasi yang agak jauh dari medan perang. Organ-organ akan dikeluarkan daripada tengkorak menggunakan buluh yang tajam. Kepala tersebut akan disalai terlebih dahulu agar tahan lebih lama. Hal ini dikatakan demikian kerana tempoh perjalanan mereka menggunakan perahu untuk kembali ke tempat asal mengambil masa yang agak lama. *Isang* yang diperbuat daripada sejenis daun yang dikenali sebagai *daun biruk* akan diletakkan di tengkorak tersebut sebagai tanda penghormatan terhadap *antu pala*.

Ritual *Miring* Untuk Ekspedisi *Ngayau*

Sebelum memulakan ekspedisi perang, penghuni rumah panjang akan mengadakan mesyuarat yang dikenali sebagai *baum*. Mesyuarat tersebut turut melibatkan penghuni rumah panjang yang berdekatan (*orang ke semakai enggau sida ba semua pengawa lantang tauka tusah*). Setelah menetapkan hari ekspedisi *ngayau* dimulakan, kesemua lelaki yang bakal menyertai ekspedisi *ngayau* akan membuat perahu perang. Aktiviti ini dikenali sebagai *beban ngaga Perau Kayau* (perahu perang). Perahu perang tersebut perlu mempunyai saiz yang cukup besar untuk memuatkan semua *pengayau*. Selain membuat perahu perang, kaum lelaki juga membuat *terabai* atau perisai yang berfungsi untuk melindungi mereka dalam ekspedisi *ngayau* yang bertujuan untuk mengelakkan mereka terkena parang apabila bertempur dengan pihak musuh. Pada masa yang sama, mereka juga membuat *ilang* menggunakan kayu yang ringan bagi memudahkan mereka membawa parang tersebut. *Ilang* merupakan sejenis parang yang panjang dan

digunakan untuk memenggal kepala musuh. Setelah selesai membuat perahu, *terabai* dan *Ilang*, mereka menetapkan hari yang sesuai untuk memulakan ekspedisi *ngayau*. Lokasi pihak musuh berada juga akan dimaklumkan kepada semua yang menyertai ekspedisi *ngayau* tersebut.

Seminggu sebelum turun berperang, kaum wanita yang terdiri daripada isteri atau ibu mereka akan menyediakan bahan-bahan yang digunakan dalam ritual *bedara* atau *miring* (perengka *piring*). Kaum wanita memerlukan masa yang agak lama untuk mencari dan membuat bahan *piring* kerana perlu dibuat sendiri oleh mereka. Kaum lelaki pula bertanggungjawab untuk mencari bahan makanan (*ngiga lauk*) dan azimat (*pengaroh*) yang diperlukan dalam ekspedisi *ngayau*. Sehari sebelum turun berperang, kaum lelaki akan memasak nasi pulut yang disimpan di dalam buluh. Makanan tersebut merupakan bekalan yang akan dibawa semasa mereka dalam perjalanan ke medan perang.

Pada waktu malam pula, kesemua kaum lelaki yang mengikuti ekspedisi *ngayau* akan berkumpul di rumah panjang *Tuai Kayau*. Ritual *miring* akan diadakan di rumah *Tuai Kayau* bagi memohon keberkatan, perlindungan, kekuatan, keberanian dan kekebalan daripada *Petara* dan Dewa Perang masyarakat Iban. Segala azimat yang digunakan dalam peperangan akan diletakkan dikeluarkan semasa ritual *miring* berlangsung. Bahan-bahan yang diperlukan dalam penyediaan *Piring ngayau* terdiri daripada *Letup*, daun ruku apong, tembakau, pinang, sirih, *kapu*, *penganan iri*, nasi, garam, nasi pulut kuning, nasi pulut putih, nasi pulut hitam, ketupat, telur, *sagun*, minyak dan air *tuak*. Dalam ritual *miring*, *pulut* menjadi antara bahan yang paling penting kerana mempunyai makna yang tertentu. *Pulut* yang berbeza perlu diambil mengikut susunan yang betul kerana menunjukkan makna yang berbeza. *Pulut* hitam yang digunakan dalam ritual *miring* bertujuan untuk mengelakkan diri mudah dilihat oleh musuh. Manakala *pulut* putih bermaksud *bisi utai ulih* iaitu mereka yang menyertai ekspedisi *ngayau* akan memperoleh kemenangan.

Dalam ritual *miring* untuk *ngayau* (perang), babi akan dijadikan sebagai haiwan korban. Hati babi akan diambil dan digunakan untuk meramal nasib perwira-perwira yang akan turun berjuang di medan perang. Biasanya haiwan korban tersebut akan disembelih dua hari sebelum mereka turun ke medan perang. Menurut informan *Lemambang Abang*, adalah lebih baik

jika setiap seorang yang mengikuti ekspedisi perang tersebut menyediakan seekor babi untuk diri mereka sendiri. Jika hati babi tersebut menunjukkan petanda yang tidak baik, mereka panjang perlu menyembelih seekor lagi babi. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan petanda yang baik. Jika hati babi yang dikorbankan pada kali kedua masih lagi menunjukkan petanda yang tidak baik, hal ini bermakna individu tersebut mungkin tewas di medan perang.

Pada malam tersebut, warga tua akan memilih lelaki yang boleh menyertai ekspedisi *ngayau* yang bertujuan untuk mengelakkan individu yang tidak layak mengalami kecederaan ataupun terkorban dalam peperangan tersebut. Manakala *Tuai Kayau* pula berperanan untuk memilih individu yang tidak menyertai ekspedisi *ngayau* kerana mereka diarahkan untuk menjaga kaum wanita dan kanak-kanak sepanjang ketiadaan yang lain. hal ini juga bertujuan untuk menjamin keselamatan penghuni rumah panjang seandainya diserang oleh pihak musuh. Dalam pelaksanaan ritual *miring* bagi ekspedisi *ngayau*, kaum Iban akan memanggil *tua* (kuasa-kuasa ghaib) dan *petara* lain untuk datang ke ritual tersebut. Di sesetengah kawasan, bahan-bahan yang disediakan dalam ritual *miring* untuk *ngayau* adalah terdiri daripada tujuh pinggan nasi pulut, tujuh pinggan *tumpi* yang diperbuat daripada beras biasa dan beras pulut, tujuh pinggan *Letup* serta tujuh biji telur ayam. Manakala bahan-bahan lain yang diletakkan di atas *tabak* pula merangkumi sirih, *Engkelait*, *daun ruku apong*, kapur sirih, pinang, tembakau dan tujuh biji ketupat yang berisi campuran beras biasa dan beras pulut dan tujuh biji ketupat berisi beras hitam. Mereka juga menyediakan satu pinggan *penganan iri*, *penganan chuan* dan *penganan jala*, tiga biji bakul kecil yang diperbuat daripada buluh, dua ekor babi, sebiji tengkorak (*antu pala*), sebiji kelapa, air *tuak* dan kain yang dijadikan sebagai *setunggol* (lambang) dalam ekspedisi perang tersebut.

Dalam ritual *miring* tersebut, kaum lelaki (*pungka lelaki*) yang bakal menyertai peperangan tersebut akan diminta untuk duduk di *ruai Tuai Kayau*. Setelah *piring* siap, *Tuai Kayau* diminta untuk *miau piring* tersebut. Ayam (manok) yang digunakan dalam upacara *bebiau* akan *dibiau* sebanyak tiga kali diatas kepala setiap lelaki bertujuan untuk mendoakan mereka agar panjang umur dan berada dalam keadaan baik selama dalam tempoh

peperangan tersebut. *Tuai Kayau* seterusnya membuang air tuak sebanyak tujuh kali dan perbuatan tersebut bertujuan untuk memanggil *petara* supaya melindungi mereka dalam peperangan. Nasi pulut yang dijadikan sebagai salah satu daripada bahan *piring* bertujuan untuk mendoakan peserta kayau yang turun berperang tidak berpecah belah dan saling bersatu-padu. Manakala perbuatan meminum air *tuak* dan mengadakan ritual *miring* juga bermakna mereka mendoakan agar peserta kayau tidak putus asa dan bersemangat kental dalam peperangan. *Tumpi* pula melambangkan keikhlasan hati kaum lelaki yang menyertai ekspedisi *ngayau*. Di samping itu, *Letup* yang ditabur di ruang ritual pula dianggap sebagai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa datang dan membantu manusia dalam peperangan tersebut.

Daun *ruku apong*, sirih dan bahan *piring* yang lain pula akan digunakan untuk membuat *Piring Turun Lima*. *Piring* tersebut diletakkan di dalam bakul kecil yang diperbuat daripada buluh. Dan diletakkan di *tiang pemun* (tiang asas) rumah panjang atau *tiang ranyai*. Tujuan *piring* diletakkan di *tiang ranyai* ialah agar *piring* tersebut dimakan oleh *Orang Panggau Libau* iaitu kuasa-kuasa ajaib yang dipuja dalam ritual *miring* tersebut. Mengikut kepercayaan tradisi kaum Iban, lelaki yang bakal menyertai ekspedisi perang perlu memerhatikan sebarang petanda selain melaksanakan ritual *miring*. Petanda yang dimaksudkan ialah melalui mimpi dan bunyi burung-burung petanda masyarakat Iban. Petanda tersebut akan menentukan nasib mereka di medan perang. Petanda daripada burung petanda masyarakat Iban perlu diambil kira oleh para pahlawan yang menyertai ekspedisi *ngayau*. Bunyi daripada *burung Kutok* yang didengari oleh mereka di medan perang menunjukkan petanda yang kurang baik. Hal ini bermaksud mereka hanya dapat membunuh musuh tetapi tidak berjaya mendapatkan kepala yang dimiliki oleh musuh. Petanda tersebut sering dikaitkan dengan *burong lebu* iaitu petanda yang mengecewakan manusia.

Manakala jika para pahlawan mendengar bunyi burung *Pangkas* dari sebelah kanan ketika meninggalkan lokasi pertempuran dengan pihak musuh, mereka harus bermalam di tempat tersebut untuk satu malam. Hal ini bermaksud, mereka akan mengalami kekalahan dalam peperangan yang akan datang. Justeru itu, bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan pada

pertempuran seterusnya, mereka perlu membatalkan perjalanan pulang ke rumah panjang. Jika mereka tidak mengingkari amaran tersebut, petanda tersebut akan menjadi tidak berbahaya. Sekiranya anda mendengar bunyi daripada burung *Pangkas* di sebelah kanan laluan yang anda ikuti semasa anda sampai ke medan perang, itu adalah petanda yang sangat baik kerana menunjukkan bahawa para pahlawan akan menjadi sangat kuat dalam melawan musuh anda dalam pertempuran yang akan datang.

Perkaitan *Burong* dan Pelaksanaan Ritual *Miring* dalam Penanaman Padi (*Bumai*)

Adat dan ilmu pertanian yang diamalkan oleh masyarakat Iban dipercayai diajar oleh dewa yang bernama *Kilau Achan*, *Ambun Bulan*, *Belang Pinggang* dan *Pulang Gana*. Selain menanam padi, mereka juga akan menanam pelbagai jenis sayur-sayuran di tepi huma. Menurut penjelasan daripada informan Meria Liban, penanaman padi yang dilakukan secara berulang kali di kawasan yang sama akan menjejaskan kesuburan tanah tersebut. Maka, ini akan menyebabkan orang Iban sering melakukan pertanian *pindah*. Mereka akan berpindah ke kawasan pertanian yang baharu untuk mendapatkan tanah yang subur dan sesuai dijadikan sebagai tapak bercucuk tanam. Kaum Iban lebih gemar menanam padi bukit jika dibandingkan dengan padi paya. Hal ini dikatakan demikian kerana permukaan muka bumi di Borneo sangat berbukit bukau. Mereka berkerjasama untuk melakukan proses-proses menanam padi dari peringkat akhir sehingga proses menuai padi (*ngetau*) selesai. *Padi Pun* berperanan penting dalam budaya masyarakat Iban. Bagi kaum Iban, padi dianggap suci dan mempunyai semangat yang suci.

Petanda dan bunyi burung-burung petanda kebiasaannya berperanan penting dalam bidang pertanian kaum Iban terutamanya semasa *bumai* (menanam padi). Menurut *Lemambang* Abang Entarey, masyarakat Iban mengamalkan adat mencari *tambak burong* sebelum mereka memulakan sesuatu kerja-kerja pertanian seperti menanam padi. *Tambak burong* ialah tumbuhan yang dicabut dengan menggunakan tangan semasa mendengar bunyi daripada burung. Selepas itu tumbuhan tersebut akan dibawa ke lokasi yang dipilih untuk menanam padi. Upacara tersebut dikenali

sebagai '*Manggol*' dalam masyarakat Iban. Terdapat beberapa panduan mengenai petanda burung yang akan diperhatikan oleh masyarakat Iban ketika melakukan kerja-kerja pertanian terutamanya menanam padi huma. Menurut Edmund Langgu apabila masyarakat Iban memulakan kerja-kerja menanam padi dan mendengar bunyi burung *Ketupong* di sebelah kanan dan seterusnya diikuti oleh bunyi burung *Beragai* di sebelah kanan, hal ini bermakna mereka akan memperoleh hasil tuaian yang banyak. Jika mereka mendengar bunyi burung *Embuas* di sebelah kiri dan diikuti oleh bunyi *Bejampong* di bahagian kiri, hal ini bermakna hasil tanaman tidak akan diganggu oleh binatang dan tumbuh subur.

Seterusnya, jika petani terdengar bunyi burung *Bejampong* di sebelah kiri dan kemudiannya diikuti dengan bunyi daripada *Embuas* di bahagian kiri, ini menandakan bahawa kawasan huma akan dibakar dengan sempurna. Bunyi burung *Ketupong* di sebelah kanan dan seterusnya diikuti bunyi daripada *Bejampong* di kiri, tanaman dijangka akan rosak teruk. Petanda yang wujud itu dikenali sebagai burung *busong*, iaitu petanda burung yang tidak baik. Jika petani terdengar bunyi burung *Beragai* di sebelah kanan dan kemudiannya bunyi *Bejampong* di bahagian kiri, ini pula menandakan nasib malang. Hal demikian kerana petanda *burong* tersebut akan membawa kesedihan kepada keluarga individu yang mendengarnya. Maka akan terdapat ahli keluarga atau saudara mara terdekat akan meninggal dunia selepas itu.

Sementara itu jika petani mendengar bunyi burung *Embuas* (kiri) dan kemudiannya bunyi burung *Pangkas* (kanan), ini dikenali sebagai dua matahari. Istilah dua matahari bermaksud kematian akan berlaku dalam keluarga petani tersebut. Manakala ketika hendak memulakan sesi membersihkan huma (kanan) dan kemudiannya mendengar bunyi daripada burung *Kelabu Papau* (kiri), ini menandakan mereka akan kehilangan ahli keluarga dalam masa terdekat.

Setelah selesai melawat *panggol* (memeriksa *piring* yang disediakan pada awal musim *Manggol*) dan mendengar bunyi daripada burung *Kelabu Papau* di sebelah kiri, ini menandakan bahawa *pelesit* tidak akan mengganggu tanaman padi. Dalam tempoh tujuh hari selama *ngundang panggol* (melawat *panggol*), masyarakat Iban akan cuba mengelak daripada mendengar bunyi

daripada mana-mana burung selain daripada bunyi *Nendak*. Hal ini dikatakan demikian kerana bunyi daripada burung tersebut tidak terlalu bahaya dan tidak mendatangkan perkara buruk. *Manggol* merupakan ritual yang dilakukan di kawasan huma dan memerlukan ritual *miring* yang bertujuan untuk meminta kebenaran daripada *Sempulang Gana* sebelum memulakan aktiviti pertanian di sesuatu tempat. *Piring* disediakan di rumah panjang terlebih dahulu dan dibahagikan kepada penduduk rumah panjang yang lain dan kemudiannya dibawa ke kawasan huma masing-masing. Biasanya sebelum memulakan aktiviti berhuma, kaum Iban akan mengadakan *Gawai Batu*.

Gawai Batu diadakan bertujuan untuk memuja batu-batu pengasah yang digunakan untuk aktiviti pertanian. Batu-batu tersebut akan dimandikan di sungai yang berdekatan dengan rumah panjang oleh pemilik batu dan kemudiannya disapu dengan minyak masak. Kemudiannya, *lemambang* melafazkan *biau* dengan memegang seekor ayam untuk memanggil *petara-petara* yang dapat menolong masyarakat Iban. Selepas selesai upacara *bebiau*, *lemambang* memulakan upacara *mengap* sambil mengelilingi *pandong* yang diletakkan di tengah-tengah *ruai*. Manakala semasa kerja-kerja menebang pokok dan membersihkan kawasan huma sedang dilakukan dan pemilik huma terserempak dengan binatang seperti kancil, kijang, dan sebagainya, ini bermaksud hamba *Sempulang Gana* datang membantu manusia melakukan kerja-kerja mereka. Kerja-kerja yang dilakukan oleh manusia akan menjadi ringan dan mudah kerana dibantu oleh kuasa-kuasa ghaib itu. Manakala jika mana-mana binatang mendekati pemilik huma dari depan, ia dianggap sebagai laba iaitu tuah datang kepada pemilik kebun atau huma. Ia bermaksud pemilik huma tersebut akan mendapat padi yang banyak. Tetapi jika mana-mana binatang datang dari belakang yang dikenali sebagai *burung nyubok* maka ini membawa petanda buruk. Jika kejadian seperti ini berlaku, ritual *miring* akan diadakan sekali lagi bagi menghindari sesuatu yang tidak diingini menimpa pemilik huma tersebut.

Perkaitan *Burong* dan Ritual *Miring* dalam Pembuatan *Pua Kumbu*

Kain *pua kumbu* amat penting dalam budaya masyarakat Iban dari dahulu lagi sehingga kini. *Pua kumbu* merupakan salah satu objek yang sangat penting dalam ritual *miring* dan *gawai* kaum Iban. *Miring* dan *gawai* merupakan dua perkara yang yang berlainan. Ritual *miring* itu merupakan satu ritual yang dilakukan sama ada secara kecil-kecilan atau secara besar-besaran dan mengambil masa satu hari sahaja. Tetapi dalam ritual *gawai*, ritual *miring* adalah wajib dilakukan pada setiap peringkat *gawai* itu dilaksanakan. Kain *pua kumbu* yang digunakan sebagai selimut, telah dijadikan objek sakral yang digunakan dalam ritual *gawai*. Ritual *gawai* ialah satu ritual yang dilakukan secara besar-besaran oleh masyarakat Iban dan mengambil masa selama beberapa hari dan malam, tetapi ritual *miring* dijalankan dalam tempoh masa yang singkat, misalnya dua atau tiga jam sahaja.

Selepas selesai musim menuai, masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang mempunyai waktu lapang yang sangat panjang. Hal ini dikatakan demikian kerana pada ketika itu mereka tidak mempunyai pekerjaan lain. Maka, kaum wanita terutamanya akan menggunakan waktu lapang tersebut dengan menenun *kain pua*. *Kain pua* adalah sejenis kain tenunan tradisional masyarakat Iban yang dihasilkan melalui teknik ikat. Mereka akan melakukan kerja-kerja menghasilkan benang dan pewarna asli secara beramai-ramai. *Pua kumbu* merupakan perkataan dalam Bahasa Iban iaitu kata nama khas untuk barangan tekstil kaum yang terbesar di Sarawak ini. Selain itu, *pua kumbu* juga merupakan dua perkataan yang memberi nama yang sama kepada satu benda. *Pua* bermaksud penutup atau selimut dan *kumbu* pula bermaksud 'penutup' atau 'selimut' tetapi ia merujuk kepada proses ikat atau *kebat*.

Tenunan *pua kumbu* lebih halus berbanding anyaman ikat yang lain. Kain *pua kumbu* banyka memaparkan simbol alegori pada tenunannya dan sangat terkenal sebagai barang artifak dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. *Pua kumbu* juga dikenali sebagai 'selimut rohani' kerana dipercayai mengandungi maksud dan kuasa. Semakin bertenaga coraknya, semakin dekatlah seseorang itu dengan dunia ghaib dan semakin berbahaya kepada si penenun kerana ia cuba menyerap tenaga dan semangat ghaib ke dalam hasil tenunannya. Hasil tenunan itu nanti boleh melindungi si pemakai. Justeru, tenunan *pua*

kumbu dalam konteks tradisional amat besar maknanya dalam menentukan kedudukan seseorang wanita. Manakala, corak yang dihasilkan pada setiap tenunan adalah berdasarkan motif-motif yang sering ditemui pada seni corak Sarawak. Motif-motif haiwan yang biasa digunakan adalah seperti burung, rusa, ular, lintah, tupai, katak, bunga dan buah-buahan. Motif tertinggi adalah motif *Engkeramba* (manusia) dan motif semangat.

Di Daerah Saratok agak terkenal dengan kemahiran penduduk yang menghasilkan seni tekstil *pua kumbu* (Bibiana, 2014). Ramai penenun *pua kumbu* yang berasal dari daerah Saratok terlibat dalam penghasilan *pua kumbu* sekitar taun 1980-an dan hasil tangan mereka turut dipamerkan di Muzium Tekstil Sarawak. *Pua kumbu* mempunyai nama yang berbeza berdasarkan corak yang dibuat oleh wanita Iban. Nama *pua kumbu* juga adalah berbeza mengikut daerah atau bahagian *Pua* tersebut dihasilkan. Penghasilan motif *pua kumbu* pula mempunyai tahap penghasilan yang berbeza-beza bergantung kepada ketinggian kepakaran seseorang penenun itu, darjat, dan taraf motif yang ingin dihasilkan oleh seseorang penenun. Segelintir daripada motif tersebut hanya dapat dihasilkan oleh individu yang telah dianugerahkan disumpah antu. Antara nama *pua kumbu* yang dihasilkan oleh penenun *Pua* di Daerah Saratok ialah terdiri daripada *Lebur Api, Bali Kalikut, Bali Belumpung, Bali Begajai, Tangga Bejie, Berinjan Indu, Bulan Bepayuk, Ranyai Sebayan, Tedong Salumpong, Tandan Ridan Nyelenga, Pancar Panas Sebayan, Balu Menyagu, Sintau Kemarau, Gelung Paku, Nabau Ngeraran dan Simbang Terabai*. Mimpi menjadi sumber inspirasi bagi penenun untuk menghasilkan motif *pua kumbu*. Umumnya, pembuat *pua kumbu* akan memperoleh motif *pua kumbu* melalui mimpi mereka sebelum proses-proses mereka motif dijalankan. Kreativiti penenun juga turut membantu mereka dalam proses penghasilan motif *pua kumbu*.

Dalam ritual pembuatan *kain pua*, ritual *miring* lazimnya dijalankan pada sebelah pagi untuk menghadap *petara* atau kuasa-kuasa luar biasa lain dengan tujuan memohon restu, berkat, kesejahteraan, kepakaran dan keselamatan bagi penenun dan keluarganya. Kebiasaannya ritual *miring* mengambil masa satu jam lebih untuk disiapkan, bergantung kepada keadaan dan pakar ritual.



Gambar 3.4 Penenun-penenun *pua kumbu* di kawasan Rumah Panjang Sungai Klampai, Sebetan Saratok pada tahun 1987. (Berdiri di belakang: Andui, Echa, Enda, Bangi, Lumu, Seri) (Duduk di bahagian hadapan: Maria, Bansu, Anying dan Suyah) Sumber: Koleksi Penulis



Gambar 3.5 Penenun *pua kumbu* sedang menyiapkan peralatan untuk proses 'Ngembun' di Muzium Negeri Sarawak, Tahun 1980

Ritual *Ngar*

Satu ritual khas yang diadakan untuk menghasilkan pewarna *pua kumbu* dikenali sebagai ritual *Ngar*. Upacara *nakar* biasanya diadakan pada hari kedua ritual *pua kumbu*. Ritual *nakar* tidak boleh dijalankan sama sekali dengan sesuka hati jika tidak mendapat arahan atau *pengaroh* daripada kuasa luar biasa. Kaum wanita yang terlibat dalam ritual *pua kumbu* menggunakan batu serta azimat lain (*pengaroh*) untuk melindungi diri. Batu-batu tersebut merupakan batu yang diperoleh oleh wanita Iban melalui arahan *Kumang* menerusi mimpi. Batu-batu tersebut penting untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku dalam ritual *pua kumbu* tersebut. Menurut Puan Janet, ritual *Ngar* hanya akan dilakukan jika *engkudu* digunakan untuk mewarnakan benang. Ritual *Ngar* tidak perlu dilaksanakan jika *engkerebai* dan *sebangki* digunakan untuk menghasilkan pewarna benang. Ramuan yang digunakan dalam proses ini biasanya sama. Antara bahan yang digunakan adalah seperti minyak kepayang (*Pangium edule*), halia, lengkuas (mengikut kehendak) dan garam apung.

Ngar merupakan proses mengukur kandungan bahan untuk dicampurkan dengan benang. Upacara ini merujuk kepada *kayau indu* yang bermaksud peperangan wanita. *Kayau indu* boleh disamakan dengan pahlawan atau golongan lelaki yang pergi berperang. Dalam penulisan Garvin (1991) yang bertajuk “*Kayau Indu: The Warpath of Women*” menyatakan ritual *nakar* dikenali sebagai ritual *Kayau Indu* atau ritual *ngar* dan hanya boleh dijalankan oleh seseorang wanita jika beliau mengalami mimpi dan menerima arahan atau *pengaroh* daripada kuasa luar biasa (*petara*, dewadewi, *antu*, semangat atau roh nenek moyang). Individu yang berani untuk menanggung risiko ini merupakan individu yang pakar dalam mengukur kuantiti campuran bahan. Wanita yang pakar dalam mencampurkan bahan-bahan pewarna dengan sukatan yang tepat akan digelar sebagai *Indu Nakar Indu Ngar*. Lazimnya wanita yang berstatus *Indu Nakar Indu Ngar* akan diberi kepercayaan untuk mengetuai ritual *Ngar*.

Keseluruhan proses pembuatan *pua kumbu* mengambil masa satu atau dua minggu untuk disiapkan. Sukatan bahan yang tepat akan menghasilkan benang yang berwarna merah terang. Proses ini hanya mampu dilakukan

oleh individu yang pakar sahaja. Peringkat ini merupakan peringkat yang agak rumit kerana memerlukan pelbagai proses. Proses-proses tersebut terdiri daripada proses *ngirit*, *ngarap*, *negi*, *ngachuk empelawa jeruk*, *muai* dan *nipan*. *Piring* yang dipersembahkan sepanjang proses pembuatan *pua kumbu* bertujuan untuk memanggil dewi untuk datang membantu kerja-kerja pembuatan *pua kumbu*. Ritual *miring* dilaksanakan terlebih dahulu sebelum ritual *nakar* dimulakan. Setelah ritual *miring* selesai, *Indu Nakar Indu Ngar* atau *Indu Pandai Indu Julai Tau Nachai Gajai Lebor Api* menuangkan air panas dan campuran bahan-bahan asli yang telah ditumbuk lumat dan dimasukkan ke dalam *dulang penakar*. Peringkat seterusnya pula adalah meletakkan dan merendam benang taya ke dalam *dulang penakar*. Benang tersebut perlu dibalut dengan kain dan dibiarkan direndam di dalam *dulang penakar* selama satu malam. Setelah proses merendam benang selesai, benang tersebut akan dijemur sehingga kering sebelum proses menenun.

Dewi yang dijemput untuk datang ke upacara tersebut ialah *Kumang* dan *Indai Abang*. Nicholas Bryan menjelaskan bahawa *Kumang* dan *Indai Abang* merupakan dewi yang paling mahir menghasilkan *kain pua*. Oleh itu, sekiranya ada wanita Iban yang ingin membuat *kain pua*, mereka akan meminta tunjuk ajar dan arahan daripada Dewi *Kumang* dan *Indai Abang* terlebih dahulu melalui mimpi. Segelintir penenun *kain pua* akan mengalami mimpi berjumpa Dewi *Kumang* beberapa hari sebelum beliau menenun motif *kain pua*. Seseorang penenun tidak boleh menenun motif mengikut kehendak mereka. Hal demikian kerana setiap motif mempunyai tahap dan makna tertentu. Jika motif yang ditenun oleh penenun tidak sesuai dengan dirinya, maka akan mendatangkan bahaya kepada beliau. Beliau akan jatuh sakit atau meninggal dunia jika memilih motif yang mempunyai tahap yang lebih tinggi.

Piring yang disediakan khas semasa menenun *pua kumbu* merupakan sajian makanan yang ringkas yang hanya memerlukan beberapa hiris pinang, rokok apung, tembakau, sebiji telur ayam dan sirih yang telah disapukan sirih. Mengikut kepercayaan masyarakat Iban, Dewi *Kumang* akan marah jika melihat tiada sirih dan pinang disediakan semasa mereka datang menolong wanita Iban menenun *pua kumbu*. Dewi *Kumang* akan

menimbulkan perkara yang tidak diingini semasa proses pembuatan *Pua* dilakukan sekiranya tidak disambut dengan *piring*. Penenun *kain pua* akan jatuh sakit atau meninggal dunia jika melanggar pantang larang ritual *kain pua*. Biasanya *piring* akan dipersembahkan dalam angka ganjil. *Piring* yang sudah siap diletakkan di atas pinggan. Ia kemudiannya akan diletakkan di bawah alat yang digunakan untuk menenun *pua*.

Selepas tempoh tiga malam, *piring* tersebut boleh dibuang atau dibiarkan sahaja sehingga tidak diperlukan lagi. Ia bertujuan agar proses-proses pembuatan *pua kumbu* berjalan dengan lancar dan penenun tidak menghadapi sesuatu yang tidak diingini sepanjang tempoh penghasilan kain tradisional kaum Iban itu. Puan Meria Liban turut menyatakan bahawa seseorang penenun harus menyediakan *piring* agar *kain pua* mereka dapat disiapkan dengan cepat. Orang Iban percaya jika *piring* dipersembahkan semasa tempoh penghasilan *kain pua*, Dewi *Kumang* dan *Indai Abang* akan datang dan membantu penenun melakukan kerja-kerja menenun *Pua*.

Tempoh untuk menghasilkan *pua kumbu* memakan masa yang agak lama. Proses *ngebat ukir* memakan masa selama satu minggu, manakala menghasilkan warna dengan menggunakan *engkudu* pula mengambil masa sekitar 15 hari. Proses '*mampul*' pula memerlukan masa tiga hari manakala proses *ngupak* pula memerlukan masa selama dua hari sahaja. Satu minggu lagi pula diperlukan untuk menenun *pua kumbu* sehingga siap.

Bab 4

Menyingkap Keperluan Ritual *Miring* dalam Budaya Iban

Masyarakat Iban merupakan sebuah kelompok komuniti yang tinggal di seluruh bahagian di negeri Sarawak. Selain itu, masyarakat Iban pada zaman sekarang telah menganuti agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir di dalam kalangan mereka yang masih belum menganut agama-agama besar tersebut. Justeru itu, sesetengah mereka masih mengamalkan kepercayaan warisan atau kepercayaan animisme atau *pengarap lama* yang diwarisi sejak turun-temurun lagi.

Dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka mereka percaya bahawa wujudnya kuasa-kuasa luar biasa daripada alam ghaib. Bagi masyarakat Iban, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dapat membantu mereka dalam memperoleh sesuatu kebaikan. Tambahan pula, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa juga boleh mendatangkan malapetaka dalam kehidupan masyarakat Iban sekiranya mereka telah melakukan kesilapan. Misalnya, mereka akan ditimpa musim kemarau, banjir, kekurangan sumber makanan, tanah runtuh, wabak penyakit, kebuluran, ditimpa nasib malang dan terkena sumpahan buruk. Hal ini

dikatakan demikian kerana berkemungkinan masyarakat Iban melakukan kesilapan dengan sengaja atau tidak sengaja tanpa disedari, seperti melanggar pantang-larang atau mengingkari arahan kuasa-kuasa luar biasa terhadap sesuatu perkara yang penting, justeru akan menimbulkan kemarahan kuasa-kuasa luar biasa terhadap masyarakat Iban. Tambahan pula, segala masalah yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat Iban boleh memberi kesan yang buruk terhadap emosi mereka, seperti menderita, mengidap sesuatu penyakit, menghadapi trauma, hidup diselubungi ketakutan, serta kesukaran untuk meneruskan kehidupan. Dalam meredakan situasi yang tidak diinginkan, maka bentuk-bentuk perlakuan ritual perlu dilakukan. Justeru itu, pelaksanaan ritual *miring* dilakukan sebagai keperluan dalam budaya dan kelangsungan hidup (*survival*) masyarakat Iban itu sendiri.

Setiap kumpulan masyarakat di dunia ini mempunyai satu amalan tradisi yang akan melambangkan identiti masyarakat tersebut. Tidak kira latar belakang, bangsa, agama, dan benua, yang pastinya setiap kaum mempunyai adat tradisi tersendiri. Begitu juga dengan kaum Iban yang terdapat di Sarawak. Mereka sangat terkenal dengan keunikan adat dan budaya. Masyarakat Dayak Iban adalah amat mementingkan identiti serta pegangan kepada adat resam tradisinya, dan kesemua perkara tersebut menjadi teras pegangan utama, menjadi dasar dan sebagai pegangan falsafah dalam kehidupan mereka sehingga ke hari ini. Ciri-ciri inilah yang menyebabkan masyarakat Iban sangat unik berbanding dengan masyarakat lain di seluruh pelusok dunia.

Miring merupakan ritual khas yang dilaksanakan untuk membuat persembahan dan berdoa kepada tuhan atau *petara*. Ritual tersebut dilaksanakan agar tuhan memberkati permintaan dan melindungi mereka daripada sesuatu ancaman. Ritual *miring* merupakan salah satu warisan budaya masyarakat Iban yang masih diamalkan oleh kaum Iban pada masa kini. Walaupun ritual *miring* dikatakan telah diamalkan sejak kewujudan kaumnya, namun masyarakat Iban tidak melupakan adat yang sangat unik itu. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sangat berpegang teguh kepada adat resam, amalan- amalan ritual, adat istiadat tradisi, pantang larang dan kepercayaan animisme. Budaya *miring* masih diamalkan pada hari ini walaupun kebanyakan masyarakat Iban telah memeluk agama Kristian.

Seperti dijelaskan dalam *Encyclopaedia of Iban Studies* (2001:1468), “*No ritual ever observed without piring*”, yakni *Nadai pengawa siti ke enda diintu enggau piring, piring* selalunya dipersembahkan dalam setiap upacara ritual dalam masyarakat Iban.

Mengikuti adat dan kepercayaan masyarakat Iban, ritual *miring* biasanya diadakan sebelum sesuatu aktiviti penting diadakan atau selepas berlakunya malapetaka atau kejadian yang tidak diingini menimpa penduduk rumah panjang. Jika ritual *miring* tidak dilaksanakan, maka akan mendatangkan kesan buruk kepada manusia. Masyarakat Iban percaya sesuatu yang buruk akan berlaku jika mereka tidak mengikuti arahan daripada *petara* yang mereka perolehi melalui mimpi dan juga petanda yang ditunjukkan oleh burung petanda masyarakat Iban atau kejadian alam yang pelik (*burong*). Oleh itu, masyarakat Iban sangat mengambil berat tentang petanda burung. Mereka percaya kepada semua jenis petanda burung dan binatang lain kerana dianggap sebagai satu bentuk amaran kepada manusia, iaitu amaran yang berbahaya daripada kuasa ghaib. Biasanya masyarakat Iban percaya pada petanda yang wujud dalam kehidupan mereka, dan apa-apa jua petanda harus disambut dengan upacara *miring*, iaitu dengan memberikan persembahan makanan kepada tuhan mereka. Tujuannya adalah untuk meredakan keadaan yang wujud antara manusia dan tuhan-tuhan mereka dan seterusnya boleh membawa tuah, kebahagiaan, keamanan, dan kekayaan kepada kehidupan mereka.

Dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, golongan mereka ini masih tebal mengamalkan tradisi kepercayaan warisan yang diwarisi sejak turun-temurun. Kepercayaan warisan tersebut, ia melibatkan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang merangkumi *petara-petara*, dewa-dewi, antu, semangat baik dan semangat jahat, serta roh nenek moyang masyarakat Iban yang sudah meninggal dunia. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dalam kehidupan mereka perlu dihormati, disembah dan disanjung dengan bentuk-bentuk perlakuan ritual. Tambahan pula, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa juga boleh mempengaruhi sesetengah aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Iban pada zaman

dahulu memerlukan kepada keizinan dan kerestuan daripada kuasa-kuasa luar biasa melalui bentuk-bentuk perlakuan ritual, seperti ritual *miring*. Perlakuan ritual ini adalah bertujuan untuk memperoleh sesuatu kebaikan dan mengelak daripada kejadian yang tidak diingini berlaku. Walau bagaimanapun pada masa ini, pelaksanaan ritual *miring* jarang-jarang dilakukan, kecuali ada keperluan-keperluan yang tertentu.

Kegiatan pemujaan atau penyembahan terhadap kuasa-kuasa luar biasa yang dilakukan oleh masyarakat Iban dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* memerlukan kepada peranan golongan pakar ritual kerana sesebuah pelaksanaan ritual *miring* tidak akan mencapai matlamat penting atau keperluan tertentu sekiranya diurus dan dilaksanakan oleh seseorang individu yang kurang berkelayakan dalam melakukan ritual, lebih-lebih lagi pada zaman sekarang ini golongan pakar ritual, seperti *lemambang* yang kini semakin berkurangan dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring*. Justeru itu, pelaksanaan ritual *miring* agak sukar dilakukan sekiranya kekurangan golongan pakar ritual, seperti *lemambang*. Masyarakat Iban yang masih berpegang kuat terhadap kepercayaan warisan, maka mereka mengadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa melalui pelaksanaan ritual *miring*.

Asal-Usul Ritual *Miring* dalam Budaya Masyarakat Iban

Ritual *miring* merupakan upacara memberi “sajian makanan” dan penyembahan sebagai tanda berterima kasih kepada kuasa-kuasa luar biasa. Ritual *miring* yang dilakukan bukan sahaja untuk mengucapkan rasa syukur, namun sebagai satu cara masyarakat Iban berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa agar mendapat kehidupan yang lebih baik termasuk dimurahkan rezeki serta umur yang panjang di dunia ini. Terdapat banyak cerita dan hikayat yang mengaitkan tentang asal-usul dalam ritual *miring*. Bagi masyarakat Iban, ritual *miring* yang dilakukan mesti mempunyai sebab atau keperluan yang tertentu. Ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban tidak ada bezanya dengan ritual lain di dunia ini yang mempunyai jalan ceritanya tersendiri.

Asal usul ritual *miring* bermula daripada *Seiba Iba* yang tinggal di antara dunia dengan alam *sebanan*. *Seiba Iba* merupakan salah seorang daripada tuhan dalam masyarakat Iban yang mengajar mereka tentang susun atur ritual *miring*. Selain itu, beliau juga telah mengajar masyarakat Iban yang terdahulu membaca mantera dan bersyair bagi memanggil atau menyeru kuasa-kuasa luar biasa untuk datang memberi pertolongan dan membantu mereka. Beliau juga menyatakan bahawa *Seiba Iba* juga selalu dijemput *Sengalang Burung* membaca mantera semasa ritual *Gawai Kenyalang* di Tembawai Sandung Kenyalang dahulu. Di samping itu, semasa masyarakat Iban terdahulu masih tinggal bersama *petara* mereka dan belajar mantera dengan *Seiba Iba* serta belajar untuk memulakan ritual *miring* mereka sendiri. *Seiba Iba* telah mengajar *lemambang Sampang Gading* untuk membaca mantera. Mantera ini masih diingati oleh sesetengah masyarakat Iban yang menjadi golongan pakar ritual sehingga hari ini.

Manakala, menurut seorang informan iaitu *Lanting*, beliau mengemukakan pandangan yang berbeza tentang asal usul ritual *miring*. Menurut *Lanting* ritual tersebut bermula daripada *Simpulang Gana*, iaitu semasa beliau ingin memperisterikan *Endu Serentum Tanah Tumbuh, Geruh Geruh Tengah Antara, Dayang Kemelang Tanggi Buluh Kindang Kindang Ngelayang di tangan Danggur Uma. Bapa Endu Serentum Tanah Tumbuh, iaitu Samarugah* telah memanggil semua lelaki ke ritual *gawai* yang dianjurkan oleh beliau. Semasa ritual *gawai* tersebut berlangsung, beliau sering bertanya kepada lelaki yang ingin memperisterikan anaknya serta tentang adat mengalu-alukan kedatangan tetamu. Semasa tetamu datang, *Samarugah* telah menyuruh *Bujang Ilang Lengain* untuk mengalu-alukan kedatangan tetamu, namun *Bujang Ilang Lengain* hanya melakukan sambil lewa sahaja.

Selepas itu, *Simpulang Gana* pun menyediakan *piring* dan mengambil ayam dan memberkati *piring* tersebut bagi menyambut kedatangan tetamu itu dengan mantera dan disemah dengan darah ayam. Selain itu, *Simpulang Gana* terus bertanya kepada tetamu tentang petanda yang mereka dengar sepanjang perjalanan. Sekiranya tiada petanda, maka menandakan bahawa kedatangan mereka adalah sangat baik, manakala bagi petanda yang kurang baik pula, maka *Simpulang Gana* menyediakan *piring* untuk ritual *mudas*

burung. Justeru itu, ia telah menyebabkan *Samarugah* terus mengakui *Simpulang Gana* sebagai menantunya. Justeru itu, ia pelaksanaan ritual *miring* masih dilakukan bagi keperluan-keperluan yang tertentu dalam kehidupan masyarakat Iban terutama mereka yang masih mengamalkan kepercayaan warisan.

Secara rumusannya, setiap budaya mempunyai sejarah tersendiri dan masih lagi tidak sama mengikuti sumber-sumber mereka tersendiri. Hal ini merupakan perkara kedua kerana yang ritual *miring* ini masih diamalkan sejak kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dari dahulu dan masih diteruskan oleh masyarakat Iban sebagai satu identiti yang ‘tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan’.

Ritual *Miring* dalam Budaya Masyarakat Iban

Dalam masyarakat Iban, ritual *miring* bukan sahaja sebagai medan pemujaan kepada kewujudan kuasa luar biasa bagi menyelesaikan pelbagai krisis yang dihadapi manusia, malah menjadi medan pertemuan masyarakat Iban untuk bertukar pandangan, idea bernas dan pemikiran serta berkongsi pengalaman dan kejayaan untuk mencapai kehidupan yang lebih baik. Turner (1985), menjelaskan ritual dalam kehidupan manusia merupakan sebuah drama sosial yang wujud daripada situasi konflik dalam masyarakat. Turner berpendapat bahawa drama sosial itu menggambarkan perjalanan hidup manusia yang melalui beberapa ketegangan yang di luar kawalan manusia, dan ketegangan tersebut perlu diredakan atau dihapuskan dengan menggunakan simbol atau lambang menerusi persembahan-persembahan ritual dalam masyarakat. Dalam masyarakat Iban, pelaksanaan ritual *miring* boleh dianggap sebagai satu perlakuan simbolik bertujuan bagi menyelesaikan krisis dalam masyarakat.

Pelaksanaan ritual *miring* dalam masyarakat Iban boleh disamakan dengan drama sosial yang diterangkan oleh Turner (1985). Dalam sesebuah drama sosial, terdapat penggunaan satu set simbol, penceritaan beberapa mitos penting dan perlakuan- perlakuan ritual, seperti orang menari dan berlakon. Dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, terdapat penggunaan

satu set simbol atau lambang seperti penggunaan *pua kumbu*, *piring* dan penceritaan struktur mitos oleh golongan pakar ritual, seperti *lemambang* yang melagukan mantera. Selain itu, *lemambang* juga melakukan perlakuan-perlakuan ritual, seperti berjalan dengan berpusing-pusing mengelilingi *pandong* sambil memegang tongkatnya yang telah dipasang dengan loceng kecil untuk mengeluarkan bunyi yang sedap sepanjang malam pada malam ritual tersebut.

Dalam kehidupan sesebuah masyarakat yang masih berpegang kuat terhadap kepercayaan warisan atau kepercayaan animisme, seperti sesetengah masyarakat Iban, maka mereka percaya bahawa terdapat kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di persekitaran mereka. Segala masalah atau musibah yang menimpa dalam kehidupan masyarakat tersebut berkemungkinan berpunca daripada tindakan mereka seperti melanggar pantang-larang, mengingkari perintah atau arahan kuasa-kuasa luar biasa, dan tindakbalas terhadap petanda-petanda penting. Justeru, masalah atau musibah yang menimpa masyarakat itu perlu dinyatakan jalan penyelesaian. Situasi yang diterangkan oleh Victor Turner ini dapat disamakan dengan perkara apa yang berlaku di dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih begang kuat kepada kepercayaan warisan.

Bagi masyarakat Iban, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa adalah merangkumi *petara-petara*, dewadewi, semangat baik dan semangat jahat, antu dan roh nenek moyang yang sudah meninggal dunia. Bagi masyarakat Iban, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dapat mendatangkan kebaikan malah boleh mengundang kepada sesuatu masalah atau malapetaka. Hal ini dikatakan demikian kerana berkemungkinan mereka telah melakukan kesilapan, seperti melanggar pantang-larang, mengingkari arahan atau perintah daripada kuasa-kuasa luar biasa dan tindak balas mereka terhadap petanda-petanda tertentu. Keadaan ini telah menyebabkan kehidupan masyarakat dilanda masalah dan telah menyebabkan kehidupan mereka berpecah-belah dan tidak aman (*breach*). Justeru itu, segala masalah atau musibah yang berlaku dalam kehidupan sesebuah masyarakat memerlukan kepada jalan penyelesaian, iaitu melalui pelaksanaan ritual.

Segala masalah (*conflict or crisis*) atau musibah yang melanda dalam kehidupan sesebuah masyarakat telah memberikan kesan yang buruk. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, segala masalah atau musibah yang melanda dalam kehidupan mereka adalah berkemungkinan berpunca daripada kseilapan mereka dan ia menjurus kepada kemarahan kuasa-kuasa luar biasa. Justeru itu, kehidupan mereka dilanda musibah seperti ditimpa musim kemarau, banjir, kekurangan sumber makanan, ditimpa nasib malang, kemiskinan dan wabak penyakit. Walau bagaimanapun, segala masalah yang melanda kehidupan masyarakat Iban perlu diberhentikan dan diredakan melalui pelaksanaan ritual. Ini kerana masyarakat tersebut perlu memohon pengampunan dan kemaafan daripada kuasa-kuasa luar biasa.

Masalah atau musibah yang melanda dalam kehidupan sesebuah masyarakat perlu diredakan dan diberhentikan atau diambil tindakan pemulihan yang sewajarnya (*redressive action*). Bagi masyarakat Iban, masalah atau musibah yang melanda kehidupan mereka perlu diselesaikan melalui bentuk-bentuk perlakuan ritual, iaitu melalui ritual *miring*. Ini kerana ritual *miring* merupakan sebuah ritual pemujaan dan penyembahan yang utama bagi masyarakat Iban yang masih berpegang kuat terhadap kepercayaan warisan. Dalam peringkat untuk mengurus dan melaksanakan ritual *miring*, maka memerlukan kepada peranan golongan pakar ritual, seperti *lemambang*.

Dalam sesebuah persembahan ritual yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban, maka bahan-bahan dan peralatan penyembahan perlu disediakan bagi mengadap kuasa-kuasa luar biasa. Bahan-bahan serta peralatan-peralatan penyembahan ini sangat penting sebagai lambang atau simbol penyembahan terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Bagi masyarakat Iban, *piring* merupakan salah satu elemen penggunaan simbol atau lambang ritual kerana *piring* merupakan bahan 'sajian makanan' yang utama untuk dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, *piring* juga dianggap sebagai persembahan (*offering*) kepada kuasa-kuasa luar biasa dalam sesebuah ritual *miring*. Dalam sesebuah pelaksanaan ritual seperti *miring*, *piring* merupakan salah satu keperluan penting untuk menyeru kuasa-kuasa luar biasa agar datang dan memberikan bantuan dan mengurniakan kebaikan. Bagi penyediaan *piring* untuk dijadikan sebagai 'sajian makanan' yang utama kepada kuasa-kuasa luar

biasa yang dipuja, maka penyediaannya akan dilakukan oleh golongan wanita Iban yang mempunyai status-status yang tertentu. Ini kerana *piring* yang disediakan untuk kuasa-kuasa luar biasa tidak boleh dilakukan sembarangan individu dan *piring* yang disediakan juga adalah mengikut kepada sesuatu keperluan.

Menurut Victor Turner (1985), terdapat beberapa kelebihan sesebuah masyarakat yang melakukan ritual, antaranya adalah seperti memperoleh kesejahteraan, keamanan, keharmonian, dan penyatuan semula (*reintergration/ healing*). Bagi masyarakat Iban, pelaksanaan ritual *miring* amat penting kerana dipercayai boleh membawa kepada kedamaian antara hubungan manusia dengan manusia, dan juga antara manusia dengan kuasa-kuasa luar biasa. Dalam persembahan ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban, mereka boleh memohon sesuatu hajat atau keinginan dalam ritual tersebut kerana ritual yang dilakukan adalah bertujuan untuk mengelakkan malapetaka dan mengekalkan kesejahteraan hidup. Selain itu, pelaksanaan ritual *miring* juga adalah sebagai sebuah kuasa penyejukan terhadap segala masalah atau musibah yang melanda kehidupan masyarakat Iban. Justeru itu, pelaksanaan ritual sangat penting sebagai sebuah kuasa yang mendamaikan atau menyatukan semula kehidupan mereka yang telah berpecah-belah.

Lemambang Unsa Meringai menjelaskan, sesetengah ritual *miring* dilaksanakan pada waktu pagi, iaitu semasa menguruskan *burung*, ia tidak perlu memilih bulan yang sesuai kerana *burung* jatuh di luar jangkauan seseorang. Akan tetapi, ritual tersebut tidak boleh dilambatkan kerana sudah ada ikatan antara manusia dengan *burung* tersebut. Sebagai contoh, sekiranya ada burung “bias” yang bertelur di pondok kecil seseorang di sawah padi, maka perkara tersebut perlu diuruskan dengan *piring*.

Jika perjanjian itu tiga hari, maka cukup tiga hari, ritual *miring* harus dilakukan kerana *burung* tersebut menunggu. Apabila seseorang sampai di pondok kecil tersebut, burung tersebut berada disitu, tetapi tidak kelihatan. Selepas itu, sarang burung tersebut akan dibawa balik kerana dipercayai sarang tersebut adalah salah satu *pengaruh* yang sangat kuat dan membawa kesuburan kepada hasil tanaman. Benda ini wujud kerana pernah terjadi

kepada Unsa sendiri tetapi telah hilang disebabkan hangus terbakar. Jika ritual *miring* untuk burung boleh dilakukan pada bila-bila masa, berbeza pula dengan ritual *miring* untuk diri sendiri. Ritual *miring* untuk diri sendiri perlulah dilakukan semasa bulan baik agar segala benda yang kita lakukan pun akan lancar.

Selain itu, sekiranya masyarakat Iban melakukan ritual *miring* pada bulan yang kurang baik, dipercayai rezeki pun akan susah untuk masuk dan menjadikan ritual tersebut hanyalah sia-sia sahaja. Niat seseorang itu melakukan ritual *miring* adalah untuk menyelamatkan diri sendiri dan mendapatkan lebih banyak rezeki daripada yang sebelumnya dengan memohon hajat kepada kuasa-kuasa luar biasa. Orang yang mempunyai ilmu dalam menguruskan burung ini tidak akan bercakap atau bertanya sembarangan tentang burung kerana khuatir akan terjadinya perkara yang tidak diingini. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Iban percaya bahawa seburuk-buruk jenis burung itu, pasti akan mendatangkan benda-benda yang baik sekiranya mengatakan sesuatu hal yang baik dan pandai menguruskannya.

Terdapat juga unsur-unsur sumpahan dalam kehidupan masyarakat Iban. Unsa menyatakan bahawa sumpahan orang yang sudah mati lebih 'berbisa' daripada sumpahan orang yang masih hidup kerana ia dianggap mereka sudah menjadi roh. Sumpahan disini adalah lebih kepada sumpahan yang baik. Sebagai contoh, roh nenek moyang yang menjelma dalam mimpi dan 'menyumpah' seseorang yang dikehendakinya untuk mendapat rezeki yang banyak, maka sumpahan itu sangat 'berbisa' dan menandakan sesuatu yang baik. Roh tersebut bukan sahaja menjelma dalam mimpi, tetapi juga akan datang dalam pelbagai jelmaan seperti ular. Oleh itu, akan ada yang memberikannya *ai tuak*, rokok, dan *piring*. Selain itu, keadaan ini sama juga dengan keadaan orang yang sedang nazak. Sekiranya kuasa-kuasa luar biasa menyumpah seseorang untuk kebaikan, maka seseorang itu akan dapat walau apa-apa jua keadaan. Misalnya, orang yang sakit akan sembuh, orang miskin menjadi kaya, bergantung kepada kehendak kuasa-kuasa luar biasa tersebut terhadap seseorang itu. Jika kuasa-kuasa luar biasa 'menyumpah' sesuatu yang buruk, maka perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Sekiranya terdapat orang tua dalam kalangan keluarga itu sedang nazak,

maka sebaik-baiknya perlu berkelakuan baik agar orang yang nazak itu tidak terlanjur mengatakan perkara-perkara yang buruk.

Kuasa-Kuasa Luar Biasa yang Dipuja Masyarakat Iban dalam Ritual *Miring*

Sesetengah masyarakat Iban masih menganggap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut sebagai roh yang suci, dan roh yang suci ini perlu disembah, dipuja dan ditenteramkan, sekiranya ada berlaku sesuatu perkara yang kurang elok dalam masyarakat. Justeru, masyarakat Iban mengadap kuasa-kuasa luar biasa tersebut dengan cara penuh adat istiadat, dan penuh tatatertib semasa melakukan ritual *miring*. Dengan tatatertib yang sedemikian, maka dipercayai segala niat dan hasrat mereka akan dimakbulkan oleh kuasa-kuasa luar biasa.

Secara umumnya, masyarakat Iban mempunyai banyak tuhan di dunia ini. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *petara* (tuhan) ialah sesuatu kuasa ghaib yang wujud di dunia ini. Kewujudan kuasa-kuasa luar biasa harus disembah dan dipuja melalui ritual *miring*, jalai penggap (melakukan mantera) serta *timang* (ayat-ayat suci) yang dilakukan oleh *lemambang* (penyair). Justeru, ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban adalah untuk membuat pemujaan, rayuan, permohonan, seruan, hajat, dan hasrat ataupun berdoa kepada kuasa-kuasa luar biasa. Segala unsur kepercayaan terhadap ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai* masih mendapat tempat di dalam hati sesetengah masyarakat Iban sehingga sekarang.

Pada lazimnya, setiap pengurusan bagi melaksanakan ritual *miring* dalam masyarakat Iban perlu dikendalikan oleh golongan pakar, iaitu terdiri daripada *lemambang*. Menurut Jimbun Tawai, peranan *lemambang* mempunyai kaitan yang amat penting dalam menjayakan sesebuah ritual *miring* itu. Dalam konteks ini, *lemambang* tidak boleh membuat sebarang bentuk kesilapan sebelum, semasa dan selepas mengendalikan ritual *miring*. Dalam mengendalikan sesebuah ritual *miring*, *lemambang* perlu menguruskan ritual tersebut dengan penuh tertib, iaitu setiap langkah

dalam ritual itu perlu dipatuhi. Maknanya, pengurusan ritual *miring* itu perlu dilakukan oleh *lemambang* dengan cara yang betul. Misalnya, pengurusan dari awal sehingga selesainya ritual *miring*, seperti meletakkan persediaan bahan-bahan dan peralatan ritual *miring*. Selain itu, tatacara dalam melakukan ritual *miring* juga diurus oleh *lemambang*.

Memandangkan masyarakat Iban mempunyai kepercayaan yang kuat tentang kewujudan pelbagai kuasa luar biasa, maka kebanyakan aspek kehidupan masyarakat Iban perlu disertai dengan ritual *miring*. Ritual *miring* perlu dilakukan apabila masyarakat Iban mendapat arahan menerusi mimpi atau petanda-petanda lain daripada kuasa-kuasa luar biasa kerana dipercayai kuasa-kuasa luar biasa dapat mempengaruhi corak kehidupan mereka, sama ada menjadi lebih baik atau sebaliknya. Dalam menyelesaikan dan memberhentikan segala krisis yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Iban, maka mereka perlu melakukan ritual *miring*. Menurut Jimbun Tawai, ritual *miring* merupakan penghalang kepada sesuatu malapetaka kerana kejadian malapetaka yang berlaku akan menyebabkan masyarakat Iban di sesebuah penempatan rumah panjang mengalami penderitaan, maka memerlukan kepada bentuk rawatan iaitu melalui ritual *miring*. Justeru itu, bagi memberhentikan sesuatu malapetaka yang berlaku, masyarakat Iban melakukan ritual *miring* bagi memohon pengampunan, kemaafan dan hajat kepada kuasa-kuasa luar biasa agar dijauhi perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara* boleh menjelma dalam kehidupan manusia, sama ada menerusi mimpi manusia atau menerusi petanda-petanda yang disampaikan melalui benda hidup, seperti haiwan, burung, dan serangga atau melalui fenomena alam yang tertentu. Bagi masyarakat Iban, segala jenis bentuk kuasa ghaib yang boleh memberikan pertolongan dan kebaikan kepada manusia adalah disebut *petara*. Kewujudan kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara* dalam masyarakat Iban dianggap sesuatu yang kudus, suci, amat sempurna sifatnya, dan sentiasa sayang kepada manusia.

Maka *petara-petara* perlu dipuja dan 'diberi makan' dengan *piring* (persembahan jamuan) semasa ritual *miring* dan *gawai* sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih manusia kepada mereka. Dalam melaksanakan ritual *miring*, kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja akan diberi *piring* dan akan 'memakan jus' *piring* tersebut. Dengan melakukan ritual *miring*, maka kuasa-kuasa luar biasa tersebut akan membalasnya dengan mengurniakan segala kebaikan yang diperlukan dalam masyarakat Iban dan diberi perlindungan daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Justeru itu, ritual *miring* merupakan keperluan penting bagi masyarakat Iban terutama yang masih mengamalkan kepercayaan warisan.

Ritual *miring* yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban yang melibatkan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, di samping memerlukan kepada peranan pakar-pakar ritual, seperti *lemambang*, yang merupakan subjek ritual dalam masyarakat. Dalam ritual *miring*, ritual ini akan diuruskan oleh pakar-pakar ritual (*lemambang*). Segala persiapan ritual seperti penyediaan bahan-bahan, peralatan dan aturcara akan ditentukan oleh *lemambang*. Dalam melaksanakan ritual *miring*, *lemambang* tidak boleh membuat sebarang bentuk kesilapan sebelum, semasa dan selepas berlangsungnya ritual *miring* kerana ia bertujuan untuk memastikan bahawa sesuatu hajat atau permintaan akan ditunaikan oleh kuasa-kuasa luar biasa.

Dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring*, ia memerlukan kepada disiplin dan tata tertib yang tinggi, serta dilakukan secara berhemah. Selain itu, ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban memerlukan penggunaan elemen simbol atau lambang ritual penyembahan terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Antara penggunaan elemen simbol atau lambang dalam ritual *miring* adalah seperti penyediaan *piring*, tongkat *lemambang* dan menggunakan pakaian tradisi masyarakat Iban yang ditunen seperti *pua kumbu*, *kain kebat* atau *sungkit* untuk mengadap kuasa-kuasa luar biasa. Sekiranya peralatan dan bahan-bahan untuk ritual tidak disediakan, maka kuasa-kuasa luar biasa yang diseru tidak akan datang untuk memberi bantuan dan menunaikan hajat yang diperlukan oleh masyarakat Iban.

Dalam konteks ritual *miring* pada zaman sekarang kerja-kerja menyambut tetamu juga turut diadakan. Tambahan pula, ritual *miring* merupakan

cara yang digunakan bagi menyatakan rasa hormat dan berterima kasih kepada tetamu yang hadir termasuk penghuni-penghuni halus dan mistik. Berdasarkan kepada ritual *miring* pada masa sekarang, *piring* yang disediakan juga untuk menyatakan perasaan hormat kepada tetamu dan ia masih dilakukan rumah panjang masyarakat Iban. Misalnya, terdapat tetamu yang akan hadir seperti menteri ke lokasi rumah panjang masyarakat Iban, maka cara terbaik bagi menunjukkan rasa hormat dan ikhlas menerima kedatangan mereka adalah dengan menghidangkan *piring*. Bagi penyediaan *piring* tetamu ini, *piring* tetamu boleh disentuh atau dipegang oleh orang lain, kecuali *piring* yang disediakan untuk kuasa-kuasa luar biasa. Hanya golongan-golongan wanita yang tertentu sahaja yang boleh mengurus dan menyentuh *piring* yang disediakan untuk kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, tetamu-tetamu yang hadir ke rumah panjang akan merasakan bahawa diri mereka sangat dihormati dan dihargai kerana kedatangan para tetamu yang penting di kawasan penempatan rumah panjang masyarakat Iban akan disambut dengan ritual *miring*, dihampar dengan tikar *bemban* atau *pua kumbu* dan mereka diberi *piring* sebagai menyatakan perasaan hormat kepada tetamu yang hadir.

Selain itu, masyarakat Iban pada zaman dahulu yang ingin melakukan sesuatu aktiviti, maka mereka akan memulakan dengan *bebiau* iaitu melalui ritual *miring* bertujuan untuk memohon sesuatu hajat, restu dan keizinan sebelum melakukan sesuatu aktiviti seperti penanaman padi huma. Selain itu, masyarakat Iban sangat percaya akan sumber-sumber mimpi yang dialami oleh mereka kerana bagi individu yang menerima *pengaroh* dari sumber mimpi, maka individu tersebut akan melakukan ritual *miring* untuk menyatakan perasaan 'berterima kasih' dan syukur terhadap kuasa-kuasa luar biasa yang telah mengurniaknya *pengaroh* supaya lebih kuat daripada orang lain. Tambahan pula, sesuatu kurniaan *pengaroh* dari kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban dapat mengelakkan seseorang itu daripada keburukan dan akan menerima banyak manfaat yang tertentu.

Selain itu, sekiranya masyarakat Iban ingin berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa, maka mereka akan melaksanakan ritual *miring*. Bagi masyarakat Iban, *miring* yang diadakan dalam *gawai* adalah sebagai tanda kesyukuran dan 'berterima kasih' kepada kuasa-kuasa luar biasa yang telah memberikan mereka kejayaan dalam sesuatu perkara. Misalnya, aktiviti menuai padi oleh masyarakat

Iban pada tahun itu telah memperoleh hasil yang lumayan. Justeru, pada setiap tahun pada bulan Jun akan diadakan hari *Gawai Dayak* yang menandakan permulaan tahun baharu bagi masyarakat Iban dalam kegiatan berhuma. Selain itu, masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang semasa perayaan *Gawai Dayak*, mereka akan mengadakan *miring* bagi memuja dan menyeru semua kuasa luar biasa agar turut serta dalam perayaan tersebut serta bertujuan sebagai tanda syukur dan berterima kasih mereka kepada kuasa-kuasa ghaib yang telah banyak membantu mereka dalam melakukan pekerjaan-pekerjaan yang tertentu.

Dalam kebudayaan Iban, ritual *miring* yang diadakan dalam *gawai* akan diadakan pada hari-hari yang tertentu, iaitu pada hari Selasa dan Khamis serta mengikut keperluan. Misalnya, bagi masyarakat Iban yang ingin memulakan sesuatu penanaman padi bukit misalnya, maka mereka akan mengadakan ritual *miring*, iaitu dengan 'memberi makan' kepada kuasa-kuasa luar biasa bertujuan untuk meminta izin daripada kuasa-kuasa luar biasa agar membantu mereka dalam mendapatkan hasil tanaman padi bukit yang lumayan. Selain itu, masyarakat Iban juga perlu meminta keizinan terhadap semua penghuni hutan seperti ular dan binatang buas yang lain untuk membunuh mereka. Mereka perlu memohon keizinan ini waima untuk membunuh binatang-binatang ini demi menghormati semua penghuni hutan yang juga merupakan ciptaan tuhan.

Beliau juga menyatakan bahawa *pua kumbu* merupakan salah satu peralatan ritual dalam ritual *miring*. Roh-roh nenek moyang mereka yang telah lama meninggal dunia sangat menggemari tentang sesuatu yang dihasilkan melalui kreativiti seseorang. Tambahan pula, *pua kumbu* mempunyai nilai-nilai yang suci untuk dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa. Dalam kehidupan masyarakat Iban, mereka akan menganggap golongan wanita yang melakukan kerja-kerja penenunan adalah sama kepada pencapaian yang dibuat oleh ketua *kayau* dalam peperangan. Hal ini dikatakan demikian kerana status golongan penenun-penenun *pua kumbu* juga sangat tinggi dan dihormati. Sekiranya terdapat tetamu yang datang ke rumah panjang masyarakat Iban, maka penghuni rumah panjang berkenaan akan menghamparkan *pua kumbu* dan memberi *piring* sebagai tanda hormat dan berterima kasih. Justeru, menghamparkan *pua kumbu* memberi gambaran kepada tetamu tersebut mengenai keindahan terhadap budaya masyarakat Iban.

Manakala, bagi Robert Menua Saleh, salah satu aktiviti yang berbentuk ritual yang dilakukan dalam budaya dan masyarakat Iban adalah seperti ritual *miring*. Masyarakat Iban amat memerlukan ritual *miring* kerana bagi mereka yang masih mengamalkan *pengarap lama*, maka mereka akan melakukan aktiviti pemujaan kuasa-kuasa luar biasa melalui ritual *miring*. Dengan melakukan ritual *miring*, ia membolehkan masyarakat Iban untuk berkomunikasi dengan semua kuasa luar biasa di samping bertujuan untuk menghindari sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku dan memperoleh segala kebaikan yang diperlukan oleh masyarakat Iban. Tambahan pula, sekiranya tiada arahan dari kuasa-kuasa luar biasa atau melibatkan fenomena-fenomena yang tertentu dalam melakukan ritual *miring*, maka ritual ini juga boleh dilakukan berdasarkan kepada keperluan dan keadaan semasa seperti berniat di hati. Justeru itu, *miring* dalam *gawai* akan dilakukan bagi memenuhi niat tersebut.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa perayaan *Gawai Dayak* dan *gawai* asal tidak sama. Hal ini dikatakan demikian kerana *Gawai Dayak* yang diraikan pada 1 Jun di setiap tahun menandakan bahawa semua masyarakat Dayak akan meraikan *gawai* tersebut. Manakala, bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka tidak semestinya mereka akan merayakan hari *gawai* pada 1 Jun pada setiap tahun. Bagi sesetengah masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka mereka akan merayakan *gawai* tradisional pada bila-bila masa sepanjang tahun tersebut. Tambahan pula, *gawai* tersebut akan diadakan mengikut keperluan atau keadaan sama ada perlu diadakan atau tidak. Selain itu, bagi masyarakat Iban yang telah menganuti agama Kristian, maka mereka akan meraikan *gawai* yang berbentuk moden. Bagi mereka yang telah menganuti agama Kristian dalam meraikan *gawai* moden, maka adalah tidak melibatkan sebarang upacara atau ritual seperti *miring* dan penyediaan *piring* yang diperlukan sebagai tanda kesyukuran. Manakala, bagi masyarakat Iban di kawasan rumah panjang tradisional, maka mereka akan melakukan ritual *miring* dan penyediaan *piring*.

Hari *gawai* yang disambut pada tanggal 1 Jun pada setiap tahun merupakan permulaan tahun baru dalam kalender masyarakat Iban yang menandakan bahawa telah berakhirnya musim menuai padi dan bermulanya

tahun baru dalam aktiviti penanaman padi huma. Berdasarkan kepada perayaan *gawai* tradisional, perayaan ini banyak menggunakan *pua kumbu*. Ini kerana golongan wanita Iban yang menghantar *piring* perlu berpakaian tradisi mereka dengan lengkap. Tambahan pula, penggunaan *pua kumbu* dalam ritual *miring* sangat penting untuk dijadikan identiti mereka dalam berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa. Tambahan pula, penggunaan *pua kumbu*, *ai tuak* dan *piring* sememangnya sejati dalam ritual yang dilakukan dalam budaya dan masyarakat Iban seperti *miring*.

Pelaksanaan ritual *miring* dalam masyarakat Iban juga bertujuan untuk ‘memberi makan’ kepada kuasa-kuasa luar biasa agar memperoleh segala kebaikan dan menolak kejahatan yang mengganggu kehidupan masyarakat Iban. Dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, masyarakat Iban perlu menyediakan *piring* dan ‘memberi makan’ kepada semua kuasa luar biasa yang merangkumi semangat baik dan semangat jahat. Ia bertujuan untuk mengelakkan kehidupan masyarakat Iban daripada diganggu semangat jahat. Justeru, masyarakat Iban perlu menyeimbangkan kepercayaan warisan mereka.

Beliau juga menerangkan tentang tujuan ritual *miring* dilakukan, adalah untuk menyembah, menjaga, menghormati, dan ‘memberi makan’ kepada kuasa-kuasa luar biasa yang wujud dalam masyarakat Iban. Sekiranya kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut tidak dijaga, maka akan mengundang kepada malapetaka. Justeru itu, ritual *miring* akan dilakukan bagi menjaga dan menghormati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa bagi mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diinginkan dan dapat memperoleh sesuatu kebaikan. Dalam ritual *miring*, acara *bebiau* melibatkan penggunaan ayam jenis *biring gerunggang* atau *labang*. Ritual *bebiau* akan dilakukan oleh *lemambang*. Bilangan penggunaan ayam adalah bergantung kepada peringkat ritual *miring* yang dilakukan. Semasa *bebiau* dilakukan, *lemambang* akan memanggil dan menyeru kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara* bagi menolong masyarakat Iban. Setelah selesai melakukan ritual *bebiau*, penyembelihan ayam akan dilakukan dan darahnya diambil untuk diletakkan bersama-sama dengan bahan-bahan *piring*. Kemudian, pinggan yang mengandungi *piring* itu perlu ditutup

dengan alas *pua kumbu* dan diletakkan di tempat yang sesuai, Apabila semua ini selesai dilaksanakan, maka ritual tersebut dianggap telah selesai.

Berdasarkan kepada pengalaman Robert Menua Saleh terhadap sesebuah pelaksanaan ritual *miring* dalam masyarakat Iban, ritual tersebut banyak melibatkan generasi tua. Ini kerana ritual *miring* ini mempunyai protokol yang tertentu dan ia perlu dipatuhi untuk mengelakkan daripada terjadinya malapetaka akibat kecuaiian. Selain itu, ritual *miring* juga berbeza mengikut kawasan di negeri Sarawak bergantung pada pengaruh sesebuah kawasan. Misalnya, masyarakat Iban di Batang Rajang dengan di Saratok, Sri Aman dan Betong berkemungkinan tidak sama dalam melakukan ritual *miring*. Tambahan pula, bahan-bahan *piring* dan penyediaan *piring* juga tidak sama tetapi mereka mempunyai tujuan yang tetap, iaitu untuk memohon sesuatu hajat kepada kuasa-kuasa luar biasa. Berdasarkan kepada ritual *miring*, kuasa-kuasa luar biasa yang diseru juga tidak sama kerana bergantung kepada keperluan atau hajat yang tertentu. Misalnya, ritual *miring* diadakan bagi memohon hajat agar memperoleh hasil pertanian yang lumayan, maka kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara Simpulang Gana* akan diseru kerana kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban mewakili setiap elemen dalam kehidupan mereka.

Beliau juga menyatakan bahawa lazimnya, kuasa-kuasa luar biasa akan diseru melalui *piring* kerana kuasa-kuasa luar biasa hanya akan datang memberi bantuan sekiranya *piring* disediakan dalam ritual *miring*. Pada zaman dahulu, pertolongan daripada kuasa-kuasa luar biasa diperlukan bagi membantu pahlawan Iban untuk mengalahkan musuh. Namun begitu, berlaku perubahan dari aspek keperluan dalam ritual *miring* kerana berdasarkan kepada peredaran zaman, lebih-lebih lagi masyarakat Iban pada hari ini amat memerlukan kepada kekayaan dan kebahagiaan hidup mereka. Selain itu, masyarakat Iban khususnya generasi muda kurang mengenali ritual *miring*. Pemikiran generasi muda dalam masyarakat Iban telah dipengaruhi oleh pemodenan, sains dan teknologi. Kebanyakan generasi muda dalam masyarakat Iban merasakan bahawa kebanyakan ritual yang diamalkan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu kurang penting pada masa kini. Bagi pihak Yayasan Tun Jugah, mereka banyak menjalankan penyelidikan mengenai kebudayaan masyarakat Iban bertujuan untuk memberi pendedahan ilmu mengenai kebudayaan

warisan terhadap golongan muda masyarakat Iban, masyarakat luar dan penyelidik budaya pada masa sekarang.

Dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, Uma Kujat menyatakan bahawa ritual *miring* merupakan ritual yang amat penting bagi mereka. Ritual *miring* akan dilakukan sekiranya mereka mendapat petanda yang disampaikan oleh kuasa-kuasa luar biasa, menerusi haiwan, tumbuh-tumbuhan, serangga, cakerawala, mimpi, dan *pengaruh*. Selain melakukan ritual *miring* biasa, *miring* juga sangat penting dan wajib dilakukan dalam ritual-ritual *gawai* dalam masyarakat Iban. Sekiranya ritual *miring* tidak dilakukan apabila seseorang individu mendapat sesuatu petanda, mengalami mimpi tertentu dan memperoleh *pengaruh*, maka ia akan mengundang malapetaka. Oleh itu, segala pemberian atau kurniaan daripada kuasa-kuasa luar biasa perlu dihormati dengan melakukan ritual *miring*.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa ritual *miring* perlu dilaksanakan apabila mendapat arahan dari kuasa-kuasa luar biasa. Justeru itu, ritual *miring* ini dilakukan berdasarkan kepada arahan atau permintaan dari kuasa-kuasa luar biasa melalui jelmaan mimpi. Selain itu, bagi sesetengah masyarakat Iban yang *mabu antu* (dekat dengan tuhan) dikatakan sering mengalami mimpi atau mendapat arahan mengenai penerimaan sesuatu *pengaruh*. Bagi masyarakat Iban, mereka amat percaya kepada sumber mimpi yang dialami. Segala bentuk mimpi yang dialami oleh masyarakat Iban banyak mempengaruhi segala tindak tanduk mereka semasa berada di dalam rumah mahupun diluar rumah. Sekiranya masyarakat Iban itu mengalami mimpi buruk, maka mereka tidak akan keluar dari rumah untuk melakukan kegiatan berhuma atau kerja-kerja lain kerana dikhuatiri akan ditimpa nasib malang atau malapetaka dari semangat jahat. Tambahan pula, mereka juga tidak dibenarkan keluar melebihi *baroh terutu atap rumah panjai* (bumbung rumah panjang) pada hari tersebut.

Berdasarkan kepada kepakaran Uma Kujat yang merupakan *Tuai beburung*, sekiranya seseorang individu dalam masyarakat Iban menerima arahan untuk melakukan ritual *miring* dari *petara* mereka, maka ritual *miring ini* perlu dilaksanakan agar dapat mengelakkan sebarang malapetaka.

Menurut amalan kepercayaan masyarakat Iban, sekiranya ritual *miring* tidak dilaksanakan seperti yang diarahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara-petara*, maka individu tersebut boleh ditimpa malapetaka seperti ditimpa nasib malang, jatuh sakit, menjadi kurang waras atau boleh menyebabkan kematian. Selain itu, berdasarkan kepada arahan yang diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa dalam mimpi seseorang individu juga akan menyatakan tentang lokasi untuk mengadakan amalan ritual *miring* ataupun mengikut kesesuaian sesuatu tempat. Misalnya, ritual *miring* yang diadakan adalah bertujuan untuk aktiviti pertanian masyarakat Iban terutama tanaman padi huma, maka ritual tersebut akan dilakukan di kawasan huma. Manakala, ritual *miring* bagi *Sandau Ari* akan dilaksanakan di bahagian *tanju* di dalam kawasan rumah panjang. Maka, ritual *miring* yang diamalkan oleh masyarakat Iban bergantung kepada arahan kuasa-kuasa luar biasa ataupun tempat yang bersesuaian.

Uma Kujat menerangkan bahawa terdapat dua jenis ritual *miring* iaitu *miring* yang diadakan secara kecil-kecilan dan *miring* yang diadakan dalam ritual *gawai*. Bagi ritual *miring* yang diadakan dalam ritual *gawai*, ritual ini merupakan ritual yang terbesar dalam masyarakat Iban. Selain itu, *miring* yang diadakan dalam masyarakat Iban dilaksanakan dengan secara sistematik, penuh adat-istiadat, penuh ritual dan dihadiri oleh saudara mara mereka yang terlibat dengan ritual tersebut. Ritual *miring* yang dilakukan adalah bertujuan untuk memenuhi permintaan kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban. Misalnya, seseorang individu menerima mimpi yang diarahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa untuk melakukan ritual *miring* tetapi tidak memenuhi permintaan tersebut, maka akan ditimpa malapetaka seperti jatuh sakit, kurang waras atau meninggal dunia. Lazimnya, lokasi untuk melakukan ritual *miring* akan dinyatakan oleh kuasa-kuasa luar biasa dalam mimpi individu tersebut ataupun mengikut kesesuaian tempat. Misalnya, ritual *miring* untuk tujuan kerja di huma akan dilakukan di kawasan huma. Manakala, ritual *miring* untuk *Sandau Ari* pula akan dilakukan di bahagian *tanju* rumah panjang masyarakat Iban.

Berdasarkan kepada sesebuah pelaksanaan ritual *miring* dalam masyarakat Iban, ritual tersebut didasari oleh ajaran kuasa-kuasa luar biasa, iaitu *Orang Panggau Libau*. Bagi golongan pakar yang mengendalikan ritual dalam

masyarakat Iban, maka mereka berperanan untuk memberi pendedahan kepada generasi muda mereka agar dapat mengenali dan mempelajari tentang adat-adat warisan, seperti ritual *miring*. Tambahan pula, ritual *miring* kurang diamalkan oleh segelintir masyarakat Iban kerana telah menganut agama Kristian atau Islam.

Bajut Puguan menyatakan tujuan pelaksanaan ritual *miring* adalah bagi memenuhi permintaan kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban. Selain itu, beliau menjelaskan tentang tahap *piring* dalam pelaksanaan ritual *miring*. Misalnya, *piring satu*, *piring tiga*, *piring lima*, *piring tujuh*, *piring lapan*, dan *piring sembilan*. *Piring lapan* dan *piring sembilan* merupakan tahap tertinggi dan memerlukan penggunaan binatang sebagai korban seperti babi bagi mengetahui nasib seseorang pada masa akan datang. Manakala, *piring satu*, *piring tiga*, *piring lima* dan *piring tujuh* hanya menggunakan dua ekor ayam jantan. Beliau juga menyatakan bahawa ritual *miring* merupakan sebuah ritual penting yang dilakukan dalam masyarakat Iban bagi menghormati, menjaga dan memuja dengan 'memberi makan' kepada kuasa-kuasa luar biasa. Dalam pada itu, penggunaan *piring* pula merupakan keperluan penting kepada semua ritual seperti ritual *miring* kerana *piring* yang disediakan dalam ritual tersebut adalah sebagai salah satu elemen lambang atau simbol penyembahan yang utama. *Piring* yang disediakan dalam ritual *miring* juga adalah bertujuan untuk dipersembahkan kepada kuasa luar biasa dengan harapan memperolehi sesuatu kebaikan dan menolak kejahatan.

Long Mang menjelaskan bahawa pelaksanaan ritual *miring* adalah merupakan sebagai salah satu kaedah yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam menyatakan tanda 'selamat' dan 'berterima kasih' kepada kuasa-kuasa luar biasa. Menurut beliau lagi, ritual ini bertujuan untuk menghargai segala kurniaan yang telah diberikan kuasa-kuasa luar biasa dalam kehidupan masyarakat Iban. Misalnya, diberi perlindungan, dijauhkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, menyembuhkan orang yang sakit, mendapat sesuatu kejayaan, dikurniakan kekayaan, dimurahkan rezeki, kesihatan yang baik dan dipanjangkan umur. Selain itu, ritual *miring* juga diadakan bagi menyeru kedatangan kuasa-kuasa luar biasa untuk membantu masyarakat Iban. Misalnya, masyarakat Iban pada zaman dahulu akan menyeru *Orang Panggau Libau* untuk membantu mereka dalam menghadapi

perkara yang buruk. Bagi masyarakat Iban, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa akan diseru menggunakan *piring*. Pada zaman dahulu, pertolongan daripada kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara-petara* amat diperlukan bagi membantu masyarakat Iban dalam mencari sumber kekuatan untuk mengalahkan musuh di medan peperangan. Dalam konteks masa kini, kuasa-kuasa luar biasa yang diseru oleh masyarakat Iban adalah mengikut kepada keperluan mereka seperti kekayaan hidup dan kebahagiaan hidup.

Beliau juga menyatakan bahawa masyarakat Iban mempunyai pelbagai jenis ritual yang diamalkan dalam kehidupan mereka. Salah satu ritual yang sangat penting dalam budaya masyarakat Iban ialah ritual *miring ini*. Tambahan pula, ritual *miring* terdiri daripada pelbagai jenis atau bentuk. Misalnya, ada *miring* untuk *laba* (tuah) haiwan, burung, tumbuh-tumbuhan, serangga, *pengaroh* dan mimpi. Ritual-ritual tersebut dianggap sebagai pembawa tuah dalam kehidupan masyarakat Iban. Walau bagaimanapun, ritual *miring* juga dilakukan dalam ritual *gawai* bertujuan untuk menyatakan rasa kesyukuran kepada kuasa-kuasa luar biasa terhadap kurniaan rezeki yang lumayan hasil daripada kegiatan pertanian. Dalam memberi kesempurnaan terhadap ritual *miring* yang dilakukan, maka salah satu peralatan yang sangat penting yang digunakan ialah *pua kumbu*. Ini kerana *pua kumbu* dianggap mempunyai nilai-nilai sakral yang digunakan untuk berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa.



Gambar 4.1 Ritual *Miring* yang telah diketuai oleh Pakar *Piring* Uma Kujat
Sumber Kerja Lapangan Penulis pada tahun 2017.

Dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* seperti yang dinyatakan oleh Long Mang, lazimnya, mengambil masa satu jam atau lebih untuk disiapkan kerana bergantung kepada jenis ritual *miring* tersebut. Dari aspek lokasi, ritual *miring* juga boleh diadakan sama ada di kawasan rumah panjang ataupun di tanah. Misalnya di huma, kebun dan kawasan tapak pembinaan rumah panjang. Selain itu, ritual *miring* juga boleh dilakukan secara majlis tertutup ataupun majlis terbuka. Bagi masyarakat Iban, ritual yang bersifat tertutup akan hanya dihadiri oleh ahli keluarga tertentu sahaja. Manakala, bagi ritual yang bersifat terbuka boleh dihadiri oleh seluruh ahli penempatan rumah panjang tersebut. Ritual *miring* boleh dilakukan secara besar-besaran atau kecil-kecilan dan bergantung kepada situasi yang tertentu. Misalnya, pada hari Selasa ritual ini diadakan pada sebelah pagi sahaja, sementara hari Khamis dianggap paling sesuai untuk masyarakat Iban melakukan ritual *miring*. Ini kerana hari-hari tersebut antara hari yang dianggap paling baik dan sesuai untuk mengadap kuasa-kuasa luar biasa dengan tujuan memohon keberkatan, kesejahteraan, kepakaran, dan keselamatan.

Long Mang juga menyatakan bahawa terdapat beberapa fenomena penting yang memerlukan kepada pelaksanaan ritual *miring*. Pertama, masyarakat Iban akan melakukan ritual *miring* apabila mereka menerima arahan daripada kuasa luar biasa melalui fenomena mimpi ataupun melalui petanda-petanda tertentu. Misalnya, petanda-petanda yang disampaikan melalui burung-burung, haiwan-haiwan, serangga ataupun tumbuh-tumbuhan aneh. Hal ini dikatakan demikian kerana mengikut kepercayaan masyarakat Iban, manusia mempunyai perkaitan rapat dengan semua benda hidup tersebut dan juga hubungan dengan dunia semangat atau antu. Manakala fenomena kedua pula, masyarakat Iban perlu melakukan ritual *miring* apabila mereka mendapat *pengaruh* dari kuasa-kuasa luar biasa. Ritual *miring* dilakukan sebagai tanda penghargaan kepada kuasa luar biasa tersebut. Bagi fenomena yang ketiga, masyarakat Iban akan mengadakan ritual *miring* secara besar-besaran apabila mereka mengadakan ritual *gawai*.

Selain melibatkan ketiga-ketiga fenomena yang diterangkan oleh Long Mang, aktiviti yang memerlukan ritual *miring* adalah seperti kerja-kerja pembuatan *pua kumbu*. Ritual *miring* perlu dilakukan setiap kali bagi golongan-golongan penenun yang hendak memulakan kerja-kerja

pembuatan *pua kumbu*. Bagi masyarakat Iban, ritual *miring* diadakan dengan tujuan menyembah kuasa-kuasa luar biasa supaya segala hasrat yang ingin dipohon oleh golongan yang menjadi penenun *pua kumbu* akan dimakbulkan. Bagi golongan penenun dalam masyarakat Iban juga, mereka berharap agar dikurniakan segala kebaikan, kesempurnaan dan keselamatan daripada segala ancaman semangat jahat atau antu jahat. Misalnya, ritual *miring* akan dilakukan bagi sesi penyediaan bahan-bahan dan peralatan tenun bagi menenun *pua kumbu*.

Selain itu, bagi Raup Manggong, ritual *miring* dilakukan bagi memohon restu dan pertolongan daripada *Orang Panggau Libau* sebelum melakukan sesuatu kerja atau ritual yang penting. Misalnya, sebelum memulakan sesuatu kerja yang ingin dilakukan dan melakukan ritual penting seperti *Sandau Ari*, *Gawai Kenyalang* dan *Gawai Kelingkang*. *Orang Panggau Libau* akan datang *ngabang* semasa berlangsungnya ritual *miring*. Tambahan pula, ritual *miring* juga dilakukan untuk memohon agar dikurniakan kesihatan yang baik, panjang umur, kesenangan hidup, dan kekayaan. Selain itu, bagi masyarakat Iban yang mengerjakan aktiviti berhuma, mereka juga mengamalkan ritual yang bertujuan untuk mendapatkan hasil tuaian hasil padi yang lumayan. Sekiranya mereka mendengar bunyi atau teriakan yang dikeluarkan oleh burung *Ketupong*, *Embuas* dan *Beragai* semasa di kawasan berhuma, maka ia menunjukkan kepada petanda yang baik. Petanda baik tersebut menunjukkan bahawa padi yang ditanam oleh golongan petani dalam masyarakat Iban akan mendapat hasil yang lumayan. Justeru itu, bunyi atau teriakan yang dihasilkan oleh burung *Beragai* semasa di kawasan huma, memerlukan mereka perlu menyediakan *piring lapan* sebagai tanda syukur dan berterima kasih kepada burung tersebut kerana telah memberi petanda yang baik yang dipercayai mendatangkan kesuburan kepada tanaman mereka kelak.

Raup Manggong juga menyatakan bahawa salah satu perkara yang sangat penting dalam pelaksanaan ritual *miring* adalah penyediaan *piring*. Ini kerana semua ritual yang diamalkan perlu menyediakan *piring* sebagai simbol atau lambang penyembahan kepada kuasa-kuasa luar biasa. *Piring* yang disediakan perlu dialas dengan menggunakan *pua kumbu* bertujuan menandakan bahawa masyarakat Iban telah mempersembahkan 'bahan

makanan' kepada kuasa luar biasa. Penyediaan *piring* dalam masyarakat Iban adalah bentuk angka ganjil kecuali angka lapan kerana penggunaan bentuk angka genap akan menunjukkan sesuatu kecacatan, kecuali angka lapan yang dianggap oleh masyarakat Iban sebagai angka yang membawa tuah. Masyarakat Iban percaya bahawa sekiranya ritual *miring* yang dilakukan bagi memperoleh petanda yang dianggap kompleks tetapi tidak menggunakan darah babi atau ayam, maka tidak memenuhi syarat sesuatu ritual *miring*. Sehubungan dengan itu, mereka yang terlibat dikatakan akan mengalami malapetaka.

Walter Wong Tedong yang merupakan seorang pakar kebudayaan Iban di Yayasan Tun Jugah, menjelaskan ritual *miring* juga perlu dilakukan jika ada binatang yang memasuki kawasan rumah panjang atau rumah biasa, iaitu bagi masyarakat Iban yang mengenali mengenai ritual tersebut. Dengan itu, ritual *miring* dilakukan secara beramai-ramai ataupun perseorangan bergantung kepada lokasi haiwan tersebut ditemui. Masyarakat Iban percaya bahawa jika burung datang pada waktu pagi, maka ia akan membawa tuah. Selain itu, jika burung tersebut memasuki kawasan rumah mereka dan dapat ditangkap, maka ia harus dibunuh. Tambahan pula, jika ia dibiarkan terlepas, maka tuah yang dibawa oleh burung tersebut akan hilang dan boleh mengundang malapetaka. Bagi burung seperti *Ketupong*, *Embuas* dan *Beragai* yang memasuki kawasan rumah panjang atau rumah biasa, maka masyarakat Iban perlu menyediakan *piring* sembilan untuk menyambut kedatangan tuah yang dibawa oleh burung tersebut kepada masyarakat Iban.

Sebelum melaksanakan ritual *miring* sepertimana yang diterangkan oleh Walter Wong Tedong, masyarakat Iban akan bergotong-royong bagi menyediakan bahan-bahan dan peralatan yang diperlukan. Antarabahan-bahan untuk *piring* adalah seperti pinang, daun sirih, daun gambir, daun ruko apung, tembakau, *sagun* (tepung beras yang telah digoreng), bertih padi, *tumpi* (sejenis kuih untuk *petara* yang diperbuat daripada tepung beras), *pulut* yang telah dimasak di dalam buluh, nasi, garam, telur ayam dan *ai tuak*. Manakala, bagi *bebiau* dalam *miring* akan menggunakan ayam *biring gerunggang* dan juga seekor babi bagi menilik nasib seseorang.



Gambar 4.2 Sirih, penganan iri, daun ruku, pulut dan ketupat diletakkan di atas tabak
(Sumber: Kajian Lapangan Penulis, 2016)

Walter Wong Anak Tedong menyatakan bahawa ritual *miring* juga dilakukan bagi memohon restu dan kebenaran bagi melakukan sesuatu aktiviti. Lazimnya, ritual *miring* dilakukan bagi tujuan-tujuan yang tertentu seperti telah mendapat *pengaroh*, kejayaan di medan peperangan, sembuh daripada penyakit, masuk rumah baharu, sebelum membuka kawasan pertanian dan sebagainya mengikut keperluan dalam masyarakat Iban. Pada masa sekarang, kebanyakan generasi muda dalam masyarakat Iban kurang mengenali ritual *miring*. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan generasi muda mereka telah berpindah dari rumah panjang dan menetap di bandar. Tambahan pula, pemikiran mereka juga dipengaruhi oleh gaya hidup yang moden dan penggunaan teknologi bagi memudahkan sesuatu urusan kerja.

Menurut Walter Wong Tedong lagi, ritual *miring* merupakan keperluan utama dalam kehidupan bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan. Ini kerana sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, masyarakat Iban akan melaksanakan ritual *miring* bagi memohon restu, kebaikan dan menolak kejahatan. Bagi masyarakat Iban yang tinggal di

kawasan Baleh, Kapit amat mementingkan ritual *miring* kerana merupakan sebahagian daripada budaya mereka dan kepercayaan warisan. Selain itu, ritual *miring* juga merupakan keperluan utama dalam kehidupan masyarakat Iban kerana kehidupan masyarakat Iban dikelilingi oleh kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib. Justeru itu, masyarakat Iban perlu menjaga dan menghormati kuasa-kuasa luar biasa tersebut dengan 'memberi makan' melalui pelaksanaan ritual *miring* bertujuan untuk mengelakkan semangat jahat daripada mengganggu kehidupan mereka dan menambahkan kebaikan yang sedia ada daripada semangat baik.

Dalam konteks ritual *miring* pada zaman sekarang sepertimana yang diterangkan oleh Walter Wong Tedong, ritual *miring* juga dilakukan bagi mengalu-alukan kedatangan tetamu dan juga menghormati mereka. Ritual *miring* yang dilakukan bagi tujuan tersebut adalah bagi menyatakan rasa keikhlasan terhadap menyambut dan menerima kedatangan tetamu ke rumah panjang masyarakat Iban. Pada masa ini, pakar-pakar ritual seperti *lemambang* sudah tidak ramai lagi. Misalnya, di kawasan Kapit hanya terdapat empat atau lima orang *lemambang* sahaja yang masih hidup. Kebanyakan para *lemambang* tergolong dalam generasi tua dan ada yang telah meninggal dunia. Oleh hal yang demikian, tanpa golongan tersebut maka akan menyebabkan kesukaran dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring*. Bagi masyarakat Iban, *gawai* merupakan permulaan tahun baharu bagi mereka. Manakala, masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang akan menyediakan *piring* dan melakukan ritual *miring* dalam *gawai* sebagai tanda syukur.

Dalam kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban yang diterangkan oleh beliau, mereka sangat mementingkan petanda yang diperoleh daripada mimpi yang dialami. Mimpi yang dialami itu membolehkan mereka berjumpa dengan semua penghuni alam ghaib. Misalnya, *petara-petara*, dewadewi, *antu*, semangat baik, roh nenek moyang atau ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia untuk meminta segala keperluan atau hajat yang dikehendaki. Justeru itu, individu yang mendapat mimpi yang penting, maka perlu mengadakan ritual *miring*. Tambahan pula, ritual *miring* perlu dilakukan jika diarahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa bagi mendapatkan sesuatu hajat.

Selain itu, sebagai seorang pegawai kebudayaan di Yayasan Tun Jugah, Walter Wong Tedong juga menyampaikan pesanan kepada golongan muda di dalam masyarakat Iban untuk mengenali dan perlu mempelajari tradisi seperti ritual *miring*. Amalan tradisi yang masih dilakukan seperti ritual *miring* ini perlu dipelihara agar masyarakat Iban pada masa akan datang akan mampu mengenali budaya mereka. Tambahan pula, sikap generasi muda dalam masyarakat Iban yang suka mengabaikan amalan tradisi seperti ritual *miring* akan menyebabkan identiti dan budaya mereka terhakis. Justeru, amalan tradisi seperti ritual *miring* perlu dikaji semula agar masyarakat Iban secara khususnya dan masyarakat luar serta penyelidik budaya secara amnya dapat mengenali ritual *miring* ini .

Pada lazimnya, hanya golongan tua sahaja yang terlibat dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring*. Manakala bagi golongan muda pula, mereka kurang digalakkan untuk melibatkan diri iaitu sebelum, semasa dan selepas ritual *miring* dilakukan. Ini kerana dikhuatiri akan menyebabkan alah bulu dan jatuh sakit. Justeru itu, mereka hanya dibenarkan untuk menyaksikan kelangsungan ritual *miring* yang dilakukan oleh golongan tua. Manakala bagi Unsa Meringai yang merupakan seorang *lemambang* (pakar ritual dalam budaya Iban), dalam kepercayaan masyarakat Iban, ritual *miring* akan dilakukan apabila mendapat mimpi dan tidak dilakukan sebarang sahaja. Sekiranya seseorang itu melakukan ritual tersebut tanpa mengalami sebarang mimpi, maka *piring* yang dipersembahkan sukar untuk sampai kepada kuasa-kuasa luar biasa kerana apabila seseorang itu mengalami mimpi, maka kuasa-kuasa luar biasa yang tertentu dan dipuja akan datang *ngabang* ke ritual *miring* yang dilakukan. Tambahan pula, pelaksanaan ritual *miring* bukanlah sesuatu perkara yang boleh diambil ringan atau dipandang remeh. Bagi masyarakat Iban, setiap pelaksanaan ritual *miring* mempunyai peraturan tertentu, tatatertib, dan disiplin yang perlu dipatuhi kerana ritual itu diperturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa dan bukan mengikut sesuka hati untuk dilakukan.



Gambar 4.3 Buah Pinang yang telah dipotong kecil salah satu bahan penting dalam ritual miring (Sumber: Kajian Lapangan Penulis, 2016)

Dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring*, ritual ini hanya dilakukan oleh golongan yang layak, iaitu mereka yang mempunyai ilmu dan pengalaman dalam ritual tersebut. Sekiranya seseorang itu mengalami mimpi tertentu dan tidak melakukan ritual *miring*, maka akan ditimpa malapetaka seperti kurang waras, sakit dan boleh menyebabkan kematian. Sebaliknya, individu yang mengalami fenomena mimpi yang tertentu dan melakukan ritual *miring*, maka akan memperolehi kesenangan, keberanian, kekayaan malah dapat menambah segala kebaikan yang sedia ada. Justeru itu, ritual *miring* dilakukan bagi tujuan atau keperluan yang tertentu.



Gambar 4.5 Biji padi (leka padi) yang digoreng tanpa menggunakan minyak menjad letup (Sumber: Kajian lapangan penyelidik, 2016)

Berdasarkan kepada pandangan, Meringai Muan ayah kepada *lemambang* Unsa Meringai iaitu, *ai tuak* itu menandakan bangkit bilik. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *ai tuak* merupakan makanan kepada *Orang Panggau Libau*, roh-roh nenek moyang dan dewa-dewi yang datang *ngabang* ke rumah yang melakukan ritual *miring*. Seterusnya, air tuak dihidangkan kepada tetamu yang datang ke rumah mereka. Selain itu, air tuak juga digunakan bagi menyambut kedatangan kuasa- kuasa luar biasa. Bagi tetamu yang datang ke rumah masyarakat Iban yang melakukan ritual *miring*, maka mereka akan disuruh membuang (*muai*) *ai tuak* dalam kuantiti yang kecil untuk kuasa-kuasa luar biasa. Menurut cerita orang-orang tua pada zaman dahulu, alasan di sebalik membuang (*muai*) *ai tuak* tersebut adalah kerana, mengikut kepercayaan dalam masyarakat Iban, air tuak itu akan jatuh ke *tajau Pulang Gana*. Sehubungan itu, *Pulang Gana* akan tahu bahawa ada orang melakukan ritual *miring*. Sekiranya *Petara Pulang Gana* merasakan bahawa perlu hadir ke ritual tersebut, maka *Pulang Gana* akan hadir. Walau bagaimanapun, tidak ramai masyarakat Iban yang mengetahui tentang maksud membuang (*muai*) *ai tuak* tersebut.

Sepanjang pengalaman Unsa Meringai dalam mengurus dan mengendalikan ritual *miring*, pelaksanaan ritual tersebut akan diakhiri dengan meletakkan *ai tuak* ke dalam mangkuk kecil dan diletakkan diatas *piring* sebagai 'sajian makanan' utama kepada kuasa-kuasa luar biasa. Setelah itu, golongan pakar ritual tersebut akan *bebiau* untuk menyeru kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara-petara*, dewa-dewa, *Orang Panggau Libau* supaya datang *ngabang* ke rumah yang melakukan ritual *miring*. Dalam melakukan *bebiau* mestilah menggunakan ayam. Setelah *bebiau*, ayam itu pula akan disembelih. Darah ayam yang disembelih akan disapu pada telapak tangan menggunakan bulu ayam. Ini kerana sebagai tanda bahawa masyarakat Iban menerima segala rezeki yang akan diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa dengan telapak tangan yang terbuka. Setelah telapak tangan ditanda dengan darah ayam menggunakan bulu ayam, bulu ayam itu akan diletakkan di *piring* sebagai tanda bahawa masyarakat Iban itu sudah selesai melakukan ritual *miring* dan *bebiau* menggunakan ayam.



Gambar 4.6 Ketupat yang digunakan dalam ritual *miring*. (Sumber: Kajian LapanganPenulis, 2016)

Berdasarkan pengetahuan yang dimiliki oleh Unsa Meringai terhadap kepercayaan dalam masyarakat Iban, ayam adalah merupakan dinding roh dan babi pula pengurung roh. Justeru itu, masyarakat Iban pada zaman

dahulu mesti menternak ayam dan juga babi. Sekiranya masyarakat Iban ditimpa perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, maka ritual *miring* akan dilaksanakan dengan menggunakan kedua-dua haiwan tersebut bertujuan untuk membuang segala malapetaka yang menimpa dan seterusnya untuk menerima kebaikan dan kesenangan melalui *piring* yang disediakan.

Unsa Meringai menjelaskan, masyarakat Iban percaya bahawa tidak akan rugi jika melakukan ritual *miring* kerana kuasa-kuasa luar biasa akan membalasnya dengan dikurniakan segala kebaikan. Misalnya, bagi masyarakat Iban yang menginginkan kekayaan, maka ritual *miring* dilakukan dengan menyeru, memuja dan menyembah *Pulang Gana* dan disediakan *piring* untuk kekayaan. Manakala, untuk memohon keberanian, ritual *miring* dilakukan dengan menyeru *Lang Sengalang Burung*. Bagi *piring* untuk *pengaroh* pula, mereka akan menyeru *Apai Burong*. Sekiranya seseorang itu sakit, maka ritual *miring* dilakukan dengan menyeru *Kelingkang Manang*. Bagi mendapatkan hasil *Tuaian* padi yang lumayan, maka ritual *miring* dilakukan dengan menyeru *Bujang Simpulang Gana*. Selain untuk mendapatkan tuah dan rezeki yang banyak, maka mereka akan mengadakan ritual *miring* untuk menyeru *Segana Gandai*. *Jembu* akan dipanggil untuk ritual *miring* untuk sawah padi pula, maka mereka akan memanggil *Jembu*. Bagi masyarakat Iban yang mengalami kekurangan sumber benih padi, maka mereka melakukan ritual *miring* untuk menyeru *Dato' Intai* agar dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut. Manakala, untuk yang selalu sakit pula, mereka akan menyeru dan memuja *Raja Menjawa tauka petara perubat* dalam masyarakat Iban.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa sesebuah *piring* itu perlu disediakan dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* kerana *piring* merupakan bahan penyembahan dan pemujaan yang utama. Dengan menyediakan *piring*, maka kuasa-kuasa luar biasa akan datang dan untuk menunaikan hajat seseorang yang melakukan ritual tersebut. Tambahan pula, penyediaan *piring* dan penggunaan *pua kumbu* merupakan simbol atau lambang kepada ritual *miring* yang dilakukan dalam masyarakat Iban. Bagi penyediaan *piring*, ia merupakan 'sajian makanan' utama kepada kuasa-kuasa luar biasa dalam ritual *miring*. Manakala, penggunaan *pua kumbu* pula dipuja dari aspek motif-motif yang ditunen.

Berdasarkan kepada pandangan Unsa Meringai terhadap masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, mereka tidak akan melakukan ritual *miring* tanpa sebab yang tertentu kerana setiap perkara yang dilakukan mempunyai maksud dan tujuan yang tertentu. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban percaya bahawa alam manusia berpisah dengan alam ghaib kerana mereka telah melanggar peraturan dengan memakan buah terung. Semua penghuni di alam ghaib tidak boleh memakan buah terung. Individu yang mengalami fenomena mimpi tertentu, maka akan ditafsir dahulu segala intipati mimpi tersebut oleh golongan pakar ritual *miring*. Setelah itu, barulah golongan pakar ritual akan menggunakan kaedah yang sesuai untuk mengurus dan melaksanakan ritual *miring* yang akan dilakukan. Sekiranya, kaedah yang digunakan dalam ritual *miring* kurang betul, maka ritual tersebut tidak berkesan dan hanya dilakukan secara sia-sia sahaja. Ritual *miring* yang dilakukan dengan kaedah yang betul, maka akan membawa kepada kesenangan kerana kuasa-kuasa luar biasa akan membalasnya dengan segala kebaikan yang diperlukan oleh masyarakat Iban.

Lemambang Unsa Meringai juga menyatakan bahawa masyarakat Iban yang melakukan ritual *miring* itu membawa bermaksud kepada berani dan tidak takut dalam segala hal yang berkaitan dengan kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, mereka juga dapat mengatasi dan melawan masalah-masalah yang datang. *Lemambang* yang melakukan ritual *miring* untuk seseorang yang ingin mendapatkan rezeki ataupun kekayaan, maka dalam tempoh dua hingga tiga bulan ataupun dua hingga tiga tahun, dapat dilihat bahawa seseorang itu akan mendapat sesuatu yang baharu. Sepanjang pengetahuan informan Unsa Meringai yang merupakan seorang *lemambang* dan pakar ritual budaya masyarakat Iban, golongan yang boleh melaksanakan ritual *miring* ini bukanlah orang yang sembarangan. Golongan yang sepatutnya yang diambil untuk melakukan ritual *miring* ini, adalah seperti *lemambang*, *manang* (bomoh), *Tuai* kayu burung (ketua kayu burung), *Tuai* rumah (ketua rumah), *Tuai gawai* (ketua *gawai*), dan *Tuai piring* (ketua *piring*). Ini kerana ritual-ritual yang melibatkan pemujaan dan penyembahan kuasa-kuasa luar biasa dan oleh itu perlu diketuai oleh golongan pakar ritual agar tidak ditimpa perkara-perkara yang tidak diingini dari berlaku.

Sebagai seorang pakar ritual dalam budaya dan masyarakat Iban, beliau juga menyatakan bahawa sekiranya terdapat individu yang ingin melakukan pengembaraan jauh untuk mencari rezeki, lazimnya, ritual *miring* itu akan dilaksanakan pada waktu petang kerana *piring* tersebut akan dibawa bersama semasa tidur dan diletakkan di bahagian atas tempat tidur. Tempoh untuk *piring* berada di situ adalah selama tiga malam. Dalam tempoh itu, kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja akan datang mengambil 'sajian makanan' *piring* tersebut. Setelah cukup tiga malam, *piring* tersebut tidak boleh dibuang sembarangan kerana *piring* adalah benda yang baik dan bertuah. Oleh itu, *piring* tersebut hendaklah ditanam di dalam tanah.

Bab 5

Pelaksanaan Ritual *Miring* dalam Budaya Iban

Persediaan Sebelum Pelaksanaan Ritual *Miring*

Ritual *miring* lazimnya diadakan oleh penduduk rumah panjang jika mereka ditimpa malapetaka seperti wabak penyakit, kejadian *tanah tumbuh* atau dimasuki oleh binatang seperti tenggiling, ular dan sebagainya. Sesebuah ritual *miring* tidak boleh dilakukan sebarang kerana ia melibatkan nyawa dan kesejahteraan penghuni rumah panjang. Jika pelaksanaan ritual *miring* tidak dilakukan dengan betul, ia akan mengakibatkan kematian dalam kalangan penghuni rumah panjang. Justeru itu, sesebuah ritual *miring* memerlukan pengurusan yang teratur untuk memastikan kemahiran pakar, sumber kewangan dan penjadualan yang rapi untuk memastikan keberkesanan ritual tersebut.

Keputusan untuk menganjurkan sesebuah upacara tradisional boleh dibuat atas inisiatif penganjur, atau secara alternatif, ia boleh diperintahkan oleh kuasa luar biasa melalui mimpi, kejadian aneh dan jika ada ahli keluarga yang jatuh sakit. Jika ada ahli keluarga merasakan bahawa upacara tradisional tersebut perlu diadakan, ketua-ketua keluarga akan mengadakan mesyuarat di mana mereka akan membincangkan mengenai upacara yang

dicadangkan. Sebaik sahaja mereka bersetuju untuk mengadakan upacara tradisional, mereka akan membuat keputusan untuk mengadakan upacara tradisional ini pada tarikh yang sesuai. Pelbagai persiapan perlu dilakukan padaperingkat awal sebelum hari perayaan sebenar.

Sesebuah acara atau upacara tradisional memerlukan perancangan yang tepat dan teliti kerana sudah menjadi satu kewajipan bagi penduduk di sesebuah rumah panjang untuk membuat perancangan awal sebelum melaksanakan sesuatu upacara keagamaan mahupun majlis keramaian. Mengikut prinsip yang diperkenalkan oleh Taylor (1993) setiap kerja dan sesuatu yang bakal dilaksanakan perlu mempunyai perancangan dan penjadualan yang rapi. Bagi Taylor, perancangan dan penjadualan aktiviti organisasi adalah perlu bagi memastikan penggunaan sumber manusia, bahan pada tempat dan masa yang sesuai. Sesuatu kerja akan dapat dijalankan dengan lancar jika ia dirancang terlebih dahulu. Hasil kajian lapangan penyelidikan mendapati sebelum melaksanakan upacara *miring*, *Tuai Rumah* akan menjemput semua penduduk rumah panjang untuk menghadiri mesyuarat atau dikenali sebagai 'baum' dalam masyarakat Iban. Sesi perbincangan tersebut akan dilakukan di *ruai Tuai Rumah* bagi memudahkan penghuni rumah panjang berkumpul secara beramai-ramai. Semasa sesi perbincangan tersebut berlangsung, *Tuai Rumah* akan mengutarakan cadangan untuk mengadakan upacara *miring* serta tujuan ritual tersebut dilaksanakan.

Berdasarkan teori pengurusan Taylor (1993), pengkhususan kerja perlu dilakukan terlebih dahulu untuk mengenalpasti individu yang sesuai untuk memikul sesebuah tanggungjawab. Pandangan Taylor ini boleh disamakan dengan pelaksanaan upacara *miring* tersebut kerana dapat dibuktikan Ia membuktikan betapa pentingnya khidmat seseorang pakar bagi setiap bidang. Setelah mendapat persetujuan ramai, *Tuai Rumah* akan mengagihkan tugas kepada penduduk rumah panjang yang pakar dalam ritual tersebut. Wanita yang mahir mengayam dan menenun *kain pua* sentiasa dipilih untuk menggalas tugas menyediakan bahan-bahan *piring*. *Tukang biau* biasanya dipilih dalam kalangan *lemambang* atau *manang*.

Khinzir dan ayam dijadikan sebagai haiwan korban dalam ritual *miring*. Jumlah khinzir dan ayam yang digunakan dalam ritual *miring* akan ditetapkan oleh penduduk rumah panjang. Penyediaan bahan-bahan *piring* tersebut dilakukan oleh *Indu Pandai Indu Julai Tau Nachai Gajai Lebor Api atau Indu Nakar Indu Ngar* dan *Indu Nengkebang Indu Muntang*. Mereka mempunyai kemahiran yang dianugerahkan oleh antu (*disumpah antu*) untuk menghasilkan *pua kumbu*. Masyarakat Iban memandang tinggi kaum wanita yang mahir menenun *pua kumbu*. Mereka mengagap tangan penenun *kain pua* yang memegang *piring* akan mendatangkan sesuatu yang baik kepada masyarakat.

Kutipan wang juga akan dilakukan semasa mesyuarat berlangsung. Duit kutipan tersebut akan digunakan untuk membeli bahan-bahan dan peralatan yang diperlukan dalam pelaksanaan ritual *miring*. Duit kutipan tersebut turut digunakan untuk membayar upah *Tukang Biau* dan individu yang menyediakan *piring*. Mengikut teori Taylor (1993), insentif upah juga menjadi aspek penting dalam sesebuah pengurusan. Upah yang diberikan bertujuan untuk membayar upah mengikut jenis kerja yang dilakukan. Upah bagi seseorang pakar ritual perlu disediakan sebagai balasan terhadap khidmat dan kepakaran yang dimiliki oleh beliau. Jumlah yang dibayar perlu setimpal dengan kerja yang dipikul oleh pakar ritual.

Tukang gendang yang ditugaskan untuk memukul gong dan *tawak* semasa pelaksanaan ritual *miring* juga akan dipilih semasa sesi perbincangan tersebut. *Tukang gendang* terdiri daripada tiga dan empat orang lelaki. Mereka akan memukul gong dan *tawak* dan memainkan *Gendang Rayah*. *Gendang rayah* merupakan muzik hasil gabungan gong dan *tawak* yang dipercayai dipukul untuk menjemput *petara*, dewa-dewi dan kuasa-kuasa ghaib yang lain untuk datang ke upacara *miring*. Informan *Lemambang Blingkuk* menjelaskan bahawa *gendang rayah* dijadikan sebagai penanda bahawa masyarakat Iban mengadakan ritual *miring*. Kuasa-kuasa ghaib yang mendengar bunyi gong tersebut dipercayai akan datang untuk memakan *piring* dan seterusnya memberi pertolongan kepada manusia. Pemilihan dan pengambilan kakitangan yang rapi juga merupakan salah satu daripada prinsip dalam teori

pengurusan Taylor. Taylor yakin bahawa pemilihan dan pengambilan kakitangan harus dibuat dengan lebih teliti bagi menjamin kakitangan tersebut dapat melaksanakan tugas seperti yang dikehendaki. Begitu juga dengan penyediaan dan pengendalian ritual *miring* ternyata amat memerlukan ketelitian yang tinggi. Pelaksanaan ritual *miring* mempunyai beberapa peringkat yang harus diikuti oleh individu yang mengendalikan ritual tersebut.

Sebelum ritual *miring* dimulakan, kaum wanita biasanya akan menyediakan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat *piring* terlebih dahulu. Sehari sebelum hari pelaksanaan ritual *miring*, penduduk rumah panjang akan keluar ke hutan untuk mencari buluh yang akan digunakan untuk membuat *seregang* atau *Kelingkang*. *Seregang* dan *Kelingkang* merupakan alat yang digunakan untuk meletakkan *piring* yang telah siap diperbuat daripada buluh yang dibelah dan kemudiannya dianyam oleh kaum wanita menjadi bakul. Jumlah *seregang* atau *Kelingkang* yang dianyam adalah berdasarkan kategori *piring*.

Pada hari yang sama, kaum wanita juga akan mengayam ketupat dan mengisi *pulut* ke dalam ketupat. Bahan-bahan yang perlu dimasak seperti nasi dan telur akan dilakukan oleh kaum wanita. *Penganan iri* akan dihasilkan menggunakan campuran tepung dan gula *apong*. Adunan tersebut akan digoreng menggunakan minyak. Bahan-bahan lain seperti pisang, tembakau, sirih, pinang, *sagun* dan bertih padi akan dikumpulkan dan diletakkan di atas talam atau *Tabak*. Pada masa dahulu, bahan-bahan seperti *sagun*, bertih padi akan dihasilkan sendiri oleh wanita kaum Iban. Bertih padi (*Letup*) akan digoreng di atas kuili tanpa menggunakan minyak. Bunyi *Letupan* bertih padi dikatakan dapat didengari oleh *petara* yang tinggal di langit. Kesemua bahan *piring* akan diletakkan di atas *tabak* terlebih dahulu sebelum sesi *miring* bermula. Ritual *miring* juga memerlukan seekor ayam *biring gerunggang* dan khinzir. Jumlah khinzir yang diperlukan adalah berdasarkan kategori ritual atau *gawai* yang ingin diadakan. Ayam *biring gerunggang* berwarna perang, kehitaman dan sedikit warna putih merupakan ayam kegemaran *petara* yang tinggal di *Panggau Libau*.



Gambar 5.1 Kerja mengisi beras ke dalam ketupat (Sumber: Kerja Lapangan Penulis, 2015)

Semasa Pelaksanaan Ritual *Miring*

Kaum lelaki yang terdiri daripada *Tuai Rumah*, ketua-ketua keluarga serta pakar ritual akan memulakan sesi *miring* dengan menaburkan bertih padi (*Letup*) di tempat ritual *miring* dilaksanakan. Seterusnya mereka membahagikan pinang, sirih, tembakau, dan telur kepada beberapa bahagian mengikut jenis dan *turun piring*. Bahan-bahan yang perlu diletakkan terlebih dahulu adalah seperti sirih, buah pinang, rokok apung dan telur. Setelah itu, langkah seterusnya adalah meletakkan bahan-bahan lain sehingga kesemua pinggan mengandungi bahan-bahan *piring* yang mencukupi.

Indu piring akan disediakan terlebih dahulu sebelum menyediakan *piring* lain. Setiap *piring* perlu ada *indu piring* iaitu *piring* utama untuk semua *piring*. Buah pinang, rokok apung, nasi pulut putih, nasi pulut kuning, nasi hitam dan *penganan* diambil dalam kuantiti yang sedikit dan diletakkan pada setiap set *piring*. Jumlah set *piring* disediakan adalah mengikut *Turun Piring* dan kategori ritual. Setelah selesai membahagikan bahan-bahan mengikut

urutan, air *tuak* pula dituangkan dalam kuantiti yang sedikit ke atas *piring*. Pakar ritual akan berdiri sambil memegang seekor ayam dan memulakan sesi *bebiau*. Manakala setelah *piring* siap, *piring* perlu diberkati dengan *biau* iaitu bacaan doa dengan menggerakkan seekor ayam ke kiri dan ke kanan diatas *piring* sambil membaca doa (*sampi*) yang ditujukan kepada kuasa-kuasa luar biasa. Kuasa-kuasa luar biasa tersebut dipercayai akan datang dan menolong masyarakat Iban. Individu yang membaca *biau* itu pula haruslah seseorang yang pandai menyebut ayat-ayat *biau*. Ritual *bebiau* bagi upacara *miring* biasanya menggunakan seekor ayam *biring gerunggang*. Ritual *bebiau* akan dilakukan oleh *Tuai piring* iaitu individu yang mengepalai ritual *miring*. Selepas *Tuai piring* selesai meletakkan bahan-bahan *piring* di dalam pinggan khas, beliau akan memulakan sesi *bebiau* dengan menggunakan seekor ayam. Dalam sesi *bebiau*, *Tuai Piring* akan menyeru semua *petara* atau kuasa luar biasa yang lain untuk menolong masyarakat Iban.



Gambar 5.2 Ritual *miring* sedang dijalankan oleh dua orang pakar *piring* (Sumber: Kerja lapangan Penulis, 2015)

Selepas selesai melafazkan *biau*, *lemambang* akan menyembelih ayam tersebut untuk mendapatkan darah. Bulu ayam akan disapukan pada darah ayam tersebut dan kemudiannya disapukan di atas *piring*. Ketika upacara *bebiau*, beliau menyeru *petara-petara* Iban untuk datang dan memakan *piring* tersebut. Di samping itu, pakar ritual juga menyampaikan hajat dan doa mereka kepada *petara* dengan melafazkan *biau*. Apabila sesi *bebiau* telah selesai, ayam tersebut akan disembelih bagi membolehkan darahnya diambil dan disapu pada *piring* sebagai berfungsi sebagai simbol semahan untuk *petara* dan kuasa luar biasa yang lain. Pinggan-pinggan yang mengandungi *piring* diletakkan diatas *tabak* dan ditutup menggunakan *kain pua*, sebelum ditempatkan di tempat yang sesuai dan selamat. Perbuatan tersebut menandakan bahawa ritual *miring* telah selesai.



Gambar 5.3 *Lemambang* sedang *bebiau* dalam ritual *miring*

Selepas Pelaksanaan Ritual *Miring*

Setelah selesai sesi *bebiau*, *piring* yang berada di dalam pinggan akan dituang ke dalam daun atau suratkhbar. *Piring* yang dibungkus menggunakan daun atau surat khbar kemudiannya diikat bagi memudahkan *piring* diletakkan di dalam *seregang* atau *Kelingkang*. Daun yang berisi *piring* akan diletakkan di dalam *Kelingkang* atau *seregang* iaitu bakul yang diperbuat daripada buluh dan rotan. Jika *piring* diletakkan di dalam *Kelingkang*, *piring* akan digantung di sekitar rumah panjang termasuk *bilek*. Manakala jika *teresang* digunakan untuk menyimpan *piring*, *teresang ini* akan didirikan di atas tanah. *Kelingkang* pula akan digantung di tiang dan di hujung bumbung rumah. Bagi ritual *miring ngintu diri*, *piring* dibiarkan berada di atas pinggan dan diletakkan di atas *tabak* dan ditutup dengan menggunakan fabrik tradisional kaum Iban iaitu *pua kumbu*. Ia bertujuan untuk mengelakkan *piring* tersebut dirosakkan dan dicemari oleh haiwan seperti tikus, lalat dan lipas. Manakala *piring* yang diletakkan di dalam rumah pula akan dibuang selepas tiga atau lima hari. Alat yang digunakan untuk menyimpan *piring* dan tempat *piring* diletakkan adalah bergantung kepada majlis atau kategori upacara yang sedang dilaksanakan oleh kaum Iban. Misalnya, *piring* yang diletakkan di *ruai*, *tanju*, huma dan tepi sungai biasanya diletakkan di dalam *seregang* yang berupa bakul namun mempunyai batang.

Pelaksanaan Ritual *Miring* dalam *Gawai Burong* di Daerah Saratok

Gawai Burong sering dikaitkan dengan kepercayaan terhadap dewa masyarakat Iban yang dikenali sebagai *Aki Lang Sengalang Burong Jagu Menaul Tuntung*. *Aki Lang Sengalang Burong Jagu Menaul Tuntung* merupakan seekor burung helang yang menjadi dewa peperangan masyarakat Iban. Dewa ini telah ditugaskan oleh *petara* masyarakat Iban untuk memimpin segala perkara yang berkaitan dengan peperangan. Hal ini dikatakan demikian kerana Dewa *Sengalang Burong* mempunyai pelbagai jenis azimat (*pengaroh*) yang diperlukan masyarakat Iban dalam ekspedisi perang. *Gawai Burong* juga dianjurkan jika terdapat individu yang menerima petanda daripada *petara* menerusi mimpi agar mengadakan ritual *gawai* tersebut. Suatu ketika

dahulu, Dato Sri Edmund Langgu juga pernah mengadakan *Gawai Burong* ini namun *Gawai Burong* yang dianjurkan oleh Dato Sri Edmund Langgu adalah bertujuan untuk menyembuhkan penyakit yang dialami oleh beliau. *Gawai Burong* tersebut dikategorikan sebagai *Gawai Mansau*.

Gawai Burong wajib diadakan di bahagian *tanju* iaitu bahagian hadapan rumah panjang yang tidak berbumbung. Masyarakat Iban percaya bahawa dengan mengadakan ritual *Gawai Burong* di bahagian *tanju*, Dewa *Sengalang Burong* akan datang dan duduk bersama dengan manusia biasa. Ritual *Gawai Burong* memerlukan penyediaan *piring* yang berasingan mengikut jenis upacara yang diadakan dalam ritual tersebut. *Piring* yang disediakan dalam *Gawai Burong* terdiri daripada *Piring Turun Tujuh* dan *Piring Turun Sembilan* yang melambangkan betapa tinggi status *gawai* tersebut dalam adat masyarakat Iban. *Tanju* dan *Panggau* sementara dibina di bahagian luar rumah panjang khas untuk ritual *Gawai Burong*.

Menurut Lemambang Abang Entarey, dalam penyediaan *piring* untuk ritual *Gawai Burong* pada tahap pertama, pihak penganjur *gawai* perlu menyediakan *Piring Turun Lima* untuk ritual *miring* pada waktu petang. Ritual *miring* pada waktu petang biasanya dilakukan di bahagian *tanju* rumah panjang. Manakala pada keesokan hari, mereka harus menyediakan *Piring Turun Tujuh*. Semasa ritual *gawai* tahap kedua pula, *Piring Turun Sembilan* disediakan untuk upacara *miring* waktu malam. *Piring Turun Tiga Belas* pula disediakan ketika ritual *miring* yang diadakan di *tanju* rumah panjang pada sebelah pagi.

Segala persediaan untuk menganjurkan *Gawai Burong* dilakukan oleh penduduk rumah panjang serta saudara mara yang terdekat. Lazimnya *Gawai Burong* hanya dianjurkan oleh sebuah keluarga sahaja (*sepintu bilek*). Namun demikian, penghuni rumah panjang yang lain akan membenarkan pihak penganjur *gawai* untuk menggunakan bahagian *ruai* mereka untuk upacara *lemambang mengap*, *besangkah antu pala* dan sebagainya. Penduduk rumah panjang juga akan membantu pihak penganjur *gawai* melakukan segala persiapan bagi meringankan beban mereka. Sehari sebelum *Gawai Burong* diadakan, penduduk rumah panjang akan bergotong royong untuk menyediakan makanan untuk dihidangkan kepada para tetamu sepanjang

berlangsungnya *Gawai Burong*. Ritual *Gawai Burong* biasanya mengambil tempoh selama dua hari iaitu bermula pada waktu tengahari untuk hari pertama. *Panggau* dan *Tanju* pula dibina sehari sebelum ritual *Gawai Burong* diadakan bagi menjimatkan masa.

Masyarakat Iban mengetahui mengenai *Gawai Burong* setelah diajar oleh *Sengalang Burong*. Bagi orang Iban yang mengadakan ritual *Gawai Burong* untuk orang sakit, mereka perlu memanggil *Sengalang Burong* dengan memainkan *gendang rayah* dan memukul *puting beliung*. *Lemambang Bling kuk* menjelaskan bahawa bunyi *gendang rayah* dan *puting beliung* adalah cara untuk memanggil dewa dewi kaum Iban yang tinggal di langit. Masyarakat Iban juga perlu menyediakan *piring* agar semua *petara* mengetahui tentang ritual yang diadakan oleh manusia. Masyarakat Iban tidak boleh melaksanakan sebarang ritual *gawai* sesuka hati tanpa tujuan yang munasabah. Hal ini dikatakan demikian kerana ritual *gawai* ini diadakan jika ada sesuatu perkara penting berlaku dalam kalangan masyarakat Iban.

Menurut *Lemambang Abang Entarey*, sejak dari beliau kecil lagi sehingga kini, beliau hanya berpeluang menyaksikan ritual *Gawai Burong* sebanyak enam kali di kawasan Saratok. Pelaksanaan ritual *gawai* ini memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi dan persediaan yang rapi untuk mengelakkan sebarang ketidaksempurnaan. Pelaksanaan *Gawai Burong* juga memerlukan banyak kelengkapan dan keperluan yang berbeza daripada ritual *gawai* lain. Hal ini dikatakan demikian kerana keperluan dan prosedur *Gawai Burong* mempunyai perbezaan pada setiap peringkat *Gawai Burong*. Jika individu tersebut mengadakan *Gawai Burong* buat kali yang pertama, beliau hanya menggunakan *Tiang Kelingkang*, iaitu sejenis tiang ritual yang diperbuat daripada buluh. Seterusnya, jika individu tersebut telah menerima arahan daripada *petara* menerusi mimpi agar mengadakan *Gawai Burong* sekali lagi, beliau harus menggunakan pokok pinang. Manakala pada kali ketiga pula, beliau harus menggunakan pokok durian. Sekiranya individu tersebut perlu mengadakan ritual *Gawai Burong* pada kali keempat pula, beliau harus menggunakan *Tiang Selangking* sebagai tiang ritual.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada *Lemambang Bling kuk*, rumah panjang perlu dirobohkan jika individu tersebut sudah mencapai

tahap yang tertinggi iaitu menggunakan *Tiang Selangking*. Hal ini demikian kerana mengikut kepercayaan orang Iban, *Tiang Selangking* ialah tiang milik hantu gergasi (*Tiang Antu Gerasi Papa*). Gambar hantu gergasi diletakkan di *Tiang Selangking* semasa ritual *Gawai Burong* diadakan. Jika penduduk rumah panjang tidak merobohkan dan berpindah keluar dari rumah panjang tersebut, akan berlaku kematian dalam kalangan penduduk rumah panjang. Walau bagaimanapun, bersesuaian dengan peredaran zaman, rumah panjang kaum Iban pada masa kini dibina dengan seni bina moden dan diperbuat daripada konkrit. Agak sukar untuk masyarakat Iban untuk merobohkan rumah panjang mereka apatah lagi jika pembinaannya memakan perbelanjaan yang besar. Oleh itu, jika ada yang ingin mengadakan ritual *Gawai Burong* pada kali keempat (*Tiang Selangking*), maka beliau harus melaksanakan ritual tersebut di tempat lain.

Manakala jumlah *piring* yang digunakan semasa ritual tersebut adalah bergantung kepada tahap *gawai*. Semakin tinggi tahap *gawai* yang diadakan, semakin banyak *piring* perlu disediakan untuk dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa. *Gawai Burong* memerlukan pelbagai jenis upacara yang perlu dilaksanakan mengikut prosedur yang betul. Jika tidak dilaksanakan mengikut aturan yang betul, kuasa luar biasa yang disembah dalam ritual tersebut akan berasa marah. Permintaan dan doa manusia tidak akan dimakbulkan jika berlaku sebarang kesalahan dalam pelaksanaan sesuatu ritual.

Beranchau, Mupu Enselua dan Niri Ka Pandong

Perkara pertama yang harus dilakukan oleh penduduk rumah panjang ialah *beranchau* sebagai simbolik bermulanya *Gawai Burong*. Adat menghamparkan tikar (*beranchau tikai*) semasa perayaan atau ritual utama sangat penting dalam budaya masyarakat Iban yang menganjurkan upacara tersebut. Ritual yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban bukan sahaja didatangi oleh tetamu manusia, namun turut didatangi oleh semangat baik dan semangat jahat. Oleh itu, bahagian *ruai* rumah panjang (galeri) perlu dihamparkan tikar rotan atau *bemban* sebagai tanda menghormati tetamu manusia dan roh-roh. Sepanjang festival

dilaksanakan, tikar yang telah dihamparkan di bahagian *ruai* tidak boleh dilipat. Tikar tersebut hanya boleh dilipat beberapa hari selepas semua prosiding perayaan selesai atau selepas seminggu bagi perayaan utama. Seorang lelaki dilantik untuk memegang seekor ayam dan berjalan di sepanjang bahagian *tempuan* rumah panjang sebagai tanda *beranchau* tikai atau menghampar tikar dimulakan. Setiap *ruai* dihamparkan dengan tikar *bemban* untuk dijadikan laluan pengabang dan *lemambang*. *Gendang rayah* akan dimainkan sebanyak tiga kali untuk menandakan upacara *beranchau* tikai dimulakan. Kaum wanita akan menghamparkan tikar *bemban (tikai buah)* yang dianyam dengan pelbagai motif mengikut tahap kemahiran masing-masing.

Pada masa yang sama, kaum lelaki pula akan mula untuk mendirikan *pandong* di *ruai* penganjur *gawai* dengan diketuai oleh *Tuai Piring*. *Pandong* merupakan tempat untuk meletakkan azimat (*pengaroh*) dan *piring*. *Pandong* dibina dengan menggunakan *pelangka* yang kemudiannya dibalut menggunakan *pua kumbu*. *Pandong* dibina khas untuk menutup segala azimat yang diletakkan di tengah *ruai* tersebut. Ia bertujuan untuk mengelakkan azimat tersebut daripada terlalu terdedah kepada orang ramai. Sekiranya azimat-azimat tersebut terlalu didedahkan kepada orang ramai, dikuatiri perkara yang buruk boleh berlaku (*tau ngasuh rumah angkat*), antaranya adalah seperti akan berlakunya kematian di rumah panjang yang melaksanakan *Gawai Burong* tersebut.

Setelah selesai upacara *beranchau tikai* dan mendirikan *pandong*, dua orang lelaki akan bertugas membawa *chapan* untuk *mupu enselua*. Mereka akan masuk ke setiap *bilek* yang ada di rumah panjang tersebut untuk meminta makanan atau barangan seperti penganan, kuih sepi, dan raga yang akan diberikan kepada *antu enselua*. Ia bertujuan untuk mengelakkan antu tersebut mengganggu ritual *gawai* yang diadakan. Setelah selesai mupu ke *Antu rua*, kesemua makanan yang diletakkan di dalam *chapan* akan dibuang di bahagian *pala tangga* rumah panjang. Upacara *beranchau* dan *niri ka pandong* dilakukan sekitar jam 12:00 tengah hari sehingga pukul 1:30 petang. Setelah upacara *beranchau* dan *niri ka pandong* selesai, penduduk rumah panjang menyediakan diri untuk menyambut kedatangan *lemambang*,

Bujang Berani, *antu pala* dan para tetamu (*pengabang*). *Pengabang* biasanya terdiri daripada saudara mara terdekat dan penduduk rumah panjang yang berdekatan.

Ngalu Lemambang, Bujang Berani, Antu pala dan Pengabang

Individu yang berperanan sebagai *tukang gerah* akan memaklumkan semua penduduk rumah panjang dan individu yang terlibat dalam upacara *miring* untuk bersedia menyambut kedatangan *lemambang*, *Bujang Berani*, *antu pala* dan para tetamu. Upacara *ngalu lemambang*, *Bujang Berani*, *antu pala* dan *pengabang* dilakukan sekitar jam 3:00 petang. Penduduk rumah panjang yang mengadakan upacara *gawai* tersebut akan turun ke halaman rumah panjang dengan membawa *piring* dan tikar. Tikar yang digunakan ialah tikar *bemban* yang dianyam dengan pelbagai motif dan dikenali sebagai *Tikai Buah*. Dalam bahasa Iban, buah adalah merujuk kepada motif. Ritual *Gawai Burong* dimulakan dengan ritual *miring* yang dilakukan di halaman rumah panjang. *Bujang Berani*, pembawa *antu pala* dan para tetamu tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam rumah panjang sehingga ritual *miring* selesai.

Terdapat empat jenis *piring* yang dibawa oleh individu yang ditugaskan untuk membawa *piring*. Salah satu daripada empat *piring* tersebut akan diberikan kepada *Enselua*. Manakala tiga bungkusan *piring* lagi akan diletakkan di atas *seregang*. *Seregang* tersebut kemudiannya diletakkan di sekitar kawasan rumah panjang. Masyarakat Iban percaya bahawa *petara* (tuhan) akan datang untuk memakan *piring* tersebut. Namun kehadiran mereka tidak dapat dilihat oleh manusia kerana mempunyai kuasa ghaib.

Seterusnya, *lemambang-lemambang* akan naik semula ke rumah panjang dengan melalui bahagian *tempuan*. *Tempuan* merupakan ruang lalu lalang penduduk rumah panjang. Mereka kemudiannya memulakan upacara *Nimang* iaitu syair yang ditujukan kepada *petara* masyarakat Iban. Perarakan masuk ke dalam rumah panjang diketuai oleh *lemambang* dan seterusnya diikuti oleh *Bujang Berani*, pembawa *antu pala*, pembawa patung burung kenyalang dan para tetamu. Kaum wanita dikehendaki untuk berdiri di

hadapan pintu *bilek* masing-masing untuk memberikan air *Tuak* kepada *Lemambang* yang berjalan di hadapan mereka. *Lemambang* meneruskan upacara '*Nimang*' dengan berjalan sambil menghentak tungkat *lemambang* di sepanjang *ruai* rumah panjang tersebut. Setibanya mereka di *ruai* keluarga yang menganjurkan ritual *Gawai Burong* tersebut, *lemambang* akan berjalan mengelilingi *pandong*. Pada pukul 3.30 petang, *lemambang* memulakan *pengap* dan diikuti oleh upacara nyangkah niti *ruai*.

Ka Tanju

Ritual *Ka Tanju* dimulakan pada pukul 4:00 petang selepas upacara *Nyangkah Niti Tempuan* selesai. Ritual *miring* yang diadakan di bahagian *tanju* melibatkan *Piring Turun Tujuh*. *Lemambang*, *Bujang Berani* duduk di bahagian *tanju* untuk memulakan ritual *miring*. *Antu pala* dan patung burung kenyalang (*kenyali*) juga dibawa keluar dan diletakkan di tengah *tanju*. *Gendang rayah* akan dimainkan sebanyak tiga kali sebagai tanda bermulanya ritual *miring*. Seorang *lemambang* dilantik untuk upacara *bebiau* iaitu bagi memberkati *piring*.

Mansut Ka Orang Sakit

Ritual *miring* diadakan sekali lagi setelah individu yang sakit (urang ti dipegawaika) dibawa keluar dari *bilek* dan duduk di atas *Panggau* bersama *lemambang* dan *Bujang Berani*. Hanya individu yang terlibat dalam ritual ke *tanju* dibenarkan untuk berada di atas *Panggau*. Ritual *miring* di bahagian *tanju* ini juga memerlukan penyediaan *Piring Turun Tujuh*. *Lemambang* yang berbeza melafazkan *biau* semasa ritual *miring* tersebut berlangsung. *Gendang rayah* akan dimainkan sebanyak lima kali untuk menandakan ritua *miring* sedang berlangsung.

Niki Ka Lemambang, Bujang Berani, Antu pala dan Pengabang

Pada hari pertama juga, upacara Niki ke *Lemambang*, *Bujang Berani*, *antu pala* dan para tetamu turut diadakan untuk mengaluakan kedatangan

golongan yang terlibat dalam ritual *Gawai Burong* tersebut. *Piring* yang digunakan untuk upacara Ngalu *Lemambang* boleh digunakan semula semasa niki ka *Lemambang*, *Bujang Berani*, *antu pala* dan para tetamu (pengabang). Ayam yang digunakan untuk miao *piring* akan disembelih. Pembawa *piring* juga perlu membawa sebiji telur ayam yang masih mentah ketika upacara tersebut berlangsung.

Patung burung kenyalang (*kenyali*) yang dibawa masuk ke dalam rumah panjang akan diletakkan di *ruai* penganjur *gawai*. Mengikut tradisi kaum Iban, patung kenyalang tersebut perlu diberi *pinang* (*ilum pinang*) dan *daun ruku* yang berisi tembakau. *Ilum pinang* dan *daun ruku* akan diletakkan di dalam mulut burung kenyalang sebagai makanannya. Penganjur *gawai* juga perlu meletakkan *piring* di tepi *antu pala*. Perbuatan ini dilakukan bagi mengelakkan semangat patung burung kenyalang dan *antu pala* daripada marah jika tidak dihidangkan dengan 'makanan'.

Ngerandang Jalai Lemambang, Nyugu Babi, Belabuh Bemain dan Ngalu Petara

Gendang rayah akan dimainkan dalam tempoh yang lebih panjang dari biasa semasa *Bujang Berani* memulakan upacara nyangkah yang memerlukan mereka nyangkah tiga kali *besundang*. *Nyangkah tiga kali besundang* bermaksud *Bujang Berani* berjalan mengelilingi *ruai* sebanyak tiga kali sambil memegang *antu pala*. Pada masa yang sama, individu yang terlibat dalam upacara *nyugu babi* pula bersedia untuk berarak dari *ruai* penganjur *gawai*. Menurut Encik Nicholas Bryan, upacara *nyugu babi* boleh dilakukan secara serentak dengan *lemambang mengap*, *nyangkah* dan mai *kenyali*. Manakala sekumpulan *Lemambang* pula mula untuk melagukan *pengap* dan berjalan di sepanjang *ruai*.

Beberapa orang wanita pula akan membawa *antu pala* dan berjalan mengikut para *lemambang*. Pembawa patung burung kenyalang pula akan berjalan menyertai *lemambang* dan pembawa *antu pala*. Sebelum *lemambang* memulakan *pengap*, mereka perlu diberikan adat kurung atau *kering semangat*. Adat kurung dan *kering semangat* adalah berupa kebok

(tembikar kecil) dan besi yang sudah digigit. Pemberian *kering semengat* bertujuan untuk melindungi semangat para *lemambang* agar tidak menjadi lemah disebabkan oleh kuasa-kuasa luar biasa. Upacara *ngalu petara* pula dilakukan pada waktu yang sama.

Ngerampas

Upacara *ngerampas* diadakan pada hari kedua ritual *Gawai Burong* iaitu seawal jam 4:00 pagi. Dalam upacara *ngerampas*, *lemambang* meminta beberapa orang lelaki untuk mengambil *antu pala* daripada para *Bujang Berani*. Ritual merampas *antu pala* tersebut dilakukan di sepanjang *ruai* rumah panjang. *Lemambang* akan menge*Tuai* upacara tersebut dengan diikuti oleh *Raja Berani*, *Kenyali* dan seterusnya pembawa *antu pala*.

Ngalu Sengalang Burong

Ritual *Gawai Burong* diteruskan dengan upacara *Ngalu Sengalang Burong* iaitu dewa utama yang disembah dalam ritual ini. Seramai enam orang lelaki akan berdiri di bahagian *pala tangga* (pintu masuk utama) rumah panjang sambil memegang *Tunggul*, *piring* dan *duku* (parang). *Piring Niki* ke *lemambang* akan digunakan sekali lagi dalam upacara *Ngalu Sengalang Burong*. Namun demikian, *piring* tersebut perlu digandingkan bersama dengan seekor ayam dan pinggan yang berisi air dan *batu perunsut*.

Batu perunsut yang diletakkan di dalam pinggan dipercayai digunakan oleh Dewa *Sengalang Burong* untuk mencuci kakinya sebelum masuk ke dalam rumah panjang. Dewa *Sengalang Burong* kemudiannya diiringi masuk ke dalam rumah panjang. Setibanya di *ruai* penganjur *gawai*, *Sengalang Burong* dianggap telah duduk bersama-sama dengan manusia biasa. Walau bagaimanapun, kehadiran Dewa *Sengalang Burong* tidak dapat dilihat oleh manusia. *Bujang Berani*, *Urang nyangkah pemesai* dan para tetamu juga duduk di *ruai* penganjur *gawai*. Dewa *Sengalang Burong* dan orang ramai akan dihidangkan makanan dan minuman seperti air *tuak*, arak, *penganan*, pinang, sirih dan lain-lain.

Nyugu Babi

Upacara *Nyugu babi* untuk kali kedua pula diadakan pada hari kedua ritual *Gawai Burong*. Beberapa orang wanita dan gadis Iban yang memakai *Ngepan Iban* menyediakan diri untuk perarakan *Nyugu Babi*. Perarakan mengelilingi *ruai* dilakukan sebanyak tiga kali dengan diiringi *Gendang Rayah*. Perarakan tersebut dike *Tuai* oleh seorang lelaki yang bertugas membawa bendera. Manakala seorang lagi bertanggungjawab untuk membawa seekor ayam. Seorang wanita akan memegang cerek yang berisi air untuk upacara *Meri Babi Mandi*. Pinggan yang mengandungi sikat dan sabun pula dibawa oleh seorang lagi wanita yang berperanan untuk menyikat bulu babi.

Wanita yang diberi kepercayaan untuk *Nyugu babi* biasanya mereka yang berstatus tinggi terutamanya yang mahir menenun *pua kumbu*. Setibanya di *tanju*, babi yang diletakkan di sebuah pondok kecil akan dimandikan dan bulunya disikat rapi. Babi tersebut dibaringkan di atas lantai dengan kaki yang berikat. Setelah bulu babi disikat, ia lalu diberi makan *piring*. Babi tersebut dibunuh dengan menggunakan *sangkuh* oleh seorang lelaki yang berpengalaman dalam upacara sedemikian. Hati babi akan diambil dan diletakkan di atas pinggan. Pakar ritual yang terdiri daripada para *lemambang* akan meneliti hati babi tersebut.

Melalui pembacaan terhadap hati babi (*macha atau babi*), pakar ritual dapat menyimpulkan sama ada ia memberi petanda baik atau kurang baik. *Lemambang* Jiram menjelaskan bahawa sekiranya pakar ritual mendapati hati babi tersebut tidak menunjukkan petanda baik, maka pihak penganjur *gawai* harus mengorbankan seekor lagi babi. Pakar ritual yang diberi kepercayaan untuk *macha atau babi* ialah golongan yang mempunyai pengalaman dan ilmu dalam mentafsir hati babi.

Ritual *Miring di Tanju*

Sebelum membawa *piring* keluar, *Gendang Rayah* perlu dimainkan sebanyak sembilan kali (*begendang sembilan kali kena mansutka piring ke tanju*). Ritual *miring* di bahagian *tanju* memerlukan *Piring Turun Sembilan*.

Tiang Sandong didirikan di bahagian *tanju* untuk dijadikan sebagai tiang ritual. Seekor ayam diletakkan di atas *Tiang Sandong*. Penganjur *gawai* (*urang ti sakit*) atau individu yang bergelar *Bujang Berani* diminta untuk memotong ayam tersebut. *Beliung* pula dihentakkan sambil melafazkan doa (*sampi*) kepada *petara* manakala beras kuning pula ditaburkan di ruang ritual.

Kelingkang yang digunakan untuk meletakkan *piring* diikat dan *tukang sampi* melafazkan doa untuk *piring*. *Piring* yang sudah diberkati digantung di *Tiang Sandong*. Ayam dan babi pula dipanggang setengah masak, dipotong dan dimakan oleh individu yang berani. Selain ayam dan babi, *ikan bela'au* dan *gerama* juga perlu dimakan semasa ritual ke *tanju* berlangsung. Sekumpulan lelaki yang berada di atas *Panggau* akan memainkan *Gendang Pampat*. Tetamu dan penduduk rumah panjang yang lain pula diminta untuk membalikkan sesuatu ke arah *Tiang Sandong*.

Sekembalinya dari *tanju*, ritual *miring* diadakan sekali lagi di *ruai* penganjur *gawai*. *Piring* yang disediakan ialah *Piring Turun Lima*. *Piring Turun Lima* tersebut diletakkan di atas *tabak*. Pihak penganjur *gawai* memberikan manik (*marik*), *Letup* dan penganan sebagai bekalan *antu pala* dan *kenyali*. Selain itu, *antu pala* juga turut diberikan sebiji pinggan (*kena nuduk ka antu pala*). Pinggan tersebut akan menjadi milik pembawa *antu pala* (*urang ke empu tauka ngibun jangkang*). Selain pinggan, *antu pala* juga diberi penganan dan *asi ruas*. *Asi ruas* ialah beras pulut yang dimasak di dalam buluh dan menjadi makanan utama dalam majlis keramaian masyarakat Iban.

Setelah penganjur *gawai* memberikan makanan kepada *antu pala* dan *kenyali*, objek ritual tersebut akan dibawa berjalan di setiap bilik yang ada di rumah panjang. Perbuatan tersebut dikenali sebagai *mupu* (meminta). Salah seorang daripada pembawa objek ritual tersebut perlu membawa *sintong* (sejenis bakul) sebagai tempat untuk meletakkan pemberian yang diberikan oleh penghuni rumah panjang.

Kategori Sajian Bahan *Piring* dalam Ritual *Miring*

Pada lazimnya, dalam sesebuah pelaksanaan ritual yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat iban, ritual berkenaan memerlukan kepada penggunaan elemen simbol atau lambang penyembahan terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, penggunaan elemen simbol atau lambang ini juga sebagai sesuatu keperluan yang penting dalam menyelesaikan masalah atau musibah yang melanda kehidupan masyarakat itu. Bagi masyarakat Iban, segala masalah atau musibah yang melanda kehidupan mereka perlu diselesaikan dan diberhentikan melalui bentuk-bentuk perlakuan ritual, iaitu melalui pelaksanaan ritual *miring*. Dalam ritual itu, mereka perlu menyediakan bahan-bahan dan peralatan untuk dijadikan sebagai simbol atau lambang penyembahan yang utama. Justeru itu, *piring* disediakan dalam ritual *miring* sebagai 'sajian makanan' yang utama kepada kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual tersebut. Penyediaan *piring* dalam ritual *miring* juga bergantung kepada sesuatu keperluan kerana sekiranya seseorang itu telah melakukan kesilapan, maka *piring ampun* akan disediakan bagi tujuan memohon keampunan kepada kuasa-kuasa luar biasa.

Dalam ritual *miring*, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa akan diseru melalui *piring* yang disediakan kerana kuasa-kuasa luar biasa tersebut tidak akan datang untuk memberikan sesuatu kebaikan sekiranya *piring* tidak disediakan sebagai persembahan dalam ritual tersebut. Justeru itu, kuasa-kuasa luar biasa yang diseru melalui *piring* dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* akan datang mengambil 'sajian makanan' yang merupakan persembahan dan kuasa-kuasa luar biasa itu akan 'memakan jus' *piring* tersebut dengan harapan akan dikurniakan segala kebaikan dan menolak segala kejahatan. Dalam konteks ritual *miring* di sini *Jus Piring* itu bukan seperti atau merujuk kepada jus buah-buahan yang kita hasilkan daripada buah-buahan, tetapi *Jus Piring* dalam konteks ini ialah *petara* dan kuasa-kuasa luar biasa akan memakan sepenuhnya isi *piring* yang disediakan oleh orang Iban kepada *petara* tersebut. Bagi *piring* yang disediakan untuk kuasa-kuasa luar biasa, maka tempoh muat *piring* akan dilakukan setelah tiga hari ataupun dalam tempoh yang lebih lama lagi.

Menurut *Lemambang Unsa Meringai*, *piring* yang disediakan dalam ritual *miring* merupakan 'sajian makanan' utama kepada kuasa-kuasa luar biasa. Penggunaan jenis bahan-bahan *piring* dalam ritual *miring* mempunyai maksud yang tertentu. Sebagai contoh, *tumpi* adalah sebagai jalan untuk menuju ke alam kuasa-kuasa luar biasa. Manakala, *pulut* adalah untuk memohon kebenaran atau restu yang dihajati dan penyediaan *rendai* pula sebagai perisai. Oleh itu, apabila golongan wanita Iban yang menghasilkan *rendai* sebelum bermulanya ritual *miring* dalam *gawai*, maka dipercayai bahawa *Orang Panggau Libau* dapat mendengar bunyi *rendai* tersebut. Dengan itu, *Orang Panggau Libau* akan datang *ngabang* ke ritual yang diadakan oleh masyarakat Iban.

Beliau juga menyatakan bahawa *piring* yang digunakan bagi burung yang memasuki kawasan rumah juga bergantung kepada jenis haiwan tersebut kerana jika haiwan tersebut agak 'berbisa', maka *piring tujuh* digunakan bagi menyambut kedatangannya. Selain itu, keadaan ini juga dikenali sebagai burung dalam masyarakat Iban. *Piring* akan disediakan dalam ritual *miring* bagi haiwan yang telah memasuki rumah iaitu dilakukan tidak mengira lokasi iaitu di rumah panjang atau rumah biasa kerana bagi masyarakat Iban yang kurang mengetahui tentang ritual *miring*, maka mereka tidak akan buat ritual tersebut. Akan tetapi, di rumah panjang masyarakat Iban, mereka perlu melakukan ritual *miring* dan menyediakan *piring*. Haiwan yang memasuki kawasan rumah bagi masyarakat Iban biasanya akan membawa tuah kepada pemilik rumah tersebut.

Manakala, Long Mang pula menyatakan jenis *piring* yang digunakan dalam *miring* perlu mengikut kepada kehendak kuasa-kuasa luar biasa. Sekiranya kuasa-kuasa luar biasa mengkehendaki masyarakat Iban untuk melangsungkan *Gawai Kenyalang*, maka mereka perlu mengadakan ritual *Gawai Kenyalang* dan menyediakan *piring patah sembilan* kerana *gawai* tersebut merupakan peringkat tertinggi dan memerlukan kepada penyediaan *piring* dalam angka sembilan. Tambahan pula, kehendak kuasa-kuasa luar biasa perlu dipatuhi bagi mengelakkan malapetaka yang akan berlaku. *Piring* yang telah siap disusun atas *pua kumbu* akan di *bebiau* dengan menggunakan ayam.

Dalam budaya lenggunaan *piring* sebagai salah satu elemen simbol atau lambang dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* mempunyai makna-makna penting atau keperluan yang tertentu. Bagi masyarakat Iban, penggunaan *piring* dalam pelaksanaan ritual *miring* adalah bergantung kepada keperluan, mengandungi makna-makna penting malah untuk berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual tersebut. Justeru itu, terdapat beberapa kategori *piring* yang disediakan dalam ritual *miring*, iaitu *piring enselua*, *piring ampun*, *piring patah tiga*, *piring patah lima*, *piring patah tujuh*, *piring patah lapan*, *piring patah sembilan* dan *piring tembu*.

Dalam pengurusan menyediakan *piring*, perkara yang harus dititikberatkan adalah tentang kategori *piring*. *Piring* yang disediakan oleh masyarakat Iban terdiri daripada pelbagai kategori. Namun demikian kategori *piring* mempunyai banyak perbezaan mengikut lokasi. Kepelbagaian kategori *piring* wujud disebabkan oleh keperluan dan kesesuaian sesebuah upacara dan tahap *piring*. Upacara yang berprestij mengikut adat masyarakat Iban biasanya memerlukan *piring* yang banyak kerana mereka menjemput lebih ramai dewa-dewi. Masyarakat Iban di Daerah Saratok menyediakan persembahan makanan kepada *petara* mereka yang kebanyakannya terdiri daripada angka ganjil iaitu *Piring Turun Tiga*, *Piring Turun Lima*, *Piring Turun Tujuh*, *Piring Turun Lapan* dan *Piring Turun Sembilan*.

Manakala bawah kategori *piring* utama ini, terdapat *piring* yang disediakan khas untuk *Antu rua* (hantu tamak) yang dikenali sebagai *Piring Enselua*. Istilah *Piring Taju* pula wujud dalam dunia perubatan yang menggunakan khidmat *manang* yang dikenali sebagai *belian*. Sebelum memulakan ritual *belian*, *manang* terlebih dahulu menyediakan *Piring Taju*. *Piring tembu* pula adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada *piring* yang telah siap disediakan terlebih dahulu, iaitu sehari sebelum sesuatu upacara diadakan.

Piring Enselua

Piring enselua merupakan *piring* khas pertama yang diletakkan di kawasan dapur sebelum masyarakat Iban mula membuat penyediaan bahan-bahan untuk ritual *miring* yang akan dilaksanakan. *Piring enselua* ialah sejenis *piring* yang disediakan khas untuk hantu (*antu*) yang suka mengganggu manusia. *Antu rua* dikatakan tidak mempunyai bapa dan sangat tamak. *Piring enselua* yang sudah siap, dibuang di kawasan hutan (*babas*) yang berdekatan dengan rumah panjang setelah selesai upacara *miring*. *Piring* disediakan untuk *Antu Rua* bagi mengelakkan hantu tersebut mengambil *piring* yang disediakan untuk *petara*, dewa dan hantu lain. Menurut kepercayaan kaum Iban, *Antu Rua* sentiasa datang ketika upacara *miring*. Hal ini dikatakan demikian kerana *Antu Rua* sangat tamak dan ingin menghabiskan *piring* yang disediakan oleh manusia. *Piring enselua* tidak memerlukan bahan-bahan yang banyak. *Piring enselua* terdiri daripada penganan, telur ayam, *Letup*, nasi putih, pinang dan sirih. Ritual *miring* ini dijalankan oleh seorang wanita yang mahir yang dikenali sebagai *Indu Unus Tepus Nnyuntai*, *Indu Ginti Kepala Pandai* sebelum mereka memasak bahan-bahan untuk *piring*. Golongan tersebut berperanan sebagai ketua wanita dalam menghasilkan kelengkapan bahan-bahan untuk *piring* bagi melaksanakan ritual *miring*. Masyarakat Iban percaya bahawa penyediaan *piring enselua* adalah wajib kerana dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak baik berlaku semasa menyediakan bahan-bahan *piring* bagi ritual *miring*.

Selain itu, juga bagi memastikan segala jenis bahan yang dimasak oleh mereka tidak akan hangus. Di samping itu, *piring enselua* adalah untuk menenangkan semangat dapur daripada mengganas dan menyebabkan rumah panjang daripada terbakar. *Piring* yang digunakan ialah *piring patah tiga* yang diletakkan sama ada di pinggan ataupun upih pinang.

Piring Ampun

Piring ampun ialah *piring* yang digunakan untuk memohon ampun dan kemaafan daripada kuasa-kuasa luar biasa sekiranya masyarakat Iban

telah melanggar pantang larang mahupun telah melakukan perbuatan yang menyebabkan *petara* tersebut marah. *Piring ampun* ini selalunya menggunakan *piring patah lima* dan *patah tujuh*. Ada juga yang menggunakan *piring turun lima atau tujuh*. *Piring* yang menggunakan *piring* tujuh ke atas menggunakan babi sebagai semahan. Namun, jika daripada *patah lima* kebawah hanya menggunakan ayam sahaja. Selain itu, *piring ampun* ini akan diletakkan di sebuah pondok kecil di rumah yang dikenali dengan nama *langkau ampun* atau *langkau pentik*.

Piring Turun Tiga

Piring Turun Tiga merujuk kepada pelaksanaan ritual *miring* yang biasanya dilakukan untuk menyambut sesuatu petanda yang dikatakan kurang berbahaya (*burong mit*). Dalam ritual *miring Piring Turun Tiga*, bahan-bahan *piring* akan dipotong atau dihiris dan diletakkan di atas tiga pinggan kecil. Setiap pinggan tersebut wajib mengandungi semua bahan *piring*. *Piring Turun Tiga* juga biasanya disediakan oleh masyarakat Iban apabila mereka mengadakan ritual *ngintu diri* atau *bedara* secara kecil-kecilan di dalam bilik. Upacara *miring* tersebut biasanya hanya dihadiri oleh ahli keluarga bilik itu sendiri. *Miring ngintu diri* atau *bedara* ini bertujuan untuk memohon ketenangan, kesejahteraan dan kesihatan daripada *petara*, dewa-dewi dan nenek moyang mereka. Di Daerah Saratok, *Piring Turun Tiga* sering disediakan apabila terdapat anak-anak muda yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi, mendapat pekerjaan dan meninggalkan rumah panjang untuk mencari pekerjaan di tempat lain.

Menurut Unsa Anak Meringai, *piring* mempunyai jenis-jenis yang tertentu. Pertama ialah *piring patah tiga* yang dikenali sebagai *piring Antu Rangka*. *Antu Rangka* mesti diberi *piring* kerana dikatakan sebagai pengganggu. Semua urusan tidak akan berjalan lancar disebabkan oleh *Antu Rangka*. *Antu Rangka* akan selalu meminta dan perlu diberi makan. Oleh itu, *piring Antu Rangka* haruslah dihantar dahulu supaya tidak mengganggu kegiatan seharian masyarakat Iban. Menurut cerita orang-orang tua dalam masyarakat Iban, asal usul *Antu Rangka* ini adalah daripada

anak terbuang yang tidak mempunyai ibu tetapi ingin mendapatkan makanan. Justeru itu, *Antu Rangka* mestilah diberi makan dengan *piring* patah tiga. *Piring* patah tiga merujuk kepada ritual *miring* yang lazimnya dilakukan untuk menyambut sesuatu petanda atau alamat yang dikatakan kurang berbahaya (*burung mit*). Dalam ritual *miring* patah tiga, bahan-bahan tertentu yang diperlukan akan diletakkan dalam bentuk bilangan angka tiga. Misalnya, tiga helai daun sirih, tiga helai daun gambir, tiga ulas kecil pinang, dan tiga batang daun ruko apung yang diletakkan di dalam satu pinggan sahaja ataupun di dalam tiga buah pinggan.

Piring patah tiga selalunya digunakan dalam ritual Ngemapas. Ritual Ngemapas ialah ritual memberi semua antu dan roh jahat daripada mengganggu segala aktiviti dan ritual *gawai* yang dijalankan. *Piring* yang telah *dibiau* dan disapu (*digenselan*) dengan darah ayam akan diletakkan pada bahagian pangkal jalan atau diletakkan di *sintung* dan ditutup dengan *pua kumbu* serta digantung di *ruai* selama tiga hari dan paling lama adalah seminggu.

Selain itu, *Piring Turun Tiga* juga disediakan apabila terdapat ahli keluarga yang mendapat mimpi berjumpa nenek moyang atau ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Maka, ritual *miring* secara kecil-kecilan akan diadakan untuk memberi makanan kepada roh nenek moyang mereka. Hal ini dilakukan bagi mengelakkan roh nenek moyang mereka kelaparan dan seterusnya mengganggu kehidupan ahli keluarga yang masih hidup. Masyarakat Iban berharap dengan berbuat demikian, mereka dapat hidup sihat dan sejahtera setelah mengadakan ritual *miring* di dalam *bilek* mereka sendiri. Perbuatan tersebut umpama memohon keberkatan hidup daripada roh nenek moyang mereka yang dianggap mempunyai kuasa untuk menolong ahli keluarga yang masih hidup.



Gambar 5.4 *Piring turun tiga* yang diletakkan di hadapan pintu masuk Sumber: Penulis, 29 September 2015.

Piring Turun Lima

Bagi *Piring Turun Lima*, daun sirih, buah pinang dan daun rokok apung perlu dibahagikan dan diletakkan di atas lima biji pinggan kecil bersama dengan bahan-bahan yang lain. *Piring Turun Lima* biasanya disediakan untuk menyambut petanda yang dianggap sederhana bahayanya. Apabila masyarakat Iban melihat dan mendengar *burong* (petanda) yang tidak baik, mereka harus menyambut kejadian tersebut dengan upacara *miring*. Jika tidak, manusia akan ditimpa perkara buruk kerana mengingkari arahan daripada antu dan *petara*. Lima pinggan *piring* bermakna lima orang *petara* akan dipanggil ke upacara *miring* tersebut untuk mendengar doa (*sampi*) manusia. Setelah dijamu dengan makanan, *petara* dipercayai akan memakbulkan permintaan manusia kerana mereka berasa dihargai dan dihormati.

Dalam erti perkataan lain, *piring patah lima* atau *turun lima* atau *baris lima* lazimnya menggunakan bahan-bahan dalam angka lima, seperti lima helai daun sirih, lima helai daun gambir, lima ulas kecil pinang, dan lima batang *daun ruko apung* perlu diletakkan di dalam sebuah pinggan sahaja. *Piring patah lima* atau *turun lima* biasanya dilakukan untuk menyambut petanda atau alamat yang dianggap sederhana bahaya. *Piring patah lima*, ia merupakan untuk diri sendiri dan dibawa semasa tidur. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, kedudukan *piring* untuk kita yang berada di alam manusia adalah berada di bawah daripada *piring-piring* yang lain. Bagi *piring patah lima*, *piring* tersebut harus menggunakan ayam.

Piring patah lima selalunya digunakan dalam aktiviti seperti menanam padi dan ritual *miring mudas* di kawasan padi huma. Menurut Kendawang Anak Ambit, *piring* patah lima juga digunakan dalam upacara *bealu alu* semasa ritual *miring* dalam *gawai*. *Piring patah lima* ini diletakkan di pinggai ataupun *upih pinang*. Namun, semasa upacara menanam padi, *piring* patah lima akan diletakkan di atas daun yang dikenali sebagai *daun buan* dan *upih pinang* dan tidak menggunakan pinggan. *Piring* patah lima satu akan diletakkan di *sintung penuduk*. Manakala dua lagi yang lain akan diletakkan di atas *serepak* dan di hujung kawasan huma mereka.



Gambar 5.6 Berikut merupakan *piring-piring* dalam ritual *miring*, seperti *piring patah sembilan*, patah tujuh dan patah lima. (Sumber:Penulis: 29 September 2015).

Piring Turun Tujuh

Dalam ritual *miring Piring Turun Tujuh* pula, ritual ini memerlukan tujuh set *piring* yang mengandungi bahan-bahan seperti daun sirih, buah pinang, hirisan telur dan daun rokok apung. Bahan-bahan ini perlu diletakkan di dalam tujuh pinggan kecil bersama dengan bahan-bahan yang lain. *Piring Turun Tujuh* sering disediakan untuk menyambut petanda yang dikatakan luar biasa, iaitu *burong bisa* dan ini bermaksud ritual *miring* itu dijalankan pada peringkat tertinggi. Tujuh bahagian yang disediakan bermaksud terdapat *tujuh petara* yang akan dipanggil untuk menghadiri upacara tersebut, sekali gus menunjukkan hampir kesemua *petara* masyarakat Iban diseru semasa *tukang biau* melafazkan *biau*.

Burong bisa perlu disambut dengan ritual *miring* sebagai salah satu langkah untuk mengelakkan kaum Iban daripada perkara yang berbahaya. Jika mereka ingkar terhadap amaran yang ditunjukkan oleh *Petara* maka manusia bakal berhadapan dengan kesukaran pada masa terdekat. Sebagai contoh, kebakaran rumah panjang, wabak penyakit dan kemalangan akan berlaku dalam kalangan ahli keluarga terdekat jika petanda berbahaya tersebut tidak dipedulikan. Oleh itu, kaum Iban akan memohon agar *Petara* mengasihani mereka dan memohon maaf jika melakukan kesalahan yang boleh membangkitkan kemarahan roh-roh nenek moyang dan semangat alam.

Piring turun tujuh ialah *piring* yang lazim digunakan dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* dalam *gawai*. Selain itu, *piring turun tujuh* selalunya digunakan untuk menyambut tetamu kenamaan yang hadir ke rumah panjang. *Piring turun tujuh* juga digunakan untuk memohon kesejahteraan dan keberkatan daripada kuasa-kuasa. Di samping itu, *piring turun tujuh* digunakan untuk ritual *miring* dalam *gawai* besar, seperti *miring Gawai Kelingkang*. *Piring* jenis ini juga untuk memberi azimat makan serat digunakan untuk upacara bealu alu semasa *Gawai Kelingkang*.

Lemambang Unsa Meringai turut menyatakan, ritual *miring* yang menggunakan *patah tujuh* atau *turun tujuh* pula akan memerlukan bahan-bahan dalam angka tujuh, iaitu tujuh helai daun sirih, tujuh helai

daun gambir, tujuh biji pinang dan tujuh batang *daun ruko apung* yang perlu diletakkan di dalam sebuah pinggan sahaja. *Piring patah tujuh* atau *turun tujuh biasa* dilakukan untuk menyambut petanda atau alamat yang dikatakan luar biasa, iaitu *burung bisa*. Maka, ini bermakna ritual *miring* itu dijalankan pada peringkat ketiga tertinggi. Misalnya, dalam aktiviti penghasilan *pua kumbu*, masyarakat Iban yang menerima anugerah mimpi dan *pengaruh* daripada *petara*, seperti *Kumang*, *Lulong* dan *Kelinah/Indai Abang*. Lazimnya, penggunaan *piring patah tujuh* merujuk kepada ritual *miring* untuk wanita pandai.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa *piring patah tujuh* juga boleh menggunakan ayam sebagai ganti kepada babi. Penggunaan ayam dan babi dalam *piring patah tujuh* adalah bergantung kepada jenis ritual *miring* yang diuruskan. Selain itu, *piring patah tujuh* untuk *pengaruh* yang ditemui ataupun dimiliki oleh seseorang. Setelah ritual *miring* dilakukan, maka *pengaruh* yang ditemui oleh seseorang itu akan diletakkan di atas *piring* supaya *pengaruh* tersebut tidak melarikan diri ke tempat lain. hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Iban percaya bahawa *pengaruh* akan melarikan diri ke tempat asal jika tidak diberikan *piring* dan perlu diikat dengan benang merah sebagai tempat tinggalnya. *Pengaruh* ini dikatakan boleh memberikan kekebalan, kesenangan, dan kekayaan kepada pemilikinya. Menurut kepada masyarakat Iban pada zaman dahulu, sebaik-baiknya bagi ritual *miring* bagi *piring patah tujuh* menggunakan babi.

Piring Turun Lapan

Piring Turun Lapan pula memerlukan lapan set *piring* yang mengandungi daun sirih, buah pinang, daun rokok apung, tembakau, *asi amat*, nasi pulut dan *penganan*. *Piring Turun Lapan* biasanya disediakan bagi ritual *miring* yang dilakukan untuk menyambut *Burong bisa*, iaitu petanda yang dianggap tahap tertinggi. Ritual *miring Turun Lapan* juga dilakukan apabila seseorang wanita menerima kurniaan mimpi atau *pengaruh* daripada *Petara* atau kuasa luar biasa lain supaya wanita itu beroleh kemahiran dan kepakaran luar biasa menenun *Kain pua* dan beroleh kesempurnaan dalam hidup.

Piring patah lapan juga dikenali dengan nama *piring balang*. *Piring* ini diberi nama sempena ketua masyarakat dan ketua pahlawan Iban di Batang Rajang yang dikenali sebagai *Balang Balai Nyabung*. *Piring* ini juga mempunyai fungsi yang sama dengan *piring* yang lain dalam semua jenis ritual dalam masyarakat Iban.

Menurut Unsa Meringai, *piring patah lapan* atau *turun lapan* pula memerlukan lapan helai daun sirih, lapan helai daun gambir, lapan ulas kecil buah pinang, dan lapan batang *daun ruko apung*. *Piring patah lapan* merupakan aras kedua tertinggi dan lazimnya disediakan bagi ritual *miring* yang dilakukan untuk menyambut *burung bisa*, iaitu petanda atau alamat.

Piring ini digunakan untuk *gawai* dan mesti menggunakan babi kerana bermaksud genap di alam hantu, dan meminta di alam manusia. Seseorang yang menguruskan burung juga menggunakan *piring patah lapan* dan seekor babi. Ritual *miring* yang dilakukan untuk menguruskan burung ini tidak boleh diuruskan dengan sembarangan sahaja. Sekiranya burung yang diuruskan itu memakan daging, maka babi akan digunakan semasa ritual tersebut. Sebaliknya, jika burung yang diuruskan itu tidak memakan daging, maka ayam akan digunakan.

Piring Turun Sembilan

Ritual *miring Turun Sembilan* dilakukan pada peringkat tertinggi (*burong pemadu bisa*) misalnya, bagi menyambut sesuatu petanda yang dianggap luar biasa yang disampaikan *petara* atau kuasa-kuasa luar biasa lain menerusi burung *Nendak*, burung *Embuas*, rusa, kijang dan sebagainya. Dalam masyarakat Iban, *Piring Turun Tujuh*, *Piring Turun Lapan* dan *Piring Turun Sembilan* dianggap ritual *miring* yang diadakan untuk petanda-petanda peringkat tertinggi yang keseluruhannya bertujuan memohon kesejahteraan, keharmonian, kebaikan dan kesempurnaan dalam hubungan antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam semula jadi dan manusia dengan kuasa luar biasa.

Turun sembilan atau *patah sembilan* ialah *piring* paling besar pada semua peringkat dalam ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai* bagi masyarakat Iban. Ritual *miring* dalam *gawai* dilakukan secara besar-besaran selalunya menggunakan *piring* jenis ini. Menurut Kendawang Anak Ambit, *piring* turun sembilan digunakan semasa ritual *Gawai Kelingkang*, iaitu semasa mendirikan *pandong* atau *ranyai* kerana hanya golongan yang tertentu dan mempunyai status tinggi sahaja yang selalu menggunakan *piring* turun sembilan dalam ritual *miring* yang dilaksanakan oleh mereka. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa golongan tua yang mahir, dan *Tuai* bulu sahaja yang boleh mengendalikan *piring* jenis ini kerana sekiranya seseorang itu belum mahir dan masih nipis bulu dikhuatiri akan mendapat badi yang dashyat. Selain itu, *piring* turun sembilan tersebut akan diletakkan di *Kelingkang*, iaitu buluh yang diraut dan dianyam serta digantung pada *pandung*. Semasa ritual *Gawai Kelingkang* juga, *piring* Raja Rемаung juga menggunakan *turun sembilan*.

Bagi *Lemambang Unsa Meringai* pula, ritual *miring* yang menggunakan *piring patah sembilan* perlu dilakukan pada peringkat pertama tertinggi (*burung pepadu bisa*) misalnya, bagi menyambut sesuatu petanda yang dianggap luar biasa yang disampaikan kuasa-kuasa luar biasa menerusi burung *nendak*, burung *embuas*, rusa, kijang dan haiwan-haiwan yang tertentu. Dalam masyarakat Iban, *piring patah tujuh*, *patah lapan* dan *patah sembilan* dalam ritual *miring* yang dilakukan untuk petanda-petanda peringkat tertinggi yang keseluruhannya bertujuan memohon kesejahteraan, keharmonian, kebaikan dan kesempurnaan.

Penggunaan *piring* patah sembilan yang merupakan paling tinggi kerana *piring* ini adalah untuk kategori tertinggi bagi kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara-petara* dan dewadewi. Terdapat beberapa ritual *miring* yang dilakukan, tidak boleh menggantikan babi dengan menggunakan ayam. Berbeza pula ritual *miring* bagi menguruskan burung yang menggunakan *piring* patah tujuh. Bagi ritual *miring* untuk menguruskan burung ini boleh menggunakan ayam sebagai pengganti babi sekiranya seseorang itu tidak mampu untuk memiliki babi, tetapi dengan syarat perlulah menggunakan dua ekor ayam sebagai ganti. Ini kerana dua ekor ayam bermaksud terdapat empat kaki seperti babi.

Piring Tembu

Piring Tembu merupakan *piring* yang telah siap disediakan terlebih dahulu sehari sebelum sesuatu upacara diadakan. Penyediaan sehari awal ini adalah bagi memudahkan dan menjimatkan masa pihak yang terlibat dalam penyediaan *piring* tersebut kerana *piring tembu* ialah *piring* yang tidak *digenselan* dengan darah ayam atau darah babi. Selain itu *piring tembu* ini terpulang kepada orang yang menggunakannya, dan tidak terhad kepada pantang-larang. Semua jenis sajian persembahan itu diletakkan di bahagian tepi pinggan ataupun upih pinang dan dibuang selepas tiga hari. *Piring tembu* selalu digunakan untuk ritual memberkati barang yang baru dibeli seperti kereta dan rumah. Selain itu, penggunaan *piring tembu* di setiap lokasi penempatan masyarakat Iban di Sarawak adalah berbeza kerana penggunaan *piring* jenis ini juga bergantung kepada sesuatu kepercayaan di sesebuah lokasi penempatan masyarakat Iban di Sarawak. *Piring tembu* juga digunakan untuk mengalu-alukan kedatangan rezeki dan mimpi yang baik serta memohon keberkatan daripada kuasa-kuasa luar biasa.

Pada malam sebelum hari kejadian, penganjur *gawai* mengadakan upacara *miring* yang dihadiri oleh beberapa orang penduduk rumah panjang. Bahan-bahan *piring* diletakkan di atas sebiji pinggan kaca besar yang dikenali sebagai *pinggai* dalam masyarakat Iban. Seterusnya pada hari kejadian pula, pinggan yang berisi *piring* tersebut diletakkan di hadapan barisan tetamu yang hadir pada ritual *gawai* tersebut.

Lemambang akan melafazkan *biau* di hadapan tetamu dan penduduk rumah panjang. Setelah *biau* dilafazkan, khinzir *atau babi* disembelih di hadapan khalayak ramai sebagai tanda hormat kepada tetamu yang hadir. Tetamu kemudiannya diarak masuk melalui bahagian *tempuan* dengan iringan paluan gong. Tujuan lain *Piring Tembu* disediakan bukan sahaja untuk menjimatkan masa, malah dilakukan bagi mengelakkan tetamu berdiri dalam masa yang lama di halaman rumah panjang sepanjang upacara *miring* diadakan. Cuaca yang tidak menentu juga menjadi faktor *Piring Tembu* disediakan kerana pihak penganjur *gawai* tidak mahu tetamu berada di bawah panas atau hujan lebat.



Gambar 5.7 *Piring tembu* yang tidak disemah dengan darah ayam (Sumber: Penulis: 29 September 2015).

Piring Taju

Piring Taju merupakan *piring* yang disediakan oleh *manang* sebelum ritual *belian* dimulakan. Ritual *Belian* merujuk kepada proses rawatan tradisional yang melibatkan *manang* dan kuasa-kuasa jahat yang mengganggu kehidupan manusia. Manusia akan jatuh sakit apabila kuasa-kuasa jahat tersebut berada di dalam badan manusia. *Pelian* merupakan satu puisi ritual yang digunakan untuk menyembuhkan individu yang sakit yang akan dilafazkan oleh dukun yang dikenali sebagai *manang* dalam kalangan masyarakat Iban. *manang* akan menggunakan *Leka pelian* untuk mengalahkan atau mengusir kuasa jahat yang terdiri daripada jin atau iblis yang mengakibatkan seseorang jatuh sakit.

Semangat *manang* akan mengejar, menangkap lalu mengembalikan semangat tersebut ke alam *sebayan*. *Sebayan* merupakan alam kehidupan selepas mati bagi masyarakat Iban. Selain itu, *manang* akan meninjau ke dalam batu ilau iaitu batu azimat yang digunakan untuk melihat di mana roh (*semangat*) si pesakit itu berada serta penyebab ia lari daripada badan manusia. Semasa *belian* pula *manang* akan menggunakan *wa'* (buaian) sebagai tanda pengembaraan dan perjalananan terbang untuk mengejar dan menangkap *semangat* si pesakit yang hilang itu. Bagi mengelakkan *manang* daripada dapat dilihat oleh jin atau iblis, beliau perlu memiliki *engkerabun* (*blinder amulet*). Pelian adalah berbentuk magis dan berfungsi untuk memulihkan semangat, menyembuhkan penyakit, menghilangkan ketakutan, dan sebagai ubat penawar. Sehingga kini, pelian masih menjadi pilihan segelintir masyarakat Iban untuk menyembuhkan penyakit yang tidak dapat dirawat menggunakan cara moden. Misalnya dirasuk hantu, sawan, terkena buatan orang, terkena polong, serta gangguan semangat jahat. Gangguan semangat jahat biasanya akan mengganggu perempuan dan dikenali sebagai tunang antu. *Antu* tersebut akan menjelma sebagai hidupan air seperti ikan. Maka, *manang* melakukan ritual *belian* untuk menghalau semangat jahat tersebut.

Sebelum memulakan ritual *belian*, *manang* mengadakan ritual *miring* terlebih dahulu. *Piring* yang disediakan untuk ritual *belian* dikenali sebagai *piring taju*. *Piring taju* disediakan untuk menjamu roh nenek moyang serta dewa dewi yang lain supaya datang dan menyembuhkan penyakit individu yang sakit tersebut. Ritual *miring* untuk *belian* diadakan di dalam bilik pesakit dan menggunakan bahan sama seperti *piring* lain. Setelah selesai mengadakan ritual *miring*, *piring* akan dibawa keluar dan diletakkan di tengah *ruai*. Daun pisang diletakkan di dalam pasu iaitu di sebelah *manang* yang sedang *belian*. *Piring taju* yang telah siap akan diletakkan di dalam pinggan dan dibiarkan berhampiran dengan *manang*.

Penggunaan Peralatan dan Bahan *Piring* dalam Ritual *Miring*

Dalam budaya masyarakat Iban, *piring* ialah elemen yang amat istimewa kepada simbol atau lambang dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring*. Justeru itu, penggunaan *piring* dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* adalah sebagai “sajian makanan” yang utama bagi kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual tersebut. Kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* akan datang *ngabang* sekiranya *piring* disediakan sebagai santapan yang utama.

Tuai adat beburong Uma Kujat menjelaskan, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban perlu dipuja dengan penyediaan *piring* melalui ritual, seperti *miring* kerana *piring* merupakan salah satu lambang atau simbol dalam ritual *miring*. *Piring* yang disediakan akan menjadi ‘sajian makanan’ utama kepada kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual *miring*. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, terdapat hierarki dalam kuasa-kuasa luar biasa iaitu *petara*, dewa dewi, antu, semangat dan roh nenek moyang. Bagi kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara*, ia akan dipuja mengikut hajat yang ingin disampaikan. Misalnya, *petara Simpulang Gana* dipuja oleh masyarakat Iban bagi mendapatkan kesuburan tanah dan hasil *Tuatan* padi yang lumayan. *Piring* yang disediakan dalam ritual *miring* adalah untuk dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa.

Dalam tempoh *muat piring*, kuasa-kuasa luar biasa, seperti *petara-petara* yang dipuja akan ‘memakan jus’ *piring* yang telah dipersembahkan oleh masyarakat Iban dengan harapan segala permintaan mereka akan ditunaikan. Selain itu, semasa ritual *miring* dalam *gawai*, tidak semua individu boleh menyentuh *piring* yang digunakan untuk ritual tersebut. Misalnya, bagi golongan wanita Iban yang masih muda kurang digalakkan untuk menyentuh *piring*. Ini kerana ia akan menyebabkan seseorang itu jatuh sakit. Selain itu, bagi golongan wanita Iban yang pernah melakukan kesalahan juga tidak dibenarkan menyentuh *piring* kerana dikhuatiri akan ditimpa malapetaka terhadap dirinya. Justeru ini merupakan perkara yang harus diikuti bagi mengelakkan musibah.

Manakala, bagi Jimbun Tawai pula, bagi penyediaan *piring*, ia dilakukan mengikut keperluan. Berdasarkan kepada ritual *miring*, *piring* disediakan untuk menyatakan perasaan keikhlasan. Ini kerana bagi menjemput seseorang untuk hadir dalam sesebuah ritual *miring* dalam *gawai* pada zaman dahulu, penganjur tersebut akan menghantar *piring* kepada individu tersebut. Sekiranya penganjur ritual *miring* dalam *gawai* hanya menjemput melalui pesanan sahaja, maka ini menunjukkan ketidaksungguhan terhadap seseorang tetamu yang dijemput. Bagi individu yang menerima *piring* daripada penganjur ritual *miring* dalam *gawai*, maka perlu hadir dalam ritual tersebut. Tambahan pula, jika seseorang itu tidak dapat hadir pada ritual *miring* dalam *gawai*, maka *piring* yang diterima harus dikembalikan kepada penganjur ritual tersebut. Justeru itu, penganjur ritual tersebut perlu mencari pengganti kepada tetamu yang tidak dapat hadir. Bagi menjemput tetamu pada masa dahulu agar menghadiri sesuatu ritual di rumah panjang masyarakat Iban, maka penganjur ritual akan menghantar *piring* dan *ai tuak* kepada mereka. Pada masa ini, untuk menjemput tetamu untuk hadir ke sesuatu ritual yang akan dilakukan, maka kad akan dihantar.

Manakala, bagi Unsa Meringai, jenis-jenis *piring*, penyediaannya yang digunakan dalam ritual *miring* perlu mengikut kepada kehendak kuasa-kuasa luar biasa. Sekiranya kuasa-kuasa luar biasa mengkehendaki masyarakat Iban untuk melangsungkan *Gawai Kenyalang*, maka mereka perlu ritual *miring* dalam ritual *Gawai Kenyalang* dan disediakan *piring sembilan* kerana kehendak kuasa-kuasa luar biasa perlu dipatuhi bagi mengelakkan malapetaka yang akan berlaku. *Piring* yang telah siap disusun atas *pua kumbu* akan *di bebiau* dengan menggunakan ayam. Secara keseluruhannya, penyediaan *piring* amat penting dalam semua aktiviti ritual masyarakat Iban.

Perbezaan Peraturan Penyediaan Bahan-Bahan untuk *Piring* dalam Ritual *Miring*

Menurut Long Mang, terdapat beberapa perbezaan dari aspek peraturan penyediaan *piring* oleh masyarakat Iban di beberapa lokasi di Sarawak. Misalnya, di lokasi Saratok (Saribas), *piring* akan diletakkan di atas *tabak*. Manakala di Lubok Antu, sirih dalam *piring* yang digunakan untuk ritual

miring tidak boleh dikoyakkan kerana dikhuatiri hati babi yang digunakan untuk menilik nasib akan menunjukkan petanda yang kurang baik.

Manakala Walter Wong Tedong pula, di kawasan Baleh, mengatakan penggunaan telur dalam *piring* tidak boleh dibelah. Oleh itu, jelas sesebuah kawasan akan mempengaruhi cara penyediaan *piring* dan ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Justeru itu, walaupun terdapat perbezaan dan perubahan dalam ritual *miring* dan penyediaan *piring*, tetapi tetap memiliki tujuan yang sama.

Menurut Unsa Meringai, penggunaan bahan-bahan untuk ritual *miring* adalah bermula dengan *pinang* yang telah dibelah. Kuantiti pula adalah mengikut patah *piring*.

Sekiranya patah *piring* lima, maka lima biji pinang yang telah dibelah akan digunakan. Seterusnya pula adalah penggunaan sirih. Bagi sesetengah tempat, seperti Batang Ai dan Batang Rajang, sirih yang digunakan untuk ritual *miring* tidak boleh dibelah. Ada sesetengah tempat pula mengatakan bahawa sirih itu boleh dibelah. Mengikut mimpi yang dialami oleh orang-orang dahulu, tempat-tempat seperti Miri boleh membelah sirih kerana kawasan tersebut dipegang oleh *Bungai Nuing*. Sebaliknya, tempat-tempat, seperti Batang Ai dan Batang Rajang tidak boleh membelah sirih kerana kawasan tersebut dipegang oleh *Keling*. Ini kerana melainkan ritual *miring* yang dijalankan adalah untuk menguruskan burung, barulah sirih itu boleh dibelah. Antara sebab utama untuk membelah sirih semasa ritual *miring* dalam menguruskan burung adalah kerana dipercayai sekiranya *Pulang Gana* melihat perkara tersebut, maka *petara* tersebut akan memberi belas kasihan kepada manusia dengan menganggap bahawa manusia tidak mempunyai banyak harta sehinggakan sirih dan buah pinang itu dibelah. Dengan beranggapan seperti itu, *Pulang Gana* akan menolong untuk menambahkan rezeki dan memberi serta kekayaan kepada manusia.

Bahan yang seterusnya pula ialah *kelait* atau *sedi*. Diikuti dengan daun *ruko*, *semakau*, garam, nasi dan *pulut*. Selepas *pulut*, *tumpi* akan diletakkan disekeliling *piring*, tetapi tidak boleh diletakkan terlalu rapat kerana takut tidak ada jalan untuk melarikan diri sekiranya pergi *mengayau*. Hal ini

dikatakan demikian kerana *tumpi* dipercayai ialah jambatan. Selepas *tumpi*, diikuti pula dengan ketupat dan seterusnya adalah *sungki*. *Sungki* pula haruslah direntangkan kerana khuatir rezeki yang kita peroleh akan hilang. Setelah itu, barulah diletakkan *rendai* dan telur. Kemudian, di atas *piring* pula akan diletakkan mangkuk kecil dan diisikan dengan sedikit *ai tuak*. Akhir sekali, *piring* tersebut akan *dibiau* dengan ayam. Melalui *piring* yang disediakan, maka kuasa-kuasa luar biasa akan datang untuk menolong, menjaga, dan melindungi masyarakat Iban.

Prosidur Penyediaan Peralatan dan Bahan untuk Ritual Miring

Ritual *miring* sememangnya sinonim dengan masyarakat Iban dan setiap ritual yang dijalankan hampir sama dengan masyarakat yang lain kerana mempunyai kelengkapan sendiri mengikut kepercayaan yang diamalkan oleh mereka. Tidak ketinggalan masyarakat Iban juga mempunyai kelengkapan dan bahan-bahan serta perincian yang tidak boleh ditinggalkan walaupun satu kesilapan. Dalam penyediaan bahan-bahan dan peralatan, maka haruslah bertepatan dengan ritual yang ingin dijalankan.

Dalam penyediaan peralatan untuk sesuatu pelaksanaan ritual *miring*, penyediaannya maka ia haruslah dilakukan dengan diteliti. Ritual bagi menyediakan bahan-bahan ini tidak boleh dibuat oleh perempuan sembarangan kerana bahan-bahan yang dibuat untuk ritual *miring* dianggap suci oleh masyarakat Iban serta melibatkan kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual yang akan dijalankan. Pada zaman dahulu, menurut Uma Unak Kujat, seseorang perempuan yang dikenali sebagai *Indu Unus Tepus Nyuntai* sahaja yang boleh menjadi ketua bagi menyediakan kelengkapan ritual *miring* dan diikuti oleh perempuan lain. Perempuan atau wanita yang melakukan kesalahan, seperti melahirkan anak luar nikah, berzina dan selalu melanggar peraturan adat tidak dibenarkan menyediakan *piring* dan menghampiri mereka yang menyediakan alatan *piring* kerana dikhuatiri akan menyebabkan mereka ditimpa nasib malang dan semangat jahat akan berpindah kepada mereka. Mengikut Uma Unak Kujat, wanita yang mempunyai status balu juga tidak dibenarkan menghasilkan alatan bagi ritual *miring* kerana nasib tersebut berkemungkinan akan berpindah kepada orang lain.

Manakala, untuk golongan lelaki pula juga mempunyai tugas-tugas yang tertentu dalam menyediakan kelengkapan bagi ritual *miring*. Golongan lelaki selalunya menyediakan kelengkapan, seperti teresang, *Kelingkang*, *telaga*, rotan dan seterusnya melaksanakan ritual *miring*. Menurut Kendawang Anak Ambit, golongan lelaki mempunyai ciri-ciri yang khas yang membolehkan mereka melaksanakan ritual *miring*. Sama seperti wanita, lelaki yang tidak pernah berburu kepala, *bejalai*, *butang betumbang* atau berzina, melanggar peraturan, dan selalu dikenakan hukum adat adalah tidak dibenarkan sama sekali mengendalikan ritual *miring*. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka sudah menebus kesalahan tersebut dengan memohon keampunan kepada kuasa- kuasa luar biasa dan juga mendapat mimpi atau alamat tertentu, maka mereka boleh melaksanakan ritual *miring*.

Bab 6

Ritual *Miring* dalam *Gawai Kelingking* *Nimang Pengaroh*

Pada lazimnya, satu upacara yang amat penting untuk menyembah *petara* atau kuasa luar biasa lain ialah dengan mengadakan ritual *gawai*. Dalam masyarakat Iban, terdapat beberapa kategori ritual *gawai*. Pertama, ritual *gawai* pertanian, kedua, ritual *gawai* kepahlawanan lelaki Iban, ketiga, ritual *gawai* tanda kesyukuran dan terima kasih kepada kuasa-kuasa luar biasa, keempat, ritual *gawai* kurniaan mimpi atau mendapat kurniaan *pengaroh* daripada kuasa luar biasa, dan kelima, ritual *gawai* pengubatan. Antara peralatan terpenting yang digunakan dalam ritual-ritual *gawai* tersebut ialah *kain pua*. Uma Unak Kujat menyatakan, sekiranya tidak menggunakan *kain pua*, ini bererti melanggar hukum adat berkenaan dengan pelaksanaan ritual *gawai*. Kesalahan tersebut boleh mengakibatkan berlakunya krisis kehidupan, seperti kematian dan bencana alam, contohnya, gempa bumi, kemarau panjang dan tengkujuh.

Victor Turner (1967: 20), yang mentafsirkan simbol-simbol dalam ritual menjelaskan bahawa manusia perlu berkomunikasi dengan kuasa luar biasa dengan menggunakan simbol-simbol yang difahami berdasarkan kosmologi mereka sebagai media penyelesaian utama kepada krisis kehidupan manusia yang berlaku dalam masyarakat. Dalam konteks ini, masyarakat Iban

dalam usaha menyelesaikan sebarang krisis kehidupan yang mereka hadapi, mengadakan ritual-ritual, antaranya ritual-ritual *gawai*. Dalam ritual-ritual itu, *kain pua* perlu digunakan kerana ia merupakan simbol identiti atau pengenalan diri orang Iban kepada *petara* mereka. *Kain pua* dianggap satu peralatan istimewa atau objek sakral bagi menyempurnakan proses ritual itu.

Pada masa dahulu, penggunaan *kain pua* paling penting dalam ritual *gawai* untuk menyambut kepulangan pahlawan Iban yang membawa balik kepala musuh daripada ekspedisi perang. *Kain pua* juga penting untuk banyak ritual *gawai* yang lain, antaranya *gawai* pertanian dan *Gawai Kenyalang*. Dalam ritual *gawai*, *kain pua* digunakan dalam beberapa keadaan, contohnya, sebagai *baju burung* dengan motif-motif tertentu yang dipakai oleh *lemambang*; sebagai kain pembalut segala peralatan penting yang digunakan dalam persembahan ritual *gawai*; dan sebagai tempat simbolik kepada *petara* atau kuasa luar biasa lain meletakkan *pengaruh* yang dikurniakan dalam ritual *gawai* tersebut.

Dalam masyarakat Iban, aturcara semua *gawai* hampir serupa antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana semua peralatan sakral *gawai* yang digunakan adalah serupa, iaitu terdapat penekanan pada penggunaan *kain pua*, peralatan *piring gawai*, peranan pakar-pakar ritual (*lemambang*, *Tuai piring*, *Tuai burung*, *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api*, *Indu Nakar Indu Ngar dan Indu Nenkebang Indu Muntang*) dan sebagainya. Pada lazimnya, masyarakat Iban akan mengadakan ritual *gawai* apabila mereka menerima sesuatu arahan menerusi mimpi, *pengaruh* ataupun sumpahan daripada *petara* atau kuasa luar biasa lain biasanya melalui mimpi. Jika arahan dalam mimpi itu tidak dipatuhi, dikatakan akan ada petanda-petanda malang bahawa orang berkenaan akan menerima malapetaka. Petanda-petanda itu mungkin disampaikan secara halus dan tersirat. Contohnya, seseorang itu mungkin jatuh sakit atau menjadi gila dan seterusnya menemui ajal. Oleh sebab itu, suatu ritual, seperti ritual *gawai*, amat perlu dijalankan bagi memujuk, memohon keampunan, dan meredakan kemarahan kuasa luar biasa tersebut.

Memandangkan *kain pua* dianggap oleh orang Iban sebagai kain suci, maka kain *pua* telah digunakan oleh masyarakat Iban sejak zaman lampau untuk mengadap *petara*, iaitu semasa mereka mengadakan ritual *miring* dan *gawai*. Seperti juga dalam ritual *miring*, dalam ritual *gawai*, masyarakat Iban menggunakan *kain pua* untuk menerima dan menyambut kedatangan *petara* atau kuasa luar biasa lain naik ke rumah panjang mereka. Malah, *kain pua* juga digunakan untuk menyambut *pengaroh* daripada *petara* semasa ritual *gawai* itu. Penggunaan *kain pua* dalam ritual *gawai* secara simbolik bertujuan memberitahu kuasa luar biasa bahawa masyarakat Iban akan atau sedang mengadakan ritual *gawai* supaya segala usaha mereka diterima oleh *petara*. Lantaran itu, dalam mana-mana ritual *gawai* penggunaan *kain pua* diutamakan bagi menjayakan komunikasi orang Iban dengan kuasa luar biasai. Penggunaan *kain pua* dalam ritual *gawai* memenuhi dan melengkapi syarat-syarat peralatan *gawai*, dan dengan itu, pelaksanaan sesuatu ritual *gawai* itu dianggap cukup sempurna.

Terdapat beberapa jenis ritual *gawai* dalam masyarakat Iban. Antaranya, ritual *gawai* pertanian yang berkaitan dengan penanaman padi, ritual *gawai* bagi menandakan keberanian memenggal kepada musuh, ritual *gawai* pengubatan pesakit, ritual *gawai antu* bagi memberi penghormatan terakhir kepada orang yang telah meninggal dunia dan ritual *meri anak mandi*. Selain keperluan terhadap penggunaan *kain pua* dalam ritual *gawai* masyarakat Iban, terdapat beberapa keperluan lain, antaranya yang digunakan ialah bahan-bahan dan peralatan *piring* yang lengkap, sebuah *pandong*, (menara utama *gawai* yang wajib dibalut dengan *kain pua* Iban), *jani* (babi), ayam, beberapa batang kayu dan buluh, peralatan pertanian, seperti parang, *beliung*, kapak dan dulang kayu, dan keperluan tersebut tertakluk kepada jenis ritual *gawai* yang dijalankan itu.

Dalam budaya masyarakat Iban, pelaksanaan ritual *miring* akan diuruskan oleh golongan pakar ritual. Bagi masyarakat Iban, ritual *miring* wujud dalam dua situasi iaitu, *miring* biasa dan *miring* yang dilakukan dalam *gawai*. Dalam ritual *gawai Kelingkang Nimang Pengaroh*, ritual *miring* dilakukan berdasarkan lima hari tersebut. Ritual

miring yang dilakukan dalam ritual *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* ini berlangsung selama lima hari empat malam. Tujuan diadakan ritual *miring* dalam *gawai* tersebut adalah agar *pengaroh* yang sedia lebih mujarab dan membawa kebaikan pada masa akan datang. Ini kerana penganjur kepada ritual *miring* dalam *gawai* tersebut, iaitu En. Muses Anak Amba telah menerima mimpi daripada mendiang bapanya. Pada hari pertama, masyarakat Iban yang terlibat dalam ritual *miring* dalam *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* akan mengadakan ritual *miring beranchau tikai* atau menghampar tikar. Acara ini merupakan simbolik pembukaan kepada ritual *miring* yang dilakukan dalam *gawai*.



Gambar 6.1 Wanita-wanita Iban sedang menganyam ketupat pada hari kedua (Sumber: Penulis, 28 Ogos 2015)

Pada hari kedua, iaitu ritual *miring* untuk nyenupat *puang* atau menganyam ketupat yang dilakukan oleh golongan wanita-wanita Iban. Ritual menaikkan dulang *pengaroh* juga dilakukan pada hari yang sama. Ritual *miring* dalam ritual *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* dimulakan dengan penyediaan

bahan-bahan dan peralatan *miring*. Golongan wanita Iban telah ditugaskan untuk menyediakan bahan-bahan membuat *piring* bagi ritual *miring* dalam *gawai* tersebut.

Bagi masyarakat Iban, tugas membuat *piring* itu merupakan satu perbuatan yang mulia dan berstatus tinggi. Golongan wanita tersebut akan menyediakan *piring nyugu bulu jani* dan menjadi ketua dalam kerja-kerja *nyugu bulu jani* semasa ritual *miring* dalam *gawai* itu berlangsung. Pada malam kedua, diadakan acara mengangkat dulang *pengaroh* naik ke rumah. Justeru itu, *lemambang* melakukan ritual *miring* dan seekor babi disembelih. Pada hari ketiga (*nyenupat penuh*), iaitu merupakan hari melakukan persiapan akhir sebelum pelaksanaan ritual *miring* dalam ritual *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh*. Bagi masyarakat Iban yang terlibat, mereka akan memastikan segala kelengkapan bahan-bahan untuk *piring* dan peralatan untuk ritual tersebut telah siap disediakan.



Gambar 6.2 *Teresang* yang dibina menggunakan buluh bagi meletakkan *piring* (Sumber: Penulis, 30 Ogos 2015).



Gambar 6.3 *Pua kumbu* diletakkan di atas bumbung *tanju* yang dibina bagi meletakkan sembilan ekor babi untuk mendapatkan nasib yang baik (Sumber: Penulis, 28 Ogos 2015).



Gambar 6.4 *Pua kumbu* digantung dibahagian siling bagi membolehkan kuasa-kuasa luar biasa meletakkan *pengaroh* yang dibawa bersama mereka (Sumber: Penulis, 31 Ogos 2015).



Gambar 6.5 Golongan wanita Iban melakukan kerja-kerja menyugu bulu jani (Sumber: Penulis, 30 Ogos 2015).

Dalam pelaksanaan ritual *miring* dalam ritual *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh*, penyediaan *piring* nyugu *bulu jani* adalah berdasarkan kepada jumlah babi yang digunakan, iaitu sebanyak sembilan ekor. Angka sembilan dalam ritual *miring* dalam *gawai* ini mewakili sembilan orang yang digawaikan, maka menggunakan sembilan *piring*. Bagi wanita-wanita Iban yang melakukan kerja-kerja *menyugu bulu jani*, maka wajib berpakaian tradisional. Bagi ritual *miring* dalam *gawai*, susunan bahan-bahan untuk *piring* sangat penting dan bukan sembarangan. Antaranya, pinang, daun sirih, kapur sirih, *daun kelayik*, *daun ruko apung*, tembakau daun rokok, nasi pulut yang dimasak dalam buluh, nasi biasa, *tumpi*, *sungki*, ketupat, *rendai*, telur ayam yang dimasak, cawan kecil untuk air tuak, penganan dan kuih sepiit.

Pada hari keempat, iaitu ritual *miring* untuk *hari nyadi*, maka mereka yang terlibat akan mendirikan sembilan buah *teresang* untuk sembilan orang yang akan *digawaikan* kerana ritual *miring* dalam *gawai* ini menggunakan *piring sembilan*. Justeru itu, penyediaan bahan-bahan dan peralatan-peralatan dalam ritual tersebut seperti *piring*, *parang ilang* dan *baju burung* perlu mengikut angka sembilan. Bagi mereka yang terlibat dengan ritual *miring* dalam *gawai* ini perlu memakai pakaian tradisi masyarakat Iban. Golongan pakar ritual, seperti *Tuai piring* akan memulakan kerja-kerja ritual *miring*. Pakar *piring* ialah pakar ritual yang serba boleh dan mereka biasanya menge*Tuai* banyak ritual dalam masyarakat Iban seperti menjadi ketua dalam mengendalikan ritual *miring* di dalam ritual-ritual *gawai*. Pada hari kejadian juga, *tiang tambai* didirikan bagi memberitahu kuasa-kuasa luar biasa mengenai ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai*. Lazimnya, *tiang tambai* ini didirikan di kawasan rumah atau *tanju* di rumah panjang masyarakat Iban.



Gambar 6.6 *Tiang tambai* yang didirikan untuk memberitahu semua kuasa luar biasa mengenai ritual *gawai* yang diadakan (Sumber: Penulis, 31 Ogos 2015).

Tuai piring menge*Tuai* ritual *nudok ka pandung* yang bermaksud mendirikan tempat pemujaan atas sesuatu ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai*. *Nudok ka pandung* merupakan sebuah menara kecil yang mempunyai ketinggian dua meter atau tujuh kaki dan lebarnya tiga kaki persegi dan kemudian *pandung* tersebut wajib dibalut dengan beberapa helai *pua kumbu*. *Lima pengaroh* dan *piring* diletakkan dalam *pandung* tersebut.

Sebelum *pandung* dibalut dengan *pua kumbu*, *pandung* akan dibalut dengan *pelangka*. Dalam konteks ini, tatacara penggunaan *pua kumbu* untuk membalut *pandung* adalah sama antara satu ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai* dengan yang lain kerana tujuan penggunaan *pua kumbu* itu adalah sama, iaitu untuk menjemput dan memanggil kuasa luar biasa untuk datang ke ritual *miring* dalam *gawai* yang sedang dijalankan. Bagi ritual *miring* dalam *gawai*, *Tuai piring* juga berperanan sebagai *Tuai pengap* atau *mengap* (pakar melagukan mantera) pakar *biau* (pakar jampi), *Tuai burung* (pakar yang pandai mentafsirkan makna petanda-petanda), *Tuai piring* (pakar *piring*) dan *tuai penenong* orang betuah-belimpah atau tanah betuah (pakar atau tukang tilik orang bertuah yang menggunakan *sumpit*).



Gambar 6.7 Proses membalut pelangka pada *pandung* sebelum dibaluti dengan *pua kumbu* (Sumber: Penulis, 30 Ogos 2015).



Gambar 6.8 Proses membalut *pandong* dengan beberapa helaian *pua kumbu* (Sumber: Penulis, 30 Ogos 2015).



Gambar 6.9 *Pandong* yang telah siap dibina (Sumber: Penulis, 30 Ogos 2015).



Gambar 6.10 Lemambang melagukan mantera untuk memanggil kuasa-kuasa luar biasa turun ke bumi dengan membawa pelbagai *pengaroh* kepada masyarakat Iban (Sumber: Penulis, 31 Ogos 2015).

Sebelum mendirikan *pandong*, *Tuai piring* akan mengadakan ritual *miring* di ruang luar hadapan rumah yang akan digunakan sebagai laluan tetamu dan kuasa-kuasa luar biasa untuk masuk ke kawasan rumah itu. Tujuan dilakukan ritual *miring* adalah sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan kuasa-kuasa luar biasa untuk *ngabang* ke rumah orang yang melakukan *gawai*. Setelah selesai, maka kerja-kerja mendirikan *pandong* akan dilakukan. Bagi masyarakat Iban, kerja mendirikan sebuah *pandong* bukanlah suatu pekerjaan yang mudah kerana ia perlu dilakukan oleh dua orang pakar ritual yang berpengalaman dalam melakukan ritual *miring* dan berpengetahuan tentang alamat *beburung*.

Peralatan *piring* yang terdiri daripada bahan-bahan seperti pinang, nasi, bertih beras, *sagun* (tepung beras yang telah digoreng), kapur sirih, *daun ruko apung*, tembakau, pulut, *tumpi* (kuih), garam, telur ayam, seekor ayam hidup atau babi ataupun darah kedua-dua binatang tersebut. *Piring* yang disediakan perlu dialas dengan *pua kumbu* bertujuan untuk menandakan bahawa masyarakat Iban telah mempersembahkan dan menyediakan makanan kepada *petara-petara* atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain. *Piring* pertama diletakkan di dalam *dulang panggau* yang diperbuat daripada kayu berlian. *Dulang Panggau* itu akan digunakan bagi merendam *pengaroh*. *Piring* kedua diletakkan di tepi dulang dan *piring* ketiga diletakkan atas *pandong*. Dalam pada itu, *pandong* akan dipasang dengan lantai *pelangka* dan seterusnya wajib dibalut dengan beberapa *pua kumbu* bertujuan untuk menjemput dan menghormati kuasa-kuasa luar biasa agar datang ke rumah orang yang melakukan ritual *miring* dalam *gawai* bagi menunaikan permintaan mereka.

Ritual *lingkuh pengaroh* diadakan untuk membahagikan *pengaroh* itu kepada sembilan orang yang akan digawaikan. Pada waktu malam keempat, disediakan bahan-bahan untuk ritual *miring ngalu Tuai* yang menggunakan *piring lapan* agar bertujuan untuk *antu ngabang* dan dua ekor babi akan disembelih. Setelah selesai menjalankan ritual *miring* tersebut, maka seorang *lemambang* Iban, iaitu Unsa Meringai (60 tahun) yang dibantu oleh beberapa orang pembantu khas beliau melagukan mantera sepanjang malam dengan tujuan berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual tersebut. Mantera-mantera yang dilagukan oleh *lemambang* tersebut adalah untuk memuja dan menyanjung *petara Sengalang Burung* agar datang dan memperturunkan *pengaroh* yang membolehkan orang-orang yang digawaikan itu akan mendapat kehidupan yang lebih baik. Bagi ritual dalam *miring gawai* ini, ritual ini melibatkan prosedur yang tertentu, misalnya pelaksanaan ritual *nuduk pandong* (mendirikan tempat pemujaan utama bagi ritual *miring* dalam *gawai*) oleh pakar *Tuai nuduk ka pandong* dan *Tuai piring* (orang yang pandai melihat makna atau petanda-petanda yang diperturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa).

Lemambang tersebut melagukan mantera bagi memuja *petara Lang Sengalang Burung* dengan berjalan mengelilingi *pandong* secara berulang-

ulang di sepanjang malam itu. Bagi masyarakat Iban, *lemambang* ialah seorang pakar dalam mengetuai *pengap*, *mengap* atau beramban (melagukan mantra) dalam sesuatu ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai*. Selain itu, seseorang *lemambang* itu juga perlu menggunakan baju burung dalam mengepalai ritual tersebut. Ini kerana baju burung melambangkan identiti masyarakat Iban untuk berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, *lemambang* dalam ritual *miring* dalam *gawai* ini perlu memakai beberapa buah gerunong atau loceng kecil yang dilekatkan pada tongkat beliau sebagai tanda isyarat memohon dan menyeru kuasa-kuasa luar biasa agar datang *ngabang* dalam ritual *miring* dalam *gawai* tersebut. Dalam ritual yang dilakukan, *lemambang* menggunakan tongkat khas. Ini kerana tongkat *lemambang* merupakan salah satu peralatan ritual. *Lemambang* akan menggunakan tongkat tersebut untuk menyeru dan memanggil kuasa-kuasa luar biasa untuk datang *ngabang* dan memberi pertolongan kepada masyarakat Iban.



Gambar 6.11 *Tongkat lemambang* bagi menyeru kedatangan kuasa-kuasa luar biasa untuk datang *ngabang* ke rumah orang yang melakukan ritual *miring* (Sumber: Penulis, 31 Ogos 2015).

Seterusnya, ialah merupakan ritual *miring* untuk memberi *petara Lang Sengalang Burung* minum *ai tuak*. Menurut *lemambang* tersebut, *petara Lang Sengalang Burung* telah turun dari langit dan membawa *antu pala*. Kemudian, *lemambang* tersebut meminta *Igi Mudan* dari *petara* tersebut tetapi kemahuannya enggan dituruti. Memandangkan *petara* itu enggan, maka *lemambang* mengarahkan wanita-wanita Iban memberinya minuman supaya mabuk. Apabila mabuk, *Igi Mudan* itu akan terlepas dari jagaan *petara Lang Sengalang Burung*. Minuman tersebut akan dibawa oleh wanita- wanita Iban yang berpakaian tradisional masyarakat Iban. Apabila *petara Lang Sengalang Burung* mabuk, maka *Igi Mudan* akan bebas. Setelah itu, wanita-wanita Iban itu pun terus mengambil *Igi Mudan* itu. Namun begitu, *Igi Mudan* itu menangis kerana enggan diambil oleh mereka.



Gambar 6.12 Penganjur *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* memakai pakaian tradisional Iban Sumber: Kerja Lapangan Penulis, 2015

Pada kemuncak pelaksanaan ritual *miring* dalam ritual *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* itu, maka akan diadakan *meda ati jani* bertujuan untuk mendapatkan keputusan hasil daripada ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai* yang dilangsungkan selama ini. Sembilan ekor babi akan disembelih untuk mendapatkan bahagian hati babi tersebut untuk melihat petanda yang diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa. Golongan wanita Iban yang berpakaian tradisional dan kepalanya ditutup dengan kain tuala membawa pinggan yang dialas dengan *pua kumbu*. Sembilan ekor babi disembelih serentak dan diambil bahagian hatinya untuk diletakkan dalam pinggan tersebut dan disusun dalam *dulang Panggau*.



Gambar 6.13 Sebuah dulang yang diperbuat daripada kayu *belian* dan salah satu peralatan yang digunakan oleh pakar ritual 'menyugu' kinzir. Sumber: Kerja Lapangan Penulis, 2015

Dalam pelaksanaan ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual *gawai-gawai*, keadaan hati babi dianggap sebagai satu perkara amat penting kerana ia menentukan kejayaan ritual *miring* dalam *gawai* atau hanya perkara sebaliknya. Oleh sebab itu, untuk mencapai kejayaan ritual *miring*

yang dilakukan dalam ritual *gawai* itu, kawasan tempat meletak babi berkenaan wajib disidai dengan beberapa helai *pua kumbu*. Ia bertujuan supaya kuasa-kuasa luar biasa akan mengurniakan kebaikan pada hati babi tersebut. Oleh itu, *piring* yang akan dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa wajib dialas dengan *pua kumbu*.



Gambar 6.14 Penyembelihan babi dalam ritual *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* (Sumber: Penulis, 31 Ogos 2015).

Selain itu, sekiranya petanda yang terdapat pada bahagian hati babi itu kelihatan penuh, merah dan jernih, maka ia menunjukkan bahawa hati itu mempunyai petanda baik. Manakala, jika bahagian hati babi yang kelihatan kurus, kempis, tiada isi, kabur, dan layu menunjukkan petanda yang kurang baik kepada orang yang digawainya. Bagi pelaksanaan ritual *miring* dalam ritual *gawai* yang dijalankan di rumah Muses Amba di Bintulu, keputusan dalam menilik bahagian hati babi adalah amat positif dan menunjukkan petanda kebaikan kepada kehidupannya pada masa akan datang.



Gambar 6.15 Bahagian hati sembilan ekor babi yang telah dikorbankan dan diletakkan dalam *dulang Panggau* (Sumber: Penulis, 31 Ogos 2015).

Acara Memberi *Petara Lang Sengalang Burung* ‘Minum Ai Tuak’ dalam Ritual *Miring Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh*.

Menurut Unsa Anak Meringai yang merupakan *lemambang* di dalam ritual *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* tersebut, turut menyatakan bahawa bermulanya beliau mencari *pengaroh* pada petang semalam adalah dari dalam air dan terus keluar ke tanah. Setelah sampai ke tanah, beliau terus menyampaikan pesan kepada semua *Apai Burung* yang diperlukan. Sampailah di *Apai Nenak*, beliau dapat *pengaroh* kerana disitulah yang ada mempunyai *pengaroh* berani. Setelah itu, barulah beliau naik ke langit untuk

mencari *Ketupong*, tetapi *Ketupong* tidak berada disitu kerana telah pergi merantau. Kembalinya *Ketupong* dari merantau terus berhajat untuk pergi berziarah bersama-sama, tetapi isterinya enggan kerana tiada *Igi Mudan* (*antu pala*). Beliau terus pergi ke alam hantu, iaitu alam hantu gergasi untuk mencari *Igi Mudan*.

Setelah mendapat *Igi Mudan*, beliau pun membawa dulang yang digunakan untuk mereka mandi. Sepanjang pagi tadi setelah beliau membawa dulang tersebut turun kebawah, seterusnya pula bertanyakan gelaran. Akan tetapi *Lang* tidak mahu memberikan *Igi Mudan*. Orang perempuan pun mengatakan yang *Lang* itu tamak kerana tidak mahu memberikan *Igi Mudan*. Tanpa melengahkan masa, orang perempuan pun berbincang mengenai cara untuk mendapatkan *Igi Mudan* itu daripada *Lang*. Mereka pun memberi *Lang* minum sampai mabuk agar *petara* tersebut menunjukkan *Igi Mudan*. Orang perempuan ingin mengambil *Igi Mudan* tersebut, tetapi *Igi Mudan* menangis teresak-esak kerana enggan diambil. Setelah itu, orang perempuan pun berbincang lagi untuk mencari orang yang pandai memujuk *Igi Mudan*. *Igi Mudan* pun dipujuk oleh *Indu Pandai Bunsu Antu*. Habis memujuk *Igi Mudan*, *Igi Mudan* pun boleh disimpan. Akan tetapi *Igi Mudan* menangis teresak-esak lagi kerana ingin ditanam padi. Orang pun bertanya bagaimana hendak menanam padi kalau tidak ada parang. Kami pun mencari besi untuk membuat parang. Bertanyakan kepada tetamu yang datang sekiranya ada sesiapa yang mempunyai besi. Setelah itu barulah parang dibuat, kami pun mencari orang yang empunya parang tersebut sampailah upacara selesai. Habisnya upacara ini barulah memberi mereka makan. Setelah diberi makan, barulah dihantar balik ke tempat mereka. Tetapi menghantar mereka tidak lama. Tidak seperti kita mengambil mereka. Orang yang empunya dulang tersebut adalah *Sengado Telo Burung Ucu Mego Manang Lambung Tau Nampung Tulang Kepong Lama Midang*, iaitu orang yang pandai mengembalikan nyawa orang yang sudah mati. Dia mestilah dibawa semasa upacara ini untuk menghantar dulang dia sendiri. Setiap dulang ada gelarannya sendiri.

Dulang Intan Panjai Lapan Dulang Mas Panjai Sebelas
Dulang Pirak Enggau Nyepuh Manggi Bujang Biak Ngambi Isi Iya Tekelupak
Manah Baka Dulang Intan Enggau Nyepuh Manggi Bujang Renggan Ngambi
Iya Tan Belaban Menang Gaya

Perubahan dalam Persembahan Ritual *Miring*

Ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban pada masa sekarang mengalami perubahan budaya berikutan berlakunya pertembungan budaya kecil dengan budaya besar dalam dunia globalisasi yang melanda dalam kehidupan mereka pada zaman ini. Hal ini dikatakan demikian kerana perubahan budaya yang melanda dalam kehidupan masyarakat Iban telah mempengaruhi sesebuah dan tatacara pelaksanaan tritual *miring*. Misalnya, masyarakat Iban pada masa dahulu melakukan ritual *miring* di lokasi rumah panjang, kawasan berhuma, hutan tebal (*kampong gon* atau *kampong jerong*), yang bergantung kepada tujuan dan keperluan mereka. Kini, masyarakat Iban melakukan ritual *miring* di lokasi seperti dewan besar, kawasan perumahan dan selebihnya adalah mengikut kepada kesesuaian sesuatu tempat.

Selain itu, Robert Menua Saleh juga memiliki pandangan yang sama dengan Jimbun Anak Tawai, iaitu mengenai ritual *miring* juga telah mengalami perubahan budaya dan konteks pelaksanaan ritual tersebut. Antara perubahan budaya yang berlaku dalam ritual *miring* adalah dari aspek lokasi, keperluan semasa, penggunaan *pua kumbu*, masa, pembinaan *tanju* di kawasan rumah biasa dan bahan-bahan untuk *piring* kerana ritual *miring* pada zaman dahulu diadakan di lokasi yang tertentu seperti di huma, kawasan hutan tebal, dan rumah panjang. Kini, ritual *miring* dilakukan di dewan besar, kawasan perumahan dan sebagainya mengikut kesesuaian sesuatu tempat. Dari aspek keperluan pula, ritual *miring* dilakukan bagi memenuhi hajat masyarakat Iban terhadap sesuatu perkara, justeru itu mereka perlu 'memberi makan', menghormati dan menjaga kuasa-kuasa luar biasa tersebut.

Konteks ritual *miring* pada zaman ini adalah untuk menghormati dan mengalu-alukan kedatangan tetamu yang datang ke rumah panjang masyarakat Iban dan dihidangkan *piring*. Manakala, aspek penggunaan *pua kumbu* sangat penting sebagai identiti masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan budaya mereka kerana kebanyakan penggunaan *pua kumbu* dalam ritual *miring* tidak sepenuhnya digunakan dan sebaliknya mereka hanya menggunakan kain tuala yang biasa bagi menutup kepala semasa ritual *miring* diadakan. Misalnya, ritual *miring* dalam *Gawai Kelingkang Nimang Pengaroh* yang diadakan di rumah Muses Amba di Bintulu telah menunjukkan bahawa kebanyakan golongan wanita Iban tidak sepenuhnya memakai pakaian tradisional Iban dan menggunakan kain tuala sebagai alas kepala mereka. Tambahan pula, *tanju* juga dibina di rumah biasa masyarakat Iban. Bagi aspek masa pula, semua ritual dalam masyarakat Iban akan dilakukan pada hari Selasa atau Khamis kerana hari-hari tersebut dianggap sesuai. Kini, ritual *miring* telah dilaksanakan pada hari-hari yang lain.

Manakala, bagi Walter Wong Anak Tedong, *lemambang* yang mengetuai keseluruhan ritual *gawai* akan menerima upah dari penganjur *gawai* tersebut. Pada zaman dahulu, *lemambang* hanya diberi upah sebanyak RM5.00 sehingga RM20.00 sahaja. Kini, bagi *lemambang* yang menge *Tuai* ritual *gawai*, maka beliau diberi upah oleh penganjur *gawai* tersebut sebanyak RM700.00 sehingga RM800.00. Ini kerana ia bergantung kepada jenis *gawai* yang dilakukan seperti *Gawai Kenyalang* yang memerlukan RM4000.00 sehingga RM5000.00.

Bajut Anak Puguan dan Raup Anak Manggong turut mempunyai pendapat yang sama, iaitu mengenai perubahan terhadap penggunaan bahan-bahan bagi menyediakan *piring*. Menurut mereka, golongan wanita Iban pada masa ini lebih gemar menggunakan bahan pengganti kepada bahan asal yang sudah siap disediakan. Misalnya, terdapat segelintir wanita Iban yang gemar menggunakan bertih jagung atau popcorn untuk dijadikan bahan untuk *piring* berbanding dengan bertih padi atau pop rice. Pada asalnya, *rendai* atau *Letup* adalah dihasilkan daripada bertih padi. Perubahan ini berlaku akibat kekangan masa dan kemahiran golongan wanita Iban terhadap menyediakan bertih padi. Selain itu, penggunaan jumlah *piring* adalah berdasarkan kepada keperluan ritual yang diadakan oleh masyarakat

Iban. Misalnya, bagi ritual *Gawai Kenyalang* (*piring sembilan*), ritual *nama ke tuah* (*piring tujuh*), menanam padi (*piring tujuh*) dan sebagainya mengikut kepada keperluan. Tambahan pula, kebanyakan bahan *piring* banyak diperolehi di kedai-kedai barangan kerana untuk menjimatkan masa.

Cabaran dalam Mengurus dan Melaksanakan Ritual *Miring*

Jimbun Anak Tawai dan Robert Menua Saleh mempunyai pandangan yang sama, iaitu mengenai faktor kedatangan agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam menjadi penghalang sesuatu pelaksanaan ritual *miring* kerana masyarakat Iban menganggap bahawa dengan kedatangan agama-agama besar tersebut lebih berkuasa berbanding dengan pegangan warisan yang sekian lama diamalkan oleh nenek moyang mereka. Bagi mereka yang memeluk agama Islam, maka ritual *miring* akan ditinggalkan kerana ia bersifat syirik dan boleh memesongkan pegangan akidah. Selain itu, salah satu penghalang kepada pelaksanaan ritual *miring* dalam budaya masyarakat Iban pada zaman sekarang adalah modenisasi ekoran telah berlaku perubahan zaman yang disebabkan oleh kemajuan sains dan teknologi. Tambahan pula, kepercayaan manusia pada zaman sekarang juga telah berubah dan dipengaruhi oleh kemajuan sains dan teknologi. Dengan adanya kemajuan sains dan teknologi, maka kehidupan masyarakat Iban pada masa ini akan lebih teratur.

Sepanjang Robert Menua Anak Saleh dalam menerokai kebudayaan masyarakat Iban, golongan muda dalam masyarakat itu kurang mengenali sesuatu pelaksanaan ritual *miring* kerana mereka tidak lagi tinggal di kawasan rumah panjang, tetapi menetap di bandar-bandar besar. Tambahan pula, dengan perubahan zaman yang selaras dengan perkembangan teknologi telah menghalang kepada generasi tersebut untuk terus mempelajari sesuatu warisan tradisi budaya, seperti ritual *miring*. Justeru, peranan golongan pakar-pakar ritual penting untuk mendedahkan tradisi melakukan ritual *miring* kepada generasi muda agar ritual ini tidak hilang ditelan arus zaman.

Manakala, bagi Unsa Anak Meringai pula, antara sebab ritual *miring* ini kian dilupakan adalah kerana masyarakat Iban itu sendiri yang kurang

mengambil peduli dan kurang memberi perhatian terhadap ritual tersebut. Dalam melakukan ritual *miring*, mereka perlu banyak menguruskan segala persiapan ritual, seperti dari aspek penyediaan bahan- bahan dan peralatan untuk ritual tersebut. Tambahan pula, ramai di dalam kalangan masyarakat Iban yang telah menganuti agama-agama besar dan meninggalkan budaya asal, seperti ritual *miring* atas tuntutan agama. Beliau menasihatkan bahawa tidak salah sekiranya mereka menganuti agama lain, seperti agama Kristian, tetapi janganlah sesekali meninggalkan atau melupakan tradisi melakukan ritual *miring* dalam budaya mereka kerana ritual *miring* merupakan adat yang diwarisi sejak dari zaman dahulu lagi. Oleh itu, pelaksanaan ritual *miring* haruslah dijaga dan dipertahankan agar tidak lupus ditelan zaman kerana merupakan budaya masyarakat Iban. Orang-orang kenamaan, seperti menteri-menteri yang menjadi wakil masyarakat Iban seharusnya sedar terhadap kepentingan mengekalkan pelaksanaan ritual *miring* dalam budaya mereka.

Beliau juga menyatakan bahawa sekiranya tiada golongan pakar yang menurunkan ilmu mengenai pelaksanaan ritual *miring*, dan memberi tunjuk ajar kepada generasi muda dalam masyarakat Iban, maka ritual tersebut berkemungkinan akan hilang pada suatu hari nanti. Begitu juga dengan peranan golongan *lemambang*, adalah penting untuk memberi tunjuk ajar kepada generasi muda masyarakat Iban mengenai kerja-kerja seorang *lemambang*. Sekiranya, tiada generasi baharu yang berminat untuk belajar mengenai ilmu tentang *lemambang*, maka akan pupus suatu hari kelak kerana tidak ramai lagi bilangan *lemambang* yang tinggal pada hari ini. Tambahan pula, kebanyakan *lemambang* sudah meninggal dunia dan agak sukar untuk mencari pewaris generasi muda dalam masyarakat untuk menjadi golongan *lemambang*.

Uma Unak Kujat menjelaskan, dalam menuntut ilmu untuk menjadi seorang *lemambang*, adalah sangat susah dan menyebabkan golongan muda dalam masyarakat Iban kurang berminat untuk menjadi ketua pakar ritual. Dalam proses belajar untuk menjadi *lemambang* tidaklah susah, tetapi mengambil masa yang lama. Setiap *piring* yang dijaga dan disimpan haruslah ditutup dengan *pua kumbu* kerana orang Iban percaya bahawa *pua kumbu* merupakan salah satu objek istimewa dalam masyarakat Iban yang memiliki

kuasa-kuasa luar biasa. Keduanya pula, adalah sebagai tanda supaya kuasa-kuasa luar biasa tahu bahawa pelaksanaan ritual *miring* itu telah dilakukan dengan sempurna. Oleh itu, *pua kumbu* membawa makna yang besar dalam kehidupan masyarakat Iban.

Pengekalan Pelaksanaan Ritual *Miring*

Long Anak Mang menjelaskan bahawa amalan pelaksanaan terhadap adat-adat warisan, seperti pelaksanaan ritual *miring* perlu dikenali dan dipelajari oleh masyarakat Iban terutama generasi muda mereka. Sekiranya mereka kurang mengenali adat-adat warisan, maka ini akan mengakis identiti dan budaya masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban yang telah menganut agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam dan tidak mahu menyimpan *pengaroh*, maka boleh diberi kepada orang lain dalam masyarakat Iban yang masih meneruskan tradisi menyimpan *pengaroh*.

Beliau juga menyatakan bahawa ritual *miring* juga berkemungkinan akan hilang sekiranya golongan yang pakar sudah meninggal dunia. Ilmu mengenai ritual *miring* boleh diajar dan dikongsikan kepada generasi muda masyarakat Iban. Akan tetapi, usaha ini memerlukan kepada minat yang mendalam bagi menguasai ilmu *miring* kerana ia melibatkan *bebiau*. Justeru itu, untuk mengendalikan ritual, seseorang individu itu perlu menguasai penggunaan *bebiau* dengan baik.

Selain itu, Unsa Anak Meringai menyatakan bahawa pelaksanaan ritual *miring* ini haruslah dikekalkan kerana merupakan adat asal dalam kalangan masyarakat Iban sejak dari zaman dahulu lagi. Masyarakat Iban melaksanakan ritual *miring* ini kerana mereka percaya bahawa ritual itu boleh membawa kepada keberkatan, kesenangan, keberanian, kekayaan, dan kepandaian, seperti masyarakat-masyarakat yang lain. Pada pendapat beliau, di dunia ini, selain masyarakat Iban di Indonesia, hanya masyarakat Iban di Sarawak sahaja yang masih mengamalkan ritual *miring* ini. Oleh itu, ritual *miring* ini tidak boleh sesekali dilupakan ataupun dibiarkan begitu sahaja dan harus dikekalkan dalam budaya masyarakat Iban.

Terdapat juga usaha yang diterangkan oleh Unsa Anak Meringai bagi mengekalkan dan mempertahankan pelaksanaan ritual *miring* dalam budaya masyarakat Iban, iaitu mereka perlu meminta sokongan daripada pemerintah yang menjadi ketua kepada masyarakat Iban itu sendiri. Jika ketua itu sendiri mempunyai kesenangan, dia juga harus membawa rakyatnya kepada kesenangan dengan melaksanakan *miring*. Sekiranya ada kesusahan ataupun rintangan yang melanda, hanya *piring* dan seekor babi yang dapat membuang segala kesusahan dan rintangan tersebut. Oleh sebab itu, sekiranya ada kesusahan atau ada benda yang tak dapat diuruskan, babi akan digunakan untuk membuang segala malapetaka, menggantikan nyawa dan kehidupan masyarakat Iban. Justeru itu, masyarakat Iban banyak menternak babi. Beliau meminta agar masyarakat Iban pada masa ini haruslah bersama-sama mempertahankan dan menjaga *piring*. Selain itu, bagi individu yang kurang mengetahui tentang pengurusan dan pelaksanaan ritual *miring*, maka digalakkan untuk merujuk kepada golongan pakar yang mempunyai ilmu ritual tersebut. Tambahan pula, sekiranya ditimpa kesusahan, mengalami mimpi baik dan buruk, mempunyai burung dan ditimpa penyakit, maka pelaksanaan ritual *miring* dilakukan untuk membuang jauh segala malapetaka yang menimpa. Melalui pelaksanaan ritual *miring* juga, masyarakat Iban dapat berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa. Unsa Anak Meringai menjelaskan bahawa walaupun ramai masyarakat Iban yang menganut agama-agama besar, seperti agama Kristian, tetapi mereka berbalik semula kepada melakukan ritual *miring*. Ini kerana mereka boleh sembuh daripada penyakit, miskin menjadi kaya dan memperoleh banyak kejayaan apabila diuruskan dengan *piring*.

Dalam erti kata lain, ritual *miring* tidak dapat ditinggalkan dengan begitu sahaja dalam masyarakat Iban. Tidak salah sekiranya masyarakat Iban itu sendiri menganuti agama lain, seperti agama Kristian, tetapi jangan sesekali meninggalkan ritual *miring* yang merupakan sebahagian daripada budaya mereka. Hanya masyarakat Iban di Sarawak sahaja yang tahu susun atur cara dalam menguruskan ritual *miring* selain daripada masyarakat Iban di Kalimantan Barat, Indonesia. Dalam memastikan agar tidak berlakunya kesalahan dalam membuat aturan penyediaan *piring*, maka mereka perlu mengikut aturan asal orang yang melakukan ritual *miring*. Bahan- bahan

yang tidak mempunyai perubahan dalam ritual *miring* ini adalah dari seperti buah pinang, sirih, *sedi*, *semakau*, *daun ruko*, *tumpi*, *pulut*, *rendai*, *telo*, dan mangkuk kecil. Penggunaan bahan-bahan tersebut tidak pernah berubah kerana masyarakat Iban percaya bahawa itu adalah *telaga*. Dapat dinyatakan bahawa beliau berharap agar masyarakat Iban mengenali dan mempelajari tentang pelaksanaan ritual *miring* yang merupakan budaya asal mereka.

Perbezaan Pelaksanaan dan Pengurusan Ritual *Miring* Mengikut Lokasi di Sarawak

Berdasarkan kepada pengalaman Unsa Anak Meringai yang merupakan seorang *lemambang*, pelaksanaan dan pengurusan dalam ritual *miring* adalah bergantung kepada seseorang ketua yang memegang sesebuah kawasan itu sendiri. Walaupun dinyatakan bahawa masyarakat Iban dikatakan berasal daripada Kalimantan Barat Indonesia, tetapi ada sesetengah ilmu yang diwariskan adalah berbeza. Tambahan pula, masyarakat Iban kurang mempunyai sejarah bertulis menjadikan ilmu yang diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi tidak sama. Kadang-kadang ada ilmu yang tertinggal sehingga ada benda tambahan yang digunakan semasa ritual tersebut seperti biskut, pisang, salai, dan bahan-bahan lain. Perkara ini berlaku kerana kurangnya sejarah bertulis tentang ilmu *miring* yang menyebabkan banyak perkara tertinggal sepanjang proses mewariskan tersebut kepada generasi baru.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa pelaksanaan ritual *miring* mempunyai perbezaan yang ketara dalam setiap bahagian yang ada di Sarawak seperti Batang Ai, Miri, Sibu, dan Kapit. Sebagai contoh, di Kapit, masyarakat Iban akan membentangkan *pua kumbu* untuk meletakkan bahan-bahan yang digunakan semasa ritual *miring*. Sekiranya *piring* itu dalam angka lapan, maka semua benda digunakan juga dalam angka lapan. Manakala, di Batang Ai pula mengikut kepada situasi. Sekiranya ritual *miring* dilakukan di *tanju*, maka keperluan mestilah lengkap. Sekiranya telur yang digunakan lapan biji, maka susunan *piring* pun mestilah dalam angka lapan. Selain itu, bagi ritual *miring* yang dilakukan di sawah padi pula, hanya melibatkan perempuan yang akan melakukan ritual tersebut dan

hanya seorang lelaki sahaja. Ini kerana agar benih padi akan mengeluarkan hasil yang banyak seperti perempuan yang melahirkan anak. Berbeza pula di Miri, hanya orang lelaki sahaja yang akan melakukan ritual *miring* di sawah padi. Dapat dinyatakan bahawa ritual *miring* yang dilakukan dalam budaya masyarakat Iban bergantung kepada sesuatu tempat atau lokasi yang terdapat di negeri Sarawak ini. Selain itu, setiap orang mempunyai ilmu mengenai ritual *miring* yang berbeza mengikut tempat. Misalnya, walaupun golongan pakar ritual mempunyai ilmu mengenai ritual *miring* dan telah menerima jemputan untuk menghadiri ritual tersebut di tempat lain, maka mereka haruslah mengikut cara orang itu kerana ilmu mengenai ritual *miring* tidak sama dengan orang lain disebabkan oleh perbezaan tempat. Tambahan pula, jangan sesekali membantah dengan mengatakan bahawa hanya ilmu *miring* kita sahaja yang betul dan ilmu *miring* mereka salah. Dalam melakukan ritual *miring*, mereka haruslah berhati-hati agar ritual tersebut dilakukan dengan sempurna agar tidak perkara-perkara yang tidak diingini dari berlaku.

Berdasarkan kepada penggunaan bahan asal dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring* pada hari ini tidak mengalami perubahan sejak dari dahulu lagi. Sekiranya ada perubahan, itu adalah daripada ketua yang membawa ilmu ritual *miring* itu sendiri. Kadang-kadang ada yang tidak menggunakan bahan-bahan tambahan, seperti biskut, pisang salai, tetapi bahan asal seperti *tumpi* dan *rendai* tidak pernah berubah walaupun berbeza tempat. Justeru, dapat dinyatakan bahawa bahan-bahan yang digunakan telah berubah dari segi pertambahan, bukan berubah dari segi berkurangan.

Penggunaan *Leka Sampi* Ritual *Miring* dalam Ritual *Gawai Kelingkang*

Sepanjang pelaksanaan ritual *miring* yang dikendalikan oleh Long Anak Mang (*lemambang*), *sampi* merupakan kata-kata yang berbentuk doa dalam masyarakat Iban bagi meminta berkat dan pertolongan daripada tuhan mereka yang dikenali sebagai *petara*, roh-roh nenek moyang, orang tua, dan juga saudara-mara yang telah meninggal dunia. Semasa ritual *miring* untuk *Gawai Kelingkang* diadakan, kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja akan diseru untuk datang dan dihidangkan dengan *piring* sebagai 'santapan utama' mereka.

Masyarakat Iban percaya bahawa dengan menyediakan santapan *piring* itu, kuasa-kuasa luar biasa yang dijemput untuk datang akan membalas kebaikan mereka dengan pertolongan dan *pengaroh*. *Pengaroh* merupakan sesuatu yang boleh digunakan oleh masyarakat Iban untuk melindungi diri sendiri, mendapatkan kekayaan, kepandaian, kesihatan, dan kehidupan yang sejahtera.

Sebelum memulakan *sampi*, mereka yang terlibat dalam melakukan ritual *miring* perlu menyediakan *piring ading* yang terdiri daripada *pinang*, sirih, kapur sirih, daun tembakau, nasi putih, garam, ketupat, nasi pulut, telur ayam yang direbus, penganan, *rendai*, *ai tuak* atau arak, pisang dan juga beras kuning. Manakala, ayam digunakan untuk menjampi *piring* yang telah disediakan. Ayam tersebut digunakan untuk memanggil dan menjemput semua *petara*. Ayam tersebut akan memanggil *petara* atau *antu* yang berada di bawah tanah, di atas pokok kayu, di dalam air, dan juga di atas langit.

Lemambang Long Anak Mang juga menjelaskan tentang kewujudan kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara*. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *petara* yang dipercayai berasal dari tanah ialah *Simpulang Gana*, *Selampandai* dan *Bunsu Antu* dari *Orang Panggau Libau* *lendat dibiau takang isang* dari *Gelung Batu Nakung Nyingit Nyinggung Nyimbang Nyerabang*.

Manakala, *petara* yang berada di pokok-pokok kayu, seperti *Ketupung*, *Beragai*, *Bejampung*, *Pangkas*, *Embuas* dan *Papau*. Manakala, *petara* dan *bunsu antu* yang tinggal di dalam air pula terdiri daripada *Seregindi* yang mewujudkan sungai yang banyak cabang, *Bunsu Ikan*, *Bunsu Tekuyung*, *Bunsu Lelabi*, *Bunsu Gerama enggau Bunsu Baya*. Manakala, *petara* yang berasal dari langit pula terdiri daripada *Aki Lang Sengalang Burung*, *Ini Andan*, *Bunsu Bintang Tujuh*, *Bunsu Bulan*, *Bunsu Guntur* dan ramai lagi. Kuasa-kuasa luar biasa yang datang *ngabang* semasa ritual *miring* ketika *gawai* tersebut diadakan dipercayai akan membawa dan meninggalkan *pengaroh* mereka kepada manusia untuk membalas jasa baik manusia yang menyediakan *piring ading* (makanan) untuk mereka. Mereka akan 'menyumpah' manusia agar mendapat kekayaan, kepandaian, kesihatan, keberanian, dan juga kesejahteraan hidup sebelum balik ke tempat asal mereka.

Keperluan ritual *miring* ini ialah upacara ritual bagi bagi “membersihkan serta menyucikan diri” (to neutralize) kerana kepercayaan dan amalan ini penting bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan akan mengadap kuasa- kuasa luar biasa (yang terdiri daripada *petara*, dewa-dewi, *antu*, semangat baik dan roh nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia) untuk membuat persembahan ritual *miring* tersebut. Selain itu, ritual *miring* juga dilakukan apabila terdapat keperluan- keperluan yang tertentu, misalnya sekiranya masyarakat Iban mendapat petanda- petanda atau alamat yang menunjukkan *adat beburing* dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana ia amat penting bagi memastikan segala hasrat dan keinginan masyarakat Iban itu dimakbulkan oleh kuasa-kuasa luar biasa.

Dalam budaya masyarakat Iban, ritual *miring* membawa maksud kepada ritual persembahan dengan ‘memberi makan’ kepada kuasa-kuasa luar biasa. Kewujudan kuasa-kuasa luar biasa perlu ‘diberi makan’ agar dapat membantu masyarakat Iban dalam memperoleh sesuatu kebaikan dan terlindung daripada perkara- perkara yang tidak diingini berlaku. Dengan melakukan ritual *miring*, maka kuasa-kuasa luar biasa akan membalas kebaikan yang diperlukan dalam masyarakat Iban dan diberi perlindungan dari perkara- perkara yang tidak diingini berlaku.

Berdasarkan kepercayaan warisan yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban, mereka akan melakukan ritual *miring* untuk mengelak daripada berlakunya perkara yang tidak diingini mahupun untuk mengekalkan keharmonian hidup dan meningkatkan taraf hidup yang sedia ada kepada yang lebih baik. Dalam masyarakat Iban, ritual *miring* merupakan suatu amalan pemujaan dan penyembahan terhadap kuasa-kuasa luar biasa dengan memberi persembahan makanan yang dikenali sebagai *piring*. Justeru itu, bagi membolehkan berlakunya komunikasi masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa itu, maka dilakukan ritual *miring* tersebut. Tambahan pula, masyarakat Iban yang terlibat dengan ritual tersebut perlu berpakaian tradisional yang lengkap sebagai identiti pengenalan diri mereka kepada kuasa-kuasa luar biasa.

Selain itu, dalam budaya Iban, ritual *miring* ialah penghalang kepada sesuatu bencana dan malapetaka daripada berlaku dalam kehidupan mereka. Masyarakat Iban melakukan ritual *miring* dengan beberapa tujuan, iaitu memberi *piring* kepada semua penghuni halus, memohon sesuatu hajat atau permintaan, memohon keampunan terhadap kesalahan yang telah dilakukan seperti melanggar pantang-larang, mengucapkan rasa 'selamat' dan kesyukuran serta menyatakan perasaan hormat. Oleh itu, ritual *miring* yang dilakukan adalah sebagai pembawa keharmonian dan kedamaian dalam kehidupan masyarakat Iban.

Masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, akan mengadap kuasa-kuasa luar biasa melalui ritual *miring* biasa dan *miring* yang dilakukan *gawai*. Bagi masyarakat Iban yang telah menganuti agama Kristian, mereka menyambut perayaan *gawai* dalam konteks moden dan tidak disediakan *piring*. Manakala, bagi segelintir masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka perayaan *gawai* akan disertakan dengan ritual *miring* dan disediakan *piring* sebagai tanda syukur kepada kuasa-kuasa luar biasa kerana telah mengurniakan hasil *Tuaian* padi serta menandakan bahawa berakhirnya musim menuai padi.

Lazimnya, kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja oleh masyarakat Iban adalah bergantung kepada sesuatu keperluan. Justeru itu, terdapat tujuh kuasa luar biasa yang selalu dipuja seperti *Sengalang Burung* (tuhan perang), *Raja Menjaya* (tuhan perubatan), *Simpulang Gana* (tuhan kesuburan tanah atau pertanian), *Raja Biku Bunsu Petara* (tuhan segala sumber alam), *Raja Selempandai* (tuhan pencipta), *Ini Andan* (tuhan keadilan) dan *Raja Anda Mara* (tuhan kekayaan).

Dalam kehidupan masyarakat Iban, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa perlu dipuja, dijaga, dihormati, dan 'diberi makan' agar tidak menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Justeru itu, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa perlu diberi *piring*. Berdasarkan kepada pelaksanaan ritual *miring*, kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja akan 'memakan jus' *piring* yang disediakan oleh golongan wanita Iban. Penyediaan *piring* sangat penting untuk dijadikan sebagai 'sajian makanan' yang utama kepada kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja. Dengan melakukan ritual *miring*, maka kuasa-kuasa

luar biasa tersebut membalasnya dengan mengurniakan segala kebaikan yang diperlukan dalam masyarakat Iban dan diberi perlindungan dari perkara-perkara yang tidak diinginkan daripada berlaku. Justeru itu, ritual *miring* merupakan keperluan penting bagi masyarakat Iban terutama yang masih mengamalkan kepercayaan warisan.

Selain itu, bagi mengadap kuasa-kuasa luar biasa, maka masyarakat Iban perlu berpakaian tradisi yang mempunyai elemen *pua kumbu* sebagai lambang atau simbol penyembahan. Dalam ritual *miring*, penggunaan *pua kumbu* dipuja dari aspek motif- motif yang ditunen. Ternyata, bahawa masyarakat Iban meletakkan *pua kumbu* di kedudukan yang paling tinggi dan bersifat suci kerana berkaitan dengan kepercayaan warisan. Hal ini dikatakan demikian kerana dipercayai motif-motif pada *pua kumbu* itu mampu menjadi objek sakral sebagai perantaraan pada setiap proses komunikasi yang berlaku antara manusia dengan kuasa-kuasa luar biasa bagi menyelesaikan krisis hidup masyarakat Iban di muka bumi ini. Pendek kata, bagi masyarakat Iban, *pua kumbu* sebenarnya memang ada hubungan dengan alam ghaib atau kuasa ghaib.

Selain itu, masyarakat Iban yang menerima petanda-petanda tertentu juga perlu melakukan ritual *miring*. Ini kerana petanda-petanda tersebut juga boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Misalnya, ritual *miring* akan dilakukan oleh masyarakat Iban apabila menerima sesuatu petanda sama ada baik atau kurang baik. Jika ritual *miring* yang dilakukan terhadap petanda baik, maka ia akan bertambah baik. Manakala, jika ritual *miring* yang dilakukan bagi petanda kurang baik, maka ia akan menjadi baik juga.

Ritual *miring* yang dilakukan dalam budaya dan masyarakat Iban bukan sahaja sebagai tempat pemujaan terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa bagi menyelesaikan pelbagai krisis atau masalah yang dihadapi oleh manusia, malah dijadikan sebagai lokasi pertemuan masyarakat Iban. Dalam pertemuan ini, mereka berkesempatan untuk bertukar-tukar pendapat, mengemukakan idea-idea bernas, berkongsi pemikiran dan pengalaman serta rahsia kejayaan agar memperolehi kehidupan yang lebih baik. Justeru itu, situasi tersebut dapat disamakan dengan situasi yang telah diterangkan oleh Victor Turner (1985).

Selain itu, ritual *miring* biasa dan *miring* dalam *gawai* dalam masyarakat Iban boleh disamakan dengan drama sosial yang diterangkan oleh Turner (1985). Dalam sesebuah drama sosial, terdapat penggunaan satu set simbol, penceritaan beberapa mitos penting dan perlakuan-perlakuan ritual, seperti orang menari dan berlakon. Bagi ritual *miring* yang dilakukan dalam *gawai*, terdapat penggunaan satu set simbol, antaranya *pua kumbu*, dan penceritaan mitos oleh *lemambang* yang melagukan mantera-mantera. Tambahan pula, disediakan 'santapan makanan' untuk kuasa-kuasa luar biasa agar segala hajat atau keperluan yang diperlukan dalam kehidupan masyarakat Iban akan ditunaikan. Selain itu, *lemambang* juga melakukan perlakuan-perlakuan ritual, seperti berjalan dengan berpusing-pusing mengelilingi *pandong* sambil memegang tongkatnya yang telah dipasang dengan loceng kecil untuk mengeluarkan bunyi sepanjang malam pada malam ritual *miring* dalam *gawai* tersebut.

Dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring*, peralatan dan bahan-bahan untuk ritual tersebut diperlukan kerana peralatan dan bahan-bahan yang digunakan dalam ritual *miring* itu merupakan elemen penting sebagai simbol atau lambang ritual bagi mengadap kuasa-kuasa luar biasa. Peralatan ritual, iaitu seperti tongkat *lemambang* (untuk menyeru kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja), *tiang tambai* (untuk memberitahu kepada kuasa-kuasa luar biasa bahawa ada masyarakat Iban sedang melakukan *miring* dalam *gawai*), *pua kumbu* (pakaian tradisi perlu mempunyai elemen *pua kumbu* untuk mengadap kuasa-kuasa luar biasa) dan *piring* ('sajian makanan' kepada kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja). Manakala, bahan-bahan untuk ritual *miring* adalah seperti ayam, babi dan bahan-bahan makanan *piring* untuk disajikan kepada kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja.

Ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban adalah mengikut keperluan dalam sesuatu zaman. Pada zaman dahulu, ritual *miring* dilakukan bagi aktiviti-aktiviti seperti *ngayau*, berperang, membuka kawasan baharu untuk pertanian, berpindah ke kawasan penempatan baharu di rumah panjang, dan *bejalai*. Namun begitu, sesuai dengan zaman pemodenan, masyarakat Iban pada zaman sekarang memerlukan pertolongan daripada kuasa-kuasa luar biasa untuk mendapatkan kekayaan, perlindungan dan

kebahagiaan hidup. Justeru itu, ritual *miring* masih dilakukan sekiranya terdapat keperluan-keperluan tertentu yang penting.

Pelaksanaan ritual *miring* dalam budaya dan masyarakat Iban, ia mempunyai kaitan dengan peranan pakar-pakar ritual, seperti *lemambang*. *Lemambang* merupakan subjek ritual *miring* dalam masyarakat Iban. Ritual *miring*, ia akan diuruskan dan dilaksanakan oleh golongan pakar ritual, seperti *lemambang*. Ritual *miring* tidak dapat dilakukan oleh sembarangan orang kerana ritual ini melibatkan kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, kejayaan sesebuah pelaksanaan dan pengurusan dalam ritual *miring* yang dilakukan bergantung kepada peranan *lemambang* tersebut. Tambahan pula, ritual *miring* tidak dapat dilakukan sebarang individu kerana ia melibatkan kuasa-kuasa luar biasa. Dalam melakukan ritual *miring*, *lemambang* tidak boleh melakukan sebarang bentuk kesilapan sebelum, semasa atau selepas ritual tersebut. Tambahan pula, ritual *miring* yang dilakukan oleh golongan pakar ritual seperti *lemambang* memerlukan kepada disiplin, tatatertib yang tinggi, dan dilakukan secara berhemah. Justeru itu, segala persiapan dalam mengurus dan melaksanakan ritual *miring* akan ditentukan oleh *lemambang*.

Pada masa ini, golongan *lemambang* semakin berkurangan kerana sebilangan besar daripada mereka sudah meninggal dunia. Tambahan pula, golongan *lemambang* dalam masyarakat Iban terdiri daripada generasi tua. Selain memainkan peranan penting dalam mengurus dan mengendalikan ritual *miring*, *lemambang* juga perlu memberi pendedahan kepada generasi muda masyarakat Iban agar mengenali dan mempelajari mengenai ritual tersebut. Ritual *miring* telah diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka dan ia juga merupakan tradisi penting bagi memperkasakan budaya masyarakat Iban. Justeru itu, jika ritual *miring* ini dipinggirkan, maka akan terhakislah identiti dan budaya mereka.

Dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa perlu dijaga, dipuja, dan dihormati melalui ritual *miring* biasa dan *miring* dalam *gawai*. Kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut mempunyai peranan yang besar terhadap cara hidup masyarakat Iban. Oleh sebab masyarakat Iban mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, maka mereka sering

melakukan melakukan ritual *miring*. Ini kerana perasaan takut dan gentar mula menguasai jiwa masyarakat Iban dan ia secara tidak langsung mempengaruhi aktiviti seharian serta tindak-tanduk yang dilakukan oleh mereka. Justeru itu, perlu dilakukan bagi menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan kehidupan harian masyarakat Iban. Ini kerana dengan melakukan ritual *miring*, maka akan dapat meredakan kemarahan kuasa-kuasa luar biasa.

Selain itu, segala kejadian buruk yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Iban, memerlukan kepada penyelesaian, iaitu dengan melakukan ritual *miring*. Ia bertujuan untuk mereka memohon keampunan atau kemaafan daripada kuasa-kuasa luar biasa. Selain tujuan tersebut, ritual *miring* juga dilakukan bagi memohon keberkatan, keizinan, mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat serta dikurniakan kebaikan yang diperlukan oleh masyarakat Iban.

Pelaksanaan ritual *miring* juga amat penting dilakukan bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dan meningkatkan lagi taraf hidup masyarakat Iban yang sedia ada. Selain itu, masyarakat Iban melakukan ritual *miring* untuk memohon pertolongan dan perlindungan daripada kuasa-kuasa luar biasa. Justeru itu, ritual *miring* merupakan keperluan penting bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan. Walaupun berlaku perubahan atau perbezaan dalam ritual *miring* di sesuatu kawasan, akan tetapi, ritual tersebut masih mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa. Perubahan yang berlaku dalam sesuatu pelaksanaan ritual *miring* adalah disebabkan peredaran zaman. Terdapat beberapa perubahan seperti keperluan semasa, lokasi, masa, penggunaan *pua kumbu*, pembinaan *tanju* di kawasan rumah biasa dan bahan-bahan untuk *piring*. Walau bagaimanapun, perubahan yang berlaku dalam ritual *miring* ini tidak menghalang kepada ritual tersebut untuk terus dilakukan dalam budaya dan masyarakat Iban.

Selain itu, terdapat juga perbezaan ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban mengikut kepada lokasi-lokasi yang terdapat di Sarawak. disamping bergantung kepada ketua yang memegang sesebuah kawasan tersebut.

Terdapat beberapa faktor yang menghalang kepada melakukan ritual *miring* antaranya adalah kedatangan agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam, golongan muda dalam masyarakat Iban kurang mengenali ritual tersebut, pemodenan, perubahan zaman, dan kekurangan golongan pakar ritual, seperti *lemambang*. Lebih-lebih lagi, kekurangan golongan pakar ritual akan memberi kesan dari aspek pengurusan dan pelaksanaan ritual *miring* kerana ritual ini memerlukan kepada peranan pakar-pakar ritual untuk mengendalikan ritual tersebut.

Selain itu, peranan golongan pakar ritual sangat penting untuk menggalakkan generasi muda masyarakat Iban untuk mengenali dan mempelajari ilmu mengenai ritual *miring*. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan golongan pakar ritual, seperti *lemambang* sudah meninggal dunia. Peranan mereka bukan sekadar mengetuai sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, malah *lemambang* perlu mewariskan segala ilmu yang dimiliki agar ritual tersebut tidak akan hilang.

Menerusi penyelidikan ini penyelidik telah berjaya menyelami kerangka konsep pemikiran masyarakat Iban tentang ritual *miring* yang berkaitan dengan kepercayaan warisan yang diamalkan oleh mereka. Ritual *miring* yang dilakukan dalam masyarakat Iban adalah untuk menghormati, memuja dan menghargai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Tambahan pula, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban kerana kuasa-kuasa luar biasa boleh mengenakan 'sumpah' sama ada sesuatu kebaikan atau keburukan terhadap manusia. Justeru itu, ritual *miring* dilakukan oleh masyarakat Iban agar kuasa-kuasa luar biasa dapat memberikan keharmonian, kebahagiaan, kekayaan, keberanian, kekebalan dan kebaikan kepada mereka.

Pelaksanaan ritual *miring* sangat penting dalam kehidupan masyarakat Iban kerana masalah yang dialami oleh mereka seperti ditimpa malapetaka, boleh diselesaikan melalui pelaksanaan ritual *miring*. Selagi masyarakat Iban percaya kepada kuasa-kuasa luar biasa selagi itulah mereka masih mengamalkan budaya *miring* ini kerana kehidupan mereka tidak terlepas daripada gangguan kuasa jahat dan malapetaka. Justeru itu, keperluan ritual *miring* amat penting bagi menyelesaikan segala permasalahan yang

wujud dalam kehidupan mereka. Selain itu, pelaksanaan ritual *miring* juga dilakukan berdasarkan kepada keperluan-keperluan yang tertentu. Jika dilihat pada hari ini, pelaksanaan ritual *miring* telah mengalami perubahan dari aspek lokasi, masa, penggunaan bahan-bahan untuk *piring* dan bayaran kepada pakar-pakar ritual. Oleh itu, terdapat cabaran dan halangan dalam mengurus dan melaksanakan sesuatu ritual *miring* pada hari ini kerana kebanyakan golongan pakar ritual telah meninggal dunia, berlakunya perubahan zaman, yang mengakibatkan golongan muda dalam masyarakat Iban kurang berminat untuk menjadi golongan pakar ritual *miring*. Justeru itu, pelaksanaan ritual *miring* perlu dipelihara agar terus berkembang sebagai identiti budaya dan masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban, pelaksanaan ritual *miring* adalah berbeza mengikut lokasi di sesuatu kawasan. Walaupun pelaksanaan ritual *miring* dalam budaya masyarakat Iban mengalami perubahan dan berbeza mengikut lokasi di Sarawak, tetapi ritual tersebut masih mempunyai keperluan penting di dalam budaya masyarakat Iban hingga ke hari ini.

Perbezaan Peraturan Penyediaan Bahan-Bahan *Piring* dalam Ritual *Miring*

Menurut Long Anak Mang, terdapat beberapa perbezaan dari aspek peraturan penyediaan *piring* oleh masyarakat Iban di beberapa lokasi di Sarawak. Misalnya, di lokasi Saratok (Saribas), *piring* akan diletakkan di atas *tabak*. Manakala di Lubok Antu, sirih dalam *piring* yang digunakan untuk ritual *miring* tidak boleh dikoyakkan kerana dikhuatiri hati babi yang digunakan untuk menilik nasib akan menunjukkan petanda yang kurang baik.

Manakala menurut Walter Wong Anak Tedong pula, di kawasan Baleh, penggunaan telur dalam *piring* tidak boleh dibelah. Oleh itu, berlainan kawasan akan mempengaruhi cara penyediaan *piring* dan ritual *miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Walaupun terdapat perbezaan dan perubahan dalam ritual *miring* dan penyediaan *piring*, tetapi memiliki tujuan yang sama.

Menurut *lemambang* Unsa Meringai, penggunaan bahan-bahan untuk ritual *miring* adalah bermula dengan pinang yang telah dibelah. Kuantiti pula adalah mengikut patah *piring*. Sekiranya patah *piring lima*, maka lima biji pinang yang telah dibelah akan digunakan. Seterusnya pula adalah penggunaan sirih. Bagi sesetengah tempat, seperti Batang Ai dan Batang Rajang, sirih yang digunakan untuk ritual *miring* tidak boleh dibelah. Ada sesetengah tempat pula mengatakan bahawa sirih itu boleh dibelah. Mengikut mimpi yang dialami oleh orang-orang dahulu, tempat-tempat seperti Miri boleh membelah sirih kerana kawasan tersebut dipegang oleh *Bungai Nuing*. Sebaliknya, tempat-tempat, seperti Batang Ai dan Batang Rajang tidak boleh membelah sirih kerana kawasan tersebut dipegang oleh *Keling*, melainkan ritual *miring* yang dijalankan adalah untuk menguruskan burung, barulah sirih itu boleh dibelah.

Antara sebab utama untuk membelah sirih semasa ritual *miring* dalam menguruskan burung adalah kerana dipercayai sekiranya *Pulang Gana* melihat perkara tersebut, maka *petara* tersebut akan memberi belas kasihan kepada manusia dengan menganggap bahawa manusia tidak mempunyai banyak harta sehinggakan sirih dan buah pinang itu dibelah. Dengan beranggapan seperti itu, *Pulang Gana* akan menolong untuk menambahkan rezeki dan memberi serta kekayaan kepada manusia.

Bahan yang seterusnya pula adalah *kelait* atau *sedi*. Diikuti dengan daun *ruko*, *semakau*, garam, nasi, dan *pulut*. Selepas *pulut*, *tumpi* akan diletakkan sekeliling *piring*, tetapi tidak boleh diletakkan terlalu rapat kerana takut tidak ada jalan untuk melarikan diri sekiranya pergi *mengayau* kerana *tumpi* dipercayai adalah jambatan. Selepas *tumpi*, diikuti pula dengan ketupat dan seterusnya adalah *sungki*. *Sungki* pula haruslah direntangkan kerana khuatir rezeki yang kita peroleh akan hilang. Setelah itu, barulah diletakkan *rendai* dan telur. Kemudian, di atas *piring* pula akan diletakkan mangkuk kecil dan diisikan dengan sedikit *ai tuak*. Bahan-bahan yang digunakan dalam *piring* tersebut akan *dibiau* dengan ayam. Melalui *piring* yang disediakan, maka kuasa-kuasa luar biasa akan datang untuk menolong, menjaga, dan melindungi masyarakat Iban.

Pantang-Larang dalam Mengurus dan Melaksanakan Ritual *Miring*

Menurut Uma Anak Kujat mengenai peraturan pelaksanaan ritual *miring*, terdapat tempoh yang tertentu bagi aktiviti muat *piring*. Kegiatan *muat piring* merupakan aktiviti membersihkan atau mengambil *piring* dari tempat asalnya selepas jangka masa tiga hari tiga malam.

Manakala, bagi Buban Anak Ngangin pula, bagi golongan wanita yang terlibat dalam ritual *nyugu bulu jani*, maka mereka layak untuk memegang *piring*. Manakala, golongan lelaki pula akan melakukan tugas untuk menjalankan penyembelihan babi dengan menggunakan sejenis peralatan tajam yang dikenali sebagai *sangkoh*. Wanita Iban yang pernah melakukan kesalahan tidak dibenarkan untuk menyentuh *piring* kerana dikhuatiri akan membawa nasib malang terhadap dirinya. Dari aspek penglibatan dalam ritual *miring* pula iaitu hanya golongan yang terlibat atau sebagai audiens tidak dibenarkan untuk memakai pakaian yang mempunyai warna hitam kerana dikhuatiri akan menyebabkan seseorang itu pengsan secara tiba-tiba. Semasa berlangsungnya ritual *miring*, maka aktiviti harian masyarakat Iban yang dilakukan di sekitar rumah panjang atau rumah biasa seperti menganyam tikar dan menenun *pua kumbu* tidak boleh dilakukan semasa berlangsungnya ritual tersebut kerana ia bertujuan untuk menghormati kedatangan kuasa-kuasa luar biasa yang datang ke rumah mereka. Manakala, bagi golongan wanita Iban yang terlibat bagi menyediakan *piring* dalam ritual *miring*, mereka tidak dibenarkan memakai pakaian warna hitam kerana dikhuatiri akan pengsan. Ini kerana *Orang Panggau Libau* tidak suka melihat wanita Iban berpakaian hitam semasa ritual *miring*. Kaum wanita Iban digalakkan agar memakai kain *kebat* iaitu kain yang ditunen seperti *pua kumbu*.

Berdasarkan kepada kepakaran ritual yang dimiliki oleh Unsa Anak Meringai, terdapat pantang-larang utama yang haruslah dihindarkan sekiranya ingin melakukan ritual *miring*, iaitu tidak dibenarkan bergaduh atau bertengkar dalam kalangan ahli keluarga. Maka, ritual tersebut sebaiknya dibatalkan sekiranya berlaku pergaduhan kerana ritual itu tidak akan mujarab dan hanya sia-sia. Semasa *lemambang* hendak melagukan

bebiau dalam ritual *miring*, semua orang perlu mengawal anak-anak mereka agar tidak membuat bising dan menimbulkan masalah yang lain. Ini kerana ia bertujuan untuk menghormati kuasa-kuasa luar biasa yang akan turun ke rumah orang yang melakukan ritual *miring*. Tambahan pula, semasa berlangsungnya ritual *miring*, maka mereka yang berada berdekatan dengan lokasi ritual tersebut perlu menjaga adab dan percakapan. Misalnya, tidak dibenarkan lalu-lalang atau melalui kawasan yang diadakan ritual *miring*. Ini kerana ia bertujuan untuk menghormati *Orang Panggau Libau* yang datang ke rumah orang yang mengadakan ritual *miring*. Manakala, bagi ritual *miring* yang diadakan dalam *gawai Sandau Ari*, orang yang berdekatan dengan lokasi ritual tersebut tidak dibenarkan untuk berselisih jalan dengan wanita-wanita Iban yang menghantar *piring*. Ini kerana perbuatan tersebut sebagai biadap dan tidak menghormati *Orang Panggau Libau*.

Berdasarkan kepada pantang-larang bagi sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, terdapat beberapa perkara yang perlu dipatuhi oleh golongan yang terlibat dalam ritual tersebut. Misalnya, dalam melaksanakan ritual *miring*, perselisihan faham terhadap pendapat semasa menyediakan bahan-bahan untuk *piring* adalah dilarang. Manakala, bagi kaum wanita yang menghantar bahan-bahan untuk ritual *miring*, maka laluan mereka tidak dibenarkan dilalui oleh orang lain. Oleh itu, jika berlaku pelanggaran dalam pantang-larang dalam pelaksanaan ritual *miring*, maka ia akan membawa kepada malapeta.

Bab 7

Budaya Material Dan Spiritual Dalam Ritual *Miring* Masyarakat Iban

Ritual *miring* merupakan salah satu adat dan budaya yang cukup sinonim dengan masyarakat Iban. *Miring* ialah salah satu upacara persembahan pemujaan dengan mempersembahkan makanan dan berdoa kepada tuhan atau *petara* bagi memberkati dan mengabulkan segala hasrat dan permintaan, perlindungan serta mengelakkan diri daripada mendapat sesuatu ancaman, dan malapetaka. Semasa upacara menyambut kedatangan para dewa, masyarakat Iban akan mengadakan upacara *miring* iaitu persembahan makanan untuk *petara*. Upacara ini diadakan dengan menyediakan sajian persembahan yang berbentuk makanan. Senarai penuh sajian persembahan adalah terdiri daripada *asi* (cooked rice), *pulut* (glutinous rice), *Letup* (popped rice), *ketupat* (packets of cooked glutinous rice), *garam* (salt), *semakau* (tobacco), *kapu* (lime), *buah pinang* (arena nuts), *daun ruku* (cigarette wrapper), *telu* (eggs), *tuak* (rice wine), *sirih* (gambier leaves), *sagun* dan *penganan*.

Perkataan *miring* adalah bermaksud memberkati penduduk, melindungi, membawa kebahagiaan, kedamaian, dan keharmonian dalam masyarakat. Bagi masyarakat Iban, *miring* diadakan sebelum sesuatu aktiviti penting berlangsung atau sesudah malapetaka dan kejadian yang tidak diingini

berlaku. Pada zaman dahulu upacara *miring* diadakan sebelum ekspedisi *ngayau* dilakukan untuk memburu kepala musuh atau menerokai kawasan baharu serta ketika penduduk berpindah ke rumah panjang baharu. Selain itu, upacara *miring* turut dilaksanakan apabila ada ahli keluarga yang ingin memulakan ekspedisi *bejalai* iaitu mengembara kerana ingin mencari harta dan pekerjaan untuk meneruskan kehidupan.

Piring yang disediakan semasa upacara *miring* terbahagi kepada beberapa tahap, iaitu *Piring Turun Tiga*, *Piring Turun Lima*, *Piring Turun Tujuh*, *Piring Turun Lapan* dan *Piring Turun Sembilan*. *Piring Turun Tiga* biasanya dianggap sebagai *piring* biasa samaada untuk mereka yang mengalami mimpi buruk atau hendak menanam padi huma. *Piring Lima* pula adalah *piring* yang disediakan jika masyarakat Iban hendak mendirikan rumah panjang baharu. Manakala *Piring Tujuh* pula disediakan sebelum seseorang pergi *bejalai* (mengembara) dan *Piring Sembilan* pula adalah untuk pergi berperang (*ngayau*).

Menurut bekas Timbalan Menteri Pertanian (1976-1981), Dato Sri Edmund Langgu, yang merupakan seorang penyelidik budaya dan tradisi Iban, upacara *miring* mempunyai keunikan tersendiri dan berbeza mengikut daerah. Upacara *miring* biasanya dilakukan untuk menghormati *petara* (tuhan-tuhan), roh dan nenek moyang. Upacara *miring* juga boleh dilakukan untuk menyampaikan hajat atau untuk mendapatkan sesuatu kejayaan dan kesempurnaan pada masa hadapan sama ada dalam pekerjaan, pendidikan dan perniagaan. Pada zaman dahulu, apabila manusia gagal untuk menyelesaikan sesuatu masalah, mereka akan melaksanakan upacara *miring* untuk "menyucikan atau membersihkan" keadaan (to neutralize) dan mengelakkan berlakunya malapetaka ke atas penduduk rumah panjang.

Berdasarkan kosmologi kaum Iban, manusia berkait rapat dengan semua benda hidup di muka bumi dan mempunyai hubungan dengan antu serta semangat alam. Bagi menjaga hubungan yang harmoni di antara manusia dan semangat alam, masyarakat Iban akan melakukan penyembahan terhadap *petara*, roh nenek moyang, semangat alam dan kuasa luar biasa yang lain. Ada beberapa alasan ritual *miring* perlu

diadakan. Pertama, ritual *miring* akan dilaksanakan apabila mereka menerima arahan daripada *petara* atau kuasa luar biasa yang lain termasuk roh nenek moyang melalui mimpi. Selain melalui mimpi, *petara* dan kuasa luar biasa lain akan menyampaikan amaran melalui petanda-petanda tertentu. Petanda-petanda tersebut merangkumi petanda dari burung-burung, haiwan, serangga dan tumbuh-tumbuhan yang aneh.

Tujuan kedua ritual *miring* diadakan adalah apabila manusia mendapat azimat (*pengaroh*) daripada antu atau kuasa luar biasa. Pelaksanaan sesebuah ritual *miring* dilakukan bertujuan untuk memberi penghormatan kepada *petara*, semangat suci yang terdiri daripada *Orang Panggau* dan *Bunsu Antu* serta roh nenek moyang masyarakat Iban. Roh moyang yang dimaksudkan ialah *petara Aki* dan *petara Ini*. Kaum Iban percaya bahawa roh-roh ahli keluarga yang telah meninggal dunia dapat menolong manusia. Roh-roh tersebut perlu disembah menggunakan *piring* untuk merayu agar mereka menolong manusia di samping bertujuan untuk mengelakkan mereka marah kepada manusia dan seterusnya mengakibatkan malapetaka menimpa manusia.

Selain itu masyarakat Iban juga akan menyampaikan hajat dengan melakukan ritual *miring* semasa ritual *gawai*. Ritual *miring* wajib dilakukan semasa pelaksanaan *gawai* agar hajat yang dipohon daripada *petara* serta kuasa luar biasa dimakbulkan. Hajat seseorang individu hanya dapat disampaikan kepada *petara* melalui ritual *miring*. Hal ini dikatakan demikian kerana *petara* hanya akan datang dan mendengar permintaan manusia jika *piring* disediakan. *Piring* yang disediakan untuk menyampaikan hajat biasanya *Piring Turun Tiga*.

Adat *miring* juga diamalkan oleh masyarakat Iban untuk memohon rezeki, rahmat, kesihatan yang baik, umur panjang, kebahagiaan, keamanan dan keharmonian dalam kehidupan daripada *Petara*. Sekiranya permintaan mereka dimakbulkan oleh *Petara*, ritual *miring* akan dilakukan sekali lagi sebagai tanda terima kasih atas rahmat dan pertolongan yang diberikan ketika mereka menghadapi kesukaran dalam hidup. *Petara* dipercayai akan menganugerahkan kekayaan dan kejayaan yang berganda jika pertolongan mereka sentiasa dihargai oleh manusia. Pelaksanaan ritual

miring ini dilakukan bertujuan untuk memperoleh kejayaan dalam bidang perniagaan, mencari pekerjaan ataupun sebelum merantau ke tempat lain (*bejalai*). Dengan berbuat demikian masyarakat Iban turut berharap agar *petara* melindungi mereka dari bahaya semasa mereka dalam ekspedisi *bejalai*.

Selain tujuan yang diuraikan di atas, ritual *miring* juga diadakan bertujuan untuk memohon kemaafan daripada tuhan, dewa dewi, *antu*, semangat alam serta roh nenek moyang yang telah meninggal dunia (*petara Aki* dan *petara Ini*). Pelaksanaan ritual *miring* juga dilakukan kadangkala untuk mencari kemaafan dan perlindungan daripada *petara* sekiranya pernah melakukan kesalahan yang menyebabkan *petara* marah. Dalam hal ini, masyarakat Iban akan menyediakan *piring ampun* semasa ritual *miring*. *Piring ampun* dipersembahkan kepada *petara* dengan harapan *petara* akan memaafkan manusia dan menghentikan segala malapetaka yang berlaku dalam dunia manusia. *Piring ampun* disediakan apabila masyarakat Iban telah merosakkan alam semulajadi seperti penebangan hutan rimba, pembinaan jalan raya dan juga pembinaan empangan kerana perbuatan tersebut dipercayai akan menimbulkan kemarahan roh-roh alam. Roh-roh alam akan mencipta bencana alam atau dikenali sebagai *kudi* bagi membalas dendam terhadap perbuatan manusia yang merosakkan alam mereka. Istilah *kudi* merujuk kepada bencana alam seperti banjir, hujan ribut, tanah runtuh, dan kemusnahan tumbuh-tumbuhan serta haiwan ternakan. Secara keseluruhan, ritual *miring* diadakan apabila terdapat beberapa fenomena atau kejadian yang memerlukan pelaksanaan ritual *miring*.

Piring terdiri daripada nasi pulut putih, nasi pulut hitam, nasi putih, *penganan iri*, *tembakau*, telur rebus, sirih, pinang, kapur sirih, garam, minyak masak, *sagun*, *Letup* (bertih padi), surat khabar yang disapu minyak masak, air *tuak* dan *daun ruku apung* (rokok apung). Bahan-bahan tersebut perlu disiram dengan air *tuak* (*ai tuak*). Dalam ritual *miring* air *tuak* dijadikan minuman untuk *Orang Panggau Libau*, roh-roh nenek moyang dan dewa-dewa semasa mereka datang ke rumah ketika upacara *miring* dilakukan. Semasa upacara *miring*, individu yang menyediakan *piring* akan menuangkan sedikit air *tuak* pada *piring* yang telah disediakan untuk disembahkan kepada *petara*. Seterusnya *lemambang* akan melafazkan

mantera dan doa (*bebiau*) untuk memanggil dewa-dewa, *Orang Panggau Libau* dan sebagainya agar datang ke upacara itu.

Seekor ayam jantan digunakan untuk *miau piring* dan seterusnya akan disembelih selepas upacara *miau piring*. Sehelai bulu ayam dicabut dan disapukan dengan darah ayam lalu diletakkan di atas *piring*. Bagi masyarakat Iban, mereka mempercayai bahawa ayam ialah pendinding bagi roh manusia. Ayam juga digunakan dalam upacara *bebiau* kerana dipercayai dapat terbang ke pelbagai tempat untuk memanggil *petara* yang tinggal di pelbagai tempat untuk menghadirkan diri pada upacara *miring*.

Letup

Bertih padi yang dikenali sebagai *Letup* atau *rendai* oleh masyarakat Iban di Sarawak digunakan untuk memanggil *petara* mereka. Pada zaman dahulu, dalam budaya dan masyarakat Iban, masyarakat Iban perlu memiliki atau menyimpan *Letup* atau *rendai* di dalam rumah mereka. *Letup* atau *rendai* ialah bangkit bilik atau bahan wangian dalam rumah Iban. Dengan adanya *Letup* atau *rendai* yang disimpan dalam rumah masyarakat Iban, bahan ini seolah-olah menjadi daya tarikan atau wangian untuk menjadi bahan penarik terhadap kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara* atau dewa-dewi datang menjaga dan memelihara keharmonian dan kesejahteraan kehidupan masyarakat Iban, (Noria Tugang, 2011). *Letup* ditaburkan di ruang ritual terlebih dahulu sebelum memulakan ritual *miring* dimulakan bertujuan untuk memanggil *petara*, dewadewi dan roh nenek moyang untuk datang ke upacara tersebut. *Petara* akan mengetahui tentang ritual *miring* apabila mendengar bunyi *Letupan* biji padi yang digoreng oleh wanita Iban. Ketika itu *petara* akan menyedari bahawa manusia sedang menyediakan persembahan makanan untuk mereka. Maka mereka akan datang semasa ritual *miring* dan membawa segala azimat (*pengaroh*) untuk manusia yang memerlukan pertolongan mereka. Manakala semasa ritual *miring* berlangsung, *Letup* turut diletakkan di atas pinggan bersama dengan makanan yang lain.

Sirih, Pinang, *Kapu*, Daun Ruku, Tembakau, *Sagun*, Telur dan Ketupat

Pedara atau *bedara* ialah perlakuan mempersembahkan sekurang-kurangnya satu *piring*, bersama *sampi* (doa) dan *dibiau* dengan seekor ayam. Ayam tersebut disembelih sebagai *sengkelan* (korban/*sacrifice*) kepada dewa (deity). Oleh itu, *bedara* adalah sama dengan *miring*. Walau kecil (paling minimum) sekalipun *piring* itu, deiti berasa dihormati dan dipuja dengan persembahan itu.



Gambar 7.1 Sirih, pinang, *engekelait*, tembakau dan kapur (Sumber: Kajian Kerja Lapangan Penulis, 3 Oktober 2015).

Sirih, pinang, *kapu*, daun ruku, tembakau (*semakau*) dan ketupat merupakan bahan-bahan utama untuk melaksanakan ritual *miring*. Susunan penyediaan bahan *piring* adalah mengikut turutan sajian persembahan yang dihidangkan kaum Iban khas untuk tetamu yang datang ke rumah mereka. Tetamu diberikan pinang dan sirih terlebih dahulu sebelum dihidangkan dengan nasi dan makanan lain. Begitu juga dalam ritual *miring*, pinang dan sirih diletakkan di atas pinggan terlebih dahulu dan diikuti oleh bahan-bahan lain. Sirih disapukan dengan kapur (*kapu*) terlebih dahulu semasa ritual *miring* dimulakan. Sirih yang digunakan dalam ritual *miring* perlu dikoyakkan kepada beberapa bahagian dan diletakkan disetiap pinggan.



Gambar 7.2 Susun atur bahan-bahan *piring* yang disediakan untuk ritual *miring* (Sumber: Kajian Kerja Lapangan Penulis: 3 Oktober 2015).

Setiap bahan *piring* dipercayai mempunyai makna tersendiri. Rokok apung disediakan khas untuk *petara lelaki* (dewa), manakala pinang dan sirih juga untuk *petara* perempuan (dewi). Oleh itu, rokok apung akan diletakkan di dalam pinggan selepas pinang dan sirih. Ketupat atau dikenali sebagai senupat di Kapit dihasilkan dengan menganyam daun kelapa atau daun nipah dalam saiz yang kecil. Ketupat diisi dengan beras pulut dan kemudian dimasak dengan memasukkan ketupat ke dalam periuk yang berisi air.

Seterusnya sejenis makanan dikenali sebagai *sagun* juga diletakkan di setiap pinggan sebagai salah satu bahan-bahan *piring*. *Sagun* berasal daripada tepung beras yang digoreng di dalam kualiti tanpa minyak. Telur ayam pula direbus terlebih dahulu sebelum upacara *miring*. Jumlah telur yang digunakan dalam ritual *miring* di Daerah Saratok tidak ditetapkan. Biasanya, sebiji telur akan dihiris untuk dibahagikan dalam setiap set *piring* kerana pada zaman dahulu, telur ayam sukar diperolehi dalam kuantiti

yang banyak, maka sebab itulah sebiji telur perlu dihiris bertujuan untuk menjimatkan bahan yang sukar diperolehi ini. Manakala dalam ritual *miring* yang dilaksanakan di Bahagian Kapit, telur ayam yang digunakan adalah berdasarkan kuantiti atau kategori *piring* yang akan dipersembahkan kepada tuhan masyarakat Iban.



Gambar 7.3 *Tumpi batu* yang siap disediakan dalam ritual *miring* (Sumber: Kajian Kerja Lapangan Penyelidik, 3 Oktober 2015).

Ai Tuak

Telaga ialah cawan kecil yang dibuat daripada mangkuk kecil, gelas kecil atau buluh untuk menyimpan *ai tuak* pada *piring*. *Telaga* ini diibaratkan gelas untuk kuasa- kuasa luar biasa minum semasa mereka datang *ngabang* ke ritual *miring* dalam *gawai* yang dilakukan oleh masyarakat Iban, iaitu semasa mereka diseru melalui bacaan mantera oleh *lemambang*.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai peraturan dan aspek yang perlu diperhatikan serta diambil kira dalam penyediaan bahan dan peralatan untuk ritual *miring*. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap ritual *miring* yang diadakan adalah untuk tujuan dan majlis yang berbeza, maka menggunakan bahan-bahan tersendiri, yang juga berbeza mengikut

kawasan. Kuantiti, saiz dan jenis bahan yang diperlukan juga bergantung kepada kategori ritual *miring* yang akan diadakan oleh masyarakat Iban. Manakala, kemahiran dan kecekapan membuat bahan-bahan *piring* pula adalah bergantung kepada wanita yang bertanggungjawab untuk menyediakan bahan-bahan tersebut.

Tuak merupakan sejenis minuman masyarakat peribumi di Sarawak. *Tuak* dihasilkan melalui tapai beras dan menjadi minuman utama dalam upacara ritual dan majlis keramaian yang diadakan oleh masyarakat Iban. Proses pembuatan *tuak* memerlukan ketelitian yang tinggi untuk mendapatkan rasa yang terbaik. Dalam ritual *miring*, kuantiti air *tuak* yang digunakan agak sedikit dan disediakan bersama-sama dengan *piring* sebagai minuman untuk kuasa-kuasa ghaib yang datang pada upacara *miring*. *Tuak* disediakan sebagai tanda penghormatan terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Proses- proses pembuatan *tuak* dimulakan dengan penyediaan *ragi* terlebih dahulu. *Ragi* ialah sejenis yis yang digunakan untuk proses penapaian *tuak*. *Ragi* dihasilkan melalui tepung beras yang telah ditumbuk dan dicampur dengan air perahan lengkuas, halia, gula dan cekur.



Gambar 7.4 Bahan-bahan piring yang terdiri daripada rendai, telur ayam dan air tuak.
Sumber: Kerja Lapangan Penulis, 2015

Air perahan bahan-bahan tersebut perlu dicampurkan dengan tepung beras yang sudah ditumbuk. Proses pertama yang dilakukan untuk membuat air *tuak* adalah dengan merendam beras pulut terlebih dahulu. Beras direndam selama satu malam dan seterusnya akan dimasak pada keesokan pagi. Langkah seterusnya ialah proses mencampurkan *ragi* dan *pulut* di dalam bekas yang hendak digunakan untuk menyimpan *tuak* iaitu *tajau* atau balang besar.

Setelah mencampur *ragi* dan *pulut* dicampur, campuran tersebut hendaklah diperam selama seminggu. Air yang digunakan untuk membuat tuak perlu bersih dan masak. Jumlah air dan gula yang digunakan adalah bergantung pada jumlah *ragi* dan *pulut* yang digunakan. Peraman tersebut akan sengaja dibiarkan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua sehingga tiga minggu. Selepas tempoh tersebut *tuak* boleh diambil daripada bekas dan sedia untuk diminum. Dalam upacara *miring*, tuak perlu dituang dalam kuantiti yang sedikit pada setiap *piring* yang diletakkan di atas pinggan. *Petara*, roh-roh nenek moyang dan antu dipercayai akan meminum jus *piring* tersebut. Setelah menuang sedikit air tuak ke atas *piring*, *tuak* diminum oleh individu yang menyertai ritual *miring* tersebut.

Hasil daripada penyelidikan ini, penyelidik turut mendapati bahan-bahan yang digunakan dalam pelaksanaan ritual *miring* dalam kalangan masyarakat Iban adalah berbeza mengikut kawasan. Setiap kawasan di seluruh negeri Sarawak mempunyai perbezaan dari segi aturan, bahan dan juga kuantiti yang digunakan dalam upacara *miring*. Misalnya di Daerah Saratok, Betong, Sarawak, sebiji telur ayam boleh digunakan untuk beberapa set *piring*. Manakala di Bahagian Kapit pula, sebiji telur ayam digunakan untuk satu set *piring*. Telur tersebut biasanya akan diletakkan di atas bertih padi (*Letup*) yang diletakkan dalam sebiji mangkuk. Kebanyakan peralatan dan bahan-bahan untuk ritual *miring* agak berbeza dari segi istilah, kuantiti dan penyediaan. Perbezaan yang wujud mungkin mengikut sesebuah daerah dan ajaran daripada pakar ritual. Hal ini bergantung kepada persekitaran budaya dan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Iban di sesebuah kawasan seperti Sri Aman, Betong, Sibuan dan Kapit.

Walaupun wujudnya beberapa perbezaan dalam pelaksanaan ritual *miring* mengikut lokasi, namun masyarakat Iban percaya bahawa persembahan yang dilakukan mempunyai tujuan yang sama. Ia dilaksanakan agar Tuhan akan memberkati hidup mereka. Bukan itu sahaja, masyarakat Iban juga berpendapat bahawa ritual *miring* bukan semata-mata persembahan yang disediakan untuk para dewa tetapi juga khas untuk menguatkan semangat seseorang individu. Sebagai contoh persediaan sebelum mengembara (*bejalai*), *piring* untuk keberkatan diri (*ngintu diri*) dan juga untuk pengampunan (*piring ngampun*) jika seseorang telah ditimpa malapetaka selepas melanggar pantang larang atau melakukan kesalahan.



Gambar 7.5 Telaga yang diumpamakan sebagai gelas untuk minuman kuasa-kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual *miring* *Gawai Kelinggang Nimang Pengaroh* (Sumber: Kajian Kerja Lapangan Penulis, 28 Ogos 2015).

Leman Piring

Leman merupakan salah satu set tepung yang diadun mengikut rekabentuk haiwan dan peralatan harian seseorang manusia. *Leman* banyak digunakan oleh masyarakat Iban di sekitar Undop, Balau dan Batang Ai. *Leman* ini

selalunya dibuat oleh seorang perempuan yang mahir dalam bertenun dan menganyam.



Gambar 7.6 Pakar ritual sedang membuat bahan piring daripada tepung beras.
Sumber: Kerja Lapangan Penulis, 2015

Menurut Lanting Anak Igai, *leman* selalunya digunakan dalam ritual *gawai*, seperti *Gawai Kelingkang* dan *gawai Sandau Ari*. Untuk menghasilkan *leman*, ia memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi kerana *leman* perlu dihasilkan dengan banyak dan mengikut kepada ritual *miring* dalam *gawai* yang dijalankan. *Leman* akan berbeza antara lelaki dan wanita. *Leman* ini akan menyerupai alam semesta, tumbuhan, haiwan dan peralatan harian serta senjata yang dihasilkan menggunakan campuran adunan tepung beras dan tepung pulut merah. Beliau juga menyatakan bahawa wanita yang menjadi ketua bagi menyediakan bahan dalam ritual *miring* haruslah mahir dalam segala aspek yang dikenali dengan nama *Indu Unus Tepus Nyuntai*, *Indu Ginti Kepala Pandai*. Wanita tersebut akan menjadi ketua dalam menghasilkan peralatan *piring* semasa *hari nengkira* penuh dan mengetahui acara menyusun alatan *piring* untuk ritual *miring* yang akan dijalankan.

Seorang pembantu akan membantu wanita tersebut dalam menghasilkan peralatan bagi ritual *miring* dan diikuti wanita yang lain. Golongan wanita yang ingin menyediakan bahan-bahan dan peralatan *piring* bagi ritual *miring* perlu memenuhi syarat yang tertentu, seperti wanita tersebut haruslah bersih dan tidak boleh dari golongan bawahan seperti keturunan hamba, melahirkan anak luar nikah, wanita yang mulut celupar dan wanita yang pernah ditangkap serta dihukum berzina.



Gambar 7.7 Gambar *leman piring* yang sudah siap untuk digunakan dalam ritual *miring*. Sumber: Kerja Lapangan Penulis, 2015.

Gendang Rayah

Gendang rayah merupakan bunyi paluan gong yang diajar oleh *Orang Panggau Libau* suatu ketika dahulu. *Gendang rayah* biasanya hanya dimainkan ketika upacara *gawai* diadakan. Ia bertujuan untuk memanggil *petara*, dewa, dewi dan juga hantu untuk datang semasa upacara *gawai* diadakan. '*Gendang rayah*' juga dimainkan oleh manusia apabila mereka menyediakan makanan untuk tuhan mereka dan ketika upacara *miring* dilakukan.

Dalam upacara *Gawai Burong*, *gendang rayah* dimainkan sebanyak tiga kali pada waktu petang. Manakala pada pagi keesokannya pagi pula, *gendang rayah* dimainkan dan diulang sebanyak lima kali. Jika pada waktu petang *gendang rayah* dimainkan sebanyak lima kali, pada sebelah petang pula mereka boleh memukul *gendang rayah* sebanyak tiga kali ulangan. Biasanya *gendang rayah* dimainkan oleh beberapa orang lelaki yang terdiri daripada penduduk rumah panjang itu sendiri atau individu yang mahir bermain alat muzik tradisional tersebut. *Orang Panggau Libau* berjanji akan datang menolong manusia biasa apabila mereka mendengar bunyi gendang tersebut. *Gendang rayah* hanya dimainkan jika terdapat *piring* disediakan untuk *petara* dan ketika upacara *Gawai Burong* berlangsung. Selain daripada *gendang rayah*, masyarakat Iban juga memainkan *gendang pampat* semasa ritual ke *tanju* dilakukan pada majlis *Gawai Burong*.

Selain daripada *gendang rayah*, *Orang Panggau* juga meminta manusia memukul *puting beliung* (bahagian hujung *beliung*) terlebih dahulu untuk memanggil *petara* dan dewa dewi masyarakat Iban jika mereka memerlukan pertolongan. *Beliung* ialah sejenis alat pertukangan kayu yang digunakan untuk membentuk, menarah dan melicinkan kayu potong kasar dalam pertukangan kayu menggunakan tangan. Setelah mendengar bunyi *beliung* tersebut, *petara* dipercayai akan datang untuk menolong manusia. Walau bagaimanapun, mereka tidak boleh dilihat oleh manusia biasa dengan mata kasar. Perbuatan memukul *puting beliung* pada ritual *Gawai Burong* dipercayai hasil perjanjian diantara manusia dengan antu pada suatu ketika dahulu.

Bunyi yang terhasil apabila *puting beliung* tersebut dipukul dipercayai dapat didengari oleh hantu gergasi (*antu gerasi*) dan *Tok Tuie* yang berada di *Tisau Langit Bejembur* (tepi langit) yang dijemput untuk ‘menyembuhkan’ individu yang sakit. Bunyi pukulan tersebut dipercayai lebih jelas daripada bunyi paluan gong. *Puting beliung/beliung* tidak boleh dipukul sebarang jika manusia tidak menyediakan *piring* atau *ading*; (*enti enda chukup ading enda chukup piring, iya tau makai urang*).

Sekiranya manusia tidak menyediakan persembahan *piring*, *antu gerasi* akan ‘memakan manusia’ dan akan berlaku kematian dalam

kalangan penduduk rumah panjang ataupun individu yang sakit. Ketika memukul *puting beliung* tersebut, pakar ritual pada masa yang sama melafazkan doa (*sampi*) agar hantu menyembuhkan penyakit ahli keluarga yang menganjurkan ritual *gawai* tersebut.

Pakar budaya Iban, Dato Edmund Langgu turut menceritakan kejadian yang berlaku pada masyarakat Iban di Pontianak, Indonesia. Kejadian tersebut berlaku ketika mereka dalam ekspedisi mencari tapak perpisahan antara manusia dengan *Orang Panggau Libau*. Pada masa tersebut, mereka membawa *piring* dan menyembelih seekor babi sebagai korban. Semasa mereka memainkan *gendang rayah*, kedengaran pula bunyi *gendang rayah* yang membalas gendang mereka. Mereka percaya bahawa orang yang membalas gendang tersebut adalah *Orang Panggau Libau*. Namun demikian, bunyi gendang tersebut tidak jelas. Sejak kejadian tersebut, masyarakat Iban di kawasan berdekatan akan mengadakan ritual *miring* serta memainkan *gendang rayah* setiap kali terdapat rombongan pelawat yang ingin menziarahi kawasan bersejarah tersebut.

Tungkat Lemambang

Tongkat yang sering dibawa oleh *lemambang* semasa ritual *nimang* atau *mengap* dikenali sebagai tongkat *lemambang*. Ia diperbuat daripada buluh yang kecil dan kemudiannya diukir mengikut tahap kemahiran pengukir itu sendiri. Bahagian atas tongkat pula dihiasi dengan bulu-bulu ayam. Sebiji loceng pula dilekatkan di celah-celah bulu ayam bertujuan untuk mengindahkan lagi bunyi syair dan mantera yang dinyanyikan oleh *lemambang*. Bunyi hentakan tongkat dan loceng tersebut menjadikan rentak syair itu indah dan serasi. Bunyi hentakan tongkat dan syair bagaikan tarian dan gendang. Tanpa gendang, sesebuah tarian tidak dapat dipersembahkan dengan baik. Pada masa yang sama, tongkat *lemambang* juga berperanan penting semasa ritual *Gawai Umai* kerana dipercayai dapat berfungsi untuk menghalau haiwan-haiwan perosak seperti tikus, kera dan burung pipit yang selalu merosakkan tanaman padi kaum Iban.

Seseorang lelaki yang ingin menjadi *lemambang* perlu mempelajari *pengap*, *renong*, *Timang Jalong* dan *Pelian*. Semasa sesi mempelajari dan menghafal puisi-puisi tradisional tersebut, bakal *lemambang* perlu menggunakan *Tungkat Lemambang*. Setiap puisi-puisi yang dilafazkan ada menyebut nama-nama dewa, dewi dan hantu. Oleh hal demikian, bakal *lemambang* perlu menyediakan *piring* terlebih dahulu sebelum melafazkan dan mempelajari cara *Nimang*, *Mengap* dan *Berenong*. Masyarakat Iban percaya bahawa dewa dan hantu akan datang jika manusia menyebut nama mereka. Sekiranya tidak dijamu dengan *piring*, hantu atau dewa tersebut akan marah dan individu yang menyebut nama mereka akan ditimpa perkara buruk.

Tembikar Sebagai Alat *Kurung Semangat*

Kurung semangat biasanya dalam bentuk objek iaitu tembikar kecil yang dikenali sebagai *kebuk*. *Kebuk* digunakan untuk menggantikan nilai wang pada masa dahulu dalam kalangan masyarakat Iban.

Walau bagaimanapun, jika individu tersebut mempunyai wang, *kurung semangat* akan diberikan dalam bentuk wang. Manakala, individu yang tidak mempunyai wang akan menghadihkan pinggan, *kebuk*, parang dan seekor ayam untuk dijadikan *kurung semangat*. Bagi *lemambang* atau dukun, *kurung semangat* dianggap sebagai 'baju' mereka agar semangat mereka tidak dapat dilihat oleh hantu atau kuasa-kuasa jahat.

Kurung semangat biasanya diberikan kepada *lemambang* atau *manang* yang terlibat dalam ritual menyembuhkan individu yang sakit. *Kurung semangat* bertujuan untuk 'mengurung semangat' pakar ritual yang terlibat dalam ritual *nimang*, *mengap*, *berenong ka urang sakit* dan *belian* supaya 'semangat' mereka kuat untuk melawan kuasa jahat yang menyebabkan seseorang jatuh sakit. Dalam ritual *belian* biasanya, *kurung semangat* yang berupa tembikar (*kebuk*) diletakkan berdekatan dengan *piring* semasa ritual *miring* diadakan untuk memberkati tembikar tersebut agar segala kuasa jahat yang ada dalam *kebuk* tersebut tidak mengganggu individu yang menyimpannya kerana tembikar tersebut akan menjadi

milik *lemambang* atau *manang* yang terlibat dalam ritual penyembuhan tersebut.

Penggunaan Patung Burung Kenyalang dalam Ritual *Gawai Burong*

Patung kenyalang memainkan peranan penting dalam ritual *Gawai Burong* yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban. Peranan patung kenyalang dapat dilihat menerusi penggunaannya sepanjang pelaksanaan *Gawai Burong*. Mengikut kepercayaan kaum Iban, patung kenyalang diyakini dapat berhubung dengan kuasa luar biasa. Oleh itu setiap motif ukiran patung mestilah cantik dan indah kerana akan menjadi alat komunikasi di antara manusia dan *petara*. Setiap motif ukiran yang terdapat pada patung kenyalang mempunyai makna dan erti tersendiri. Biasanya, patung kenyalang mengandungi ukiran manusia, haiwan atau tumbuhan. Hujung paruh burung kenyalang diukir dengan ukiran ikan yang dianggap makanan kepada kenyalang tersebut. Jika paruh burung kenyalang tidak diukir dengan sebarang ukiran bermotifkan binatang, maka akan mendatangkan sesuatu yang buruk kepada pengukir dan pemilik patung tersebut. Bagi masyarakat Iban, paruh burung kenyalang yang dibiarkan kosong akan menyebabkan patung ini mengambil nyawa manusia sebagai ganti. Hal ini bermakna kematian akan berlaku dalam keluarga yang menyimpan patung tersebut.

Ukiran manusia yang ada pada burung kenyalang akan melambangkan orang lelaki dan perempuan. Paruh burung kenyalang akan diukir menggunakan motif tumbuhan iaitu *buah kemayau* yang menjadi makanan kenyalang. Pembuatan patung kenyalang memerlukan kesabaran, kepakaran dan disiplin yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembuatan patung kenyalang melibatkan banyak pantang larang sepanjang tempoh penghasilannya. Pengukir akan menanggung risiko jika tidak dapat mematuhi pantang larang tersebut. Penggunaan patung burung kenyalang dalam ritual *gawai* juga ialah merupakan sebahagian daripada cara untuk mengalu-alukan kedatangan *petara*, dewa dewi dan roh nenek moyang kaum Iban. *Lemambang* akan menjemput dewa dan dewi tersebut ketika mereka melagukan *timang kenyali*.

Dalam penyediaan *piring* untuk ritual *Gawai Burong* pada tahap pertama, pihak penganjur *gawai* perlu menyediakan *Piring Turun Lima* untuk ritual *miring* pada waktu petang. Ritual *miring* pada waktu petang biasanya dilakukan di bahagian *tanju* rumah panjang. Manakala pada keesokan hari, mereka harus menyediakan *Piring Turun Tujuh*. Semasa ritual *gawai* tahap kedua pula, *Piring Turun Sembilan* disediakan untuk upacara *miring* pada waktu malam. *Piring Turun Tiga Belas* pula disediakan ketika ritual *miring* yang diadakan di *tanju* rumah panjang pada sebelah pagi. *Gawai Burong* selalunya diadakan di Saribas dan dalam ritual ini, *lemambang* (*liturgical bards*) dijemput untuk melafazkan zikir *imang jalung*. *Piring* yang sesuai dicadangkan oleh ketua *lemambang* sendiri sama ada *Piring Tujuh* atau *Piring Penuh*.

Penduduk rumah panjang tidak boleh mengadakan *gawai* ini sesuka hati atau pada sembarang masa mengikut kehendak mereka. Sebaliknya, mereka perlu mendapatkan konsultasi daripada *Tuai Burong* untuk menentukan masa yang sesuai kerana *gawai* inilah *gawai* yang diadakan secara besar-besaran dalam masyarakat Iban. Lazimnya, *Gawai Burong* diadakan setelah orang Iban mendapat beberapa siri *Tuaiian* padi yang lumayan supaya dapat melayani tetamu dengan baik dan menyediakan secukupnya untuk tetamu-tetamu dari beberapa buah rumah panjang yang berdekatan dengan rumah panjang yang menganjurkan *gawai* tersebut.


Igi Mudan (Antu pala)

Antu pala merupakan antara salah satu daripada objek ritual yang digunakan dalam pelaksanaan *Gawai Burong*. *Antu pala* ialah tengkorak manusia yang dipenggal oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu dalam ekspedisi *ngayau*. *Antu pala* akan dihias menggunakan *daun isang*. *Daun isang* merupakan sejenis daun yang hampir sama dengan daun kelapa atau daun palma (*palm leave*). dan akan diletakkan di atas *chapan* terlebih dahulu sebelum digantung pada tiang ritual. Selain berperanan sebagai hiasan, *daun Isang* yang diletakkan di tengkorak tersebut berperanan untuk menggantikan *antu pala* jika bilangannya tidak mencukupi bilangan para *lemambang* semasa upacara *naku antu pala*. Upacara *Naku Antu pala* bermaksud

perarakan membawa tengkorak musuh untuk meraikan kemenangan. *Lemambang* akan melagukan *Timang Nyangkah Antu pala* yang bertujuan untuk memberi dorongan dan kata semangat (*perangsang*) kepada kaum lelaki yang bakal menyertai ekspedisi *ngayau* agar berjaya membawa balik kepala musuh.

Tikar Bemban

Dalam ritual *miring*, tikar merupakan elemen utama kerana tikar digunakan untuk meletakkan susunan sajian *piring* untuk ritual tersebut. Kebanyakan tikar yang digunakan ialah tikar *bemban*. Menurut kepercayaan masyarakat Iban, tikar *bemban* ialah tempat duduk untuk *petara* yang datang *ngabang*. Ini kerana *petara* tidak duduk atas tikar-tikar biasa, seperti tikar getah dan plastik. Bagi masyarakat Iban di Batang Rajang, mereka menggunakan tikar rotan dan *idas* atau *bidai* untuk ritual *miring* mereka.



Gambar 7.8 Tikar bemban anyaman *bebuah* digunakan untuk ritual *miring* (Sumber: Kajian Kerja Lapangan Penulis di Bintulu, 3 Oktober 2015).

Pinggan atau *chapak*

Pinggan digunakan untuk meletakkan semua bahan makanan yang disediakan dalam satu pinggan. Jenis pinggan yang digunakan ialah pinggan lama ataupun pinggan kaca. Penggunaan pinggan plastik adalah tidak digalakkan untuk digunakan bagi meletakkan bahan-bahan makanan untuk dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa.



Gambar 7.9 Pinggan lama digunakan untuk meletakkan bahan-bahan makanan untuk ritual *miring* (Sumber: Kajian Kerja Lapangan Penulis, 3 Oktober 2015).

Pua Kumbu dalam Ritual *Miring*

Pua kumbu memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan ritual *miring*. Kebiasaannya, kain tenun tradisional kaum Iban ini digunakan untuk menutupi *piring* yang disediakan untuk *petara* masyarakat Iban. Dengan adanya *pua kumbu* sebagai penutup *piring*, maka dapat mengelakkan *piring* daripada dirosakkan atau dimakan oleh binatang atau serangga. sebagai contoh kucing, tikus dan lalat. Selain itu, *piring* juga kelihatan lebih elok kerana dengan adanya *pua kumbu*, *piring* dapat

diletakkan dalam keadaan yang kemas. Di samping itu, *pua kumbu* juga menjadi objek yang penting dalam persembahan ritual *miring* dan dijadikan alas untuk meletakkan *piring* yang sudah diletakkan di atas pinggan semasa ritual *miring* diadakan di sesetengah daerah. Selepas ritual *miring* pula, *piring* diletakkan di atas *tabak* dan kemudiannya akan ditutup dengan menggunakan *pua kumbu* untuk mengelakkan *piring* tersebut daripada dikacau dan dicemari oleh tikus, lipas dan lalat.

Menurut Victor Turner (1985), segala masalah atau musibah yang melanda dalam kehidupan sesebuah masyarakat memerlukan kepada penyelesaian. Justeru itu, bentuk- bentuk perlakuan ritual perlu dilakukan, iaitu melalui pelaksanaan ritual. Ritual, memerlukan kepada penggunaan simbol atau lambang penyembahan yang utama apabila dilakukan kerana ritual ia bertujuan untuk berkomunikasi dengan kuasa- kuasa luar biasa yang dipuja dalam ritual tersebut. Bagi masyarakat Iban, segala masalah atau musibah yang menimpa mereka perlu diselesaikan melalui pelaksanaan ritual, iaitu ritual *miring*. Ini kerana bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka mereka akan mengadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa melalui ritual *miring*, maka pengurusan dan pelaksanaannya amat memerlukan kepada peranan golongan pakar ritual, seperti *lemambang*.

Ritual *miring* tidak boleh diurus dan dilaksanakan oleh sembarangan individu kerana boleh menyebabkan ditimpa musibah. Dalam pelaksanaan ritual *miring*, pelaksanaannya memerlukan penggunaan elemen simbol atau lambang ritual. Bagi masyarakat Iban, salah satu penggunaan elemen simbol atau lambang dalam pelaksanaan ritual *miring* adalah seperti *pua kumbu*. Dalam masyarakat Iban, *pua kumbu* dianggap sejenis kain tenunan yang mempunyai semangat yang tertentu atau *berantu*. Selain itu, ia bukan sahaja merangkumi motif-motifnya, malah, meliputi semua komponen rekacoraknya secara keseluruhan. *Pua kumbu* dikatakan mempunyai semangat yang tertentu atau *berantu* kerana dipercayai rekacorak, ragamhias dan motif-motifnya diperturunkan oleh kewujudan kuasa-kuasa luar biasa.

Bagi masyarakat Iban, *pua kumbu* dipercayai telah diperturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa atau pemberian oleh kuasa-kuasa luar biasa yang memiliki pelbagai kuasa yang bersifat mistik bertujuan untuk mencapai

segala kesempurnaan hidup dalam perhubungan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Oleh sebab itu, *pua kumbu* dipandang mistik, kudus, suci dan sakral. Selain itu, pada setiap rekacorak dan motif-motif yang terdapat pada *pua kumbu*, *pua kumbu* juga mengandungi ilmu pengetahuan penting yang berkaitan tentang kepercayaan warisan. Dalam ritual *miring*, penggunaan *pua kumbu* sebagai elemen lambang atau simbol ritual adalah merangkumi kepada motif-motif yang ditunen kerana motif-motif tersebut memiliki semangat yang tertentu yang dipuja melalui ritual *miring*. Penggunaan *pua kumbu* juga dipercayai digunakan sebagai medium komunikasi antara masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa itu, khasnya di dalam ritual ritual *miring*. Justeru itu, dengan menggunakan *pua kumbu* sebagai elemen simbol atau lambang ritual, maka ritual *miring* yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban akan mencapai matlamat dan dikurniakan kedamaian.

Menurut Buban Anak Ngangin yang merupakan *Indu Nengkebu Muntang*, lazimnya, bahan-bahan dan peralatan untuk digunakan dalam ritual *miring* akan disediakan oleh golongan wanita Iban. Manakala, golongan lelaki Iban pula akan menjalankan ritual *miring*. Bagi golongan wanita Iban yang terlibat, mereka akan menggunakan tenunan *kebat*, *sungkit* atau *pua kumbu*. Pada zaman dahulu, wanita Iban yang terlibat dalam ritual, seperti *miring* akan memakai *rawai*.

Menurut Robert Menua Anak Saleh, *pua kumbu* dikatakan anugerah dari kuasa-kuasa luar biasa kepada masyarakat Iban untuk digunakan dalam aktiviti ritual. Dalam budaya masyarakat Iban, *pua kumbu* digunakan juga dalam aktiviti ritual seperti *miring* penggunaan *pua kumbu* adalah salah satu lambang atau simbol dalam ritual pemujaan yang melibatkan kuasa-kuasa luar biasa. Sekiranya masyarakat Iban yang ingkar dengan perintah penggunaan *pua kumbu* dalam ritual seperti *miring*, bermakna mereka ingkar dengan perintah kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana ia akan menyebabkan mereka akan ditimpa malapetaka. Justeru itu, masyarakat Iban perlu menggunakan pakaian tradisional yang mempunyai elemen *pua kumbu* semasa melakukan ritual *miring*, *bebiau*, dan *gawai*. Selain itu, sekiranya mereka tidak menggunakan *pua kumbu* dalam ritual tersebut, dikatakan *petara sigi enda ngelala kitai Iban* (tuhan sebenarnya tidak mengenali

masyarakat Iban) kerana dipercayai kuasa- kuasa luar biasa hanya mengenali masyarakat Iban apabila mereka menggunakan pakaian tradisional Iban yang lengkap dan mempunyai elemen *pua kumbu*. Begitu juga dengan *lemambang* sebagai pakar melagukan mantera wajib memakai *baju burung* yang diperbuat daripada *pua kumbu* agar beliau dikenali kuasa-kuasa luar biasa agar segala hajat dan doa restu yang dipohon akan dimakbulkan.

Manakala bagi Uma Anak Kujat pula, *pua kumbu* dianggap sebagai tenunan yang bersifat suci. Justeru itu, *pua kumbu* digunakan dalam kehidupan masyarakat Iban sejak zaman dahulu bagi mengadap kuasa-kuasa luar biasa melalui ritual *miring*. Penggunaan *pua kumbu* dalam masyarakat Iban adalah bertujuan menerima dan menyambut kedatangan kuasa-kuasa luar biasa untuk naik ke rumah panjang mereka. Selain itu, penggunaan *pua kumbu* amat penting bagi tujuan berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa. Tambahan pula, penggunaan *pua kumbu* juga akan menyempurnakan pelaksanaan sesuatu ritual seperti *miring* dalam masyarakat Iban. Dalam budaya masyarakat Iban, salah satu peralatan terpenting yang digunakan dalam ritual *miring* ialah *pua kumbu*. *Pua kumbu* juga merupakan salah satu daripada lambang atau simbol yang terdapat dalam ritual *miring* bagi masyarakat tersebut. Dalam masyarakat Iban, persediaan bahan-bahan *miring* tersebut akan dilakukan oleh golongan wanita iaitu *Indu Nakar Indu Ngar* atau *Indu Nengkebang Indu Muntang* yang dianggap sebagai penyelamat kepada keadaan yang kacau-bilau atau krisis yang berlaku dalam masyarakat Iban. Sebelum masyarakat Iban menjalankan sesuatu ritual *miring*, *pua kumbu* perlu dihamparkan terlebih dahulu, dan kemudian semua bahan dan peralatan *piring* tersebut diletakkan di atas tersebut. Maknanya, ritual *miring* dijalankan di atas hamparan kerana *pua kumbu* dianggap satu identiti budaya dalam masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa pada zaman dahulu, *pua kumbu* perlu digunakan dalam setiap ritual yang dilakukan oleh masyarakat Iban terhadap identiti mereka bagi mengadap kuasa-kuasa luar biasa. *Pua kumbu* juga digunakan bagi menutup *piring*. Dengan adanya *pua kumbu*, maka *piring* tersebut terlindung daripada gangguan antu. Kini, penggunaan *pua kumbu* telah digantikan dengan alas kain tuala biasa

untuk menutup *piring* dan kepala bagi golongan wanita Iban yang menghantar *piring*. Tambahan pula, *pua kumbu* yang digunakan dalam kebanyakan ritual *miring* sekarang adalah tiruan.

Raup Manggong, *pua kumbu* perlu digunakan dalam semua ritual yang berkaitan dengan pemujaan terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa seperti *miring* kerana *pua kumbu* memainkan peranan yang amat penting dalam melakukan sesuatu ritual yang dilakukan. Misalnya, di kawasan Batang Rajang, *pua kumbu* digunakan bagi membalut *pandong*, manakala sebelum menyusun *piring*, *pua kumbu* tersebut akan dijadikan sebagai tempat alas *piring* dalam ritual *miring*. Dengan adanya *pua kumbu*, maka *piring* tersebut tidak akan diganggu oleh binatang perosak. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, kegunaan *pua kumbu* dalam ritual *miring* dapat melindungi *piring* tersebut daripada gangguan semangat jahat, iaitu antu. Manakala, bagi Unsa Anak Meringai pula, penggunaan *pua kumbu* juga sebagai tanda bahawa ritual *miring* yang dilakukan sudah lengkap. Justeru itu, *pua kumbu* akan diletakkan diatas *piring*. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *pua kumbu* merupakan pakaian bagi *Orang Panggau Libau*. Masyarakat Iban menggunakan *pua kumbu* seperti yang dipakai oleh *Orang Panggau Libau* untuk meminta belas kasihan dan simpati supaya memberi ubat, kekayaan, keberanian, dan kesenangan sekiranya ritual *miring* dilakukan dengan cara yang betul.

Manakala jika sesebuah ritual *gawai* memerlukan *pandong*, *pua kumbu* juga dipilih sebagai pembalut kepada *pandong* tersebut. Ia bukan sahaja bertujuan untuk mencantikkan rupa *pandong*, tetapi dapat menutup azimat-azimat yang diletakkan di dalam *pandong*. Tindakan tersebut bertujuan untuk mengelakkan malapetaka seperti kematian ahli-ahli dalam rumah panjang berlaku sekiranya azimat-azimat tersebut terlalu terdedah kepada orang ramai. Semua jenis *Pua* boleh digunakan untuk membalut *Pandong* tidak kira warna mahupun motif. Dalam ritual *Gawai Burong* misalnya, setiap *ruai* wajib meletakkan anak *pandong* di *ruai* masing-masing. Anak *pandong* tersebut berfungsi sebagai tempat untuk menyimpan *piring* sepanjang ritual *gawai* diadakan.

Namun demikian, semasa ritual *Berenong ka orang sakit* iaitu satu ritual untuk mengubati orang sakit, *pua kumbu* yang mempunyai motif manusia tidak boleh digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana hantu (*antu*) akan takut sekiranya mereka melihat motif manusia pada *pua* tersebut dan menyebabkan mereka tidak mahu datang ke ritual tersebut. Justeru itu, *antu* tersebut tidak dapat menolong untuk memulihkan pesakit tersebut. Dalam ritual *belian* pula, *pua kumbu* merupakan '*sayap*' bagi *manang* yang mengendalikan ritual tersebut yang dipercayai akan membawa *manang* untuk mencari 'semangat' (*semangat*) yang berkeliaran. Semasa ritual *belian*, *manang* akan membalut badannya menggunakan *pua kumbu* untuk dijadikan sebagai selimut sepanjang ritual *belian* diadakan.

Teresang dan Kelingkang dalam Ritual Miring

Ritual *miring* dilakukan semasa permulaan musim menanam padi, ritual penyembuhan penyakit dan juga semasa perayaan *gawai*. Kebiasaannya, *piring* akan diletakkan di dalam bakul yang diperbuat daripada buluh. *Teresang* (*split bamboo*) sering kelihatan di sepanjang jalan sesebuah rumah panjang, *tanju*, *ruai* (serambi) dan digantung di bumbung utama rumah, di belakang rumah ataupun di kawasan padi bukit. *Teresang* direka khas untuk meletakkan *piring* agar dalam keadaan baik dan tidak diganggu atau dikotori oleh tikus, lipas dan lalat. *Teresang* merupakan sejenis alat ritual yang dihasilkan daripada buluh dan digunakan untuk meletakkan *piring* khas untuk dewa dewi ataupun semangat yang lain.

Teresang sering digunakan semasa ritual *mudas umai* iaitu ritual yang diadakan di tapak *umai* bukit (*huma*) yang sudah dibersihkan sebelum penanaman padi. Tujuan ritual ini diadakan agar dewi *Bintang Banyak* memberkati *umai* dan petani akan memperoleh lebih banyak padi. Selain daripada digunakan dalam ritual *Mudas Umai*, *Teresang* turut digunakan dalam ritual-ritual lain terutamanya jika ritual tersebut dilakukan di luar rumah panjang. Misalnya ritual *miring Gawai Dayak* dan *Meri Anak Mandi*. *Teresang* juga digunakan untuk meletakkan *Piring Lapan*. *Piring Lapan* dianggap sebagai *piring penuh* dalam sistem pemikiran keagamaan

masyarakat Iban lazimnya *piring* untuk memohon kesihatan dan boleh diletakkan di dalam teresang.

Teresang dihasilkan daripada tumbuhan buluh yang dikenali sebagai *buluh amat*. Bahagian hujung buluh tersebut akan dibelah beberapa bahagian dan diikat menggunakan *randau entuyut*, *randau kemedu* dan sebagainya serta berbentuk seperti payung yang didirikan secara songsang. Dalam adat Iban Saratok, tinggi teresang yang dihasilkan adalah mengikut upacara yang ingin dilaksanakan oleh petani. Bagi ritual untuk memuja dewi *Bintang Banyak*, *teresang* yang digunakan lebih panjang daripada biasa. Hal ini kerana masyarakat Iban beranggapan bahawa dewi Bintang Banyak berada tinggi di atas langit, maka *piring* perlu diletakkan di atas tempat yang lebih tinggi. Manakala dalam ritual lain pula, tinggi teresang yang digunakan adalah kira-kira satu meter sahaja. Batang *teresang* ditanam ke dalam tanah agar dapat berdiri dengan teguh.

Selain *teresang*, terdapat satu lagi alat khas untuk menyimpan *piring* yang digunakan oleh masyarakat Iban. Alat tersebut dinamakan sebagai *kelingkang* yang diperbuat daripada buluh dan berupa bakul kecil. *Kelingkang* tidak mempunyai batang dan digantung pada tiang, raran dan sebagainya. *Kelingkang* dihasilkan dengan menganyam buluh menjadi seperti bakul kecil. Namun demikian, *kelingkang* juga mempunyai bentuk yang variasi. Terdapat *kelingkang* yang berbentuk seperti payung, bakul bulat, bakul bersegi empat dan ada yang berupa talam. Bahagian bawah *kelingkang* akan dianyam menggunakan motif *anyam tunggal* bagi mengelakkan *piring* jatuh.

***Pandong* Sebagai Alat Ritual**

Pandong merupakan alat ritual yang sering digunakan oleh masyarakat Iban dalam ritual-ritual *gawai*. Alat ritual tersebut dihasilkan melalui kombinasi buluh, rotan, tikar dan *pua kumbu*. Batang-batang buluh dibelah empat dan diraut halus agar nampak lebih kemas. Kepingan buluh tersebut kemudiannya diikat menggunakan rotan dan menjadi seperti sebuah gelungan. Gelungan buluh tersebut hampir sama dengan pagar yang kecil. Gelungan tersebut ditutupi oleh tikar dan kemudiannya dibalut menggunakan *pua kumbu*.

Setelah siap, penganjur *gawai* perlu meletakkan tangkal (*pengaroh*) serta *piring* di dalam *pandong*.

Namun demikian, barang-barang yang disimpan di dalam *pandong* adalah berbeza mengikut jenis *gawai*. Di dalam *pandong* tersebut akan diletakkan segala *batu*, tangkal (*pengaroh*), batu azimat, dan *piring* yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam kehidupan seharian mereka. Azimat dan batu-batu tersebut dipercayai dapat membantu mereka untuk memperoleh padi, harta dan keberanian. Dalam *Gawai Batu*, masyarakat Iban akan meletakkan alat-alat pertanian seperti parang dan *beliung* di dalam *pandong*. Ia diletakkan bersama-sama dengan *piring* dan batu-batu azimat yang lain. Manakala dalam *Gawai Mangkung Tiang* pula, *sakang*, *pengaroh*, *piring* dan *daun sabang* adalah antara barang yang diipilih untuk diletakkan di dalam *pandong*.

Pandong menjadi tempat khas untuk meletakkan batu-batu semasa pelaksanaan *Gawai Burong*, *Gawai Batu*, *Gawai Tajau*, *Gawai Mangkung Tiang*, *Gawai Umai*, *Gawai Matah*, *Gawai Besimpan*, dan *Gawai Nama Ka Tuah*. *Pandong* wajib dibuat sekiranya upacara *gawai* diadakan di dalam rumah panjang. *Pandong* dihasilkan daripada alat yang dianyam dikenali sebagai *pelangka*. *Pelangka* sering digunakan kaum Iban untuk meletakkan padi yang sudah di *Tuai* dan kemudiannya akan dipijak untuk memisahkan biji padi daripada tangkai. *Pelangka* akan diletakkan di tengah-tengah *ruai* dan dibalut dengan menggunakan *pua kumbu*. *Piring* akan diletakkan di dalam *pandong* bersama-sama dengan dengan batu-batu atau tangkal yang dipercayai dapat membantu kaum Iban.



Gambar 7.10 *Pandong* yang menjadi tempat pemujaan khas semasa upacara ritual *Gawai Kelingang Nimang Pengaroh* Sumber: Kerja Lapangan Penulis, 2015

Bab 8

Pakar Ritual Dalam Budaya Ritual Miring

Pakar Ritual dalam Pelaksanaan Ritual *Miring*

Ritual *miring* harus dilakukan dengan penuh teliti untuk mengelakkan kesilapan turutan penggunaan peralatan dan bahan-bahan yang digunakan dalam persembahan ritual *miring*, pantang larang dan juga prosedurnya. Jika ritual ini dilakukan dengan cara yang salah, maka boleh mengakibatkan manusia menanggung nasib malang. Setiap aturan dalam upacara *miring* telah diajar oleh *petara* dan tidak boleh dibuat sebarangan. Individu yang dipilih dan layak untuk mengendalikan upacara *miring* ialah orang yang mempunyai ilmu mengenai *piring*. Upacara *miring* tidak boleh dilaksanakan tanpa sebab kerana setiap perkara yang dilakukan mempunyai tujuan dan maksud. Individu yang terlibat dalam ritual tersebut juga akan mengalami mimpi buruk jika mereka melanggar pantang larang semasa ritual *miring* dilaksanakan.

Individu yang memegang dan mengendalikan *piring* tidak semestinya seorang yang bergelar *lemambang* atau *manang*. Sesiapa sahaja penghuni rumah panjang dan warga tua boleh menyertai ritual *miring* dan memegang *piring*. Namun demikian, seboleh-bolehnya individu tersebut adalah

golongan yang tidak pernah melakukan perbuatan keji seperti berzina, melahirkan anak luar nikah, mencuri dan membunuh. *Lemambang* hanya diwajibkan melakukan ritual *miring* semasa upacara menyambut *lemambang*.

Setiap aturan dalam upacara *miring* telah diajar oleh *petara* dan tidak boleh dilakukan sesuka hati. Individu yang dipilih dan layak untuk mengendalikan upacara *miring* ialah orang yang mempunyai ilmu mengenai *piring*. Individu yang terlibat dalam ritual tersebut juga akan mengalami mimpi buruk jika mereka melanggar pantang larang semasa ritual *miring* dilaksanakan. Ketika melaksanakan ritual *miring*, sebolehnya individu yang berperanan untuk menyediakan bahan dan menyentuh *piring* adalah terdiri daripada golongan wanita yang mahir menenun *pua kumbu* dan menganyam. Begitu juga dengan individu yang mempunyai harta dan memperoleh padi yang banyak, mereka boleh menyediakan bahan dan menyentuh *piring*. Mereka merupakan antara individu yang layak untuk mengendalikan ritual *miring* tidak kira sebelum, semasa atau selepas ritual *miring* diadakan. Wanita yang paling layak memegang *piring* biasanya wanita yang mahir menghasilkan *pua kumbu* iaitu *Indu Takar Indu Gaar*. Mereka berperanan untuk membuat dan menyediakan bahan-bahan yang digunakan untuk pelaksanaan ritual *miring*. Kebiasaannya, kaum wanita akan membuat penganan, ketupat, *Letup* dan memasak nasi putih serta nasi pulut.

Ritual *miring* pula tidak boleh dilakukan sembarangan orang kerana melibatkan kuasa-kuasa luar biasa. Kelancaran sesebuah pelaksanaan dan pengurusan dalam ritual *miring* yang dilakukan bergantung pada peranan pakar ritual yang terdiri daripada *lemambang* atau *manang*. Dalam melaksanakan ritual *miring*, *lemambang* tidak boleh melakukan sebarang bentuk kesilapan sebelum, semasa atau selepas ritual tersebut. Tambahan pula, ritual *miring* yang dilakukan oleh golongan pakar ritual seperti *lemambang* memerlukan disiplin, tatatertib yang tinggi dan perlu dilakukan secara berhemah. Justeru itu, segala persiapan untuk mengurus dan melaksanakan ritual *miring* akan ditentukan oleh *lemambang* atau individu yang pakar dalam adat Iban. Malangnya pada masa kini, golongan *lemambang* semakin berkurangan kerana sebilangan besar daripada mereka

telah meninggal dunia. Tambahan pula, golongan *lemambang* dalam masyarakat Iban terdiri daripada warga emas yang mempunyai masalah kesihatan. oleh itu mereka kini tidak lagi bergiat aktif dalam ritual-ritual *Gawai* dan sebagainya.

Peranan *Indu Pandai Indu Julai Tau Nachai Gajai Lebor Api, Indu Nakar Indu Ngar dan Indu Nengkebang Indu Muntang* dalam Pelaksanaan Ritual *Miring*

Dalam pelaksanaan sesebuah ritual *miring* dalam *gawai*, segala persiapan akan dilakukan sehari sebelum upacara *gawai* diadakan. Antara individu yang dipilih untuk menyediakan bahan-bahan *piring* ialah wanita yang berstatus *Indu Pandai Indu Julai Tau Nachai Gajai Lebor Api, Indu Nakar Indu Ngar* dan *Indu Nengkebang Indu Muntang*. Gelaran ini hanya diberikan kepada wanita-wanita yang mahir menenun *pua kumbu* dan menghasilkan pewarna *pua kumbu*. Penenunan *pua kumbu* dianggap sebagai dunia peperangan kaum wanita Iban. Wanita Iban akan menceburkan diri dalam bidang penenunan *pua kumbu* bagi memperoleh status sosial. Individu yang dipilih untuk menguruskan peralatan dan bahan-bahan *piring* hendaklah berasal daripada keluarga berketurunan orang baik (*manah purih*) yang bermakna mereka tidak pernah kebuluran dan melakukan perbuatan hina pada setiap keturunan.

Selain keturunan, umur juga menjadi antara faktor pemilihan golongan wanita tersebut kerana wanita-wanita yang berstatus sedemikian kebanyakannya terdiri daripada individu yang sudah berumur. Masyarakat Iban percaya bahawa wanita yang lebih tua mempunyai ilmu dan keberanian yang tinggi dalam upacara tradisional yang melibatkan kuasa-kuasa ghaib. *Indu Pandai Indu Julai Tau Nachai Gajai Lebor Api, Indu Nakar Indu Ngar* dan *Indu Nengkebang Indu Muntang* pula dikatakan lebih dekat dengan dunia *petara*. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita tersebut dipercayai mempunyai tuah kerana mendapat sumpahan dan arahan (disumpah *antu*) daripada *antu* yang menyebabkan mereka pandai, mahir, berani, dan kering *semengat* dalam menghasilkan selimut yang bersifat sakral itu.

Indu Pandai Indu Julai Tau Nachai Gajai Lebor Api, Indu Nakar Indu Ngar dan Indu Nengkebang Indu Muntang akan mengetuai segala persiapan peralatan serta bahan-bahan *piring*. Mereka akan membuat dan memasak bahan-bahan *piring* seperti nasi, nasi pulut, telur, ketupat, *rendai* dan penganan iri. Manakala jika ritual *miring* tersebut dilakukan semasa ritual *Gawai* misalnya, golongan wanita ini akan diminta untuk menyikat bulu babi (*nyugu bulu jani*) yang dijadikan sebagai binatang korban. Mereka akan membawa sisir rambut (*sugu*) dan sabun menggunakan pinggan (*chapak*) bersama-sama cerek berisi air. Cerek yang berisi air dan pinggan dibawa oleh wanita tersebut sambil berjalan mengelilingi *ruai* sebanyak tiga kali dan diikuti oleh beberapa orang wanita yang mengenakan pakaian tradisional (*ngepan*).

Setelah berjalan mengelilingi *ruai* beberapa kali, mereka akan berarak ke bahagian *tanju* rumah panjang. Babi yang diletakkan di bawah pondok kecil akan dimandikan sebelum dikorbankan. Tujuan babi tersebut dikorbankan adalah untuk mendapatkan hatinya untuk tujuan menilik nasib individu yang menganjurkan *Gawai* tersebut. Paru-paru babi akan diletakkan di atas pinggan. Pakar ritual yang terdiri daripada *Tuai Burong* dan *lemambang* berperanan untuk *macha atau babi* iaitu sesi untuk meneliti hati babi sambil menilik nasib pada hati babi. Mereka akan menentukan sama ada hati babi tersebut menunjukkan petanda yang baik atau buruk.

Peranan *Tuai Piring* dalam Ritual *Miring*

Jika ritual *miring* diadakan sebagai semasa upacara *gawai* kaum Iban, individu yang berpengetahuan (bepenemu) dalam adat dan budaya kaum Iban akan dipilih untuk menjadi *Tuai Piring*. Kebiasaannya *Tuai Piring* akan dipilih dari kalangan keturunan *Tuai Adat* kaum Iban. Mereka perlu mempunyai sifat peribadi yang mulia dan tidak pernah melakukan perbuatan keji seperti berzina dan jenayah. *Petara* atau antu akan menganggap tangan manusia yang pernah melakukan perkara terkutuk sebagai tangan yang kotor dan tidak layak untuk menyediakan persembahan makanan. Bagi individu yang pernah melakukan perbuatan terkutuk dan ingin mengikuti ritual *miring*, beliau perlu 'membersihkan' diri terlebih dahulu dengan

mengadakan ritual *miring* bagi memohon kemaafan daripada *petara*. Namun demikian, individu seperti ini tidak digalakkan untuk menyertai upacara *miring*.

Tuai Piring berperanan untuk menge*Tuai* ritual *nuduk ka pandong* iaitu sesi mendirikan peralatan ritual yang sering digunakan semasa ritual *Gawai Burong* dan *Gawai Batu*. *Tuai Piring* merujuk kepada individu yang berpengetahuan mengenai peralatan dan bahan *piring*, pantang larang ritual *miring* dan kategori *piring*. Setiap ritual yang dilakukan dalam masyarakat Iban memerlukan kategori *piring* yang berbeza.

Golongan *pengayau* (*headhunter*) ekspedisi memenggal kepala musuh juga antara individu yang akan dipertanggungjawabkan untuk menge*Tuai* ritual *miring*. Bagi individu yang pernah memenggal kepala manusia semasa dalam ekspedisi *Ngayau* dipercayai mempunyai tangan yang suci dan bersih kerana pernah menumpahkan darah musuh. Maka dalam pelaksanaan ritual *miring Gawai Burong*, golongan yang pernah memenggal kepala musuh merupakan orang yang paling layak menyediakan *piring*. Walaupun mereka tidak mempunyai status atau kekayaan, namun golongan perwira sentiasa dihormati dan disegani kerana dianggap lebih dekat dengan *petara* dan mereka mempunyai kekuatan luar biasa yang dianugerahkan oleh *petara*.

Tuai Burong dalam Ritual Miring

Tuai Burong ialah seorang yang pakar dalam adat *beburong* masyarakat Iban. *Tuai Burong* ialah individu yang berperanan penting dalam kehidupan seharian kaum Iban. Beliau berperanan sebagai tukang ramal atau tukang tilik. *Tuai Burong (augur)* ialah seorang yang mahir dalam kihanatan (*omen*) dan beliau bertanggungjawab ke atas segala macam auguri di sesebuah rumah panjang dan juga semua upacara ritual. Sudah menjadi kelaziman bagi penduduk rumah panjang untuk mendapatkan pandangan daripada *Tuai Burong* berkenaan dengan petanda burung dan kejadian aneh yang mereka lalui.

Tuai Burong akan dirujuk jika ada individu yang mendengar dan melihat kejadian aneh dan petanda daripada burung-burung petanda masyarakat

Begitu juga dengan individu yang mengalami mimpi yang aneh dan dianggap sebagai saluran komunikasi antara manusia dengan kuasa ghaib. *Tuai burong* berperanan menentukan baik buruk petanda yang disampaikan oleh burung-burung, bencana alam, mimpi dan perkara aneh yang dilalui oleh masyarakat Iban. *Tuai burong* biasanya akan menerangkan maksud petanda tersebut sama ada ia menunjukkan petanda baik atau buruk.

Seterusnya *Tuai Burong* perlu menerangkan tindakan yang perlu diambil oleh penduduk rumah panjang untuk ngintu *burong* bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. *Petara* dipercayai akan marah jika manusia tidak mempedulikan arahan yang ditunjukkan olehnya. Bagi masyarakat Iban, baik atau buruk sesuatu petanda perlu disambut dengan ritual *miring*. Namun tujuan ritual tersebut diadakan adalah berbeza mengikut kategori burung. Jika mereka mendapat petanda baik, ritual *miring* akan diadakan supaya tuhan memberkati dan melimpahkan lagi kekayaan, kesejahteraan dan kebaikan dalam hidup manusia. Namun jika petanda tersebut menunjukkan sesuatu yang buruk bakal berlaku, ritual *miring* akan dilaksanakan agar menjadi sesuatu yang baik dan tidak mendatangkan musibah kepada manusia.

Manang dalam Ritual Miring

Mengikut kepercayaan kaum Iban, mimpi ialah satu petanda yang boleh memberi kesan terhadap kehidupan seharian manusia. Manusia kadangkala mengalami mimpi indah dan mimpi ngeri. Seseengah individu yang mengalami mimpi bertemu dengan dewa dewi serta roh nenek moyang mereka. Mimpi yang dialami itu sebenarnya mengandungi maksud tertentu jika menurut kepercayaan yang diperturunkan oleh nenek moyang masyarakat Iban sejak zaman dahulu kala. *Petara*, *antu*, dan roh ahli keluarga yang telah meninggal dunia akan berkomunikasi dengan manusia menerusi mimpi. Mimpi yang buruk boleh menyebabkan manusia jatuh sakit dan lemah semangat. Oleh itu, masyarakat Iban akan mendapatkan khidmat pawang yang dikenali sebagai *manang*. *Manang* berperanan untuk mengubati pesakit dengan menghalang kuasa-

kuasa jahat tersebut meninggalkan badan manusia. Beliau juga dapat mengubat individu yang terkena buatan orang. *Manang* sering dijemput untuk datang ke rumah panjang individu tersebut untuk melaksanakan ritual *belian*. Ritual *belian* diadakan bertujuan untuk merawat pesakit agar cepat sembuh.

Lemambang* dalam Ritual *Miring

Kebanyakan *lemambang* mempelajari ilmu mengenai *Biau*, *Pengap*, *Timang* dan *Renong* daripada orang yang lebih tua. Ketika *Lemambang* melagukan mantra mereka, beliau belajar untuk menghafal setiap perkataan yang disebut oleh mereka. Sesiapa sahaja yang dapat mengingati mantra akan digelar sebagai *Lemambang*. Namun demikian, segelintir *lemambang* hanya melibatkan diri dalam ritual yang kecil sahaja. Mereka tidak berani untuk melibatkan diri sebagai *Lemambang* dalam ritual besar seperti *Gawai Burong* kerana ritual tersebut boleh mendatangkan risiko yang tinggi terhadap pakar ritual yang terlibat. Golongan yang dikenali sebagai *lemambang* ialah mereka yang pandai *mengap*. Dalam upacara *Gawai Burong*, penghuni rumah panjang akan menyambut kedatangan *Lemambang* terlebih dahulu dengan mengadakan ritual *miring* terlebih dahulu di halaman rumah panjang. Mereka akan menyediakan *Piring Enselua* dahulu sebelum membuat *piring* untuk kuasa luar biasa yang lain. Selepas itu, *piring* akan *dibiau* menggunakan ayam. Setelah selesai ritual *miring*, *lemambang* akan memulakan sesi *mengap* di halaman rumah panjang sebelum berjalan sambil melagukan *pengap* di sepanjang *ruai* rumah panjang.

Indu pandong yang diletakkan di tengah *ruai* penganjur *Gawai* perlu dikelilingi oleh *lemambang* sebanyak tiga kali. Anak *pandong* pula diletakkan di setiap *ruai* yang ada di rumah panjang. *Pandong* tersebut bersaiz kecil jika dibandingkan dengan Indu *Pandong*. *Lemambang* perlu mengelilingi setiap *Anak pandong* sebanyak sekali sahaja. Individu yang ingin menjadi *lemambang* ialah mereka yang telah disumpah oleh antu dan ada juga yang mengikut kehendak dan minat mereka sendiri. Kemahiran seseorang *lemambang* dalam *mengap* dan *berenong* merupakan

anugerah daripada hantu yang bernama *Bujang Simpang Gading*. Beliau ialah ketua kepada semua *lemambang* dan mengajar manusia biasa tentang ilmu *lemambang*. '*Leka pengap*' yang dipelajari oleh seseorang *lemambang* adalah berbeza mengikut tempat, namun tujuan mereka adalah sama iaitu memanggil dan meminta pertolongan daripada *petara* dan hantu baik.

Jumlah *lemambang* di kawasan Sebetan, Saratok pada suatu ketika dahulu adalah hampir 20 orang. Hampir keseluruhan rumah panjang yang terletak di kawasan Sebetan mempunyai sekurang-kurangnya seorang *lemambang*. Kini jumlah *lemambang* di kawasan ini semakin merosot kerana ramai di antara *lemambang* yang sudah meninggal dunia dan usaha mereka tidak diteruskan oleh generasi muda. Menurut *Lemambang* Abang Anak Entarey (84 tahun), upah bagi seorang *Lemambang* adalah RM 0.50 sen, sebiji pinggan dan sebiji tembikar kecil yang dikenali sebagai '*kebuk*'. Jumlah upah tersebut kemudiannya meningkat semasa umur beliau mencapai 13 tahun. Kadar upah tersebut meningkat daripada RM 2.00 sehingga RM 5.00. Namun demikian, jumlah upah yang diberikan pada masa tersebut tidak melebihi RM10.00. Walau bagaimanapun, peredaran zaman membawa perubahan terhadap nilai upah seseorang *Lemambang*. Kini, upah bagi seorang *Lemambang* boleh mencecah RM 200.00 seorang untuk tempoh satu hari bergantung kepada jenis ritual dan kategori *gawai*.

Bab 9

Jampi dan Mantera dalam Ritual *Miring*

Penggunaan *Sampi* dan *Biau* dalam Ritual *Miring*

Sampi dan *biau* ialah puisi berupa doa atau mantera yang dilafazkan oleh pakar ritual semasa ritual *miring* dilaksanakan oleh kaum Iban. *Sampi* dan *biau* turut dilafazkan semasa upacara perkahwinan dan juga upacara rasmi yang bertujuan untuk mengalu-alukan kehadiran tetamu khas yang biasanya terdiri daripada menteri dan pegawai-pegawai kerajaan yang datang ke rumah panjang. *Sampi* dan *biau* dilafazkan untuk memanggil dewa atau *semangat* nenek moyang untuk datang ke majlis yang dilaksanakan dan memberi berkat, rezeki, buah, dan azimat (*pengaroh*) kepada manusia.

Semasa pakar ritual melafazkan *sampi* tersebut, beliau wajib memegang seekor ayam jantan sambil berdiri. Pakar ritual memulakan sesi *bebiau* dengan menyebut *uhaa* sebanyak tiga hingga tujuh kali. Setelah selesai sesi *bebiau*, pakar ritual akan menyembelih ayam jantan tersebut agar semangatnya menyampaikan *sampi* atau hajat manusia kepada *petara*. Hal ini bermakna, *sampi* ialah doa ringkas yang dilafazkan ketika ritual *miring* diadakan dan ia mungkin terdiri daripada beberapa baris ungkapan sahaja.

Namun demikian, *sampi* juga mungkin berbentuk sebuah ungkapan yang panjang dan mengambil masa satu jam untuk dilafazkan. *Sampi* juga dipercayai sebagai satu bentuk puisi yang terawal dalam masyarakat Iban dan warisan nenek moyang masyarakat Iban. *Sampi* wujud sejak zaman animisme iaitu kepercayaan yang mempercayai semua kejadian yang berlaku mempunyai *semengat*. Sejak itu, *sampi* telah dikekalkan, diperkembangkan dan diamalkan sehingga ke hari ini.

Leka Sampi dan Biau dalam Ritual Miring Penenunan Pua Kumbu

Dalam upacara ritual *nakar* atau ritual gaar masyarakat Iban, wanita-wanita Iban memakai busana traditional Iban yang dikenali sebagai *ngepan Iban*. Semasa ritual *nakar* itu dijalankan, *Indu Nakar Indu Ngar* atau *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api* dan semua wanita lain yang terlibat dalam ritual *miring* tersebut adalah diwajibkan memakai pakaian tradisional Iban yang lengkap dan wajib menyelitkan sebilah parang *ilang* di pinggang mereka masing-masing. Persediaan ini menggambarkan seolah-olah semua wanita Iban itu telah bersiap sedia untuk mengikuti ekspedisi perang, dan oleh sebab itu, ritual *nakar* ini disebut juga sebagai *Kayau Indu*.

Ritual *miring* yang merupakan ritual mempersembahkan sajian makanan kepada *petara* atau kuasa luar biasa lain ialah wajib dijalankan. Dalam ritual *nakar*, biasanya *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api* dan *Indu Nakar Indu Ngar* menggunakan *piring* patah tujuh atau turun tujuh yang bermaksud *piring* untuk wanita pandai dalam konteks penenunan *kain pua*. Mantera atau ungkapan jampi yang biasa digunakan semasa ritual *nakar* atau ritual *Gawai* adalah berbunyi *langit tujuh serak, tanah tujuh kelibak* (*langit* tujuh lapisan dan *tanah* tujuh lapisan) yang membawa maksud supaya semua *petara* atau kuasa luar biasa lain penghuni langit dan bumi dapat mendengar serentak mantera atau jampi semasa ritual *miring* berkenaan dijalankan. *Miring* untuk ritual *nakar* merupakan satu ritual khas yang dijalankan di atas *kain pua* yang terhampar dengan tujuan menandakan kebesaran ritual *nakar* itu di sisi *petara* kerana ritual *nakar* dipercayai dihadiri oleh *petara Orang Panggau*

Libau, seperti *Kumang*, *Lulong*, *Kelinah* atau *Indai Abang*, *Meni* dan *Endu Segadu* dan juga kerana ritual itu diadakan untuk mendapatkan keberkatan daripada *petara* dan kuasa luar biasa lain supaya mereka yang berkenaan dilimpahi kejayaan dan kesempurnaan.

Ritual *miring* dalam ritual *nakar* biasanya diketuai oleh *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api* dan *Indu Nakar Indu Ngar* sendiri. Prosedur *piring* yang digunakan ialah *piring patah tujuh* atau *turun tujuh*. Setelah selesai ritual *miring* itu, ayam yang digunakan untuk *bebiau* akan disembelih dan darahnya diambil dan diletakkan bersama-sama *piring* tersebut di tepi *dulang penakar*. Semasa ritual *miring* itu berlangsung, lazimnya *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api* atau *Indu Nakar Indu Ngar* selaku *Tuai Piring* (ketua) akan mengucapkan beberapa baris *sampi* (mantera) yang penting. Berikut ialah beberapa jenis ungkapan mantera atau *jampi* yang sering dilafazkan oleh pakar ritual pembuatan *kain pua*, seperti *Indu Nakar Indu Ngar* atau *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api* dalam ritual *nakar* :

“ni kita *Kumang*, *Lulong*, *Indai Abang*, kita *Menti indai aji*, *indai Mendong*, kita *ilok tetujunk ujung jari*, *lantang lempuang puting ati*, *kitai ngelaboh benang tetimoh munyi ka nutoh ngekramah berinding mansang*, *kitai ngerara benang mata gaga ka pua bali entebang*, *kitai ka nusun benang ka celum*, *munyi ambun nurun belayar midang*, *ngadu ka benang biru munyi antu nyiru ngalaban tarang*, *kita sapa kitai indu pandai*, *derunjai lanjur nakang*” , “*ngangau ka ambung pucung minyak wangi sarang pemandang jayau keran tichin dikambus ka tanda jadi tua ambai peransang tunang sambut dayang angkat pagi bungsu bujang kumpang pali*, *menyadi Keling maling berani*, *nya orang dulu*, *mali dudi*, *nyelayang ka sumping dengah orang*, *nya orang mangkang ka tuchong tangkong lelimbi*, *padah lelangi baka orang lelaki cekak pinggang*, *dan jurai nyadai nyadai*, *nunjuk ka kerekai bintang tedani*, *pucuk penyanyok bulan pegari*, *pating penguing dayang keluli*, *dan pintu lendu-lendu dikemeran ka antu buau gerasi*, *nyawa reraie*, *penyungki gigi berang punan busang*, *pun turun ambun naia sepagi*, *penesai sungai pemulai mimpi*, *nya pemandi Kumang dayang luli*, *nya indu padas tampun puji*, *turun belaki mansang berambang*, *ambung pucung minyak wangi sarang pemandang jayau keran*, *tinchin dikambus ka tanda jadi*,

tua ambai peransang tunang sambut dayang angkat semalam, bungsu bujang, menerang sebam, menyadi laja nira lelakan, nya orang berani ati tan tetikam, enda kala nyeliah ka lamcan mata berayang, rentam-rentam baka tempangan tunggol tebang, dan jurai nyadai-nyadai, nunjuk ka kerekai bintang beriran, pucuk ati bulan, dan pintu lendu-lendu kemeran ka antu mayah secapan, nyawa dederam, negam gelingam pupun nisang, bungkong ka benong tajau kelawan, penelesai sungai lunjur ujan, nya pemandi Kumang bintang lengawan, nya indu jampat kelampau jegan, kaki serimban, jari seaban, megai mensungan labu bedalang”.

Mantera itu dilafazkan untuk memanggil semua *petara* dan kuasa luar biasa lain, sama ada mereka penghuni langit atau bumi, supaya datang ke ritual *nakar* berkenaan dengan membawa *pengaruh* dan benang *taya* untuk menolong wanita Iban dalam ritual *nakar* itu. Selain itu, mantera tersebut juga menggambarkan atau menunjukkan berlakunya peralihan status penenun *pua* menerusi ritual *nakar*, iaitu daripada wanita biasa kepada status *Indu Nakar Indu Ngar* atau *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api*, iaitu status sosial yang tertinggi dalam hierarki kepakaran menenun *kain pua* dalam masyarakat Iban. Mantera itu juga menggambarkan seseorang wanita Iban yang memiliki kecantikan paras rupa yang tiada tolok bandingnya dan memiliki kepakaran yang amat luar biasa dalam penenunan *kain pua*, dan dikatakan bahawa kepakaran luar biasa yang mereka miliki itu sentiasa menjadikan mereka idaman dan pujaan setiap jejaka.

Selain itu, terdapat juga mantera atau ungkapan jampi lain yang dianggap penting dan perlu diucapkan semasa ritual *miring* berlangsung dan antaranya ialah:

- i. *Indu bula, indu ampa, ia ka bula enda tau meda, enggai ka ila ia maioh utai ditusi* (Orang yang suka bercakap bohong, orang hampa dan kecewa, yang suka berbohong tidak boleh turut serta mengambil bahagian, kerana dikhuatiri mereka ini akan menyampaikan banyak cerita bohong).

- ii. *Ia ka burok, semput, malas, enda tau ngachok ka tunjuk, enggai ka ia tindok ngampus ka hari.* (Orang pemalas. tidak boleh menyelamkan jarinya ke dalam dulang *nakar*, kerana dikhuatiri mereka akan tidur sahaja sepanjang hari).
- iii. *Orang tau tepang, enda tau mansang, enggai ka ubong puntang jelungan enda nyadi* (Orang yang suka membuat sumpahan tidak dibenarkan datang, kerana dikhuatiri benang taya tidak akan menjadi).
- iv. *Ia ka takut enda tau nyeput, enggai ka surut angkat lari* (Orang yang penakut tidak boleh menyentuh benang, kerana dikhuatiri mereka akan berundur, angkat lari).
- v. *Ia ka bagas, baru tau ngerampas, enggau ia bumai ngulih ka padi* (orang yang rajin barulah boleh datang untuk turut serta, untuk mereka berhuma bagi mendapatkan tuaian padi).
- vi. *(Indu ka pandai, baru tau suruh datai ngambi ka enggau kami natai gajai negi ka lebor api* (Wanita yang pandai baru boleh disuruh datang, supaya mereka dapat bersama kami mencipta corak motif *natai gajai negi ka lebor api*). Motif tersebut amat tinggi nilainya dalam budaya Iban. *Lebor api* sebenarnya bukan satu motif, tetapi hanya satu bentuk latar belakang *kain pua* berwarna merah, seperti darah. Oleh kerana *kain pua* itu berwarna merah seperti darah, ia dinamakan *kain pua Lebor Api*.

Pengap dan Timang

Selain daripada *pelian*, *pengap* dan *timang* ialah mantera dan puisi yang dilagukan atau dinyanyikan oleh pakar ritual Iban semasa pelaksanaan ritual *miring* sama ada ritual *miring* secara kecil-kecilan ataupun ritual *miring* dalam ritual *gawai* kecuali *Gawai Antu*. Menurut Encik Edward Untie, *pengap* dan *timang* adalah invokasi yang ditujukan kepada dewa-dewa kaum Iban dan dilafazkan dalam sesuatu ritual *gawai*. Beliau turut menambah

bahawa *pengap* dan *timbang* menjadi saluran penting bagi manusia untuk berkomunikasi dengan tuhan dan juga makhluk halus. Semasa pelaksanaan *Gawai Burong*, invokasi melalui *pengap* adalah ditujukan khas kepada *Aki Lang Sengalang Burung*, *Aki Jugu Menaul Tuntung*. *Gawai Burong* diadakan untuk memohon azimat atau tangkal daripada tuhan dan dewa kaum Iban. Dalam *Gawai Umai* pula, invokasi ditujukan kepada *Raja Sempulang Gana*, *Rangkai Kirai Raja Sua*. *Gawai Umai* diadakan untuk memberkati benih padi yang akan ditanam oleh kaum Iban.

Bab 10

Impak Perubahan Budaya Terhadap Pelaksanaan Ritual *Miring*

Masa berlalu dengan begitu pantas dan dunia kini mengalami perubahan kesan daripada proses pemodenan dan pertembungan budaya. Begitu juga dengan budaya, adat dan gaya hidup yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat. Perubahan masa sedikit sebanyak telah memberi impak terhadap adat dan budaya sesuatu kaum. Mutakhir ini, amat sukar bagi generasi muda masyarakat Iban untuk melihat tinggalan sejarah nenek moyang mereka terutamanya dari segi artifak budaya dan warisan yang menjadi sebahagian daripada rempah kehidupan dan juga kebudayaan yang semakin terhakis akibat daripada pertembungan dengan elemen luar yang menyerap masuk ke dalam sistem budaya masyarakat Iban. Tema yang diterangkan oleh penyelidik dalam bab ini adalah mengenai faktor perubahan budaya yang memberi impak terhadap pelaksanaan ritual *miring*. Penyelidik telah menemu bual beberapa orang informan yang arif dalam adat, budaya dan agama masyarakat Iban bagi membincangkan perubahan yang berlaku dalam ritual *miring*. Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti sebagai penyebab utama berlakunya perubahan terhadap pelaksanaan ritual *miring*.

Seperti yang telah dinyatakan, tradisi *miring* dalam masyarakat Iban telah pun berubah sama ada dari aspek pengurusan mahupun tujuan pelaksanaan ritual *miring*. Pada masa kini, pelaksanaan ritual *miring* tidak dilakukan pada setiap musim sepanjang tahun. Tradisi *Ngayau* misalnya telah lama ditinggalkan oleh masyarakat Iban. Begitu juga dengan pelaksanaan ritual *Gawai* yang hanya dilaksanakan di sesetengah tempat kerana kebanyakan kaum Iban telah menganut agama Kristian. Namun demikian, masih ada rumah panjang di Daerah Saratok akan melaksanakan ritual *miring* semasa sambutan *Gawai Dayak* atau majlis keramaian. Hanya sebilangan kecil sahaja masyarakat Iban yang melaksanakan ritual *miring* selain musim perayaan *Gawai Dayak*. Perubahan ini menyebabkan kepentingan ritual *miring* dalam budaya masyarakat Iban tidak seperti dahulu kala. Sudah tentu perubahan tersebut berlaku disebabkan oleh pelbagai aspek. Perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan ritual *miring* sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh perubahan persekitaran hidup, perubahan pandangan terhadap ritual *miring*, perubahan agama, perubahan sistem pendidikan dan perubahan aktiviti ekonomi masyarakat Iban.

Perubahan Anutan Agama

Bagi masyarakat Iban, *petara* merupakan pencipta alam nyata dan juga alam ghaib yang dihuni oleh dewa dewi. Unsur animisme dalam agama lama kaum Iban menyebabkan mereka menganggap setiap benda yang ada di muka bumi sebagai ciptaan *petara* dan mempunyai semangat. Semangat yang dimaksudkan terdiri daripada semangat baik dan semangat jahat. Oleh hal yang demikian, masyarakat Iban perlu menghormati *petara*, kuasa-kuasa luar biasa dan objek-objek yang ada di muka bumi. Sebagai penghormatan dan penghargaan terhadap *petara*, masyarakat Iban akan menyembah tuhan mereka menerusi ritual-ritual tertentu. Ritual-ritual yang dilaksanakan sejak kewujudan bangsa Iban juga bertujuan untuk menjaga hubungan baik di antara manusia sesama manusia, manusia dengan alam semesta dan manusia dengan kuasa luar biasa. Alam ghaib yang dipercayai dihuni oleh dewa-dewi masyarakat Iban dikenali sebagai '*Panggau Libau lendat dibiau gerempung isang*'. Dewa-dewi yang menghuni alam ghaib tersebut perlu dipuja

menggunakan *piring* agar dapat membantu manusia dalam kehidupan seharian seperti bercucuk tanam dan juga ekspedisi perang (*ngayau*). Jika dewa-dewi berasa tidak *puas* hati atau bersetuju menolong manusia, mereka akan menjelma dalam mimpi manusia atau hadir sebagai petanda (*burong*) untuk menyampaikan mesej kepada manusia.

Walau bagaimanapun tanpa kita sedari setelah kedatangan agama Kristian yang dianggap sebagai kepercayaan baharu (*pengarap baharu*) telah menyebabkan adat *miring* semakin dipinggirkan. Kepercayaan tradisi tersebut semakin dipinggirkan berikutan penganutan agama Kristian dalam kalangan masyarakat Iban yang disebarkan oleh mubaligh Kristian. Agama tersebut telah dibawa masuk oleh keluarga Brooke yang merupakan pemerintah di Sarawak pada zaman dahulu. Berdasarkan kajian Hanafi (2007), agama dan pendidikan baharu yang diperkenalkan banyak mengubah persepsi masyarakat. Masyarakat pada masa kini tidak lagi berfikiran seperti masa lalu. Masyarakat pada masa lalu sangat menitik beratkan dan menghormati alam sekeliling, kepercayaan mahupun pantang larang yang diamalkan oleh orang-orang tua. Berbeza pula dengan masyarakat muda kini yang lebih berfikiran logik dan turut menyebabkan struktur kehidupan berubah iaitu daripada tradisional kepada moden. Sesungguhnya, lunturnya sesebuah identiti budaya adalah disebabkan oleh perubahan pendidikan dan persepsi masyarakat terhadap budaya warisan mereka.

Ajaran agama Kristian dilihat lebih bersifat kontra dan bertentangan dengan kepercayaan tradisi masyarakat Iban kerana ajaran Kristian adalah berasaskan '*Bible*' atau *Bup Kudus*. Justeru itu, segala aktiviti penyembahan dan kepercayaan yang bertentangan dengan anutan agama baharu adalah dilarang. Segelintir daripada masyarakat Iban juga telah meninggalkan kepercayaan animisme kerana ingin mengelak daripada dicemuh oleh masyarakat sekeliling. Orang Iban yang telah menganut agama Kristian mengutuk dan memandang serong individu yang masih mengekalkan kepercayaan animisme kerana dianggap karut dan ketinggalan zaman. Ritual *miring* dan *gawai* pula melibatkan ritual keagamaan iaitu dengan melakukan pemujaan, rayuan, permohonan, seruan, hajat, hasrat, ataupun doa kepada *petara* dan kuasa luar biasa yang lain.

Kepercayaan tradisi masyarakat Iban adalah berasaskan kepada semangat alam, alam ghaib, alam nyata, hantu dan dewadewi. Semangat dipercayai bersifat '*intangibile*' dan dikatakan ada pada tubuh seseorang manusia. Maka untuk mengubati penyakit tersebut, kaum Iban memerlukan khidmat pakar ritual yang dikenali sebagai *manang* untuk mengubati penyakit tersebut dengan menggunakan ilmu yang dimiliki oleh beliau. Ritual *belian* akan diadakan bagi merawat pesakit yang diganggu oleh kuasa jahat tersebut. *Manang* akan merawat individu yang sakit dengan mencari semangat manusia yang telah meninggalkan jasad mereka.

Namun demikian, ritual *Gawai*, *Belian*, *Nimang* dan *Berenong* jarang dilaksanakan dan semakin dilupakan kerana dianggap bertentangan dengan agama Kristian. Ritual-ritual tersebut juga memerlukan pelaksanaan ritual *miring* untuk memanggil kuasa-kuasa ghaib. Kuasa-kuasa ghaib tersebut dipercayai dapat menyembuhkan penyakit serta kesengsaraan yang dialami oleh manusia. *Pengarap lama* yang berasaskan kepercayaan terhadap dewadewi, semangat alam dan *antu* semakin dilupakan. Masyarakat Iban dikehendaki patuh kepada ajaran dan tunjuk ajar agama yang baru iaitu agama Kristian. Impaknya, segala kepercayaan yang bertentangan dengan agama Kristian kian dilupakan dan tidak diamalkan oleh penganut Kristian yang berbangsa Iban. Maka secara tidak langsung kepercayaan terhadap agama lama masyarakat Iban semakin hilang secara beransur-ansur tanpa kita sedari.

Perubahan Sosial

Dari segi perubahan sosial, penyelidik mendapati pelaksanaan ritual *miring* mengalami sedikit perubahan kesan daripada berlakunya pertentangan pendapat dalam kalangan masyarakat Iban sendiri dan juga pengaruh budaya masyarakat lain. Pertentangan dan pengaruh budaya masyarakat lain telah mengubah pemikiran masyarakat Iban mengenai pelaksanaan ritual *miring*. Pada era globalisasi ini juga, pengaruh budaya dari masyarakat lain merupakan suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Dengan adanya jaringan komunikasi dan juga informasi yang lebih canggih, ia akan memudahkan pengaruh kebudayaan masyarakat lain masuk ke dalam sesebuah masyarakat dan natijahnya mendatangkan impak kepada perubahan masyarakat yang

menerima pengaruh budaya tersebut. Pengaruh masyarakat sekeliling memainkan peranan dalam perubahan pelaksanaan ritual *miring*.

Pertentangan Pendapat dalam Kalangan Masyarakat Iban (Konflik)

Hasil penyelidikan mendapati pertentangan pendapat yang wujud dalam kalangan masyarakat Iban juga menimbulkan perubahan terhadap pelaksanaan ritual *miring*. Pertentangan pendapat berlaku di antara kelompok warga tua yang lebih konservatif dengan kelompok generasi muda yang agak dinamis. Pertentangan pendapat ini merujuk kepada keadaan seseorang individu yang penuh semangat dan seterusnya menyebabkan mereka mudah untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan budaya baru. Pertentangan pendapat ini wujud dalam kumpulan masyarakat Iban yang sedang dalam proses ingin berkembang maju sebagai masyarakat moden yang lebih kompleks dengan masyarakat tradisional.

Masyarakat Iban yang konservatif memilih untuk meneruskan ritual *miring* kerana mereka hidup dengan dikelilingi oleh alam yang dipercayai mempunyai semangat. Pada pendapat mereka, manusia perlu menjaga hubungan yang baik dengan semangat alam bagi mewujudkan kesejahteraan dan kelangsungan hidup. Bagi masyarakat Iban, ritual *miring* ialah salah satu cara untuk berkomunikasi dengan segala kuasa-kuasa luar biasa yang dipercayai dapat melindungi dan menolong manusia. Ritual *miring* menjadi pilihan utama masyarakat Iban yang konservatif sebagai jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah yang berkaitan tindakan dan gerak geri mereka setiap hari.

Pada masa yang sama, pertentangan pendapat juga berlaku antara individu, kelompok serta antara individu dan kelompok. Individu yang menentang ajaran lama masyarakat Iban (*pengarap lama*) terutamanya penyembahan terhadap kuasa ghaib sudah tentu akan ditentang oleh masyarakat tradisional dan konservatif kerana masyarakat tradisional memilih untuk meneruskan tradisi dan budaya masyarakat Iban yang diamalkan oleh nenek moyang mereka sejak dahulu lagi. Tradisi tersebut merangkumi sistem kepercayaan, pemikiran, amalan, tindakan dan perlakuan yang diwariskan secara turun temurun. Pemeliharaan adat dan budaya sering diutamakan oleh masyarakat

Iban yang konservatif kerana dianggap sebagai pengenalan diri kepada masyarakat dunia. Justeru itu, jika pandangan sedemikian ditujukan kepada kumpulan masyarakat Iban tradisional yang mengamalkan kepercayaan tersebut dan masih mengamalkan ritual *miring* dan adat lama, sudah pasti pendapat tersebut ditentang oleh masyarakat tradisional kerana tidak dapat diterima oleh mereka. Bagi masyarakat Iban tradisional memerlukan tempoh yang agak lama untuk menerima pemikiran tersebut. Setelah ada masyarakat Iban tradisional yang menerima pemikiran tersebut, maka ritual *miring* semakin dipinggirkan dan menyebabkan pelaksanaan ritual *miring* semakin jarang dilaksanakan.

Pengaruh Budaya Masyarakat Lain

Proses globalisasi membolehkan pelbagai budaya dari tempat yang berbeza untuk 'bertemu'. Pengaruh budaya dari masyarakat luar terutamanya budaya dari barat sedikit sebanyak telah mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup masyarakat Iban. Pengaruh tersebut disebarkan melalui filem, televisyen, radio, suratkhbar, dan media massa yang lain. Seseengah daripada media tersebut memberi pengaruh negatif dan tidak sesuai dengan budaya masyarakat Iban. Golongan muda memilih untuk hidup dalam budaya moden yang dianggap mengikut perubahan zaman. Penerapan budaya luar juga semakin berleluasa dalam masyarakat Iban. Dari segi hiburan umpamanya, mereka cenderung untuk melakukan aktiviti yang bukan berasaskan kebudayaan.

Masyarakat Iban yang moden lebih memilih untuk mengutamakan sesuatu yang baharu berbanding dengan sesuatu yang bersifat tradisi terutamanya pelaksanaan ritual *miring*. Ritual *miring* dianggap sebagai kepercayaan lama yang tidak perlu diteruskan pada era modenisasi ini. Berdasarkan hasil penyelidikan, penyelidik mendapati segelintir masyarakat Iban moden telah meninggalkan kepercayaan tradisi, adat dan budaya nenek moyang mereka dan lebih mementingkan ilmu pengetahuan lain serta teknologi. Masyarakat Iban pada masa kini semakin terdedah kepada arus pemodenan khususnya bidang teknologi. Pada zaman globalisasi ini, masyarakat Iban menghadapi gelombang kepesatan perkembangan budaya

luar. Fenomena ini melanda masyarakat Iban berikutan dengan pesatnya pembangunan teknologi yang memudahkan penyebaran budaya luar. Bagi masyarakat Iban yang sudah menerima pemodenan, budaya baharu yang diamalkan oleh mereka dapat menunjukkan bahawa mereka telah menjalani gaya hidup baharu dan tidak ketinggalan zaman.

Perubahan Dalam Ekonomi

Perubahan ekonomi juga menjadi antara penyebab berlakunya perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan ritual *miring*. Keadaan ekonomi yang semakin berkembang meningkatkan lagi kuasa beli seseorang individu. Kebanyakan penduduk rumah panjang memiliki pekerjaan dan pendapatan tetap. Ramai anak-anak muda yang menjawat jawatan tinggi sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Terdapat juga penduduk yang mengusahakan tanaman kelapa sawit, getah dan lada yang mendatangkan hasil lumayan. Pendapatan setiap keluarga di rumah panjang semakin meningkat kesan daripada kemajuan ekonomi.

Perubahan ekonomi mengakibatkan sektor pertanian bukan lagi menjadi punca pendapatan utama masyarakat Iban. Aktiviti penanaman padi semakin berkurangan kerana masyarakat Iban pada masa kini memilih untuk melakukan pekerjaan yang mendatangkan pendapatan tetap dan lebih lumayan berbanding aktiviti pertanian yang berasaskan sara diri. Hal ini bermakna ritual yang berkaitan dengan upacara penyembahan dewa pertanian dan sebagainya semakin jarang diamalkan lagi oleh kaum Iban. *Gawai Umai* dan *Gawai Batu* merupakan antara ritual *gawai* yang memerlukan pelaksanaan ritual *miring*. Namun kini, ritual *gawai* tersebut tidak diamalkan lagi oleh penduduk rumah panjang kerana masyarakat Iban tidak mengusahakan tanaman padi. Kesan daripada perubahan tersebut, adat *miring* juga semakin luntur di dalam hati kaum Iban.

Berdasarkan hasil kajian lapangan, penyelidik mendapati migrasi yang berlaku di Daerah Saratok ialah migrasi dalaman. Migrasi dalaman melibatkan migrasi penduduk luar bandar ke bandar, luar bandar ke luar bandar, bandar ke luar bandar dan bandar ke bandar. Migrasi dari luar

bandar ke bandar banyak melibatkan golongan muda yang melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan mencari peluang pekerjaan.

Migrasi dari luar bandar ke luar bandar pula melibatkan penduduk yang berhijrah ke kawasan baharu untuk tujuan pertanian. Manakala migrasi dari bandar ke bandar lain pula melibatkan golongan yang bertukar tempat kerja atau berpindah ke tempat baru. Migrasi dari bandar ke luar bandar pula berlaku apabila golongan pesara memilih untuk tinggal di kampung halaman terutamanya rumah panjang kerana ingin menjauhkan diri daripada kesibukan kota.

Migrasi luar bandar ke bandar merupakan pola migrasi yang sering berlaku di Daerah Saratok, Sarawak. Migrasi tersebut berlaku disebabkan oleh peluang pekerjaan yang banyak terbuka di kawasan bandar ialah golongan yang paling ramai berpindah ke kawasan bandar adalah golongan muda yang memilih bandar-bandar besar seperti Kuching, Sibul, Bintulu, dan Miri. Malah ada juga golongan muda yang memilih untuk berhijrah ke Kuala Lumpur dan Johor Bahru bagi mendapatkan peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan yang dimaksudkan terdiri daripada bidang pendidikan, perindustrian, perniagaan dan perdagangan, pembinaan serta perkhidmatan di sektor awam dan swasta. Kadar upah dan pendapatan yang ditawarkan di bandar jauh lebih tinggi dan tetap. Insentif lain juga turut diberikan kepada pekerja seperti bonus dan elaun kerja lebih masa. Hal ini menarik minat golongan muda kaum Iban yang ingin mendapatkan gaji yang lumayan.

Migrasi dari luar bandar ke bandar juga berlaku dalam kalangan penduduk berbangsa Iban di Daerah Saratok apabila kawasan bandar menyediakan lebih banyak kemudahan pendidikan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang banyak terdapat di bandar Kuching, Sibul dan Miri mempengaruhi penghijrahan golongan muda ke kawasan bandar. Pelbagai pilihan dari segi jurusan dan bidang yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS menarik minat golongan muda untuk melanjutkan pelajaran di kawasan bandar. Situasi ini berbeza dengan tahap pendidikan di kawasan luar bandar yang hanya terhad kepada sekolah rendah dan sekolah menengah sahaja.

Kemudahan asas yang terdapat di kawasan bandar turut menjadi faktor golongan muda untuk memilih kawasan bandar sebagai tempat untuk menetap dan mencari pekerjaan. Kemudahan asas seperti bekalan air bersih, tenaga elektrik, sistem pengangkutan dan perhubungan serta kemudahan kesihatan menjadi aspek yang diambil kira untuk mendapatkan taraf hidup yang lebih baik. Berbeza pula dengan kawasan bandar yang mempunyai kemudahan asas yang serba lengkap. Kemudahan yang ada di kawasan luar bandar pula sangat terhad dan menyukarkan pergerakan dan aktiviti harian penduduk. Kebanyakan kawasan luar bandar di Daerah Saratok masih tidak mempunyai bekalan air paip bersih, elektrik dan juga jalan raya. Justeru itu, ramai penduduk luar bandar yang akan berhijrah ke bandar disebabkan oleh faktor ini.

Daerah Saratok yang meliputi kawasan seluas 1, 686.68 km persegi mempunyai kemudahan infrastruktur yang sederhana. Berdasarkan Jadual 4.2 iaitu kemudahan infrastruktur yang terdapat di Daerah Saratok, hanya ada 8, 617 sambungan meter elektrik sahaja di daerah ini. Manakala sambungan bagi air pula hanya 6, 738 sambungan meter. Seseengah rumah panjang di kawasan Saratok masih bergantung pada sungai untuk dijadikan sebagai sumber bekalan air. Dari sudut pendidikan pula, hanya terdapat sebuah Kolej Tingkatan Enam dan 3 buah Sekolah Menengah di daerah ini. Bagi Kategori Sekolah Rendah pula, hanya terdapat 30 buah sekolah yang bertaburan di sekitar Daerah Saratok. Bagi kemudahan kesihatan pula, Daerah Saratok mempunyai sebuah Hospital kerajaan, dua Klinik Kesihatan dan sebuah Klinik Ibu dan Anak. Manakala Klinik Swasta pula hanya ada 3 buah.

Daerah ini jуда turut disediakan dengan kemudahan perbankan yang terdiri daripada Bank Simpanan Nasional, AgroBank dan Hong Leong Bank. Setiap bank turut mempunyai kemudahan ATM atau “*Automated Teller Machine*” (mesin juruwang automatik). Selain itu, daerah ini disediakan dengan perkhidmatan Balai Polis, Balai Bomba dan Penyelamat, Pejabat Pos dan Dewan Masyarakat.

Rentetan daripada itu, proses-proses migrasi menyumbang kepada berlakunya perubahan terhadap pelaksanaan ritual *miring*. Adat dan budaya yang diamalkan di rumah panjang semakin jarang diamalkan oleh golongan

yang telah meninggalkan kampung halaman mereka. Lama-kelamaan adat dan budaya tersebut semakin luntur di hati generasi baharu. Pengetahuan dan minat terhadap budaya dan adat diri sendiri bukan lagi menjadi isu penting dalam diri anak-anak muda. Adat yang diamalkan oleh kaum Iban terlalu banyak dan rumit menyebabkan anak-anak muda berubah fikiran mengenai budaya. Bagi mereka, adat dan budaya tradisional tidak sesuai diamalkan pada zaman moden ini.

Jadual 10.1 Kemudahan infrastruktur di Daerah Saratok Sumber: Portal Rasmi Pentadbiran Bahagian Betong, 2018

Jenis Kemudahan/Perkhidmatan	Jumlah
Kemudahan Asas	Elektrik: 8,167 sambungan meter Air: 6, 738 sambungan meter
Institusi Pendidikan	Sekolah Rendah: 30 Sekolah Menengah: 2 Kolej Tingkatan Enam: 1 Giatmara: 1
Kemudahan Kesihatan	Hospital:1 Klinik Kesihatan:2 Klinik Ibu & Anak:1 Klinik Pergigian:1 Klinik Swasta: 3 Farmasi: 1
Kemudahan Perbankan	Bank: Bank Simpanan Nasional (BSN): 1 Hong Leong Bank: 1 ATM: Bank Simpanan Nasional (BSN) AgroBank Hong Leong Bank Bank Rakyat
Perkhidmatan	Balai Polis: 1 Balai Bomba dan Penyelamat: 1 Pejabat Pos: 1 Dewan Masyarakat: 1 Balai Raya: 3

Sementara itu, peningkatan pendapatan dan ekonomi dalam kalangan masyarakat telah meningkatkan kuasa beli yang sedikit sebanyak telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam penyediaan bahan-bahan *piring*. Kini segelintir masyarakat Iban memilih untuk membeli bahan-bahan yang digunakan dalam ritual *miring* kerana ia menjimatkan masa. Situasi ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan pada masa dahulu. Kebanyakan bahan-bahan *piring* yang sudah siap dan masak terdapat di pasaran memudahkan lagi proses penyediaan bahan *piring*. Misalnya *Letup*, *penganan iri*, nasi pulut, nasi putih, kapur sirih, sirih, pinang, telur ayam, tembakau dan *daun ruku apung* yang boleh didapati dengan mudah di pasaran. Sesetengah peniaga menjadikan bahan-bahan *piring* sebagai bahan jualan mereka.

Kaum wanita terutamanya tidak perlu menggunakan kemahiran dan tenaga untuk menghasilkan bahan tersebut kerana mudah didapati di pasaran. Penyelidik mendapati penganjur ritual *miring* memilih untuk menggunakan nasi pulut yang dimasak menggunakan daun pisang (pulut panggang) sebagai bahan pengganti kepada nasi pulut yang dimasak dengan menggunakan buluh (*asi ruas*). Manakala *Letup* pula digantikan dengan bertih jagung yang telah diwarnakan dan telah ditambah dengan perasa. Penyelidik mendapati penganjur ritual *miring* lazimnya memilih bahan yang hampir serupa untuk menggantikan bahan asli untuk *piring*. Selain *Letup* dan nasi pulut, penganjur *Gawai* juga menggunakan ketupat yang didapati di pasaran untuk menggantikan ketupat yang sepatutnya dianyam dan dimasak sendiri oleh mereka.

Hasil daripada pemerhatian penyelidik juga mendapati terdapat juga individu yang mengupah individu lain untuk menyediakan bahan-bahan *piring*. Wanita yang bertanggungjawab untuk menyediakan bahan-bahan *piring* akan menganyam dan memasak ketupat, *penganan iri* dan juga mendapatkan kesemua bahan *piring*. Beliau akan diberi upah sebagai balasan terhadap kerja yang telah dilakukan. Hal ini berlaku kerana penganjur ritual *miring* mampu untuk membayar kemahiran yang dimiliki oleh wanita tersebut dalam menyediakan bahan-bahan *piring*. Sementara itu, lokasi ritual *miring* diadakan juga berbeza jika dibandingkan dengan suatu ketika dahulu. Suatu ketika dahulu, ritual *miring* hanya dilakukan di rumah panjang, huma, hutan belantara dan tepian mandi (*pendai*). Namun

kini, ritual *miring* turut didapati dilaksanakan di kawasan perumahan, premis perniagaan dan dewan besar. Lokasi ritual *miring* tersebut dipilih berdasarkan tujuan ritual tersebut dilaksanakan. Bagi individu yang menetap di kawasan bandar dan tidak memiliki rumah panjang, mereka akan memilih untuk mengadakan ritual *miring* biasa atau *miring* bagi ritual *gawai* di kawasan perumahan. Hal ini berlaku kerana segelintir masyarakat Iban yang menetap di kawasan bandar tidak mahu meminggirkan adat yang diturunkan oleh nenek moyang mereka.

Ritual *miring* yang diadakan di premis perniagaan pula untuk tujuan perasmian dan memohon keberkatan daripada *petara* agar dimurahkan rezeki. Ahli perniagaan yang berbangsa Iban biasanya memilih untuk melaksanakan ritual *miring* sebagai simbolik bermulanya perniagaan mereka. Manakala ritual *miring* yang diadakan di dewan pula lazimnya bertujuan untuk menyambut kedatangan tetamu kehormat sebagai tanda hormat (*basa*) dan mengalu-alukan kedatangan mereka ke sesebuah majlis. Di samping itu, ritual *miring* juga sering dilaksanakan di kawasan hutan yang bakal diterokai untuk penanaman kelapa sawit, getah dan lada. Walaupun hidup pada era modenisasi, segelintir kaum Iban masih mengamalkan adat *miring* sebelum memulakan aktiviti pertanian tidak kira berasaskan sara diri atau sebaliknya.

Perubahan Taraf Pendidikan

Sistem pendidikan yang jauh lebih moden turut menyebabkan pelaksanaan ritual *miring* dalam kalangan masyarakat Iban mengalami sedikit perubahan. Arus pemodenan juga telah memberi kesan terhadap sistem pendidikan di Malaysia. Dunia pendidikan pada masa kini telah mengalami perubahan selari dengan kehendak dunia pekerjaan dan kemajuan sistem pendidikan. Generasi muda pada zaman moden ini lebih mementingkan tahap pendidikan jika dibandingkan dengan anak muda pada zaman dahulu. Hal demikian berlaku disebabkan oleh syarat kebanyakan pekerjaan yang memerlukan tahap pendidikan yang tinggi dengan gaji yang setimpal dengannya. Generasi muda berpeluang untuk menimba ilmu sehingga ke menara gading tidak mengira asal usul, latar belakang, agama, jantina dan umur.

Kini, ramai golongan muda Iban memilih untuk yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi berikutan keperluan kerjaya yang diidamkan. Begitu juga dengan institusi pengajian tinggi yang tumbuh bak cendawan selepas hujan di seluruh negara bagi menambahkan minat generasi muda untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kesan daripada perubahan sistem pendidikan tersebut, generasi muda lebih cenderung memilih untuk mendapatkan pendidikan yang formal dengan harapan mereka dapat mencari pekerjaan dengan mudah apabila melangkah ke alam pekerjaan kelak. Kebanyakan anak muda Iban mula berhijrah ke kawasan bandar untuk menimba ilmu di institusi pendidikan. Bagi generasi muda yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, mereka lazimnya memilih untuk menetap di kawasan bandar atas faktor peluang pekerjaan. Sehubungan dengan itu maka telah menyebabkan generasi muda jarang menyaksikan upacara *miring* dan adat tradisional lain yang diamalkan oleh nenek moyang mereka pada masa dahulu.

Seterusnya, penyelidik juga mendapati bahawa kewujudan sistem pendidikan moden juga menyebabkan pendidikan tidak formal yang berfokuskan kepada ilmu ritual *miring* kurang dipraktikkan oleh warga tua mahupun ibu bapa. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kebanyakan warga tua yang pakar dalam ilmu ritual *miring* sudah meninggal dunia. Persekitaran ini agak berbeza jika dibandingkan dengan beberapa puluh tahun yang lalu iaitu anak-anak muda akan diajar untuk mempelajari adat, permainan tradisional, bercucuk tanam, membina rumah panjang, memburu binatang, dan juga menghasilkan barangan keperluan seharian dan juga kraftangan. Pada suatu ketika dahulu pula, anak-anak muda tidak menerima pendidikan formal seperti kini.

Bagi kanak-kanak perempuan, mereka akan diajar untuk menenun *pua kumbu* oleh ibu, nenek ataupun saudara mara yang lain. Hal ini kerana kerana pada masa tersebut sesiapa sahaja yang dapat menghasilkan *pua kumbu* akan dipandang tinggi oleh masyarakat. Ramai wanita pada saat itu mengejar status *Indu Muntang Indu Nengkebang*, iaitu seorang wanita yang mampu menenun *pua kumbu* tanpa merujuk corak yang dihasilkan oleh orang lain. Pada zaman dahulu, semasa sambutan *Ari Gawai* atau upacara *Gawai* yang lain, anak-anak muda digalakkan untuk melihat persiapan

dalam pelaksanaan upacara tersebut. Ritual *miring* merupakan upacara yang wajib diadakan semasa pelaksanaan sesuatu *Gawai*. Oleh itu, anak-anak muda berpeluang untuk melihat persediaan yang dilakukan oleh golongan dewasa apabila ingin melaksanakan ritual *miring*. Anak-anak muda juga berkesempatan untuk menyaksikan ritual tersebut dilaksanakan dari permulaan sehingga pengakhiran upacara. Menurut *lemambang* Abang, mereka mempelajari sesuatu adat dan kaedah pelaksanaan sesebuah ritual *miring* upacara berlangsung sehingga dapat memupuk minat mereka untuk mempelajari ayat-ayat mantera, prosedur, pantang larang, dan mengenali asal usul sesebuah adat tradisi.

Setelah mereka mengenali sesuatu adat secara terperinci, maka ilmu tersebut dapat diwariskan kepada generasi yang seterusnya. Bagi masyarakat Iban yang masih menetap di rumah panjang, mereka beranggapan bahawa seseorang individu yang mempunyai ilmu tentang sesuatu adat tradisi sebagai individu yang perlu dihormati. Misalnya, individu yang menjadi *lemambang* di sesebuah rumah panjang dianggap sebagai individu penting dari aspek khidmat golongan pakar ritual. Lazimnya, golongan tersebut akan diberi upah dalam bentuk wang dan juga tembikar (*tajau*) bergantung pada kategori ritual. Namun kini, kemajuan pesat dalam bidang pendidikan telah mengubah gaya hidup masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban yang menetap di kawasan bandar, mereka menghantar anak-anak ke sekolah untuk mendapatkan pendidikan awal kanak-kanak. Dalam bidang pendidikan yang berbentuk formal, golongan muda ditekankan untuk menguasai penggunaan teknologi maklumat dan pengetahuan dunia masa kini. Secara tidak langsung telah menyebabkan mentaliti anak-anak muda berubah. Justeru itu, tanpa disedari amalan tradisional kian dilupakan. Kesannya, ramai golongan muda termasuk yang tinggal di rumah panjang mempunyai pengetahuan yang agak cetek mengenai adat, budaya, kepercayaan dan tradisi mereka. Situasi ini antara penyumbang kepada perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan ritual *miring*.

Perkembangan Teknologi Terkini

Pada era pascaperindustrian dan pascaglobalisasi yang serba mencabar akal dan minda kita sedikit sebanyak telah menyebabkan perubahan dalam ekonomi, sosial dan teknologi. Hal ini disebabkan oleh keinginan manusia untuk mencapai kehidupan dengan lebih mudah dan baik. Dengan perkembangan teknologi seperti kewujudan alat- alat elektronik dan penggunaan media sosial menyebabkan masyarakat Iban kian terdedah dengan dunia luar. Manakala jaringan internet di kawasan bandar dan luar bandar terutamanya di rumah-rumah panjang memudahkan pengadaptasian budaya luar kepada budaya asal mereka. Perkembangan teknologi ini telah mengakibatkan berlakunya perubahan pemikiran dan gaya hidup generasi masa kini. Dengan adanya hubungan kerjasama antara negara serta jaringan komunikasi dan informasi yang lebih canggih, maka memudahkan lagi penyebaran pengaruh dunia luar. Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, ilmu mengenai pelaksanaan ritual *miring* dan ritual tradisional yang lain kurang mendapat perhatian daripada golongan muda.

Generasi muda semakin alpa akibat pelbagai hiburan yang wujud kesan daripada kemajuan bidang teknologi di negara kita. Mereka lebih gemar untuk mempelajari sesuatu yang baharu menerusi internet. Internet memudahkan anak muda untuk melayari *Facebook*, *Instagram*, *Thumblr*, *Blog* dan juga *Twitter*. Penyampaian maklumat, berita dan juga perkongsian ilmu dapat berlangsung dengan mudah dan pantas dengan adanya jaringan internet. Begitu juga dengan hiburan yang disiarkan melalui televisyen dan juga radio. Minat dan masa generasi muda lebih menjurus kepada hiburan moden yang bukan berasaskan kebudayaan. Budaya masyarakat Iban terutamanya amat jarang sekali mendapat liputan daripada media massa berbanding dengan budaya lain yang lebih menonjol. Dokumentari mengenai adat dan tradisi masyarakat Iban kurang diberi perhatian sehingga menyebabkan generasi muda yang berada jauh di luar mahupun dalam negara tidak mengetahui tentang adat, tradisi dan budaya mereka.

Selanjutnya, perkembangan bidang teknologi juga turut menyumbang perubahan terhadap bahan-bahan dan peralatan yang digunakan dalam ritual *miring*. Segelintir masyarakat Iban menggunakan *pua kumbu* tiruan

sebagai objek ritual dalam ritual *miring*. *Pua kumbu* yang digunakan dalam pelaksanaan ritual *miring* kebanyakannya bukan dihasilkan dengan kaedah tradisional seperti yang dilakukan oleh kaum wanita Iban pada suatu ketika dahulu. Hal ini berlaku kerana tidak semua masyarakat Iban memiliki *pua kumbu* dan berkemampuan untuk membuat atau membeli. Penghasilan *pua kumbu* tradisional pula semakin merosot ekoran daripada kurangnya tahap kemahiran dalam kalangan wanita Iban (Bibiana, 2014).

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak mesin canggih dan kilang-kilang yang mampu menghasilkan *pua kumbu* moden iaitu hanya dengan mencetak fabrik lain dengan menggunakan motif *pua kumbu* yang asal. *pua kumbu* tiruan pula lebih murah dan mudah untuk diperolehi. Encik Nicholas Bryan yang bukan sahaja membuat *pua kumbu*, malah beliau turut menjual *pua kumbu* tersebut. Harga *pua kumbu* ditetapkan dengan melihat saiz dan motif *pua kumbu*. *Pua* yang bersaiz besar dan mempunyai motif yang menarik akan dijual dengan harga yang agak mahal. Biasanya, *pua kumbu* dijual dengan harga serendah RM 700 sehingga mencapai RM 2000 sehelai. Manakala, Puan Janet pula menyatakan bahawa *pua kumbu* yang diperbuat daripada benang sutera dan dihasilkan oleh Tun Jugah Foundation mencecah RM 5000 sehingga RM 6000. Hal ini demikian menyebabkan segelintir masyarakat Iban memilih untuk memakai *pua kumbu* tiruan sebagai alat ritual dalam ritual *miring*. Tidak semua masyarakat Iban mampu untuk memiliki *pua kumbu* yang dapat dijadikan sebagai objek ritual dalam ritual *miring*. Individu yang berpendapatan rendah kebanyakannya tidak mampu untuk membeli *pua kumbu* kerana nilainya sangat tinggi. Tambahan pula, ramai wanita Iban tidak mahir dalam menghasilkan *pua kumbu* tradisional kerana ia memerlukan kepakaran dan tempoh masa yang lama untuk dihasilkan.

Selain daripada *pua kumbu* tiruan, segelintir kaum Iban turut menggunakan pinggan dan bekas yang diperbuat daripada plastik. Kini kilang yang mengeluarkan produk barangan plastik semakin berkembang pesat. Pinggan dan bekas plastik boleh didapati dengan harga yang murah di pasaran. Hal ini menyebabkan pinggan kaca atau tembikar semakin jarang digunakan dalam ritual *miring*. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban akan menggunakan pinggan kaca atau tembikar untuk meletakkan bahan

piring dan *piring* yang telah siap. Namun kini tidak semua masyarakat Iban memiliki pinggan tembikar kerana kebanyakannya telah pecah dan hilang. Masyarakat Iban berpendapat bahawa barangan plastik seperti pinggan lebih mudah untuk dibawa dan tidak mudah pecah.

Noria (2004:224) melalui kajiannya berkenaan dengan objek tembikar menyatakan bahawa dalam setiap upacara *gawai*, masyarakat Iban wajib mengadakan upacara *miring*. Manakala dalam upacara tersebut, mereka hendaklah menggunakan *pinggai tuai* atau pinggan tembikar prasejarah. Dengan berbuat demikian, segala hajat dan hasrat yang dipohon daripada *petara* akan dapat terlaksana dengan mudah. Di samping itu, penggunaan *pinggai tuai* dalam upacara *miring* juga akan memberi imej yang amat baik kepada *petara*. Masyarakat Iban juga berpendapat bahawa dalam ritual *gawai*, penggunaan peralatan plastik perlu dielakkan kerana ia memberi imej yang kurang baik kepada tuhan mereka. Oleh itu, tembikar merupakan peralatan yang sangat penting kepada masyarakat Iban dan merupakan satu benda budaya yang mesti dimiliki.

Persepsi Pakar Ritual Terhadap Perubahan Ritual *Miring*

Seterusnya, terdapat persepsi yang berbeza dalam kalangan golongan pakar ritual terhadap perubahan pelaksanaan ritual *miring*. Pakar ritual mempunyai persepsi yang berbeza mengenai perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan tradisi *miring*. Pakar ritual berpandangan bahawa perubahan yang berlaku dalam ritual adalah kesan daripada sikap masyarakat Iban sendiri, kekurangan pakar ritual dan adat yang terlalu rumit. Pakar ritual juga mempunyai pandangan mereka sendiri mengenai perubahan dalam penggunaan bahan dan peralatan *piring* yang agak berbeza berbanding dengan suatu ketika dahulu.

Sikap Masyarakat Iban yang Malu dengan Budaya Sendiri

Generasi muda pada masa kini kurang terdedah kepada perayaan atau upacara tradisional yang memerlukan pelaksanaan ritual *miring*. *Gawai* Dayak merupakan perayaan yang disambut oleh kaum Iban setiap tahun. Namun

begitu, sesetengah rumah panjang kaum Iban di Sarawak tidak melaksanakan ritual *miring* semasa perayaan *Gawai Dayak* sehingga menyebabkan generasi muda tidak dapat mengenali ritual *miring* dengan lebih mendalam lagi. Di samping itu, golongan muda sekarang telah menerima arus pembangunan dan menyebabkan kepercayaan terhadap animisme tidak diterima lagi oleh masyarakat Iban. Kini mereka telah mempunyai pegangan agama sendiri iaitu agama Kristian.

Selain itu perubahan dalam pelaksanaan ritual *miring* juga disebabkan oleh sikap masyarakat Iban yang malu dengan budaya mereka sendiri. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Jeffery (2011:112) mengenai "Pengaruh Kepercayaan *Kumang* Dalam Budaya Masyarakat Iban", generasi muda pada masa kini malu untuk mengamalkan budaya tradisi nenek moyang mereka. Pada masa kini, ramai generasi muda kurang berminat untuk mempelajari adat dan budaya yang dimiliki oleh nenek moyang mereka. Kepercayaan animisme dianggap ketinggalan zaman dan tidak mendatangkan kebaikan kepada mereka. Ada juga segelintir golongan muda yang tidak mengaku bahawa mereka berasal daripada keluarga yang tinggal di rumah panjang (Jeffery, 2011:112). Bagi mereka, sesiapa sahaja yang masih tinggal di rumah panjang masih ketinggalan zaman dan tidak berfikiran terbuka kerana mereka takut untuk menghadapi kutukan dan cemuhan orang sekeliling yang telah lama meninggalkan agama animisme.

Generasi muda juga sering mengelak untuk melibatkan diri dalam sesebuah upacara tradisional kaum mereka sendiri. Mereka menganggap upacara tradisional hanya melibatkan warga tua. Hal ini mengakibatkan ilmu pengetahuan mengenai budaya kaum Iban amat cetek dalam kalangan kaum generasi muda. Mereka tidak mengambil peluang yang ada untuk mempelajari adat dan budaya daripada golongan yang lebih tua yang semakin hari semakin berkurangan. Bukan itu sahaja, malah generasi muda juga mempunyai perasaan takut dan bimbang untuk melibatkan diri dalam upacara tradisional. Hal ini berlaku kerana setiap ritual mempunyai keunikan dan fungsinya sendiri dan amat sukar untuk dipelajari.

Generasi muda juga bimbang akan risiko yang mereka hadapi sekiranya melanggar pantang larang yang telah ditetapkan oleh nenek moyang. Hal

demikian berlaku akibat daripada pantang larang yang terlalu banyak dalam adat masyarakat Iban. Apabila pantang larang dan prosedur sesebuah ritual sangat diutamakan oleh warga tua, maka telah mengakibatkan niat generasi muda untuk mempelajari sesuatu budaya semakin luntur. Perasaan bimbang dan takut tersebut akhirnya menyebabkan mereka tidak mahu mengamalkan adat dan budaya yang rumit.

Kekurangan Pakar Ritual

Lemambang, *Tuai Burong*, dan *Manang* merupakan antara pakar ritual yang mahir dalam adat *miring*. Mereka dianggap sebagai golongan yang paling penting dalam pelaksanaan ritual *miring*. *Lemambang* berperanan untuk mengetuai ritual *gawai* seperti *Gawai Burong*, *Gawai Antu*, *Gawai Batu*, *Gawai Mangkung Tiang* dan sebagainya. Mereka berperanan untuk melagukan *Pengap* atau *Timang* yang digunakan untuk memuja *petara*, dewa dewi dan *antu*. Segelintir daripada mereka telah dianugerahkan (disumpah antu) kemahiran melagukan *Pengap* dan *Timang*. Mereka mampu untuk menghafal syair yang panjang dan melagukannya dalam masa yang sangat panjang. Puisi-puisi ritual bukan sahaja mempunyai makna tertentu tetapi turut mengandungi keunikan.

Pada masa kini golongan ini semakin berkurangan. Ramai *Lemambang*, *Tuai Burong* dan *Manang* telah meninggal dunia. Kemahiran yang dimiliki oleh mereka pula tidak diwarisi oleh golongan yang lebih muda di samping berikutan daripada kedatangan agama Kristian yang juga telah menyebabkan pelaksanaan upacara tradisional semakin merosot. Keadaan ini telah menyebabkan golongan muda tidak mengendahkan tentang adat yang berkaitan dengan dunia spiritual. *Lemambang*, *Tuai Burong* dan *Manang* pada masa kini kebanyakannya terdiri daripada warga tua yang mempunyai masalah kesihatan. Ramai antara mereka tidak dapat meneruskan kepakaran yang dimiliki kesan daripada masalah kesihatan. Situasi ini menyukarkan lagi kaum Iban untuk meneruskan legasi tersebut.

Pelaksanaan Ritual *Miring* Amat Rumit

Perubahan budaya yang berlaku dalam ritual *miring* juga adalah akibat daripada pemikiran golongan muda yang menganggap ritual *miring* dan adat *beburong* terlalu rumit lebih-lebih lagi, ritual ini agak sukar dipelajari jika seseorang individu tidak memiliki kelebihan dan kemahiran yang dianugerahkan oleh *petara* atau *antu*. Adat *beburong* misalnya amat sukar dipelajari kerana ia terlalu meluas dan berkaitan dengan setiap perbuatan manusia. Hanya pakar ritual seperti *Lemambang*, *Tuai Burong* dan *Manang* mahir dalam mentafsir setiap petanda burung, kejadian aneh dan mimpi yang dialami oleh manusia. Anak-anak muda pula kebanyakannya tidak mengenali burung-burung petanda masyarakat Iban yang dipercayai boleh memberi petanda dan amaran kepada manusia. Kehidupan yang dikelilingi kesibukan kota dan jauh dari hutan menyukarkan mereka mengenali jenis burung petanda dan bunyi yang dikeluarkan oleh burung tersebut.

Seterusnya ritual *miring* memerlukan pelbagai jenis peralatan, bahan, Leka *Biau* dan kategori ritual *miring*. Ritual *miring* dalam pelaksanaan *Gawai Burong* misalnya memerlukan kategori dan bahan *piring* yang berbeza mengikut tahap *Gawai Burong*. *Gawai Burong* yang diadakan pada tahap pertama memerlukan penyediaan *Piring Turun Lima* dan *Piring Turun Tujuh*. Semasa ritual *Gawai Burong* untuk kali kedua pula memerlukan *Piring Turun Sembilan* dan *Piring Turun Tiga Belas*. Pelaksanaan *Gawai Burong* bukan sahaja memerlukan penyediaan pelbagai kategori *piring*, malah memerlukan pelbagai jenis bahan yang kurang dikenali oleh golongan muda dan menyebabkan kefahaman mengenai adat *miring* amat cetek dalam kalangan golongan muda.

Sementara itu dengan adanya perkembangan arus teknologi, ritual *miring* boleh disaksikan melalui media sosial. Media sosial sering memaparkan ritual *miring* yang dilaksanakan di daerah yang berbeza. Ritual *miring* yang dilakukan di pelbagai daerah adalah dipengaruhi oleh ajaran ketua adat dan pakar ritual yang terdapat di kawasan tersebut. Situasi ini menyebabkan ramai yang keliru dengan prosedur, istilah bahan dan jenis ritual *miring*. Seseengah tempat menggunakan istilah yang berbeza untuk merujuk bahan yang sama. Sebagai contoh, masyarakat Iban di Daerah Saratok

menggunakan istilah *Letup* untuk merujuk bertih padi yang digoreng tanpa minyak. Tetapi jika di Bahagian Kapit, *Letup* dikenali sebagai *Rendai*. Bagi golongan yang tidak pernah mengenali bahan tersebut, ia menyebabkan mereka menganggap *letup* dan *rendai* ialah bahan yang berbeza.

Dari aspek peralatan *piring* pula, masyarakat Iban di Sarawak juga menggunakan istilah yang berbeza untuk merujuk alat menyimpan *piring*. Masyarakat Iban di Bahagian Kapit merujuk bakul buluh yang mempunyai tiang sebagai *teresang*. Walau bagaimanapun, istilah tersebut berlainan mengikut tempat. Di daerah Saratok terutamanya menyebut alat yang digunakan untuk menyimpan *piring* pula dikenali sebagai *seregang*. Perbezaan istilah mengikut kawasan telah menyebabkan berlakunya kekeliruan dan menyukarkan generasi muda untuk mempelajari adat tersebut. Perbezaan yang wujud dalam pelaksanaan ritual *miring* mengikut kawasan juga disebabkan oleh sumber yang dimiliki oleh masyarakat di sesebuah kawasan. Bagi masyarakat Iban yang jauh dari pekan, telah menyukarkan mereka untuk mendapatkan bahan-bahan dan peralatan *piring* seperti telur ayam, tepung, beras pulut, buluh, *Letup* dan sebagainya. Bagi masyarakat Iban yang melaksanakan ritual *miring* di kawasan bandar, agak sukar bagi mereka untuk memperoleh buluh. Justeru itu, mereka hanya memasak nasi pulut menggunakan periuk, sedangkan jika mengikut informan, ritual *miring* sebenarnya memerlukan *asi ruas* iaitu beras pulut yang dimasak menggunakan buluh. Begitu juga dengan jumlah telur ayam yang digunakan dalam ritual *miring*. Para informan berpendapat bahawa telur terpaksa dihiris kepada bahagian agar lebih jimat berbanding menggunakan banyak telur dalam satu sesi *miring* kerana telur ayam amat sukar untuk didapati pada masa dahulu.

Penggunaan Bahan dan Peralatan *Piring* dalam Ritual *Miring*

Bahan-bahan yang disediakan dalam ritual *miring* adalah mengikut permintaan dewa masyarakat Iban yang bernama *Sempulang Gana*. Berdasarkan permintaan dewa *Sempulang Gana*, manusia wajib memberi gong, *Tekang Mau* dan *bedil* sebagai tanda untuk meminta kebenaran daripadanya untuk menggunakan tanah bagi tujuan pertanian dan

sebagainya. Malangnya benda sedemikian amat sukar untuk didapati oleh masyarakat Iban pada ketika itu. Maka sebagai penyelesaian, mereka perlu mencari bahan pengganti untuk menggantikan benda tersebut. Dalam ritual *miring*, *asi ruas* dianggap sebagai pengganti kepada senjata perang iaitu *bedil*. Telur ayam (*telu manuk*) pula dipilih sebagai pengganti kepada *Tekang Mau*. Manakala penggunaan Penganan dalam ritual *miring* pula adalah sebagai pengganti untuk gong. Perbezaan dari segi penggunaan bahan ini menyebabkan segelintir masyarakat Iban menganggap bahawa ritual *miring* sangat rumit.

Pakar ritual berpendapat bahawa barangan plastik tidak boleh digunakan dalam ritual *miring* biasa mahupun *miring* untuk ritual *gawai* kerana dipercayai memberi imej yang kurang elok kepada tuhan masyarakat Iban yang dianggap paling berkuasa di alam semesta ini. Bagi pakar ritual, pinggan kaca atau pinggan tembikar (*pinggai*) merupakan peralatan yang paling sesuai dan elok digunakan untuk mempersembahkan makanan kepada kuasa-kuasa luar biasa.

Bagi mereka penggunaan bahan yang lebih elok mengandungi keistimewaan yang tersendiri kerana dianggap sebagai tanda hormat dan penghargaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa yang boleh menolong manusia. Pakar ritual juga beranggapan penggunaan *pua kumbu* cetak dalam ritual *miring* perlu dielakkan kerana *pua kumbu* yang diperbuat menggunakan kaedah tradisional mengandungi nilai-nilai sakral. *pua kumbu* merupakan kain yang menjadi penghubung di antara manusia dan antu. Bagi masyarakat Iban, *pua kumbu* bukan hanya sekadar kain tenunan malah turut dianggap sebagai berhantu (*berantu*) sering dikaitkan dengan kuasa-kuasa ghaib terutamanya *Petara* atau roh nenek moyang.

Bagi penenun *pua kumbu*, kain tenunan tersebut dianggap sebagai kain suci yang digunakan untuk berkomunikasi dengan kuasa luar biasa. Bagi golongan pakar ritual yang bergelar *manang*, *pua kumbu* dianggap sebagai perisai atau pelindung. Ia berfungsi untuk melindungi *manang* daripada pelbagai gangguan kuasa jahat atau kuasa luar biasa yang lain. Dalam ritual *miring*, *pua kumbu* akan digunakan oleh kaum Iban untuk menandakan manusia mengadakan sebuah ritual bagi memohon

pertolongan daripada kuasa-kuasa luar biasa. Bagi pakar ritual, *pua kumbu* tiruan tidak mengandungi nilai sakral dan tidak sesuai untuk digunakan dalam ritual *miring*. Hal ini dikatakan sedemikian kerana masyarakat Iban menganggap *pua kumbu* yang dihasilkan secara tradisional amat suci dan mempunyai kuasa luar biasa dan merujuk kepada dua perkara utama iaitu supaya kejayaan mendapatkan kepala musuh semakin berkembang dan memupuk serta mengekalkan semangat padi sehingga ke hujung musim (Tugang, 2014:209). Banyak upacara ritual menggunakan *pua kumbu* yang mempunyai corak dikatakan berkuasa seperti semasa perayaan *Gawai*, dijadikan alas untuk meletakkan *piring*, membalut tiang patung burung Kenyalang dan melihat hati babi (Benedict, 49-50; Traude, 1996:24-50). Di samping itu, wanita Iban juga menganggap bahawa menghasilkan tenunan *kain pua kumbu* adalah *kayau indu* terhadap keseluruhan proses terutama dalam menghasilkan corak yang dikatakan berkuasa. Seseengah motif pula seperti imej manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, serangga dan peralatan sebagai simbol yang mewakili unsur-unsur alam. Imej manusia biasanya menggambarkan satu kuasa, semangat, roh, pemujaan, mitos, legenda atau ritual yang disanjung tinggi oleh masyarakat Iban.

Masa Hadapan Warisan Budaya Ritual *Miring* Dalam Masyarakat Iban

Hasil daripada penyelidikan mendapati ritual tradisional Iban semakin terhakis. Kesan daripada kemerosotan pelaksanaan ritual tradisional masyarakat Iban, aspek lain yang berkaitan dengan budaya turut terjejas. Gaya hidup masyarakat Iban yang berubah, arus pemodenan dan komunikasi antara komuniti lain telah mengakibatkan kemerosotan dalam pelaksanaan ritual *miring*. Berdasarkan hasil penyelidikan ini juga, ritual *miring* merupakan satu ritual yang masih dilaksanakan oleh golongan masyarakat Iban yang tradisional mahupun moden walaupun mengalami sedikit perubahan. Hal demikian kerana kebanyakan masyarakat Iban masih mahu mengekalkan budaya tradisi mereka agar tidak luput ditelan zaman. Ritual *miring* dianggap sebagai lambang identiti masyarakat Iban yang membezakan mereka dengan kaum etnik yang lain. Tradisi *miring*

merupakan artifak budaya bagi masyarakat Iban kerana merupakan tradisi warisan yang diamalkan sejak zaman dahulu sehingga kini.

Keunikan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Iban ialah warisan turun temurun nenek moyang mereka. Budaya yang diamalkan oleh masyarakat Iban sangat berkait rapat dengan amalan hidup awal masyarakat Iban. Sehubungan dengan itu juga, budaya masyarakat Iban juga sering dikaitkan dengan kepercayaan tradisional masyarakat Iban yang melibatkan unsur-unsur ritual. Bagi masyarakat Iban, ritual *miring* yang merupakan persembahan makanan kepada tuhan (*petara*), antu, dewa dewi, semangat baik dan semangat jahat serta roh nenek moyang. Ritual *miring* juga menjadi ritual penting dalam ekspedisi *ngayau*, pembinaan rumah panjang baharu, penanaman padi, perkahwinan dan pembuatan *pua kumbu*. Setiap ritual yang melibatkan upacara *miring* memerlukan kategori *piring* yang berbeza mengikut jumlah dewa dewi yang dipuja.

Masyarakat Iban juga percaya bahawa binatang yang tinggal di dalam hutan boleh memberi petanda kepada manusia. Namun demikian, petanda-petanda yang paling penting dalam kehidupan masyarakat Iban adalah kepercayaan warisan iaitu petanda daripada tujuh jenis burung. Petanda daripada burung-burung hutan ini amat penting dalam aspek pertanian, peperangan, perkahwinan, pemburuan, mendapatkan kekayaan, kesihatan dan juga status sosial. Bunyi-bunyi dan pergerakan yang dihasilkan oleh burung-burung dan haiwan dipercayai dapat menunjukkan petanda atau amaran kepada mereka. Bunyi dan pergerakan yang sentiasa menjadi perhatian kaum Iban adalah bunyi daripada burung *Ketupong*, *Beragai*, *Bejampong*, *Pangkas*, *Embuas*, *Kelabu Papau* dan *Kunding*. Penyampaian petanda daripada kuasa-kuasa luar biasa kepada manusia dilakukan melalui fenomena alam semula jadi, seperti bunyi burung atau haiwan. Unsur-unsur alam semula jadi yang wujud di persekitaran mereka juga dipercayai mempunyai pengaruh tertentu terhadap kehidupan manusia.

Seseorang pakar ritual juga tidak hanya mengambil kira jenis haiwan atau bunyi burung. Sesetengah pakar ritual berpendapat bahawa '*burong manah*' atau '*burong jai*' adalah bergantung pada individu dan keturunan keluarga yang melihat serta mendengar burung tersebut. *Burong jai*

tidak semestinya memberi petanda buruk kepada individu atau keluarga yang mempunyai harta, pekerjaan dan berpendidikan. Manakala *burong manah* pula tidak semestinya memberi petanda baik kepada keluarga yang susah. Walau bagaimanapun petanda daripada haiwan-haiwan tersebut perlu disambut dengan ritual *miring* walaupun menunjukkan petanda yang baik. Hal demikian kerana ia dipercayai boleh mendatangkan tuah yang berlipat ganda. Namun demikian, jika petanda yang ditunjukkan oleh haiwan tersebut merupakan petanda yang tidak baik, ia tidak boleh dikatakan sebagai petanda yang kurang baik tetapi akan disebut sebaliknya dan wajib disambut dengan ritual *miring*. Masyarakat Iban percaya sesuatu petanda buruk bagaimana sekalipun, jika disambut dengan ritual *miring*, akan bertukar menjadi petanda yang baik. Pemujaan yang dilakukan oleh masyarakat Iban melibatkan suatu ritual dengan menggunakan peralatan istimewa, termasuk *kain pua*, yang berperanan sebagai simbol atau lambang bagi menandakan bahawa orang Iban telah melakukan persembahan atau pemujaan supaya kuasa luar biasa dapat menerima ritual *miring* dan *gawai* itu dengan memberi serta memakbulkan segala hajat dan kebaikan yang dipohon mereka.

Segala kepercayaan tentang ritual-ritual seperti *miring* dan *Gawai* masih mendapat tempat di dalam hati masyarakat Iban sehingga sekarang. Mengikut kepercayaan tradisi kaum Iban, ritual *miring* dilakukan bertujuan untuk menjauhkan diri daripada perkara yang tidak diinginkan dan menjaga hubungan mereka dengan dunia spiritual. Dalam kehidupan masyarakat Iban moden, ritual *miring* diadakan bertujuan untuk memohon taraf hidup yang lebih baik daripada yang sedia ada. Ritual *miring* sering dilakukan jika masyarakat Iban ingin memohon agar dimudahkan rezeki dan kejayaan dalam setiap perkara yang dilakukan.

Walaupun kebanyakan masyarakat Iban telah menganut agama Kristian, ritual *miring* tetap diadakan sekiranya mereka menerima arahan daripada *petara* melalui mimpi, *pengaroh* (azimat) serta penanda dan petanda. Setelah menerima arahan daripada *petara*, dewa dewi, antu, semangat baik dan semangat jahat serta roh nenek moyang, mereka perlu mengadakan ritual *miring*. Ritual *miring* yang perlu diadakan terdiri daripada dua iaitu *miring* biasa dan *miring* dalam ritual *gawai*. Jika

manusia ingkar dan tidak mengadakan ritual *miring*, pada lazimnya kuasa luar biasa akan memberi sumpahan. Sumpahan daripada kuasa-kuasa ghaib tersebut akan menyebabkan malapetaka, manusia jatuh sakit, gila atau mati. Hasil penyelidikan turut mendapati bahawa ritual *miring* yang dilaksanakan dalam pelbagai jenis ritual memerlukan pengurusan yang rapi. Dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, ritual berkenaan perlu diurus oleh golongan pakar ritual seperti *lemambang* dan *manang* kerana golongan pakar ritual seperti *lemambang* berperanan untuk menguruskan segala persiapan awal ritual *miring* sehingga berakhirnya ritual tersebut. Dalam menguruskan ritual *miring*, golongan pakar ritual memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran sesebuah ritual yang dilakukan. Tatacara dalam pelaksanaan ritual *miring* juga diuruskan oleh pakar ritual termasuk aspek penyediaan bahan-bahan dan peralatan ritual. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, golongan yang tidak arif mengenai adat masyarakat Iban sentiasa memerlukan khidmat *lemambang*, *manang*, penenunan *pua kumbu* dan *Tuai Burong* untuk menguruskan dan melaksanakan sesuatu ritual seperti *miring* agar mencapai kepada sesuatu keperluan di dalam kehidupan masyarakat Iban.

Adat *beburong* yang diamalkan oleh masyarakat Iban juga dianggap sebagai ramalan masyarakat Iban tentang sesuatu yang bakal berlaku dalam kehidupan mereka. *Burong* yang merupakan petanda daripada *Petara*, dewa dewi, semangat alam dan roh nenek moyang sangat mempengaruhi kehidupan harian masyarakat Iban. Manusia dapat meramal sesuatu yang bakal berlaku pada masa hadapan kesan daripada tindakan mereka dalam melakukan sesuatu perkara. Dengan wujudnya tradisi kepercayaan terhadap petanda sedemikian, masyarakat Iban dapat mengelakkan malapetaka perkara buruk menimpa mereka. Dalam konteks ini, masyarakat Iban memilih untuk melakukan penyembahan dan pemujaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa agar petanda tersebut tidak mendatangkan perkara buruk.

Pada abad ini pelaksanaan ritual *miring* mengalami sedikit perubahan berbanding dengan zaman dahulu. Perubahan tersebut terdiri daripada perubahan budaya iaitu agama, sosial, ekonomi, pendidikan dan teknologi. Perubahan budaya juga secara tidak langsung telah menghakis amalan budaya tradisi kaum Iban yang telah diamalkan sejak kewujudan

bangsa tersebut. Hal ini berlaku kerana masyarakatnya perlu fleksibel dengan perubahan yang berlaku untuk meneruskan kelangsungan hidup. Pelaksanaan ritual *miring* mengalami perubahan kerana faktor terhakisnya kepercayaan animisme yang berkait dengan adat tradisi dengan adanya kemajuan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi. Walau bagaimanapun, ritual *miring* tidak pupus malah budaya ini masih diteruskan walaupun tidak setulen ritual *miring* pada zaman dahulu. Semestinya ritual *miring* ialah adat yang sangat unik dan menjadi lambang serta identiti masyarakat Iban. Ritual ini juga merupakan warisan asal usul kewujudan kaum Iban.

Berdasarkan dapatan penyelidikan yang telah diperoleh, ritual *miring* masih diamalkan semasa upacara *Gawai Dayak*, *Belian*, *Mudas*, *Gawai Burong* dan *Gawai Mangkung Tiang*. Terdapat beberapa perubahan budaya yang memberi impak terhadap pelaksanaan ritual *miring* dalam kalangan masyarakat Iban seperti perubahan agama, sosial, ekonomi, pendidikan dan perubahan teknologi. Perubahan agama telah menyebabkan majoriti masyarakat Iban meminggirkan adat *miring*. Walaupun berlaku beberapa perubahan dalam ritual *miring*, akan tetapi masyarakat Iban masih menganggap ritual tersebut mempunyai tujuan yang sama. Ritual *miring* dipercayai sebagai salah satu cara untuk manusia berhubung dengan tuhan mereka. Walau bagaimanapun, ritual *miring* masih dianggap penting oleh masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan lama masyarakat Iban.

Penyelidik juga telah berjaya merungkai mengenai persepsi masyarakat Iban terutamanya golongan pakar ritual mengenai perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan ritual *miring*. Ritual *miring* semakin dipinggirkan oleh masyarakat Iban kesan daripada kemerosotan golongan pakar ritual. Pakar ritual kebanyakannya telah meninggal dunia dan artifak budaya tersebut sukar untuk diteruskan oleh generasi muda. Kemerosotan golongan pakar ritual didapati telah mempengaruhi aspek pengurusan dan pelaksanaan ritual *miring*. Ritual *miring* yang melibatkan banyak pantang larang dan keperluan agak sukar untuk dilaksanakan tanpa dikepalai oleh pakar ritual seperti *lemambang* dan *manang*. Doa (*sampi*) yang dilafazkan dalam upacara *miring* tidak boleh sebarangan begitu juga dengan bahan-bahan

dan peralatan *piring*. Oleh sebab golongan pakar ritual semakin merosot, ilmu berkenaan dengan adat dan budaya masyarakat Iban terutamanya ritual *miring* agak sukar untuk diwarisi oleh generasi muda.

Dalam kehidupan masyarakat Iban, pelaksanaan ritual *miring* masih dianggap penting dan perlu dilaksanakan. Ritual *miring* tidak dapat dipinggirkan oleh segelintir kaum Iban kerana mereka menganggap ritual *miring* sebagai cara penyelesaian sesuatu konflik yang berlaku dalam kehidupan seharian. Adat *miring* masih diamalkan selagi penyembahan terhadap kuasa-kuasa luar biasa menjadi keutamaan masyarakat Iban. Ritual *miring* menjadi satu kewajipan dalam masyarakat Iban terutamanya untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Oleh itu, ritual *miring* memerlukan pengurusan yang rapi kerana ia melibatkan pemujaan terhadap kuasa-kuasa ghaib. Setiap bahan, peralatan dan proses dalam pelaksanaan ritual *miring* mengandungi maksud tertentu yang berkait rapat dengan Tuhan, dewa dewi, antu, semangat alam dan roh nenek moyang kaum Iban. Selain itu, ritual *miring* juga mempunyai perkaitan dengan *adat beburong* yang diamalkan oleh masyarakat Iban. *Adat beburong* pula merupakan cara kaum Iban untuk meramal sesuatu yang bakal berlaku pada masa depan. Dalam konteks ini, ritual *miring* wajib dilaksanakan untuk meneutralkan petanda dan amaran berbahaya yang ditunjukkan oleh kuasa-kuasa ghaib.

Meskipun ritual *miring* masih diteruskan oleh masyarakat Iban pada zaman moden ini, namun ia mengalami sedikit perubahan kesan daripada perubahan budaya yang berlaku menerusi perubahan agama, sosial, ekonomi, pendidikan dan teknologi. Golongan pakar ritual berpersepsi bahawa perubahan tersebut berlaku impak daripada kekurangan pakar ritual yang berperanan sebagai tunjang utama dalam menurunkan ilmu mengenai adat masyarakat Iban.

Bab II

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penyelidik mendapati penyelidikan ini mencapai semua objektif yang dikemukakan pada awal penyelidikan ini. Hasil daripada penyelidikan ini, penyelidik mendapati ritual *miring* masih diamalkan oleh kaum Iban sehingga kini. Malah penyelidik turut berpeluang menyaksikan ritual *miring* diadakan di rumah-rumah panjang semasa menjalankan kajian lapangan. Ternyata ritual *miring* mempunyai keunikan dan kepentingan yang tersendiri berbanding ritual tradisional lain yang diamalkan oleh kaum Iban. kerana hampir setiap kejadian penting yang berlaku dalam kehidupan seharian kaum Iban akan dikaitkan dengan ritual *miring*. Ritual *miring* menjadi sebuah kewajipan bagi individu yang masih mengamalkan kepercayaan animisme.

Berdasarkan objektif pertama ini, penyelidik telah menjalankan kajian lapangan untuk menyaksikan sendiri pengurusan ritual *miring* di Daerah Saratok. Penyelidik membahagikan pengurusan *miring* kepada tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas. Dengan itu, penyelidik dapat melihat dengan lebih jelas keseluruhan pengurusan ritual *miring* yang dilakukan dalam ritual yang berbeza. Penyelidik telah menyaksikan ritual *Gawai Burong*, *Gawai Dayak*, *Mudas*, *Belian*, *Meri Anak Mandi*, *Ngetas Ulit* dan perkahwinan tradisional mengikut adat masyarakat

Iban. Setiap ritual yang dihadiri oleh penyelidik mempunyai perbezaan dari segi prosedur, tujuan, keperluan, kategori *piring* serta bahan yang diperlukan. Kajian lapangan dijalankan sepanjang tahun 2016 dan 2017 memandangkan ritual yang diadakan oleh masyarakat Iban diadakan mengikut musim dan keperluan.

Sepanjang menjalankan kajian lapangan, penyelidik mendapati setiap peringkat pengurusan *piring* memerlukan kepakaran tertentu. Hanya individu yang berpengalaman diberi kepercayaan untuk menyentuh *piring*. Individu yang terlibat dengan ritual *miring* perlu mematuhi segala pantang larang dan peraturan yang ditetapkan sepanjang proses penyediaan *piring* sehingga ritual selesai. Individu yang terlibat dalam pelaksanaan ritual *miring* diagihkan tugas mengikut tahap dan kategori kepakaran yang dimiliki. Situasi tersebut dapat disamakan dengan situasi yang diterangkan oleh Fredrick Taylor yang berpendapat betapa pentingnya seorang pakar di setiap bahagian.

Dalam ritual *miring Gawai Burong*, *lemambang* dan *Tuai Burong* diberi kepercayaan untuk mengendalikan ritual *Gawai* tersebut. Di samping itu, ritual *miring Gawai Burong* juga dilaksanakan mengikut penjadualan yang rapi. Bagi Taylor, sesebuah pengurusan yang melibatkan manusia memerlukan perancangan dan penjadualan aktiviti organisasi yang rapi, kerana adalah perlu bagi memastikan penggunaan sumber manusia dan bahan pada tempat dan masa yang sesuai. Penyelidik juga turut mendapati terdapat perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan ritual *miring* pada masa kini. Perubahan tersebut terdiri daripada perbezaan bahan, lokasi, keperluan dan juga peralatan.

Adat *beburong* yang diamalkan oleh masyarakat Iban pula melibatkan kepercayaan terhadap petanda burung, malapetaka, kejadian aneh, kematian dan juga mimpi yang dialami oleh seseorang. Kesemua perkara tersebut dianggap sebagai *burong* dalam masyarakat Iban. *Burong* tersebut mempunyai empat kategori iaitu *burong manah*, *burong jai*, *burong bisa* dan *burong mimpi*. Manakala petanda burung pula melibatkan bunyi dan pergerakan tujuh jenis burung. Ketujuh-tujuh jenis burung petanda tersebut dapat menyampaikan mesej daripada *petara* dan dewa dewi. Petanda yang

disampaikan melalui bunyi dan pergerakan burung tersebut pula terbahagi kepada petanda baik dan petanda buruk. Mimpi yang dialami oleh manusia pula dianggap sebagai perantaraan diantara kuasa-kuasa ghaib dengan manusia. Masyarakat Iban perlu mempunyai ilmu yang mendalam dalam mentafsir bunyi serta pergerakan burung petanda, kejadian aneh dan mimpi bagi memudahkan mereka untuk mengetahui mesej dan amaran yang disampaikan oleh *petara* atau antu. Setiap amaran yang didengari dan dilihat oleh manusia perlu dipatuhi bagi mengelakkan perkara buruk menimpa kehidupan manusia.

Kelompok sosial yang dikaji akan mengadakan ritual *miring* bagi menghindari perkara yang tidak dingini seperti bencana alam, kematian, kemalangan, wabak penyakit, kebakaran rumah panjang dan kemusnahan tanaman. Pakar ritual seperti *lemambang* dan *Tuai Burong* akan ditugaskan untuk mentafsir petanda sedemikian. *Burong manah* pula sering dikaitkan dengan perkara yang mengembirakan dan memberi ketenteraman kepada masyarakat Iban. *Burong manah* yang bermaksud petanda baik perlu disambut dengan ritual *miring* dan *gawai*. Masyarakat Iban menjangkakan perkara yang lebih baik akan berlaku pada masa akan datang sekiranya mereka menunjukkan penghargaan melalui pelaksanaan ritual *gawai* dan ritual *miring*.

Perkaitan *burong* dan ritual *miring* dengan kehidupan masyarakat Iban juga turut diperolehi oleh penyelidik melalui kajian lapangan. *Adat beburong* dan ritual *miring* amat diutamakan dalam adat pertanian, pembinaan rumah panjang (*ngentak*), kelahiran, perkahwinan, kematian mahupun pembuatan *pua kumbu*. Hal ini menggambarkan betapa pentingnya pegangan terhadap adat *beburong* dan juga *miring* dalam masyarakat Iban terutamanya mereka yang masih mendiami rumah panjang.

Dalam ritual *ngentak* pula, kaum Iban wajib melaksanakan ritual *miring* sebelum mendirikan rumah panjang di sesuatu kawasan. *Ngentak* sama seperti aktiviti pertanian yang memerlukan kebenaran daripada *Dewa Sempulang Gana* yang dianggap sebagai pemilik tanah di muka bumi ini. Masyarakat Iban juga perlu mematuhi bunyi daripada burung petanda yang dianggap sebagai penyampai mesej daripada *petara* atau antu kepada

manusia. Jika petanda burung tersebut tidak dipatuhi, penduduk rumah panjang bakal berhadapan dengan malapetaka seperti kematian, kebakaran dan wabak penyakit. Begitu juga dengan ritual *miring* dan adat *beburong* dalam tradisi *ngayau* kaum Iban yang sangat diutamakan oleh para *pengayau* (*headhunters*) pada suatu ketika dahulu. Bagi sesiapa sahaja yang menyertai ekspedisi *ngayau*, mereka perlu mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal sebelum berhadapan dengan pihak musuh. Ritual *miring* menjadi kewajipan bagi mereka sebelum turun berperang. Petanda burung pula dilihat sebagai aspek penting dalam ekspedisi *ngayau*. Para *pengayau* dapat meramal nasib mereka melalui bunyi burung dan pergerakan burung petanda masyarakat Iban.

Penyelidik juga memilih untuk mengkaji perkaitan antara pelaksanaan ritual *miring* dan adat *beburong* dalam adat perkahwinan masyarakat Iban kerana jika diteliti dengan lebih mendalam, adat perkahwinan tradisional kaum Iban sangat mementingkan adat *beburong*. Suatu ketika dahulu, *burong* (petanda) sangat penting bagi pasangan yang baru berkahwin untuk meramal masa depan mereka. Maksudnya di sini ialah pasangan yang baru berkahwin perlu memerhatikan petanda daripada burung petanda, binatang serta kejadian aneh pada peringkat awal alam perkahwinan kerana penting bagi menentukan masa depan anak yang bakal dilahirkan. Manakala ritual *miring* pula turut diutamakan dalam upacara perkahwinan masyarakat Iban kerana kaum Iban menganggap ritual *miring* yang dilaksanakan dalam majlis perkahwinan adalah sebagai tanda penghormatan kepada tetamu.

Sementara itu, adat *beburong* juga turut diutamakan dalam proses pembuatan *pua kumbu* oleh segelintir penenun. Ritual *miring* dalam pembuatan *pua kumbu* pula perlu dilaksanakan oleh para penenun bagi memohon keberkatan daripada Dewi *Kumang* dan *Indai Abang*. Dewi *Kumang* dan *Indai Abang* akan 'dijemput' untuk datang semasa ritual *pua kumbu* agar mereka dapat menolong penenun untuk menghasilkan motif dengan mudah. Kuasa ghaib yang dimiliki oleh dewi-dewi tersebut dipercayai boleh menyumpah wanita Iban menjadi mahir menghasilkan *pua kumbu*. Mimpi yang dianggap sebagai *burong* (petanda), menjadi perantaraan di antara antu dan manusia. Segelintir penenun *pua kumbu* dapat menenun motif yang berstatus tinggi setelah mengalami mimpi dalam tidur mereka.

Secara keseluruhan, pelaksanaan ritual *miring* dan adat *beburong* sangat berkait rapat dalam kehidupan seharian kaum Iban. Ritual *miring* dianggap sebagai sesuatu yang wajib sebelum mereka melakukan sesuatu. Ritual *miring* dianggap sebagai cara untuk menyampaikan hajat manusia kepada *petara*, *antu* dan roh nenek moyang agar perkara yang dilakukan oleh manusia mendatangkan sesuatu yang baik. Manakala *burong* (petanda) pula digunakan oleh kuasa-kuasa ghaib tersebut untuk menyampaikan amaran kepada manusia. Sesungguhnya pelaksanaan ritual *miring* sangat berkait rapat dengan adat *beburong* kaum Iban.

Penyelidikan ini juga mendapati terdapat perubahan budaya memberi impak kepada pelaksanaan ritual *miring*. Pada masa kini, perubahan yang berlaku terhadap pelaksanaan ritual *miring* dalam ritual *miring* biasa mahupun ritual *gawai* dapat dilihat dengan jelas terutamanya dari segi pengurusan, tujuan, lokasi, pakar ritual, bahan dan peralatan ritual *miring*. Pertembungan masyarakat Iban dengan masyarakat luar yang lebih besar menyebabkan berlakunya pertembungan budaya menerusi pelbagai cara. Oleh itu, pertembungan ini telah mengakibatkan berlakunya penyesuaian dan pembaharuan yang menyumbang kepada perubahan dalam pelaksanaan ritual *miring*.

Jika dilihat dari sudut agama, kepercayaan animisme dalam masyarakat Iban semakin terhakis dengan adanya kemajuan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi. Dari sudut ekonomi pula, perubahan corak hidup dan pergantungan ekonomi sepenuhnya daripada sumber alam kepada sektor perindustrian juga telah menyebabkan kurangnya perhatian terhadap adat dan budaya masyarakat Iban.

Seterusnya, timbul juga kesedaran akan kepentingan pendidikan dan kerjaya dalam masyarakat Iban yang menyebabkan kurangnya minat dalam kalangan generasi muda untuk melibatkan diri dalam pelaksanaan ritual-ritual tradisional. Hal ini telah menyumbang kepada kemerosotan pelaksanaan ritual *miring*. Kesedaran keagamaan dalam kalangan masyarakat Iban terhadap unsur-unsur yang menyimpang daripada landasan ajaran Kristian. Walaupun terdapat perubahan berlandaskan faktor-faktor tadi, namun sedikit pun tidak menjejaskan tujuan pelaksanaan ritual *miring*.

Penyelidikan ini turut meneliti persepsi golongan pakar ritual berkenaan dengan perubahan budaya yang berlaku dalam pelaksanaan ritual *miring*. Pakar ritual mempunyai persepsi sendiri mengenai perubahan bahan dan peralatan yang digunakan dalam ritual *miring*. Masyarakat Iban perlu belajar untuk bersikap tolak ansur terhadap persepsi mana-mana pihak berkaitan dengan pelaksanaan ritual *miring*. Sikap bertolak-ansur perlu kerana bertujuan untuk mengatasi pertentangan pendapat yang melibatkan kepercayaan, amalan dan tindakan sesetengah individu. Oleh itu, setiap pertentangan perlu diakhiri dengan sikap saling bertolak ansur dalam kalangan anggota masyarakat.

Dalam budaya masyarakat Iban, kebanyakan aktiviti penting yang mereka lakukan akan diiringi dengan ritual-ritual yang tertentu. Misalnya, kegiatan penanaman padi, aktiviti pemburuan kepala musuh, penenunan *pua kumbu* dan aktiviti pengubatan. Semua aktiviti tersebut akan disertai dengan perlakuan-perlakuan ritual yang mempunyai makna simbolik masing-masing dengan tujuan memuja dan menyembah bagi mendapatkan bantuan atau pertolongan dari kuasa-kuasa luar biasa. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, setiap aktiviti yang penting untuk dilakukan perlu mendapatkan kebenaran dan keberkatan dari kuasa-kuasa luar biasa, iaitu dengan melakukan ritual *miring* biasa dan *miring* yang dilakukan dalam *gawai*. Melalui ritual-ritual tersebut, maka mereka memohon kepada kuasa-kuasa luar biasa agar membantu mereka agar dilindungi nyawa mereka daripada malapetaka.

Pelaksanaan ritual *miring* dalam masyarakat Iban juga dilihat sebagai drama sosial. Dalam sesebuah drama sosial, terdapat penggunaan satu set simbol, penceritaan beberapa mitos penting dan perlakuan-perlakuan yang berbentuk ritual. Dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, terdapat penggunaan satu set simbol atau lambang seperti penggunaan *pua kumbu*, *piring* dan penceritaan struktur mitos, iaitu mengenai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa oleh golongan pakar ritual. Selain itu, *lemambang* juga melakukan perlakuan-perlakuan yang berbentuk ritual, seperti berjalan dengan berpusing-pusing mengelilingi *pandong* sambil memegang tongkatnya yang telah dipasang dengan loceng kecil untuk mengeluarkan bunyi pada sepanjang malam ritual tersebut.

Melalui pelaksanaan ritual *miring* dalam budaya masyarakat Iban, maka diharap akan berlaku keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dalam hubungan antara manusia dengan manusia, dan antara manusia dengan alam ghaib yang dihuni oleh kuasa-kuasa luar biasa. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka perhubungan yang baik sangat penting antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam semulajadi, dan antara manusia dengan kuasa-kuasa luar biasa. Justeru itu, perhubungan tersebut hendaklah dijaga, dipelihara, dihormati dan berusaha untuk mengekalkannya melalui ritual-ritual, seperti *miring* biasa dan *miring* dalam *gawai*. Dengan melakukan ritual-ritual tersebut, maka roh dan semangat jahat yang boleh merosakkan keamanan dan mengancam nyawa manusia tidak akan mengganggu kehidupan harian masyarakat Iban kerana roh dan semangat jahat dipercayai boleh mengundang pelbagai malapetaka, misalnya, wabak penyakit dan bencana alam, seperti tanah runtuh, banjir, musim kemarau dan tengkujuh.

Berdasarkan kepada pelaksanaan ritual *miring*, ritual ini akan diurus oleh golongan pakar ritual, seperti *lemambang*. Golongan pakar ritual, seperti *lemambang* akan menguruskan segala persiapan awal ritual sehingga berakhirnya ritual tersebut. Dalam masyarakat Iban, golongan pakar ritual, seperti *lemambang* memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran sesebuah ritual yang dilakukan. Bagi tatacara dalam pelaksanaan ritual *miring*, ritual ini juga diuruskan oleh *lemambang* termasuk aspek penyediaan bahan-bahan dan peralatan ritual. Justeru itu, peranan *lemambang* amat penting bagi menguruskan dan melaksanakan sesuatu ritual seperti *miring* agar mencapai kepada sesuatu keperluan dalam kehidupan masyarakat Iban.

Selain itu, ritual *miring* merupakan keperluan yang penting bagi masyarakat Iban, maka oleh itu, masyarakat Iban yang mendiami di kawasan rumah panjang akan melakukan ritual *miring*. Bagi mereka, ritual *miring* perlu dilakukan dengan tujuan untuk memohon kepada kuasa-kuasa luar biasa agar memberi berkat, keampunan, anugerah kesihatan yang baik sepanjang hayat, dan mengurniakan kekayaan. Justeru itu, ritual *miring* yang dilakukan adalah berdasarkan kepada sesuatu keperluan.

Kedatangan agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam telah menyebabkan kepercayaan warisan yang diamalkan oleh masyarakat Iban sejak zaman nenek moyang mereka mula dipinggirkan kerana masyarakat Iban beranggapan bahawa agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam lebih berkuasa berbanding kepercayaan warisan yang diamalkan oleh mereka, maka oleh itu, telah menyebabkan generasi muda masyarakat Iban pada zaman sekarang kurang mengenali sesebuah pelaksanaan ritual *miring*. Tambahan pula, generasi muda mereka juga telah berhijrah daripada kawasan rumah panjang dan menetap di bandar.

Pelaksanaan ritual *miring* dalam masyarakat Iban pada zaman sekarang telah mengalami proses perubahan budaya. Terdapat beberapa perubahan budaya yang berlaku dalam sesebuah pelaksanaan ritual *miring*, seperti dari aspek lokasi, masa, bahan-bahan, peralatan untuk ritual dan penggunaan *pua kumbu*. Perubahan dari aspek lokasi, ia akan ditentukan oleh kuasa-kuasa luar biasa yang bergantung pada keperluan di dalam masyarakat Iban. Pada zaman sekarang, ritual *miring* dilakukan di lokasi yang dianggap bersesuaian seperti di dewan besar dan kawasan perumahan. Walaupun berlaku perubahan lokasi dalam melakukan ritual *miring*, tetapi matlamat atau keperluan dalam ritual itu tetap sama.

Berdasarkan kepada sesebuah pelaksanaan ritual yang melibatkan pemujaan kuasa-kuasa luar biasa, iaitu seperti ritual *miring* biasa dan *miring* dalam *gawai*, kedua-duanya memerlukan kepada penggunaan lambang atau simbolik sebagai medium komunikasi. Dalam kepercayaan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, kuasa-kuasa luar biasa dipuja dan diseru melalui *piring*. Dalam ritual *miring*, *piring* dijadikan sebagai 'santapan utama' kepada kuasa-kuasa luar biasa yang diseru. Penyediaan *piring* yang melibatkan kuasa-kuasa luar biasa perlu diurus oleh golongan wanita Iban yang mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu. Misalnya, mereka tersebut mestilah terdiri daripada golongan yang berada, iaitu tidak pernah mengalami masalah kebuluran setiap keturunan. Selain itu, mereka perlu mempunyai sifat peribadi yang mulia serta berhemah tinggi dan sentiasa mempunyai sikap suka tolong-menolong dalam membantu komuniti rumah panjang dan kriteria daripada golongan wanita pakar yang cukup terkenal dalam menghasilkan *pua kumbu* yang

unik dan bermutu tinggi. Kuasa-kuasa luar biasa yang diseru, dipuja atau disembah dalam ritual *miring* akan 'memakan jus' *piring* yang disediakan. Justeru itu, bagi tempoh muat *piring* akan dilakukan setelah tiga hari.

Selain itu, pelaksanaan ritual *miring* biasa dan *miring* dalam *gawai* dalam masyarakat Iban boleh disamakan dengan drama sosial. Dalam sesebuah drama sosial, terdapat penggunaan satu set simbol, penceritaan beberapa mitos penting dan perlakuan-perlakuan ritual, seperti orang menari dan berlakon. Bagi ritual *miring* yang dilakukan dalam *gawai*, terdapat penggunaan satu set simbol, antaranya *pua kumbu*, dan penceritaan mitos oleh *lemambang* yang melagukan mantera-mantera. Tambahan pula, disediakan 'santapan makanan' untuk kuasa-kuasa luar biasa agar segala hajat atau keperluan yang diperlukan dalam kehidupan masyarakat Iban akan ditunaikan. Selain itu, *lemambang* juga melakukan perlakuan-perlakuan ritual, seperti berjalan dengan berpusing-pusing mengelilingi *pandong* sambil memegang tongkatnya yang telah dipasang dengan loceng kecil untuk mengeluarkan bunyi pada sepanjang malam pada malam ritual *miring* dalam *gawai* tersebut.

Pada zaman sekarang, ritual *miring* masih dilakukan oleh masyarakat Iban yang menganuti kepercayaan warisan. Selain itu, terdapat juga masyarakat Iban yang telah menganuti agama Kristian, tetapi, masih melakukan ritual *miring* kerana sangat mujarab. Ini kerana segala masalah atau krisis yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Iban dapat diselesaikan melalui ritual *miring* yang dilakukan dalam *gawai*. Tambahan pula, mereka juga boleh memohon segala kebaikan atau menambah kebaikan yang sedia melalui ritual *miring* yang dilakukan dalam *gawai*.

Dalam budaya dan masyarakat Iban, ritual *miring* terdiri daripada dua jenis, iaitu *miring* biasa dan *miring* yang diadakan dalam ritual *gawai*. Antara aktiviti yang memerlukan kepada ritual *miring* dan *gawai*, adalah seperti ingin melakukan sesuatu pekerjaan yang baharu, ingin membuka ladang untuk penternakan atau pertanian, penunuan *pua kumbu*, mendapat mimpi yang tertentu, mendapat *pengaruh* dan memperoleh kejayaan di dalam sesuatu perkara. Bagi aktiviti-aktiviti tersebut, maka ritual *miring* dilakukan bagi memohon restu dan menyatakan perasaan kesyukuran di atas kurniaan yang

diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, ritual *miring* dilakukan bagi memohon kemaafan atau meminta ampun terhadap kesalahan yang dilakukan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Tambahan pula, ritual *miring* juga dilakukan bagi menyambut kedatangan para tetamu yang datang menziarahi lokasi kediaman rumah panjang masyarakat Iban. Ritual *miring* diadakan bertujuan untuk menghormati golongan tetamu yang datang ke rumah panjang mereka. Justeru itu, ritual *miring* yang dilakukan dalam budaya masyarakat Iban adalah bergantung kepada keperluan-keperluan yang tertentu dalam masyarakat Iban. Menerusi penyelidikan ini, penulis telah berjaya menyelami pemikiran masyarakat Iban, bahawa ritual *miring* ini masih diperlukan oleh sesetengah masyarakat Iban, walaupun wujud pertembungan budaya global. Namun, ritual *miring* ternyata sentiasa mendapat tempat dalam budaya dan masyarakat Iban hingga ke hari ini.

Glosari

Ai tuak – Air tapai.

Aki Lang Sengalang Burung Jagu Menaul Tuntung – Tuhan masyarakat Iban.

Aki Lang Sengalang Burung, Ini Andan, Bunsu Bintang Tujuh, Bunsu Bulan, Bunsu Guntur – Tuhan-tuhan langit masyarakat Iban.

Alah Bulu – Lemah semangat disebabkan semangat jahat.

Anda Mara Raja Pengibai/ Anda Mara/ Anda Mara Ngibun Baku Ubat Pengeraja/ – Tuhan kekayaan.

Segangga Gunggung Penyadung Antu Tuah/ Segangga Ganggai Penatai Utai Mudah Antu – Jin atau hantu.

Antu Gerasi – Hantu gergasi.

Antu ngabang – Jin atau hantu yang datang menziarahi dalam ritual masyarakat Iban.

Antu pala – Kepala musuh yang dipenggal masyarakat Iban di medan perang.

Antu Rangka – Hantu yang bakhil.

Ayam biring – Ayam yang memiliki bulu berwarna merah, sedikit hitam dan sedikit putih.

Baju burung – Baju yang diperbuat daripada *pua kumbu* yang memiliki kuasa luar biasa.

Batu ilau – Sejenis batu lutsinar yang boleh digunakan untuk menilik jenis penyakit yang dihidapi pesakit.

Batu Tubu – sejenis azimat dalam masyarakat Iban.

Bealu-alu – Upacara menyambut kedatangan tetamu dan orang kenamaan.

Bebiau – Satu ritual yang wajib dijalankan untuk masyarakat Iban menyembah Tuhan mereka.

Beenterayu – Ritual perubatan yang dijalankan oleh *manang* dengan mengubah nama orang yang sakit kepada nama baru.

Belang Pinggang – Seekor gergasi putih yang berkahwin dengan *Gupi* dan yang menjadi *Ini Anda* dan *Dayang Peteri*.

Bepinta hari atau Minta Hari – Ritual *miring* yang memohon agar tuhan menurunkan hujan jika kemarau berpanjangan.

Beranchau tikai – Menghampar tikar.

Biku Indu Antu – Ketua segala hantu.

Bilek – Bilik.

Buan – sejenis daun untuk meletak bahan-bahan makanan.

Bujang Simpulang Gana – Tuhan padi.

Bunsu Antu – Adalah hantu yang paling muda selalunya perempuan.

Bunsu Gerama enggau Bunsu Baya – Adik kepada ketam dan buaya.

Bunsu Ikan – Adik kepada semangat ikan.

Bunsu Lelabi – Adik kepada semangat labi labi.

Bunsu Tekuyung – Adik kepada semangat siput sungai.

Burung – Sesuatu petanda/alamat yang diharapkan oleh orang Iban dapat memberi petunjuk tentang perkara sebenar yang akan berlaku dan ia termasuk petanda menerusi burung, haiwan, serangga, tumbuhan, cakerawala dan mimpi.

Burung bisa – Sesuatu petanda yang tinggi.

Burung mit – Petanda kurang bahaya.

Burung pepadu bisa – Petanda paling nyata dan berbahaya.

Bunsu Bintang – Bintang yang paling muda di langit.

Dibiau – Diberkati atau didoakan.

Daun ruko – Daun rokok.

Dato' Intai – Tuhan masyarakat Iban.

Dua mata ari – Dua dunia.

Dulang pengaroh – Dulang ajaib atau sakti.

Engkerabon – Sejenis azimat pendinding diri masyarakat Iban.

Entala/ Keri Raja Petara (Biku Raja Petara) – Ketua segala Tuhan.

Gawai – Satu ritual atau pesta/perayaan/temasya yang dijalankan secara besar- besaran di rumah panjang untuk memohon sesuatu perkara yang baik daripada tuhan/kuasa luar biasa.

Gawai Bertambah Bulu – Satu ritual yang dilakukan bagi memohon sesuatu semangat.

Gawai Burung – Satu ritual yang dijalankan untuk memohon kesuburan tanah pertanian.

Gawai Dayak – *Gawai* yang dirayakan setiap tahun oleh semua masyarakat Dayak.

Gawai Kenyalang – Satu ritual yang diadakan secara besar-besaran bagi meraikan kejayaan pahlawan Iban memenggal banyak kepala musuh di medan perang.

Gawai Kelingkang – *Gawai* untuk memohon kesenangan.

Gawai Kelingkang Nimang Pengarob – Ritual *Gawai* untuk memberkati azimat.

Gawai sakit – Ritual *Gawai* untuk memohon kepada *Matai* untuk menyembuhkan orang yang sakit.

Gawai Umai – Ritual memuja semangat padi dan berterima kasih kepada Tuhan kerana Tuaian yang baik pada setiap tahun.

Gelong batu nakong nyingit nyandar nerabang – Tempat tinggal atau rumah panjang *Kumang* di Kayangan.

Genselan – penyemahan dengan darah ayam atau darah babi dengan tujuan memohon keampunan daripada tuhan.

Hari nyadi – Hari kejadian.

Igi Mudan – Kepala musuh yang telah dipenggal.

Indu Nakar Indu Ngar – Wanita Iban yang menerima arahan tuhan atau kuasa luar biasa untuk melakukan ritual mewarnakan benang taya dan mereka pakar membuat *pua kumbu*.

Indu Nengkebang Indu Muntang – Wanita Iban yang boleh mencipta motif-motif *pua kumbu* tanpa merujuk kepada mana-mana pakar lain.

Indu Pandai Indu Julai Tau Nachai Gajai Lebor Api – Wanita Iban yang paling tinggi status sosialnya kerana paling pandai/pakar menenun *pua kumbu*. Wanita tersebut dipercayai menerima kurniaan azimat/tangkal/ arahan daripada tuhan.

Indu Unus Nyuntai, Indu Ginti Kepala Pandai – Wanita yang paling tinggi darjat dan status dalam menenun dan dianggap hampir sama status dengan *Orang Panggau Libau*.

Ini Andan Pala Buban Bunga Jirak, Kulit Rapit Tubuh Biak Baka Indu

Dara Serebak – Tuhan kesihatan bagi masyarakat Iban.

Diguang Bujang – Tuhan yang menguasai cuaca dan musim.

Raja Jembu – Tuhan masyarakat Iban ataupun datuk kepada *Sengalang Burung*.

Kayau – Peperangan mendapatkan kawasan dan kepala musuh.

Kebat – Sejenis kain yang ditenun seperti *pua kumbu*.

Keling – Tuhan masyarakat Iban.

Kelingkang Betampung Sukat – Ritual *Gawai* untuk mengukur panjang dan pendek umur seseorang manusia.

Kumang – Isteri *Keling* orang *Gelong*.

Lulong – Isteri *Laja* orang *Gelong*.

Kelinah/ Indai Abang – Guru kepada *Kumang* dan *Lulong*.

Keling – Suami kepada *Kumang* dan juga seorang daripada dewa dan Tuhan masyarakat Iban.

Kelait/ sedi – Gambir.

Ketupung, Beragai, Bejampung, Pangkas, Embuas dan ***Papau*** – Tuhan-tuhan masyarakat Iban yang berada di pokok kayu.

Laba – tuah.

Lang Betenung Keling, Bungai Nuing, Laja, Bungai Jawa – Tuhan-tuhan perang masyarakat Iban.

Lang Sengalang Burung – Tuhan bumi atau Tuhan peperangan masyarakat Iban.

Langkau Ampun / Langkau Pentik – Tempat menyimpan *piring* di depan rumah dan pondok kecil tempat patung penjaga rumah panjang.

Leka Sampi – Kata-kata berbentuk doa dalam ritual masyarakat Iban.

Lemambang – Pakar ritual masyarakat Iban yang pakar dalam menyanyikan mantera- mantera ketika mereka mengadakan pelbagai ritual.

Leman – Adunan tepung yang dibuat menyerupai tumbuh-tumbuhan, haiwan, bulan bintang dan senjata yang digunakan untuk ritual *miring* dalam *gawai*.

Lingkuh pengaroh – Bungkusan azimat.

Lupung enteli leman, puchung penyangga nyawa mali rampun – Azimat yang paling mujarab mengubati orang yang sakit sehingga yang mati hidup kembali.

Mabu antu – Orang yang dekat dengan tuhan.

Manang – Bomoh atau dukun masyarakat Iban.

Manang bali – Bomoh yang bertukar jantina semasa mengubati pesakit dari lelaki menjadi perempuan dari perempuan menjadi lelaki.

Matai – Dukun atau bomoh.

Meda ati jani atau bechenaga – Menilik hati babi.

Meni – Dewi air, seni batik dan tenunan benang kain.

Miring – Satu ritual memberi persembahan makanan kepada kuasa-kuasa luar biasa dan ia wajib dijalankan ketika masyarakat Iban menyembah Tuhan.

Miring ngalu Tuai – Ritual menyambut kedatangan ketua ketua adat iaitu orang yang mahir dalam adat istiadat dan amalan ritual masyarakat Iban.

Muai – Membuang *ai tuak* kepada Tuhan.

Muat piring – ***Mengambil*** bahan penyembahan 'makanan' daripada lokasi asal ritual.

Mudas – Ritual menolak bala.

Nabur rendai niti ruai – Menabur bertih padi di bahagian galeri di rumah panjang.

Nama ke tuah – Mengalukan kemasukan rezeki dan kesenangan ke keluarga atau rumah.

Nampun – *Gawai Tuah*

Nyenupat penub – Kegiatan sehari sebelum ritual *miring* dalam *gawai*. Para wanita sibuk membuat kelengkapan untuk ritual yang akan dilakukan.

Nyenupat puang – Acara menghamparkan tikar dua hari sebelum *miring* dalam *gawai* dimulakan.

Nimang – Mendeklamasikan mantera suci ataupun syair.

Ngabang – Melawat atau menziarah.

Ngadang – Bersedialah.

Ngayau – Satu ekspedisi perang atau ekspedisi memburu dan memenggal

kepala musuh untuk dibawa baik ke rumah panjang sebagai tanda gagah berani lelaki Iban.

Ngemapas – Ritual *miring* memberi makan kepada semnagat jahat supaya tidak mengganggu.

Nudok pandong – Satu ritual mendirikan sebuah menara setinggi enam kaki sebagai tempat utama pemujaan.

Nyugu bulu jani – Menyikat bulu babi.

Orang Panggau Libau – Tuhan masyarakat Iban, lelaki dan perempuan. Tuhan-tuhan tersebut mengurniakan azimat/tangkal supaya wanita Iban pandai/pakar menenun *pua kumbu*.

Padong – Tempat tidur anak gadis zaman dahulu.

Pagar Api – Tempat *manang* mengambil semangat Iban yang hilang.

Parang ilang – senjata yang digunakan oleh pahlawan Iban untuk memenggal kepala musuh.

Pandong – Tempat pemujaan khas yang dibina semasa melakukan ritual masyarakat Iban.

Ranyai – Pohon keramaian semasa ritual *Gawai* dan tempat menggantung kepala musuh semasa ritual tersebut.

Panggau Libau lendat dibiau gerempung isang – Rumah panjang tempat tinggal Tuhan di kayangan.

Pantan Ini Andan – Seorang daripada tuhan masyarakat Iban yang menjaga cuaca dan musim.

Pantar – Sebuah tempat duduk khas yang memanjang diperbuat dari emas dan intan bagi tuhan masyarakat Iban.

Paung burung – Anak kayu hidup yang dianggap bertuah apabila masyarakat Iban terdengar bunyi burung berkaitan di dalam hutan.

Paung burung emperaja tenong enggau nenong rapi kampung nasau pupong pulau pengerang – *Paung burung* digunakan untuk menilik bagi memastikan sama ada tanah itu baik atau sebaliknya untuk tujuan berhuma atau sebagai tapak untuk membina rumah panjang baru.

Pengaroh – Benda/elemen/unsur yang dikurniakan tuhan kepada orang Iban dan ia memiliki kuasa luar biasa untuk memberi keberanian, kekebalan, kepakaran, kekayaan, kesihatan, keharmonian dan

kesempurnaan hidup kepada masyarakat Iban.

Pengaroh mati balang kayau – Azimat yang membantu pahlawan Iban dalam peperangan agar mereka tidak dapat dikalahkan.

Pengarap lama – Kepercayaan animisme masyarakat Iban

Pengap/ mengap/beramban – Pakar melagukan mantera

Piring – Jenis makanan yang disajikan kepada kuasa luar biasa

Piring ampun – *Piring* memohon kemaafan dari Tuhan

Piring nyugu bulu jani – Sajian makanan untuk menyikat bulu babi

Petara – Tuhan masyarakat Iban

Petara nadai enda manah – Tuhan memang baik

Bisi utai ditolong sida – Tuhan semua baik dan ingin menolong dalam banyak perkara.

Petara sigi enda ngelala kitai Iban – Tuhan sebenarnya tidak mengenali masyarakat Iban.

Pinggai – Pinggan.

Piring ading – Sajian persembahan kepada tuhan.

Piring ampun – *Piring* yang digunakan untuk memohon ampun dan kemaafan daripada kuasa-kuasa luar biasa sekiranya seseorang telah melanggar pantang larang.

Piring enselua – Merupakan *piring* pertama yang khas dan ia diletakkan di kawasan dapur sebelum membuat penyediaan bahan-bahan untuk ritual *miring*.

Piring patah tiga/Piringturun tiga – Persembahan bahan-bahan makanan kepada kuasa luar biasa dalam angka tiga. *Piring* ini untuk petanda/alat yang bahayanya sederhana kepada hidup manusia.

Piring patah lima/piring turun lima – Persembahan bahan-bahan makanan kepada kuasa luar biasa dalam angka lima. *Piring* ini biasanya digunakan untuk petanda/alamat yang agak berbahaya kepada manusia.

Piring patah tujuh/piring turun tujuh – Persembahan bahan-bahan makanan kepada kuasa luar biasa dalam angka lima. Pada lazimnya, kaedah *piring* ini digunakan di dalam ritual-ritual pembuatan *pua kumbu* dan juga di dalam ritual *miring* dalam *gawai*.

Piring patab lapan/piring turun lapan – Persembahan bahan-bahan makanan kepada kuasa luar biasa dalam angka lapan. Kaedah *miring ini* biasanya dikaitkan dengan status sosial wanita Iban dalam masyarakat setelah mereka menjalani ritual *nakar dan* juga menerusi ritual lain.

Piring patab sembilan/piring turun sembilan – Kaedah *piring* ini digunakan untuk petanda/alat yang berbahaya kepada hidup manusia.

Piring Tembu – *Piring* yang sudah siap disediakan.

pua kumbu – Selimut masyarakat Iban yang digunakan untuk menyelimut badan ketika mereka tidur pada waktu malam dan penggunaannya dikatakan boleh melindungi mereka daripada gangguan oleh semangat jahat.

Pulang Gana/Simpulang Gana – Tuhan tanah dan pertanian masyarakat Iban.

Puntang Raga – Malaikat.

Raja Biku Bunsu Petara, Pantan Inan Raja Jegia – Tuhan yang memberikan keselesaan.

Raja Genali – Tuhan air masyarakat Iban.

Raja Jembu – Datuk kepada *Singalang Burong*.

Raja Juata/Raja Diwata – Dewa ikan dan hidupan akuatik.

Raja Petara – Raja tuhan masyarakat Iban.

Raja Selempeta Nempa Mulai, Raja Selempetuh Ngambuh Kitai – Tuhan yang mencipta manusia.

Rajut tanduk – Tanduk rusa, kijang atau pelanduk.

Rawai tauka ngepan Iban – Memakai pakaian tradisional masyarakat Iban yang lengkap.

Remaong – Semangat harimau terbang.

Rendai / Letup – Biji padi atau jagung yang digoreng sehingga meletup tanpa menggunakan minyak.

Ruai – Galeri.

Sadau – Tingkat (rumah) yang dekat dengan bumbung.

Sagun – Tepung beras yang telah digoreng.

Sampi – *Kata-kata* doa bagi masyarakat Iban.

Sandau Ari – *Gawai* yang diadakan pada waktu siang sahaja.

Sangkub – lembing.

Sebayan – Alam roh (alam yang didiami oleh roh dalam kepercayaan Iban).

Segana Gandai – Tuhan masyarakat Iban.

Segundi – Tuhan pencipta air.

Segundit – Tuhan pencipta langit.

Segundi ke ngaga ai – *Segundi* yang membuat air.

Segundit ke ngaga langit – *Segundit* yang menjadikan langit.

Seiba Iba – Salah seorang Tuhan yang mengajar manusia tentang ritual miring khususnya masyarakat Iban.

Sempandai – Tuhan pencipta manusia.

Selampandai – Tuhan pencipta bagi masyarakat Iban.

Semakau – Tembakau.

Sera Gunting – Tuhan masyarakat Iban.

Seramugah – Tuhan pencipta bumi.

Seremugah ke ngaga tanah – Seremugah yang membuat tanah.

Seregindi – Tuhan masyarakat Iban yang mewujudkan sungai.

Serepak – Tempat menyimpan *piring* dan didirikan semasa menanam padi.

Simpulang Gana – Tuhan pertanian, tanah, kesuburan dan kekayaan bagi masyarakat Iban.

Sintung – Bekas untuk menyimpan padi semasa menuai.

Sintung Penuduk – Ibu kepada bekas menyimpan padi dan juga tempaan menyimpan ibu padi.

Siti Peremani – Dewi tumbuh-tumbuhan yang menyumbang kepada kehidupan.

Sungki – Nasi yang dibungkus dengan daun dalam ritual masyarakat Iban

Tabak – Tapak rumah panjang.

Tajau Pulang Gana – Memberi minum pada Tuhan *Pulang Gana*

Tanju – Bahagian hadapan rumah panjang yang berlantaikan kayu *belian* atau buluh tanpa bumbung.

Telo – Telur ayam.

Temawai Sandung Kenyalang – Tapak tinggalan rumah panjang *Sengalang Burung*.

Tempuan – Bahagian khas tempat berjalan di tengah rumah panjang.

Tenong – Ramalan.

Teresang – Tempat khas yang diperbuat daripada buluh untuk meletakkan bahan penyembahan atau *piring* semasa ritual *miring*.

Tiang tambai – Tiang bendera.

Tichak – cicak.

Timang Gawai Amat – Mantera *Gawai* sebenar.

Tuai rumah – Ketua pentadbir di rumah panjang dan tugas beliau untuk menjaga kebajikan anak buahnya dan menjadi jurudamai di rumah panjang.

Tuai Bulu – Orang yang cukup mahir dan pernah memburu kepala dan mempunyai azimat agar mampu mengendalikan ritual tanpa mengira umur.

Tuai burung – Ketua yang pakar dalam mentafsirkan sesuatu petanda atau alamat.

Tuai Gawai – Ketua ritual *gawai*.

Tuai kayu burung – Ketua kayu burung.

Tuai Nudok Ka Pandong – Ketua yang pakar dalam mengendalikan ritual-ritual *gawai* masyarakat Iban.

Tuai pengap/ mengap – Pakar melagukan mantera.

Tuai penenong – Orang betuah-belimpah atau tanah betuah (pakar atau tukang tilik orang bertuah yang menggunakan sumpit).

Tuai piring – Ketua dalam ritual *miring* dan ritual *gawai*.

Tumpi – Sejenis kuih yang dibuat daripada tepung sagu atau tepung beras.

Upih Pinang – Pelepah pinang yang dikikis kulit dan dijemur.

Senarai Rujukan

- Abbas, S. M. (2003). Sejarah Islam di Sulawesi Selatan. Makassar: Lamacca Press.
- Abdullah, A. (1993). Mengenai Sarawak: Perayaan *Gawai*. Petaling Jaya: Prisma Sdn. Bhd.
- Ahmad, Q. (1991). Karya sejarah dan persoalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alkaf, M. (Disember 2013). Berbagai ragam Sajen pada pementasan tari rakyat dalam ritual Slametan, Surakarta. GELAR Jurnal Seni dan Budaya, 1-13.
- Amin, M. D. (2002). Islam dan kebudayaan Jawa. Jakarta: Gama Media.
- Angelina, S. (2014, September 12). Upacara Miring kekal dipelihara. Utusan Sarawak. Retrieved from <http://www.utusan.com.my>
- Arikunto, S. (2010). Prosedur penelitian: Suatu pendekatan praktik. Jakarta: Rinkea Cipta.
- Beatty, A. (2001). Variasi agama di Jawa: Suatu pendekatan antropologi. Jakarta: Rajawali Pers.
- Broom, L. & Selznick, P. (1970). Principles of sociology. London: Harper & Row Publishers.
- Chang, P. F. (1999). Legends and history of Sarawak. Kuching: Lee Ming Press Co. Cresswell, J. W. (2009). Research design qualitative, quantitative and mixed method approaches (3rd Edition ed.). United States: Library of Congress Cataloging in Publications Data.
- Danielle, S. R. (2014, August 24). Skulls returned to fort margherita following Miring. Borneo Post.

- Datin Amar, M. L. (2001). *Ties that bind: Iban Ikat weaving*. Kuching: Tun Jugah Foundation.
- Dessler, G. (2001). *Management: Leading people and organization in the 21st century*. United States: Prentice Hall.
- Dewan, K. (2002). *Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Djamas, N. (1958). *Varian keagamaan orang Makassar: Studi kasus di desa Timbuseng Kabupaten Gowa*. Jakarta
- Endraswara, S. (2015). *Agama Jawa: Ajaran, amalan, dan asal-usul Kejawen*. Yogyakarta: Pustaka Narasi.
- Geerts, C. (2009). *Abangan, Santri, Priyayi*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Durin, A. (2014). *Tikar bemban*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Freeman, D. (1955). *The Iban agriculture: Department of Geography, Research School of Pacific Studies*. Canberra: The Australian National University Press.
- Freeman, J. D. (1970). *Report on the Iban*. London: Athlone Press.
- Freeman, J. D. (1992). *The Iban of Borneo*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Freeman, J. D. (1961). *Iban augury*. 141-167.
- Gennep, A. V. (1960). *The rites of passage*. Chicago: Chicago Press.
- Hendrosaputra, M. &. (1999). *Ensiklopedi kebudayaan Jawa*. Yogyakarta.
- Herusatoto, B. (2009). *Konsepsi spiritual leluhur Jawa*. Yogyakarta: Ombak.
- Jabu, E. (1989). *The Traditional values and function of pua kumbu*. Sarawak Museum Journal, Vol. XL, 94-95.
- James, R. & Edmund, L. S. (2009). *Rentap: warrior, legend, and enigma*. Kuching: James Ritchie.

- Jensen, E. (1966). The Iban world: An introduction to the religious view of life and place of writing therein. *Sarawak Museum Journal*, 13, 1-8.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and their religion*. London: Oxford University Press.
- Jensen, E. (2001). Offerings. In V. & S., *The Encyclopedia* (pp. 1307-1308). Kuching: Yayasan Tun Jugah.
- Jensen, E. (2001). Omens. In S. Vinson & Joanne, *The Encyclopaedia of Iban Studies* (pp. 1307-1308). Kuching: Yayasan Tun Jugah.
- Kedit, P. M. (1969). *Gawai Bertambak Bulu*. *Sarawak Museum Journal*, 17, 34-35.
- Kedit, P. M. (1980). *Modernization among the Iban of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kedit, P. M. (1989). Iban cultural heritage. *Sarawak Museum Journal*, 11, 15-19.
- Kedit, P. M. (1989). Iban traditional values and norms. *Sarawak Museum Journal*, 11, 5-9. Kedit, P. M. (1993). *Iban bejalai*. Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Koentjaraningrat. (1994). *Kebudayaan Jawa*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Koentjaraningrat. (1986). *Pengantar ilmu antropologi*. Jakarta: Bina Aksara.
- Lamnek, S. (1993). Qualitative analysis in specific contexts. In S. Sotirios, *Social Research* (pp. 305-306). Riverina: Charles Stuart University.
- Linggi, M. (1999). *Ikat-The cultural significance from the perspective of Ibans*. Kuching: Society Atelier Sarawak.
- Lutfie. (2011). "Di Rusia, umat Islam juga Selamatan". *Kedaulatan Rakyat* (pp.3). Mashman, V. (1991). *Warriors and weavers: A Study*

- of gender relations among the Iban of Sarawak. Kuching, Sarawak: The Borneo Research Council.
- Masing. (2001). Pengap. In V. & S., The Encyclopedia of Iban Studies (pp. 1396-1397). Kuching: Yayasan Tun Jugah.
- Masing, J. J. (1997). The coming of the gods: A Study of invocatory chant (Timang *Gawai Amat*) of the Iban of Baleh river region, Sarawak. Canberra: Department of Anthropology. Neilson, I. M., & Spencer, E. S. (2011). Dato Sri Edmund Langgu anak Saga. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Ngadi, H. G. (2001). Upacara peralihan taraf orang Iban dan beberapa ritual yang berkaitan: Satu deskripsi bentuk dan fungsi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ni'mah, A. D. (2012). Makna simbolik ritual sesaji anak Gunung Kelud. SKRIPSI Jurusan Sastra Indonesia , 1-11.
- Osman, M. T. (1989a). Malay folk beliefs: An integration of disparate elements. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, M. T. (1989b). Masyarakat Melayu struktur, organisasi dan manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osup, C. A. (2006). Leka Main: Puisi rakyat Iban - Satu analisis bentuk dan fungsi. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Pandian, J. (1998). Culture, religion, and the sacred self: A critical introduction to the anthropological study of religion. United Kingdom: Pearson College.
- Poerwadarminta. (1939). Baoesastra Djawa. Batavia: J.B Wolters.
- Richard. (2001). *Petara*. In V. & S., The Encyclopedia of Iban Studies (pp. 1458-1459). Kuching: Yayasan Tun Jugah.

- Richard, A. (1981). *An Iban-English Dictionary*. Oxford, England, UK: Clarendon Press.
- Rinai, G. (2007). *Penggunaan pua kumbu dalam adat perkahwinan tradisional kaum Iban dan penerimaan masyarakat Iban moden*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Roth, H. L. (1968). *Great benin; Its customs, arts and horrors*. Cornell University: Metro Books.
- Rozali, N. R. (2006). *Etnik di Sarawak*. Petaling Jaya: Penapro Sdn Bhd.
- Saga, J. R. (2009). *Rentap: Warrior, legend and enigma*. Kuching, Sarawak.
- Salleh, R. M. & Janang E. (2001). *Sampi enggau biau*. Sarawak: Tun Jugah Foundation: Limar Communication Sdn. Bhd.
- Sandin, B. (1962). *Sengalang Burung*. Kuching: Borneo Literature Burreau.
- Sandin, B. (1964). *Raja Durong*. Kuching, Sarawak: Borneo Literature Bureau.
- Sandin, B. (1994). *Sources of Iban traditional history*. Kuching, Sarawak: Sarawak Museum.
- Sather, C. (1972). *Iban agriculture augury*. Sarawak Museum Journal, 34, 1-13.
- Spiro, M. E. (1967). *Burmese supernaturalism: A study in the explanation and reduction of suffering*. New Jersey, United States: Prentice Hall.
- Stephen P. Robbins, D. A. (2008). *Fundamentals of management*, 6th Edition. San Diego: Pearson.
- Sutlive, V. H. (1978). *The Iban of Sarawak*. Indiana University: AHM Publishing Corporation.
- Sutlive, V. H. (1989). *The Iban in historical perspective*. Kuching: Sarawak Museum.
- Taylor, F.W. (1993). *The principle of scientific management*. London: Routledge/Thoemmes Press

Tugang, N. (2014). *Pua*: Identiti dan budaya masyarakat Iban. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.

Tugang, N. (2014). Tembikar dalam budaya Iban di Sarawak. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.

Tambahan Rujukan

Sinyang, A. (2014). Upacara *Miring Kekal* Dipelihara. Sarawak: Utusan Sarawak. Di ambil dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Sabah_&_Sarawak/20140912/wb_01/Upacaramiringk_ekaldipelihara.

Sandin, B. (1994). *Myth and History*. Kuching: Borneo Literature Bureau.

Petanda atau Alamat Adat *Beburong*

Petanda atau Alamat Beburong	Mesej
Seekor <i>Ketupong</i> menangis dan diikuti oleh suara <i>Beragai</i>	Akan membuatkan hasil <i>Tuaiian</i> yang menjadi banyak.
Seekor <i>Embuas</i> menangis dan diikuti oleh <i>Bejampung</i>	Menyatakan bahawa kerja akan diteruskan tanpa gangguan dan musim menuai akan membawa kepada hasil <i>Tuaiian</i> yang banyak.
Seekor <i>Bejampung</i> menangis diikuti oleh <i>Embuas</i>	Menunjukkan bahawa ladang itu juga akan dibakar.
Seekor <i>Ketupong</i> menangis diikuti oleh <i>Beragai</i>	Adalah bertujuan untuk memastikan kebahagiaan.
Seekor <i>Ketupong</i> menangis diikuti oleh <i>Bejampung</i>	Akan membuatkan nasib menjadi malang kerana kedua-dua anak menantu lelaki telah mengeluarkan kata-kata yang bertentangan dengan <i>Sengalang Burung</i> .
Seekor <i>Beragai</i> menangis diikuti oleh <i>Bejampung</i>	Menunjukkan kesedihan yang akan datang.
Seekor <i>Embuas</i> menangis diikuti oleh <i>Pangkas</i>	Melambangkan <i>dua mata ari</i> , petanda kematian.
Seekor <i>Beragai</i> menangis diikuti oleh <i>Kelabu Papau</i>	Melambangkan akan berlaku kematian dalam keluarga seseorang.
Seekor <i>Kelabu Papau</i> yang menangis selepasmenziarahi pemberian <i>piring</i> yang dibuat-pada peringkat awal	Adalah jaminan perlindungan dari gangguan roh-roh jahat.
Tangisan oleh lain-lain burung selain <i>Nendak</i> dalam tempoh tujuh hari selepas melawat <i>piring</i>	Akan ada bahaya yang menanti.

Bertemu dengan kancil, kijang, atau cicak semasa membersihkan dan menebang di kawasan ladang	Akan mendapat bantuan jaminan ternakan dari pengikut-pengikut <i>Simpulang Gana</i> .
Kaedah yang memperlihatkan haiwan dari arah depan semasa melakukan aktiviti pertanian	Adalah satu petanda yang baik tetapi kaedah yang memperlihatkan binatang dari arah belakang adalah satu petanda yang kurang baik.

Jadual 1.1: Petanda melalui burung-burung dan bentuk mesej (Sandin, 1994)

Miring

dalam Masyarakat Iban di Sarawak

Ritual miring merupakan upacara memberi sajian persembahan makanan dan semahan sebagai tanda terima kasih kepada *Petara* (tuhan) dalam budaya masyarakat Iban. Persembahan ritual miring ini ialah komunikasi spiritual dan kudus sebagai satu mengucapan rasa syukur dan satu cara masyarakat Iban berkomunikasi dengan *Petara* agar mereka mendapat kehidupan yang lebih baik termasuk rezeki serta umur yang panjang di dunia ini. Dalam masyarakat Iban, ritual miring antara ritual yang paling penting. Ritual miring terdiri daripada pelbagai jenis. Ada miring untuk laba (tuah), pengaruh dan mimpi. Selain mengadakan ritual miring biasa, ritual miring juga terdapat dalam ritual gawai. Terdapat beberapa fenomena penting yang memerlukan ritual miring dijalankan. Pertama, orang Iban mengadakan ritual miring apabila mereka menerima arahan daripada *petara* atau kuasa luar biasa yang lain melalui mimpi. Ini kerana mengikut World-View orang Iban, manusia mempunyai perkaitan rapat dengan semua benda hidup dan juga hubungan dengan dunia semangat atau antu. Kedua, orang Iban wajib mengadakan ritual miring apabila mereka mendapat *pengaruh* (tangkal azimat) daripada kuasa luar biasa. Ketiga, orang Iban akan mengadakan ritual miring secara besar-besaran apabila mereka mengadakan ritual gawai. Dalam ritual gawai, ritual miring wajib dilakukan dan ia merupakan salah satu ritual yang dianggap terpenting untuk memastikan segala hajat yang dipohon manusia daripada *petara* (tuhan) dapat dimakbulkan. Lazimnya, piring dipersembahkan dalam angka ganjil kecuali angka lapan, iaitu tiga, lima, tujuh, dan sembilan. Bagi orang Iban, sesuatu piring tidak boleh dipersembahkan dalam bilangan angka genap, kecuali angka lapan. Ini kerana angka genap menunjukkan sesuatu kecacatan, kecuali angka lapan yang dianggap oleh orang Iban sebagai angka yang membawa tuah. Masyarakat Iban percaya sekiranya dalam ritual miring untuk petanda atau alamat yang dianggap kompleks, darah babi atau ayam tidak digunakan, ini bermakna ia tidak memenuhi syarat ritual miring dan mereka yang terbabit dikatakan akan ditimpa pelbagai bencana. Pada masa ini, bukan semua masyarakat Iban melakukan ritual miring. Ini kerana ramai masyarakat Iban telah menganut agama besar seperti Kristian dan Islam. Justeru itu, ritual miring telah mengalami perubahan dari aspek peralatan yang digunakan, lokasi miring, masa dan penggunaan pakar-pakar ritual. Dalam masyarakat dan budaya Iban, untuk mengekalkan budaya miring, ia bukanlah satu perkara yang mudah. Ini kerana masyarakat Iban terpaksa menempuh banyak cabaran berikutan pertembungan budaya mereka dengan budaya global pada zaman teknologi tinggi masa kini.



Noria Tugang lulusan daripada Universiti Malaya dengan Ijazah Sarjana Muda (BA, Kepujian) dalam bidang kesenian pada tahun 2001. Beliau meneruskan pengajiannya untuk mengikuti Ijazah Sarjana Seni di Universiti Malaya pada tahun 2004. Beliau melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya, sekali lagi pada tahun 2007 dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Seni & Kemanusiaan pada tahun 2011. Sebelum melanjutkan pengajian untuk Ijazah Sarjana Muda, beliau memperoleh Program Dua Diploma; 1) Diploma Pendidikan (Dip. Ed), Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, pada tahun 1987. 2) Diploma Lulusan Ijazah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Tinggi (PgDip (HETL)) dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 2006. Beliau juga

memperoleh Sijil sebagai Duta Mini dalam Program Kapal Untuk Asia Tenggara dan Program Belia Jepun, di Pejabat Perdana Menteri JEPUN, pada tahun 1992, selepas beliau menamatkan latihan selama tiga bulan di Jepun. Selepas menamatkan pengajian dari Institut Pendidikan Guru, Kampus Rajang, dan menamatkan Diploma Pendidikan (Dip. Ed), pada tahun 1987, beliau memulakan kerjayanya sebagai guru profesional pada Januari 1988 sehingga 2004. Beliau mempunyai pengalaman bekerja selama 34 tahun, dengan 16 tahun sebagai guru di sekolah, dan 18 tahun sebagai pensyarah universiti di Universiti Malaysia Sarawak (kini masih di Universiti Malaysia Sarawak, (UNIMAS) sebagai Pensyarah Kanan Universiti). Sejak dari tahun 2018 hingga 2023, beliau terlibat dengan PETROLIAM NATIONAL MALAYSIA BERHAD, iaitu Petronas, sebagai Penasihat Kebudayaan Petronas. Kini beliau sebagai penyelidik Intangible Cultural Heritage National Institute for Cultural Heritage, Japan; iaitu di International Research Centre for Intangible Cultural Heritage in the Asia-Pacific Region under the Auspices of UNESCO (IRCI) Osaka, JAPAN. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang kesenian, Sosio Budaya, linguistik, kajian pribumi Borneo dan Alam Melayu untuk dikongsikan bersama.